**NEGERI PULAU PINANG**

# PENYATA RASMI

## MESYUARAT KEDUA
## PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA

## DEWAN UNDANGAN NEGERI
## YANG KEEMPAT BELAS

## 13 NOVEMBER 2018 (SELASA)

Dikeluarkan oleh

**BAHAGIAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**
**PULAU PINANG**

# PENYATA RASMI

**MESYUARAT KEDUA**
**PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA**

**DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG**
**YANG KEEMPAT BELAS**

**13 NOVEMBER 2018 (SELASA)**


| Kandungan | Muka Surat |
|---|---|
| Kehadiran Ahli Yang Berhormat | 4 - 5 |
| **SOALAN-SOALAN LISAN** | |
| Soalan No. 23 – Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung) | 14 |
| Soalan No. 25 – Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Munaindy) | 17 |
| Soalan No. 26 – Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Jason Ong Khan Lee) | 18 |
| Soalan No. 27 – Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong) | 20 |
| **PENGUMUMAN MELANJUTKAN MASA PERSIDANGAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI DI BAWAH PERATURAN 6A(1)** | 23 |
| **PERBAHASAN RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAHUN 2019 DAN USUL ANGGARAN PEMBANGUNAN TAHUN 2019** | |
| Ahli Kawasan Bertam (YB. Khaliq Mehtab Bin Mohd Ishaq) menyambung sesi perbahasan | 23 |
| Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan | 26 |
| Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Jason Ong Khan Lee) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan | 35 |
| Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan | 43 |
| ***DEWAN DITANGGUHKAN*** | |

| Kandungan | Muka Surat |
| --- | --- |
| ***DEWAN DISAMBUNG SEMULA*** | |
| Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) menyambung sesi perbahasan | 49 |
| Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Syerleena Binti Abdul Rashid) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan | 52 |
| Ahli Kawasan Berapit (YB. Heng Lee Lee) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan | 59 |
| Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan | 67 |
| Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan | 72 |
| Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan | 80 |
| Ahli Kawasan Air Itam (YB. Joseph Ng Soon Siang) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan | 86 |
| Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan | 91 |
| ***DEWAN DITANGGUHKAN*** | |

# PENYATA RASMI

**MESYUARAT KEDUA**
**PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA**

**DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG**
**YANG KEEMPAT BELAS**

| | | |
|---|---|---|
| Tarikh | : | 13 November 2018 (SELASA) |
| Masa | : | 9.30 Pagi |
| Tempat | : | Dewan Undangan Negeri<br>Lebuh Light, George Town<br>Pulau Pinang. |

| Bil. | Nama | Jawatan/Ahli Kawasan |
|---|---|---|
| 1 | YB. Dato' Law Choo Kiang | Yang di-Pertua<br>Dewan Undangan Negeri |
| 2 | Y.A.B. Chow Kon Yeow | Ketua Menteri / Padang Kota |
| 3 | YB. Dato' Ir. Haji Ahmad Zakiyuddin Bin Abd. Rahman | Timbalan Ketua Menteri I / Pinang Tunggal |
| 4 | YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy | Timbalan Ketua Menteri II / Perai |
| 5 | YB. Chong Eng | Padang Lalang |
| 6 | YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh | Datok Keramat |
| 7 | YB. Phee Boon Poh | Sungai Puyu |
| 8 | YB. Dr. Afif Bin Bahardin | Seberang Jaya |
| 9 | YB. Zairil Khir Johari | Tanjung Bunga |
| 10 | YB. Dato' Haji Abdul Halim Bin Haji Hussain | Batu Maung |
| 11 | YB. Yeoh Soon Hin | Paya Terubong |
| 12 | YB. Soon Lip Chee | Bagan Jermal |
| 13 | YB. Dr. Amar Pritpal Bin Abdullah | Timbalan YDP Dewan/Sungai Bakap |
| 14 | YB. Teh Lai Heng | KOMTAR |
| 15 | YB. Lim Siew Khim | Sungai Pinang |
| 16 | YB. Lee Khai Loon | Machang Bubuk |
| 17 | YB. Ong Ah Teong | Batu Lancang |
| 18 | YB. Satees A/L Muniandy | Bagan Dalam |
| 19 | YB. Azrul Mahathir Bin Aziz | Bayan Lepas |
| 20 | YB. Jason Ong Khan Lee | Kebun Bunga |

| Bil. | Nama | Jawatan / Ahli Kawasan |
|---|---|---|
| 21 | YB. Gooi Hsiao-Leung | Bukit Tengah |
| 22 | YB. Syerleena Binti Abdul Rashid | Seri Delima |
| 23 | YB. Lee Chun Kit | Pulau Tikus |
| 24 | YB. Zolkifly Bin Md. Lazim | Telok Bahang |
| 25 | YB. Khaliq Mehtab Bin Mohd Ishaq | Bertam |
| 26 | YB. Kumaresan A/L Aramugam | Batu Uban |
| 27 | YB. Mustafa Kamal Bin Ahmad | Telok Ayer Tawar |
| 28 | YB. Joseph Ng Soon Siang | Air Itam |
| 29 | YB. H'ng Mooi Lye | Jawi |
| 30 | YB. Haji Mohd Tuah Bin Ismail | Pulau Betong |
| 31 | YB. Goh Choon Aik | Bukit Tambun |
| 32 | YB. Daniel Gooi Zi Sen | Pengkalan Kota |
| 33 | YB. Heng Lee Lee | Berapit |
| 34 | YB. Zulkifli Bin Ibrahim | Sungai Acheh |
| 35 | YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor | Ketua Pembangkang/Sungai Dua |
| 36 | YB. Nor Hafizah Binti Othman | Permatang Berangan |
| 37 | YB. Mohd. Yusni Bin Mat Piah | Penaga |

**TIDAK HADIR**

| Bil. | Nama | Jawatan / Ahli Kawasan |
|---|---|---|
| 1 | YB. Lim Guan Eng | Air Putih |
| 2 | YB. Datuk Seri Saifuddin Nasution Bin Ismail | Pantai Jerejak |
| 3 | YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin | Penanti |
| 4 | YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil | Permatang Pasir |

**AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.**

| Bil. | Nama | Jawatan/Ahli Kawasan |
|---|---|---|
| 1 | YB. Dato’ Seri Haji Farizan Bin Darus | Setiausaha Kerajaan Negeri |
| 2 | YB. Dato' Anas Bin Ahmad Zakie | Penasihat Undang-Undang Negeri |
| 3 | YB. Dato' Sarul Bahiyah Binti Haji Abu | Pegawai Kewangan Negeri |

**TURUT HADIR**

Cik Maheswari A/P Malayandy - Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Encik Mohd Roshidi Bin Azmi - Timbalan Setiausaha Dewan Undangan Negeri

*Dewan bersidang semula pada jam 9.30 pagi.*

**Setiausaha Dewan:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

Bacaan Doa.

**Timbalan Setiausaha Dewan:**

'Bacaan Doa'.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Soalan lisan untuk pagi ini kita bersambung dengan soalan lisan yang dijawab oleh Yang Berhormat Datok Keramat.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Terima kasih Dato' Speaker atas keizinan untuk menjawab soalan yang ketiga yang ada kait-mengait dengan Soalan 22 dan 24 iaitu Soalan 47 yang adalah soalan daripada rakan saya daripada Sungai Dua yang berbunyi sama dengan Soalan 22 tapi saya akan jawab juga, iaitu berkenaan sama ada Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan membuat kajian *structure* tanah dan Kajian *Environmental Impact Assessment* ataupun EIA (dengan izin) bagi pembinaan secara khususnya di Jalan Bukit Kukus. Ada dua soalan secara spesifik yang ditanya berkenaan Projek Bukit Kukus ini. Bagi menjawab Dato' Speaker, untuk projek pembinaan jalan berkembar Jalan Paya Terubong di Jalan Bukit Kukus kerja penyiasatan tanah atau pun *soil investigation*…(dengan izin) Dato' Speaker, telah dijalankan secara terperinci oleh Jurutera Perunding GEA Malaysia Sdn. Bhd. yang dilantik oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).

Dato' Speaker, Kajian *Environmental Impact Assessment* (EIA) seperti mana ditanya tidak dibuat untuk projek ini setelah mendapat pengecualian daripada Jabatan Alam Sekitar Negeri Pulau Pinang. Walau bagaimana pun pengurusan alam sekitar ataupun *Environmental Management Plan* (EMP) serta plan kawalan hakisan dan mendapan atau *Erosion and Sendiment Control Plan* (ESCP) seperti mana saya nyatakan semalam untuk jawapan pada Soalan 22 telah disediakan bagi memastikan pembinaan jalan ini dapat dilaksanakan dengan baik.

Dato' Speaker, Projek Pembinaan Jalan Berkembar Jalan Paya Terubong Jalan Bukit Kukus ini merupakan kerja-kerja menaik taraf Jalan Bukit Kukus sedia ada dan membina jalan sambungan baru dari Lebuhraya Thean Teik ke Lebuh Bukit Jambul. Jarak jalan yang dicadangkan dalam projek ini adalah sepanjang 5 km. Dan dalam 5 km ini Dato' Speaker, 800 meter dibina oleh Pemaju Geo Valley Sdn. Bhd., 1.4 km oleh PLB Land Sdn. Bhd. mana kala baki jalan dibina oleh MBPP. Penglibatan Syarikat Geo Valley Sdn. Bhd. dan Syarikat PLB Land Sdn. Bhd. dalam projek ini adalah berdasarkan syarat jarak pemajuan yang dikenakan ke atas kedua-dua pemaju.

Dalam mana-mana pemajuan kebiasaannya pemaju adalah disyaratkan dan dikehendaki membina infrastruktur yang termasuk jalan-jalan. Jadi dalam keseluruhan jajaran jalan ini ada dua (2) pemaju swasta dan sebahagiannya adalah MBPP, sebahagian yang besar adalah MBPP. Untuk bahagian jalan yang dibina oleh MBPP pula Dato' Speaker, proses tender terbuka telah dijalankan bagi pelantikan kontraktor untuk projek tersebut. Projek tersebut secara terperinci bermula pada 14 Januari 2016 dan dijangka siap pada awal tahun 2020 oleh kontraktor yang dilantik iaitu Syarikat Yuta Maju Sdn. Bhd. Reka bentuk Projek Pembinaan Jalan Berkembar ini dibuat berdasarkan hasil kajian tanah dan ujian-ujian tanah yang telah dijalankan.

Untuk makluman Dato' Speaker, semalam rakan saya dari Sungai Dua ada sebut dalam ucapan beliau sama ada tanah ini tanah peroi atau tidak? Saya ingin maklum pada Dewan Dato' Speaker dan juga pada rakan Sungai Dua untuk makluman semua tidak timbul isu masalah struktur tanah peroi seperti mana yang dinyatakan rakan saya daripada Sungai Dua.

Bahagian tanah yang runtuh tersebut melibatkan cerun yang ditambun secara sementara sebagai laluan kenderaan kerja dan untuk pelantar kerja, *working platform. So that means* itu bukan bukit yang cerun, itu bukan bahagian bukit yang telah apa ni runtuh. Ia adalah bahagian yang ditambun kita untuk membolehkan kerja-kerja lori dan sebagainya menggunakan sewaktu kerja berlaku. Di dalam apa cara apa di dalam apa keadaan jua Dato' Speaker, punca tanah runtuh ini masih kita sedang kaji. Jadi saya selalu kata jangan kita *jump to conclusions*…(dengan izin) kerana kajian sememangnya sedang dibuat seperti mana yang saya nyatakan tadi ataupun semalam ada satu jawatankuasa khas yang telah ditubuhkan yang diterajui oleh atau akan dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Menteri I dan ada juga rakan EXCO saya dari Tanjung Bunga di dalam jawatankuasa itu yang sedang dalam proses menyiasat apa yang menyebabkan insiden tersebut, Dato' Speaker.

Dan selain dari jawatankuasa khas tersebut Dato' Speaker, ingin saya juga maklum dalam Dewan ini, ada lain dalam jawatankuasa juga sedang meneliti dan menyiasat apa yang menyebabkan insiden tersebut iaitu DOSH dan juga pihak Polis. *So* sementara mereka menyiasat saya harap mereka dapat sabar kita hendak, kita hendak tahu apa punca dia. Saya sendiri sebagai EXCO satu hari setelah berlaku insiden tersebut saya sendiri membuat satu kenyataan sekiranya didapati mana-mana pihak yang tidak mematuhi garis panduan yang perlu dipatuhi ataupun undang-undang tindakan tegas akan diambil dan Kerajaan Negeri akan pastikan itu berlaku, Dato' Speaker. Jadi, itu adalah jawapan saya secara ringkas kepada Sungai Dua. Sekian, Dato' Speaker.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih Datok Keramat. Silakan Sungai Dua.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Tambahan, terima kasih Datok Keramat yang telah memperjelaskan tentang isu berkaitan. Saya ada dua soalan berbeza iaitu satu soalan nombor 22 tu berkaitan dengan pembangunan lereng bukit dan yang kedua itu 47 berkaitan dengan Jalan Bukit Kukus. Dua soalan yang berbeza cuma dia lebih kurang samalah. Cuma soalan tambahan saya pada tahun 2018 terdapat peruntukan untuk pembangunan lereng bukit ataupun pembaikan lereng bukit/cerun bukit sebanyak RM10 juta. Jadi setakat manakah perbelanjaan telah dibuat untuk kita memperbaiki atau pun memulihkan cerun-cerun dengan peruntukan sebanyak RM10 juta itu?.

Dan yang kedua, adakah projek jalan ini akan dihentikan buat sementara ataupun diteruskan sebagaimana yang disebut dalam akhbar projek ini akan diteruskan juga sama ada sekarang ini diteruskan atau dihentikan kerana sepatutnya kita perlu hentikan dahulu selesaikan siasatan mungkin mengkaji punca-puncanya dan menyelesaikan masalah runtuhan dan sebagainya bahawa kita laksanakan semula dengan pembaikan penambahbaikan yang lebih baik. itu soalan yang kedua.

Yang ketiga, adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk memberhentikan semua atau pun projek-projek yang di lereng bukit yang tinggi-tinggi. Saya faham tadi maksud Datok Keramat ada yang projek di bawahnya landai dan diatasnya tinggi. Yang tinggi tu tak buat, yang tinggi daripada paras laut 76 meter. Tapi adakah Kerajaan Negeri akan terus memberikan kelulusan kepada projek lereng bukit yang saya nampak sepatutnya kalu boleh lah kita hentikan projek lereng bukit kerana membahayakan serta menimbulkan bahaya dan sebagainya. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Terima kasih kepada rakan saya dari Sungai Dua atas soalan tambahan yang begitu baik sekali. Berkenaan yang pertama iaitu pertanyaan berkenaan peruntukan yang disalurkan oleh RM10 juta tahun 2018 untuk pembaikan cerun-cerun yang perlu. Saya difahamkan mungkin saya boleh beri secara ringkas kerana ini secara khusus di bawah Portfolio EXCO Infra tapi dalam perbincangan kita di Mesyuarat-mesyuarat EXCO saya difahamkan sememangnya ia digunakan untuk memperbaiki cerun-cerun yang mengalami kerosakan di beberapa tempat di bahagian pulau di Pulau Pinang.

Untuk soalan yang kedua, berkenaan Projek Bukit Kukus iaitu soalan sama ada kita perlu berhentikan projek tersebut sementara siasatan dibuat oleh jawatankuasa-jawatankuasa yang telah ditubuhkan. Jawapan saya ialah bagi pihak Kerajaan Negeri kita memutuskan projek ini akan diteruskan.

Ia akan diteruskan dengan syarat langkah-langkah ketat diambil untuk memastikan keselamatan tapak seperti mana semalam saya sudah kata dalam jawapan saya yang pertama kepada soalan 22 di mana antara lain kita akan memantau kawasan sepanjang tempoh pembinaan untuk pastikan ia dikawal dari segi keselamatan. Tetapi projek ini perlu diteruskan kerana ini satu projek infrastruktur untuk orang awam. Perlu kita faham apa yang sedang dibuat di sini. Ini projek akan memanfaatkan orang awam. Ini salah satu daripada projek jalan awam.

Selain daripada PIL 1 yang disebut oleh Sungai Dua semalam sama ada itu akan diteruskan, apakah kajian berkenaan impak kepada ramai orang *Social Impact Assessment* (SIA) sebagainya, tiga (3) jalan lain ini juga satu jalan dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang memutuskan bahawa dengan *mandate* yang kita dapat daripada Pilihan Raya Umum ke-14 pada 9 Mei *mandate* yang besar itu membenarkan kita teruskan dengan projek-projek awam ini.

Tetapi saya setuju dengan Sungai Dua dari segi ciri-ciri keselamatan lebih langkah perlu kita ambil memandangkan apa yang telah berlaku dan salah satu secara *preliminary* kita dapati pendapatan *funding's*…(dengan izin) setelah insiden berlaku adalah ada satu aliran air di situ yang mana kita telah tangani di mana kita alihkan aliran air tersebut supaya insiden ini tidak berulang lagi di kawasan Bukit Kukus secara khusus.

Soalan ketiga, baik dan tepat masa dia, kerana ini soalan saya telah pun sebut sebelum ini Dato' Speaker, *very important to understand.* Kita di Negeri Pulau Pinang ada had kawalan pembangunan di kawasan lereng bukit. Di Pulau Pinang Dato' Speaker, kita hadkan dia daripada tidak membenarkan mana-mana pembangunan bertingkat. *I always stressed on that must understand its high rise...*(dengan izin) *development* di kawasan melebihi 76 meter ataupun 250 kaki dari paras laut.

Dato' Speaker saya hendak maklum kepada semua di sini, di Dewan ini apabila insiden berlaku di Granito satu tahun sudah, sebelum Bukit Kukus berlaku di Tanjung Bunga. Ada banyak pihak yang menuduh dan menuding jari kepada kerajaan nyatakan kita benarkan pembinaan di kawasan lereng bukit melebihi 76 meter. Saya nafikan, saya kata bagi bangunan bertingkat kita tak benarkannya. Semalam saya sudah jelaskan mungkin ada kawasan yang lebih daripada 76 meter tetapi *footprint* bangunan kita tak akan benarkan dalam plan bangunan yang dikemukakan kepada pihak PBT tidak dibenarkan.

*In fact*, keputusan Jawatankuasa Perancang Negeri, OSPC akan mensyaratkan itu dan saya mempengerusikan teknikal dan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri mempengerusikan Jawatankuasa Perancang Negeri ini. Ini syarat-syarat biasa. Sudah satu penggal kita buat. Tak dibenarkan 76 meter dan ke atas ataupun di kawasan cerun kelas 1 dan 2 sahaja. Tidak dibenarkan kelas 3 dan 4 iaitu 25 *degree* ataupun 25 darjah tak dibenarkan. *So*, itu perlu kita faham dan ini *Penang*. Ini Pulau Pinang.

Okey, mengapa saya nak kata ini Pulau Pinang. Kerana untuk makluman semua, di Malaysia apa yang dibenarkan itu Kerajaan terdahulu. Tetapi sekarang masih ada. Sampai 300 meter atas paras laut mereka benarkan. Sampai 300 meter melebihi paras laut dibenarkan. Dari segi aspek *engineering* Dato' Speaker dan Sungai Dua. Saya boleh mengaku *actually* sekarang dengan teknologi yang ada aspek *engineering* yang ada, *you want to build more than above 76 meter, it's possible. It can be done* tetapi tertakluk kepada garis panduan ketat dan sebagainya dipatuhi. Kalau kita pergi Hong Kong, *if you have been there*, mereka ada bangunan bertingkat di atas puncak bukit sampai 45, 50 tingkat. Boleh dibuat punya, tapi sehingga satu hari kalau kita hendak putuskan, hendak dibuat di Pulau Pinang kita masih *maintain*, kita kekal 76 meter. Saya pergi ke Kementerian lepas PRU 14, mewakili Pulau Pinang beberapa Majlis Negara, Majlis Perumahan Negara, Majlis Kerajaan Tempatan Negara, saya jumpa Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Wan Azizah, saya jumpa Menteri Zuraidah.

Baru-baru ini ada satu mesyuarat saya wakil Pulau Pinang mereka buat pindaan kepada Akta Perancangan Bandar dan Desa. Di mana saya percaya Seksyen 21A baru dimasuk, di mana memerlukan Dato' Speaker semua pembangunan yang ada di cerun melebihi 25 darjah *that means above class 1 and class 2 in* Malaysia, perlu secara berkala mendapat satu laporan geoteknikal, pakar geoteknikal untuk memastikan keselamatan dia. Apabila itu berlaku, saya bangun saya kata ini kita *of course* alu-alukan baik untuk keselamatan bangunan, baik. Tetapi ia tak akan terpakai di Pulau Pinang kerana di Pulau Pinang kita pembangunan yang dibenarkan melebihi kawasan melebihi cerun 1 dan 2, kelas 1 dan 2 dan saya cadangkan kepada Kerajaan Pusat, kaji sama ada hendak selaraskan dengan Pulau Pinang untuk keselamatan semua negara Malaysia. Buatlah macam Pulau Pinang, benarkan sehingga 76 meter sahaja. Mereka kata akan dipertimbangkan. *But that is what happen, so,* kalau kita lihat *the bigger picture*, perspektif dia dari segi negara, Pulau Pinang *leads* dari segi keselamatan kita tak benarkan lebih dari 76 meter. Betul atau tidak? Dan kita minta negara kaji sama ada boleh selaraskan dengan Pulau Pinang.

Jadi, berkenaan soalan daripada Sungai Dua memang di Pulau Pinang sekarang kita ada kekangan dari segi tanah. Pulau sudah *saturated*. Kita kalau nak kena pergi ke bukit. Tapi kalau pergi ke bukit, NGO akan marah. Oleh itu, kita ada 76 meter. Oleh itu kita pun dapati perlu kita lihat samada kita boleh tambak tanah. Oleh itu, kita ada plan untuk *Penang South Reclamation*, PSR. Apabila kita nak pergi bukit, mereka marah. Apabila kita nak tambak tanah. Mereka marah juga. Jadi mana saya nak pergi? Anak saya, anak kepada anak saya nanti dia orang mau duduk di mana? Tak, saya tak kata kita bina di bukit lebih 76 meter. Saya kata boleh kita kawal di peringkat ini sehingga 76 meter, jawapan saya bagi pihak Kerajaan Negeri kepada Sungai Dua, kita akan teruskan pembinaan di lereng bukit sama sekali kita tak akan ingat untuk hentikan dia seperti mana dicadangkan oleh Sungai Dua. Sekian, terima kasih.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih Datok Keramat.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk ( YB. Lee Khai Loon):**

Soalan tambahan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Silakan.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Terima kasih Dato' Speaker. Saya nak dapatkan kepastian daripada YB. Datok Keramat. Projek-projek yang telah diluluskan yang sedia ada dalam lereng bukit. Projek-projek pembangunan yang di atas lereng bukit adakah ia semua yang telah sedang dibinakan atau yang masih belum dibinakan itu adalah dapat kelulusan daripada Kerajaan yang lepas, BN. Itu satu.

Kedua, setujukah Datok Keramat bahawa pembangunan di lereng bukit ini sebenarnya memerlukan keselamatan kajian keselamatan geoteknikal ulasan itu bukan sekadar lebih kelas 1 atau 2 atau tapi dia juga perlu di ambil kira kos penyelenggaraan pada masa akan datang?

Bangunan-bangunan yang kita dapati di atas bukit, ramai penduduk-penduduk disana atau JMB atau MC kemungkinan tidak dapat menanggung kos penyelenggaraan cerun pada masa hadapan. Mereka beli rumah, mereka ingat itu semua sudah selesai, beres tetapi keselamatan, kestabilan bangunan itu sama ada selalu diperiksa dengan geoteknikal itu, kos itu adakah ia telah diberitahu kepada semua pembeli-pembeli rumah bahawa mereka perlu menanggung kos-kos seperti itu. Bukan sekadar kos pembinaan sahaja kerana saya nampak jika tidak ada apa-apa isu yang berlaku, cerun itu runtuh atau apa kebiasaanya kos ia memerlukan kos yang begitu tinggi dan akirnya dia akan minta Kerajaan yang perlu menanggungkan kos penyelenggaraan itu. *So* adakah Kerajaan bila kita luluskan projek-projek tersebut? Kita mengambil kira itu untuk masa 40 tahun atau 50 tahun yang akan datang, kos penyelenggaraan kestabilan cerun itu.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Terima kasih rakan saya daripada Machang Bubuk. Dato' Speaker, ada dua soalan. Yang pertama, berkenaan pembinaan bangunan bertingkat di kawasan melebih 76 meter yang dibenarkan oleh rejim dahulu. Soalan yang bagus kerana apabila Granito berlaku, dan tuduhan tohmahan dilemparkan kepada Kerajaan Pakatan di Pulau Pinang, saya buat satu kajian dan saya dapati sememangnya dalam rejim Barisan Nasional dahulu mereka benarkan dan mereka meluluskan projek-projek di atas 76 meter. Saya akan dapat senarai *in fact I have in from last year, I don't have it now…*(dengan izin) tetapi memang ada untuk jawab apa yang mereka kata. Walhal kita tidak, kerana ini 76 meter ini dia datang dari mana Dato' Speaker? Dia datang dari satu dasar di dalam Rancangan Struktur Negeri 2007. 76 meter dan bawah cerun kelas 1 dan 2. *it is in the state planning structure plan. The State Structure Plan.* Rancangan Struktur Negeri (dengan izin). *So, it has almost the force of law. It is the force of law so we have to comply before that* saya dapati ada dan bukan satu dua tau. Ada banyak. *I will get the list and pass it to you for your information.* Tetapi soalan yang kedua, yang penting atau pun sebelum saya datang ke soalan yang kedua atau pun adalah berkenaan soalan kedua *is the issue of safety.*

Ingin saya tegaskan di sini seperti mana saya nyatakan tadi pada Sungai Dua, apabila kita lihat pada Bukit Kukus sama ada teruskan atau pun kita berhentikan sementara waktu kajian diselesaikan dan sebagainya. Keselamatan itu adalah satu keutamaan kepada Kerajaan Negeri bukan sahaja di Bukit Kukus, tetapi di semua projek dan apabila saya lihat atau pun sebut tentang isu keselamatan ini, saya nak tegas di sini Dato Speaker, di dalam mana-mana plan merancang untuk pembangunan, kita syaratkan dengan tegas kerana apabila dimasukkan saya bagi contoh seorang pemaju datang kepada Kerajaan Negeri untuk minta kelulusan untuk membangunkan satu projek, dia akan *submit plan*, kalau zon tanah perlu dilingkungkan semula, mungkin dia tanah pertanian atau tanah bukit perlu dilingkungkan semua kepada perumahan, dia akan bawa kepada Jawatankuasa Perancang Negeri Teknikal dulu. Dan di peringkat itu saya pengerusikan ia. Dan di peringkat itu saya apabila saya pengerusikan dia saya ada puluhan agensi yang duduk dengan saya dan saya perlu dapat ulasan daripada puluhan agensi ini dan antara lain ialah pihak JMG apabila kita lihat atau pun sebut tentang kes-kes di kawasan bukit, mereka mesti beri kelulusan atau kalau tidak beri syarat-syarat untuk projek tersebut diluluskan. Jadi itu adalah jawapan saya kepada YB. Machang Bubuk kerana soalan itu begitu penting dan tepat sekali kerana saya tak mahu disalah fahamkan Kerajaan Negeri bahawa kita tak mengutamakan ciri dan aspek keselamatan di dalam mana-mana projek pembangunan Dato' Speaker. Ini satu projek infra. Tadi saya datang kembali kepada Machang Bubuk dia kata tentang projek perumahan dan kediaman.

Saya setuju dengan Machang Bubuk. Kalau kita berada di satu kawasan bukit bukan berlandai. *That means not landed. It is near hill. Yes,* saya tak boleh lari, saya tak boleh nafi kos untuk kita selenggara adalah lebih tinggi banding dengan satu kawasan yang berlandai. *I agree with you.* Saya nak sebut di sini Dato' Speaker saya sebut tentang sekarang ada peruntukan di pusat selaras dengan pindaan yang berlaku dua (2) bulan sudah yang memerlukan satu pakar geoteknikal secara berkala datang beri *report* sama ada dia punya struktur, dia punya kawasan cerun itu *stable* atau tidak. *That is the reason why there was an amendment* Machang Bubuk. *But, you are right.* Ia akan makan kos. Tak mudah, tak murah untuk mendapat satu laporan daripada pakar. Jadi isu itu pun telah saya bangkit di dalam Majlis Negara Perumahan yang membangkitkan dan mencadangkan pindaan kepada peruntukan undang-undang tersebut. Tetapi, itu pun dinyatakan akan dikaji siapa yang hendak tanggung beban kos tersebut dan saya setuju dengan Machang Bubuk dan saya beri satu contoh yang senang sahaja Dato' Speaker. Kalau saya tak silap, saya telah beberapa kali pergi ke Hong Kong untuk lihat kepada aspek perumahan, bagaimana mereka cuba kawal harga dan sebagainya. Hong Kong adalah negara yang mempunyai masalah harga hartanah yang tertinggi di seluruh dunia. *They are the highest in the world.*

*So, I've been there many times,* but apabila saya pergi ke situ tahun ini pun saya tapi saya pergi *specific* tahun ini saya tak pergi untuk perumahan. Saya pergi jumpa *engineer* mereka. Di Pulau Pinang di MBPP kita punya *geotechnical engineer* kalau saya tak silap kita ada dua (2) ataupun tiga (3). *I don't know MBPP is not here can confirm.* Di MPSP saya tak tahu sama ada ada pun. Ada? Satu. Di Hong Kong mereka ada satu bangunan bertingkat 6 dengan 300

geoteknikal pakar di situ dan di Hong Kong mereka gunakan pakar mereka tersebut untuk pastikan setiap cerun ada nombor dan pakar geoteknikal mereka daripada kerajaan yang melihat dan meneliti kestabilan setiap cerun di keseluruhan Hong Kong yang dibuat oleh Kerajaan. Tetapi kita tak sampai ke peringkat itu. Jadi saya kongsi kesedihan, kekhuatiran di pihak, sedih juga kerana penduduk mesti belanja banyak wang tetapi saya kongsi dengan dia, tetapi perlulah. *I think the question* yang ditanya tadi, sama ada penduduk-penduduk dimaklum, ini perlu dibuat sebelum mereka membeli sesuatu kediaman itu. Itu terpulang kepada pemaju sama ada dia hendak ataupun tidak, tetapi saya bersetuju dengan YB. Machang Bubuk, sekiranya saya seorang bakal pembeli rumah di kawasan cerun ataupun bukit, kita perlu akur dan faham bahawa ini mungkin adalah satu kos yang perlu difaktorkan ke dalam pembelian unit tersebut. Jadi, itu jawapan saya Dato' Speaker.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd. Yusni Bin Mat Piah):**

Soalan tambahan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd. Yusni Bin Mat Piah):**

Terima kasih kepada Dato' Yang di-Pertua. Menarik saya melihat penjelasan yang telah diberi oleh Datuk Keramat berkaitan dengan soalan yang dikemukakan pada senarai 22, 24 dan juga 47.

Soalan tambahan saya, setelah melihat penjelasan yang diberi tadi, kalau ke semua projek-projek di lereng bukit yang dibuat itu mengikut syarat atau prosedur yang telah ditetapkan sama ada oleh Kerajaan Negeri atau pun PBT, persoalannya, walaupun syarat atau prosedur itu diikuti, tetapi kenapa tragedi itu tetap berlaku dan berulang. Kalau tahun lepas tragedi di Tanjung Bunga dan tahun ini kita melihat tragedi di Bukit Kukus berlaku yang bukan sahaja mengakibatkan kerugian harta benda ataupun projek itu akan menyebabkan berlaku tragedi, kos akan meningkat tetapi yang membimbangkan masyarakat dan rakyat adalah kehilangan nyawa. Kalau tragedi di Tanjung Bunga mengorbankan nyawa dan tragedi di Bukit Kukus juga sembilan (9) angka korban dan empat (4) yang cedera. Di mana kesilapan ataupun punca? Kalau peraturan dan prosedur itu diikut, mungkin pada syarikat atau kontraktor yang diberi tanggungjawab untuk membangunkan projek tersebut.

Sebagaimana yang disebut tadi oleh Datuk Keramat, Kerajaan Negeri akan tetap juga meneruskan projek di Bukit Kukus itu, jadi persoalannya, faktor keselamatan, walaupun telah diberi jaminan akan diperketatkan, sebagaimana ia juga disebut sepertimana berlakunya tragedi di Tanjung Bunga kemudian berlaku pula tragedi di Bukit Kukus, takut jaminan telah diberi tetapi mungkin selepas ini juga akan berlaku tragedi yang boleh mengorbankan lebih ramai lagi mangsa ataupun pekerja. Mohon penjelasan.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Terima kasih rakan saya dari Penaga. Saya sebut tadi kita tidak akan biarkan sesiapa yang didapati bersalah tidak mengikuti garis panduan ataupun undang-undang setelah jawatankuasa siasatan berlaku untuk Bukit Kukus. *Let me make that clear*. Tetapi pada masa yang sama jangan kita dituduh menyebabkan tragedi ini, tak kan kita nak menyebabkan tragedi ini yang akan mengambil nyawa beberapa orang, bukan sahaja Bukit Kukus, bukan sahaja Granito tetapi insiden-insiden seperti ini sudah berlaku bertahun-tahun, bukan sahaja di Pulau Pinang, di seluruh negara.

Ada ingat kita punya kes di Selangor, Highland Towers. Kerajaan Barisan Nasional Selangor mahu itu terjadi ka dahulu? Itu terjadi kerana ada aliran air di bawah tanah, di luar jangkaan kita. Sekarang kita ada siasatan, saya tidak mahu buat apa-apa pendapat walaupun secara peribadi, kerana kita tahu oleh itu hari yang pertama lepas hari Jumaat, hari Sabtu

perkara yang pertama dibuat alihkan aliran air tersebut untuk pastikan ada keselamatan. Saya juga tidak mahu menuduh *mother nature* tetapi hakikinya Dato' Speaker, Granito tahun lalu, Bukit Kukus tahun ini, dua tiga hari sebelum itu hujan lebat, itu hakikinya.

Oleh yang demikian kita berpendapat itu juga merupakan satu faktor yang boleh dikatakan juga menyebabkan insiden tersebut. Tetapi *I don't want to blame on mother nature*. Apabila saya kata begitu saya tahu NGO akan kata selalu hendak *blame mother nature*, pasal hujan ini berlaku pasal hujan itu berlaku tetapi itu hakikinya. *Last year for Granito the same thing, this year for Bukit Kukus, two, three days before…(*dengan izin), *heavy rain*. Kita lihat satu *weather pattern*…(dengan izin) di seluruh dunia yang sekarang tidak menentu. Satu tahun sudah November 4 dan 5 kita lihat dalam sejarah Pulau Pinang hujan yang terlebat sekali, 15 jam kita dapat 370 milimeter air, satu jumlah air kuantiti air, hujan 3, 4 bulan dalam setengah hari Dato' Speaker. *So these are all contributing factors*, ini semua faktor-faktor yang boleh dikatakan menyebabkan juga insiden tersebut. Tetapi saya tegas di sini dan saya ulangi setelah Jawatankuasa Siasatan habis, setelah Polis siasat, *in fact Polis I think* kertas siasatan dia Dato' Speaker, *if I am not mistaken, it is a criminal negligence*. In the Panel Code, Kanun Keseksaan ada kecuaian satu jenayah Seksyen 506 kalau tidak silap. Tindakan jenayah boleh diambil. Ia boleh dituduh, tindakan pertuduhan di mahkamah untuk satu jenayah boleh diambil, itu bukan Kerajaan Negeri, itu polis. Saya biarkan kepada mereka. *In fact*, untuk Granito, kita kembali kepada Granito, ada satu siasatan *inquery, State Commission of Inquery (SCI)*… dengan izin, di mana saya difahamkan sudah selesai keterangan diambil dan sekarang di peringkat hujahan dan kita menunggu keputusan SCI tersebut. Di dalam undang-undang Dato' Speaker, apabila SCI membuat syor ia ada kuasa undang-undang, *it has the force of law…(*dengan izin). Kalau dia syor supaya tindakan di ambil terhadap *engineer, architect, etc*, badan untuk *engineer* atau badan untuk arkitek boleh ambil tindakan terhadap individu yang terbabit tersebut. Sama di sini Jawatankuasa Siasatan kita kalau ada syor-syor tersebut, syor itu boleh dipanjang kepada badan yang memantau individu tersebut untuk tindakan yang sewajarnya diambil.

Saya tidak mahu panjangkan perkara ini tetapi saya harap Penaga tidak membuat tohmahan bahawa Kerajaan Negeri ini kerajaan yang tidak mengambil berat isu keselamatan kerana kebenaran dan hakiki adalah sebaliknya. Saya ulangi Kerajaan Negeri ini mengutamakan keselamatan di semua tapak-tapak projek pembinaan mahu pun pembinaan infrastruktur ataupun pembinaan perumahan. Sekian, Dato' Speaker.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih Datuk Keramat. Sila saya hendak jemput…(gangguan).

**Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao Leung):**

Dato' Speaker, soalan saya ke …(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Belum lagi, saya hendak tanya soalan tambahan dulu, adakah atau tidak ada, tiga lagi soalan. Saya hendak isu ini diperbahaskan, saya tidak hendak lihat selepas Dewan ini menganggap soalan ini tidak boleh ditanya. Saya ada masa dan saya boleh bagi soalan tambahan untuk ditanya dan perkara yang sama ini kalau boleh jawapan yang telah diberi Ahli-ahli Yang Berhormat semasa perbahasan nanti tidak perlu berulang-ulang. Saya hendak jimatkan masa anda, sila tanya.

**Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik):**

Soalan tambahan pada YB. Datok Keramat. Memang kita sedia maklum Akta Perancang Bandar dan Desa 1976, Akta 72 mengecualikan Pihak Berkuasa Tempatan daripada mengemukakan Pelan Kebenaran Merancang untuk sebarang pemajuan tetapi di MPSP semasa projek perumahan mampu milik mereka masih lagi mengemukakan Pelan Kebenaran Merancang. Untuk perkara ini, Lebuhraya Bukit Kukus ini memang tiada Kebenaran Merancang. Oleh kerana tanpa permohonan Kebenaran Merancang, sekurang-kurangnya 21 Jabatan Teknikal telah tidak dirujuk.

Kedua, disebabkan Jabatan Alam Sekitar membenarkan pengecualian EIA, adakah ini menjadi penyebab tanpa tiada kajian yang lebih teliti dijalankan terutamanya aliran air yang tidak dapat dikesan sebelum projek dimulakan.

Ketiga, memandangkan pihak kontraktor perlu menjalankan EMP iaitu *Environmental Management Plan* setiap bulan atau setiap suku tahun. Adakah pihak kontraktor mematuhi perkara ini? Sekiranya terdapat EMP sebab EMP kita perlu ambil kajian tentang kualiti udara, kualiti bunyi, kualiti air di OSD iaitu O*n Site Detention pond*, kualiti air, sebelum titik curahan terakhir dan selepas titik curahan terakhir. Sekiranya mempunyai laporan sedemikian, pihak *engineer* atau kontraktor telah dapat mengesan aliran air iaitu dari atas Bukit Kukus ke kaki bukit, itu sahaja soalan saya.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Terima kasih kepada soalan rakan saya daripada Bukit Tambun. Berkenaan pengecualian diberikan terhadap keperluan kajian *Environmental Impact Assessment*, saya ingin mengulangi, walau bagaimanapun, sepertimana dinyatakan Bukit Tambun, Pelan Pengurusan Alam Sekitar ataupun *Environmental Management Plan* atau EMP, Dato' Speaker and also Pelan Kawalan Hakisan dan Mendapan atau ESCP, dengan izin, *Erosion and Sendiment Control Plan* perlu disediakan dan telah disediakan untuk kes tersebut untuk pasti pembinaan jalan itu dapat dilaksanakan dengan sempurna. Tetapi apabila kita lihat ataupun apa yang disebut Bukit Tambun tentang keperluan secara berkala untuk *engineer* atau kontraktor untuk lihat kepada keselamatan kawasan itu, ia sedang di dalam kajian jawatankuasa tersebut.

Dalam *terms of reference* jawatankuasa ini, itu akan jadi soalan yang penting untuk dijawab. Saya pun hendak tahu jawapan tersebut, dan apabila kajian selesai, kita akan dapat jawapan tersebut. Sama ada ia patuhi ataupun tidak kerana ini semua garis panduan yang perlu dipatuhi mereka sebagai juruteknikal, *engineer*, sebagai kontraktor dan sebagainya. Saya bersetuju dengan Bukit Tambun, tetapi sekiranya, *if I am allowed to say as a lawyer, some things that are in court, we can't really comment on, if you are lawyer* ia dipanggil *subjudice* kerana ia di dalam pertimbangan mahkamah. Dalam kes ini juga hampir sama, ia dalam pertimbangan Jawatankuasa Khas yang sedang menyiasat sekarang dan kita harap ia dapat diselesaikan dengan secepat mungkin supaya jawapan-jawapan tersebut kita dapat dengan secepat mungkin agar sepertimana saya nyatakan tadi, sekiranya didapati mana-mana pihak yang tidak mengikuti garis panduan-garis panduan yang ditetapkan termasuk undang-undang, termasuk Kanun Keseksaan yang saya nyatakan tadi, maka tindakan boleh diambil.

Saya sendiri secara peribadi Dato' Speaker, mempunyai pandangan tertentu saya terhadap peruntukan undang-undang yang wujud sekarang yang secara, *if I may say, it's just a slap on the wrist*, memberi denda, kalau tidak silap saya, RM10,000.00, penjara 5 tahun, di mana ada kematian pun, *I think it is under Safety and Health Regulation, if I am not mistaken, Dato' LA can help me on that, under that regulation there is one section, I think if I am not mistaken, Section 39 which is just a slap on the wrist*. Setelah beberapa tragedi berlaku, saya ingat ada menteri pun yang minta kerana ini satu peruntukan perundangan Persekutuan yang perlu dilihat untuk kita perketatkan kerana kalau tidak kita lihat pada arkitek, kontraktor atau *engineer*, mereka lihat tidak ada apa, kalau ada kematian kita dapat denda sahaja. *So I feel that, in fact my own personal view. I, I fully support what is* Ahli Kawasan Bukit Tambun *it saying but of course where this case a concern....*(dengan izin) sama ada ia dipatuhi atau tidak *very good question because that is...*(dengan izin) Yang di-Pertua perlu Plan Pengurusan Alam Sekitar tersebut. The EMP sama ada itu dilaksanakan dengan betul mengikut garis panduan atau tidak, kita tunggu, keputusan jawatankuasa tersebut. Okey.

**Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik):**

Soalan tambahan Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan pertama, adakah projek mega sedemikian kita tetapkan tidak boleh dikecualikan permohonan Kebenaran Merancang sebab whole stress it about dekat 20km…(gangguan).

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

5 km...(gangguan).

**Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik):**

Adakah kita boleh tetapkan projek infrastruktur tidak boleh dikecualikan daripada permohonan kebenaran merancang.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Itu satu pendapat ataupun cadangan boleh kita lihat memandangkan ada isu-isu yang berlaku sama ada kita hendak perdengarkan kalau boleh saya bawakan kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk dapat pandangan lanjut mereka. Terima kasih Ahli Kawasan Bukit Tambun. Sekian.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Speaker boleh tanya? Nampaknya jawapan jelas Ahli Kawasan Bukit Tengah, sila.

**Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):**

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 23.

No. 23. Nyatakan kawasan di Seberang Perai yang telah dikenalpasti untuk dibangunkan sebagai destinasi eko-pelancongan di bawah Pelan Pelancongan Induk yang dicadangkankan.

(a) Nyatakan bagaimana kerajaan akan membantu membangunkan kawasan-kawasan ini menjadi destinasi pelancongan.

**Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):**

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Untuk pengetahuan Pelan Induk Pelancongan Negeri Pulau Pinang masih dalam proses penyediaan rangka dan dijangka akan disiapkan pada tahun 2019. Oleh demikian, destinasi-destinasi untuk eko pelancongan di kawasan Seberang Perai masih dibuka untuk dibincang, dikaji, dirumus dan dipertimbangkan.

Walau bagaimanapun, saya boleh memberi Yang Berhormat mengenai senarai-senarai kawasan untuk eko pelancongan di Seberang Perai yang sedia ada dan juga telah dikenal pasti oleh pihak MPSP.

Berikut ada senarai-senarai untuk eko pelancongan di Seberang Perai. Pertama, Hutan Pelajaran Air Hitam Dalam di Daerah Seberang Perai Utara (SPU); kedua, Persisiran Teluk Ayer Tawar dekat Kuala Muda di Daerah Seberang Perai Utara (SPU); ketiga, Taman Rimba Bukit Mertajam di Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) dan keempat Taman Negeri Bukit Panchor di Daerah Seberang Perai Selatan (SPT). Mengenai bagaimana kerajaan membantu membangunkan kawasan-kawasan ini menjadi destinasi pelancongan melalui tindakan-tindakan berikut:

Pertama, menggiatkan promosi pelancongan bagi destinasi eko pelancongan melalui penyertaan Kerajaan Negeri dalam pameran pelancongan dan perdagangan. Di samping itu, destinasi eko pelancongan Pulau Pinang juga diterbitkan dalam bentuk risalah, peta dan dokumentari untuk edaran umum;

Kedua, memberi tumpuan kepada aktiviti *bird watching,* kerana kawasan-kawasan tersebut menjadi lokasi persinggahan burung-burung hijrah dan juga burung spesis tempatan. Sebagai contoh, kawasan hutan bakau sepanjang persisiran pantai Teluk Ayer Tawar hingga Kuala Muda telah dikenali oleh badan antarabangsa *Birdlife International yang* kelmarin diedar oleh Bagan Dalam juga telah dikenal sebagai salah satu lokasi yang mempunyai kekayaan kepelbagaian biologi kerana mempunyai kawasan beting dan hutan bakau yang luas. Selain itu risalah *Bird Watching in Penang* juga telah diterbitkan bagi meningkatkan minat kepada aktiviti ini dan ketiga, menaik taraf kemudahan reakreasi kepada pengunjung seperti menyediakan denai hutan, pondok rehat, pusat penerangan, tandas, bilik air, kantin, tempat letak kenderaan, tapak perkemahan dan lain-lain. Kemudahan-kemudahan ini akan membantu menambahkan keselesaan pelancong.

Untuk makluman Yang Berhormat-Yang Berhormat senarai-senarai di atas bukanlah muktamad, bukan *final,* bukan *adjective…(dengan izin).* Senarai ini masih terbuka.

Baru-baru ini pejabat saya telah menghantar satu surat bertarikh 14hb kepada setiap ADUN diminta bagi mengemukakan produk pelancongan dan tempat-tempat yang berpotensi untuk dipertimbangkan dan juga dimasukkan dalam Pelan Induk Pelancongan Pulau Pinang dan saya telah menerima maklum balas daripada dua belas (12) orang Ahli Yang Berhormat.

Di sini saya juga ingin memuji, memberi kepujian yang tinggi kepada Ahli Kawasan Bukit Tengah kerana telah memberi satu cadangan dan juga *input* dan juga laporan yang sangat *details*....(dengan izin) dan sangat konprehensif mengenai cadangan itu untuk menjadikan Bukit Juru dan Sungai Juru sebagai destinasi eko pelancongan di kawasan Seberang Perai. Saya memang menghargai *hardwork* yang telah dikemukakan oleh Ahli Kawasan Bukit Tengah dan pejabat saya akan ambil maklum balas untuk mengkaji cadangan yang dikemukakan oleh Ahli Kawasan Bukit Tengah, dan di sini saya ingin menegaskan bahawa saya mempunyai kepercayaan bahawa Seberang Perai mempunyai satu potensi yang baik untuk dibangunkan sebagai *green healthy* pelancongan di rantau ini. Dan saya juga mengalu-alukan cadangan daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat untuk memberi lebih *input* dan saya percayai bahawa hasrat untuk menjadikan kawasan Seberang Perai untuk menjadikan sebagai satu inisiatif pelancongan khususnya eko pelancongan ada boleh dicapai. Dengan ini sekian terima kasih.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima Kasih.

**Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):**

Minta sedikit soalan tambahan. Yang Berhormat Paya Terubong, terima kasih atas jawapan yang diberikan dan juga saya ingin ucapkan tahniah atas usaha pejabat Yang Berhormat untuk merangka satu Pelan Induk Pelancongan untuk Pulau Pinang dan telah pun memberi peluang kepada semua Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri untuk bagi mereka *input* apakah kawasan-kawasan ataupun yang boleh dibangunkan sebagai destinasi pelancongan dan seperti yang dimaklumkan saya telah pun membuat satu cadangan untuk supaya boleh dipertimbangkan untuk membangunkan kawasan Bukit Juru sebab dia kawasan itu adalah untuk saya amat aneh, *I mean*....(dengan izin) amat menarik unik sebab kawasan tersebut ada satu Bukit Juru, ada sungai di tepi laut ada, bendang semuanya dalam satu kawasan yang boleh dikunjungi pada satu hari oleh pelancong-pelancong.

Kita tahu bahawa *eco-tourism* ini bukan saja akan membawa faedah dari segi *dollars* kepada Pulau Pinang tetapi apabila kita menyebut *eco-tourism* ini ia juga akan memperlindungi dan memelihara saya rasa *our environment* dan juga kebajikan orang-orang tempatan, khususnya sosial ekonomi status penduduk-penduduk di kawasan-kawasan ingin dibangunkan.

Soalan saya, dalam usaha untuk memelihara *the natural environment and also the culture aspect of the* penduduk *in the* kawasan, adakah Kerajaan Negeri akan juga merangkumi dasar-dasar *international* seperti yang dibuat oleh UNWTO ataupun *Global Observatory and Sustainable of Tourism* (GOST), (UNEP) *United National Environment Program, Pasific Asia Associate* (PATA). Institusi-institusi ini mereka ada memberi banyak cadangan untuk bagaimana kita boleh membangunkan pelancongan secara *sustainable* yang akan menjaga *the environment* dan juga *social of that* penduduk di kawasan. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):**

Terima kasih Ahli Kawasan Bukit Tengah. Memang untuk membangunkan sektor pelancongan *natural environment* dan *culture aspect* dan juga sosial ekonomi. Memang diambil kira khususnya kita hendak menuju ke satu arah membangunkan pelancongan yang berlandaskan prinsip *sustainable* yang disarankan oleh UNWCO sebagai, untuk mencapai suatu visi untuk menjadikan sebagai, untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai satu destinasi pelancongan yang bertaraf antarabangsa memang prinsip-prinsip yang disarankan oleh institusi-institusi antarabangsa akan dirujuk dan akan diambilkira. Terima kasih.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Terima kasih Yang Berhormat Paya Terubong, terima kasih atas jawapan yang diberikan tentang pembangunan sektor eko pelancongan di Seberang Perai itu tadi. Walau bagaimanapun, saya hairan sebab nampaknya pihak MPSP telah meninggalkan satu produk eko pelancongan yang begitu berpotensi yang iaitu Sungai Perai yang menjadi salah satu sungai yang penuh dengan aktiviti ekonomi selama hampir berdekad-dekad, selama hampir beratus tahun dan ia masih lagi merupakan satu produk yang boleh dipromosi sebagai promosi eko pelancongan dengan adanya aktiviti *river cruise*, kita boleh mulakan dan juga kita mempunyai di Sungai Perai ni ada *swing bridge* di mana satu-satunya di Malaysia dan hanya empat (4) di Asia *swing bridge* tersebut di mana ia boleh membuka laluan apabila ada kapal ataupun feri melalui datang masuk ke dalam Sungai Perai ini untuk pergi ke limbungan di Bagan Dalam.

*So* apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk mempromosi Sungai Perai ataupun menghidupkan Sungai Perai sebagai salah satu produk eko pelacongan? Terima kasih.

**Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):**

Ya, Terima Kasih Ahli Kawasan Bagan Dalam. Seperti saya menyebut tadi memang senarai tersebut bukan muktamad dan masih terbuka untuk dibincang dan dikaji, dan dalam pengetahuan saya, saya pun ambil maklum mengenai Sungai Perai khususnya *swing bridge* yang disebut tadi memang satu tarikan yang menarik saya juga dan saya percayai dan Bagan Dalam pun sebagai ahli dalam MMK pelancongan kita boleh membincangkan dan masukkan dalam pelan itu. Terima kasih.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Nanti semua sungai pun… sungai juga.

**Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB Goh Choon Aik):**

Soalan tambahan, terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyambut baik EXCO Pelancongan disebabkan Mesyuarat MMK pertama pada tahun ini diadakan di SPS dan YB. Paya Terubong telah mengambil masa empat (4) jam untuk meninjau, berjalan kaki dan menaik bot mengelilingi Pulau Aman. Untuk sektor *eco-tourism* ini, masalah utama ialah bagaimana Kerajaan Negeri dapat menangani masalah *eco-tourism* iaitu dari isu perihal tanah iaitu perihal enakmen air, warta tanah bukit dan *zoning*, ini soalan pertama.

Kedua, saya berharap koridor pembangunan bukan sahaja terhad kepada Bukit Juru disebabkan Bukit Juru ke Pulau Aman kalau jalan yang menyambungkan *Penang Science Park* dan Jalan Kampung Baru Juru siap pada akhir tahun ini dari Bukit Juru ke Pulau Aman hanya sekadar 20 minit. Oleh itu, satu koridor eko pelancongan bermula daripada dari Bukit Juru, Pulau Aman, Bukit Tambun ke Sungai Kerian Dun Jawi hingga ke Sungai Chenaam, Sungai Acheh dapat dijadikan satu koridor pelancongan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Paya Terubong.

**Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):**

Untuk soalan kedua mengenai soalan koridor eko pelancongan kita memang boleh membincangkan dalam MMK untuk juga soalan pertama mengenai perihal tanah ini, kita memang memerlukan pihak JPBD dan juga pihak Kerajaan Tempatan untuk mengkaji juga.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih Ahli Kawasan Paya Terubung. Soalan seterusnya soalan 24 yang telah pun dijawab bersamaan dengan soalan 22 dan saya ingin mempersilakan soalan 25.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua soalan saya, soalan nombor 25.

No. 25. Pulau Pinang adalah negeri pertama di Malaysia yang mengutarakan kesediaan untuk memperuntukkan tanah bagi pembinaan Sekolah Menengah Tamil pertama di Malaysia

(a.) Nyatakan lokasi, keluasan dan status tanah yang disediakan untuk tujuan tersebut

(b) Apakah tindakan susulan Kerajaan Negeri dalam hal ini, setelah rakyat memilih Pakatan Harapan menjadi Kerajaan Persekutuan?

**Timbalan Ketua Menteri II:**

Terima kasih Yang di-Pertua. Kerajaan Negeri telah menyatakan hasrat untuk memperuntukkan sebidang tanah kerajaan di kawasan Bagan Dalam, Butterworth untuk pembinaan sekolah, sebuah Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Tamil yang pertama di Malaysia. Tawaran ini dibuat *I think* sebelum Pilihanraya 2018. Walau bagaimapun, Kerajaan Negeri masih dalam penelitian akhir bagi cadangan tapak lokasi tersebut. Memandangkan pembinaan sebuah Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Tamil yang pertama dalam negara merupakan salah satu manifesto Pakatan Harapan. Satu jawatankuasa khas dengan keahlian seramai lapan (8) orang yang terdiri daripada Ahli Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri keturunan India dari Pakatan Harapan telah ditubuhkan bagi merealisasikan janji-janji Pakatan Harapan untuk masyarakat India seperti digariskan dalam manifesto.

Selain itu, Kerajaan juga akan menganjurkan Persidangan Kebangsaan Pendidikan Tamil di Malaysia pada 26 dan 27 November 2018 di Light Hotel, Seberang Jaya. Persidangan ini bertujuan untuk mencari kaedah untuk menambah baik sistem pembelajaran dan pengajaran Bahasa Tamil di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil. Persidangan ini turut akan membincangkan berkenaan pembinaan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Tamil yang pertama dalam negara dan masa depan. Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Tamil. Terima Kasih.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Soalan tambahan. Terima Kasih pada Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang merupakan kerajaan pertama di Malaysia yang telah bersetuju untuk memperuntukkan sebidang tanah untuk pembinaan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Tamil pertama. Walau bagaimapun, kita belum tahu apakah prosesnya diperingkat Kerajaan Persekutuan sebab kita nampak ada isu-isu yang lebih yang saya rasakan remeh sedang diperbincangkan. Tetapi isu yang lebih besar iaitu isu Sekolah Menengah Tamil yang Pulau Pinang cuba buat sebelum janji, sebelum janji pilihanraya lagi kita cuba dari tahun 2013. Belum ada apa-apa jawapan daripada Kerajaan Persekutuan.

*So,* saya ingin tanya apakah pandangan Kerajaan Negeri ini dan bagaimanakah Kerajaan Negeri akan mengadakan ataupun membuat satu perbincangan dengan Kerajaan Persekutuan untuk menggariskan keperluan dan memimpin usaha membina Sekolah Menengah Tamil ini untuk menjadi perintis bagi keseluruhan negara Malaysia. Sekian terima kasih.

**Timbalan Ketua Menteri II:**

Terima kasih Ahli daripada Bagan Dalam. Sepertimana yang kita maklum usaha untuk menubuhkan sebuah Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Tamil ini telah diadakan semasa mantan Ketua Menteri Pulau Pinang dan beliaulah yang telah menulis dua surat kepada Kementerian Pelajaran pada masa itu, iaitu Kementerian Pelajaran dibawah pemerintahan Barisan Nasional dan jawapan adalah bahawa penubuhan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Tamil ini tidak boleh terima sebab bercanggah dengan Akta Pendidikan Negara. Jadi, selepas itu saya rasa tidak ada apa-apa perkembangan tetapi sebelum pilihan raya 2018 maka kita ada manifesto Pakatan Harapan dan terkandung dalam manifesto ada satu isu, ada beberapa isu

satu adalah penubuhan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Tamil di Malaysia. Jadi ini dapat apa ini restui oleh pemimpin Pakatan Harapan. Tapi cuma adalah pelaksanaan.

Saya rasa bahawa untuk melaksanakan projek ini antara lain adalah kita telah menubuhkan jawatankuasa yang terdiri daripada lapan (8) orang daripada Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan.

Jadi saya rasa kita belum apa ini memang kita sudah buat persediaan ataupun buat laporan mengenai pembinaan Sekolah Menengah Tamil ini tapi saya rasa baru enam (6) bulan selepas pilihan raya pada tahun 2018 dan isu yang kita rasa kemukakan dengan perjumpaan dengan Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir adalah isu kewarganegaraan. Dan apa yang kita dengar daripada Perdana Menteri dia pun rasa bersetuju supaya lebih 3,400 warganegara Malaysia terdiri dari kalangan masyarakat India ini akan layak untuk dapat sijil kewarganegaraan. Tapi ada isu-isu lain salah satu adalah penubuhan sekolah Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Tamil di Pulau Pinang ataupun di negeri-negeri lain. Jadi saya rasa untuk masa kini saya tidak ada apa-apa laporan, apa-apa laporan mengenai Sekolah Menengah Tamil tapi ini saya rasa kita akan diusahakan seperti mana yang telah dijanjikan dalam manifesto Pakatan Harapan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih Perai. Kebun Bunga.

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Jason Ong Khan Lee):**

Terima kasih Dato' Speaker. Solan saya nombor 26.

No. 26. Apakah perancangan Kerajaan Negeri seterusnya mengenai projek tebatan banjir di Ladang Hong Seng?

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Zairil Khir Johari):**

Terima Kasih Dato' Yang di-Pertua, Terima Kasih YB. Kebun Bunga atas soalan mengenai masalah yang dihadapi oleh penduduk di Ladang Hong Seng. Pertama sekali saya rasa penting ya. Saya tekankan isu ini membabitkan tanah-tanah persendirian. Ladang Hong Seng ini tanah persedirian. Bukan tanah kerajaan dan keduanya rumah-rumah di atas Ladang Hong Seng ini telah dibina secara tidak mengikut proses perundangan yang betul. Maksudnya tidak ada kebenaran merancang dan tidak sah ya. Yang ketiga, rumah-rumah yang terlibat dengan mendapan tanah ini adalah rumah yang dibina atas sungai yang telah di konkritkan pada zaman mungkin 70-an, 80-an. Sekali lagi tanpa kebenaran dan dibuat secara tidak sah. Maka oleh kerana tidak ada penyenggaraan yang dilakukan ke atas parit yang dibawah rumah-rumah tersebut. Setelah berdekad-dekad lalu maka air bocor dan mengakibatkan hakisan tanah yang berlaku maka sebab itu ada beberapa biji rumah pada tahun 2016 yang telah mengalami keruntuhan. Maka, segala yang dibuat oleh Kerajaan Negeri sejak daripada berlakunya tahun 2017 ya. silap. Sejak daripada insiden tersebut adalah berdasarkan tanggungjawab sosial Kerajaan Negeri. Dan banyak sebenarnya bantuan yang telah pun diberi.

Maka dalam kes ini Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah pun menyediakan pelan reka bentuk untuk pelaksanaan kerja-kerja pembaikpulihan dan mitigasi bagi menangani masalah banjir dan juga yang telah berlaku akibat mendapan tanah tersebut di Ladang Hong Seng iaitu kejadian yang telah bermula pada 29 September 2017. Dan hasil siasatan di tapak mendapati punca kejadian tersebut adalah disebabkan oleh kejadian mendapan tanah di atas Lot 3599 dan Lot 988 di kawasan tersebut. Yang mana telah menutup laluan punca alur sungai di atas lot tersebut. Pelan reka bentuk bagi kerja-kerja pembaikpulihan dan mitigasi telah disiapkan oleh MBPP pada bulan Februari tahun ini dan kerja-kerja pembaik pulihan mitigasi akan dilaksanakan melalui panggilan tender setelah kita menyelesaikan beberapa isu yang berbangkit.

Yang pertamanya seperti saya sebut tanah tersebut adalah tanah persendirian. Maksudnya Kerajaan tak boleh nak masuk untuk buat kerja-kerja tanpa kebenaran daripada pemilik lot-lot tersebut. Maka kita harus mendapat persetujuan dan saya rasa sejak dari bulan Februari sehingga sekarang belum ada kata muktamad lagi daripada pemilik lot tersebut.

Yang kedua pemindahan penduduk sekiranya perlu. Yang ketiga penyelenggaraan yang akan dilaksanakan setelah kerja-kerja pembaik pulihan dan mitigasi disiapkan ditapak. Maksudnya ketiga-tiga isu ini perlu diselesaikan sebelum kita boleh menangani ataupun memulakan kerja-kerja pembinaan Terima Kasih Yang Berhormat.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri**

Terima Kasih.

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Jason Ong Khan Lee):**

Tambahan Dato' Speaker. Terima Kasih Yang Berhormat EXCO daripada Tanjung Bunga. Tadi Yang Berhormat EXCO ada menyebut tentang beberapa perkara yang diperlukan untuk memastikan rancangan mitigasi ini dilaksanakan. Saya pun tahu bahawa kita menghadapi kesulitan mendapatkan kebenaran daripada pemilik tanah. Tapi persoalannya sekarang masalah yang dihadapi sekarang ini ialah tengah musim hujan. Dan banjir mungkin akan berlaku lagi. Selain banjir ada kekhuatiran juga mungkin akan terjadi tanah runtuh sebab tadi YB. EXCO dah jelaskan bahawa rumah-rumah didirikan di atas sungai. *So,* Kalau kita pihak Kerajaan masih tak boleh dapatkan persetujuan atau kebenaran daripada pemilik tanah. Apakah tindakan yang boleh kita ambil untuk mitigasikan keadaan ini. Terima Kasih.

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Zairil Khir Johari):**

Terima kasih YB. Kebun Bunga saya ada sedikit berita baik. Okey. Yang sedia ada sepertimana Yang Berhormat tahu ada tersedia dua (2) pam dikawasan tersebut. Baru PBA telah bersetuju untuk meminjam lagi satu (1) pam. Maksudnya akan ada tiga (3). Ini untuk jangka masa pendek, maka dengan tiga (3) pam kita boleh mengeluarkan air dengan lagi cepat. Tapi saya baru sahaja sebenarnya mengadakan satu perbincangan dengan MBPP pagi tadi, ada satu reka bentuk baru. Yang mungkin tidak memerlukan pengosongan mana-mana rumah disitu maka satu masalah mungkin akan diselesaikan iaitu pemindahan penduduk. Dan keadah baru yang dicadangkan ini ialah *pipe jacking*. Jadi kita akan buat *diversion* dengan mengikut *alignment* yang baru. Dan semuanya dibuat bawah tanah. Maksudnya mungkin dari segi kebenaran daripada pemilik pun mungkin tidak akan menjadi masalah. Yang saya difahamkan Lot 988 sudah tidak ada bantahan, cuma Lot 3599 itu kita akan adakan rundingan pada minggu ini dan saya harap kertas kerja boleh dibentangkan dalam Mesyuarat EXCO dalam masa yang terdekat jika penyelesaian yang ini boleh diterima oleh semua pihak termasuk pemilik Lot 3599 tersebut. Maka saya yakin kita boleh selesaikan masalah ini sebelum pertengahan tahun depan boleh selesai semua pembinaan. Terima kasih.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih.

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Jason Ong Khan Lee):**

Terima kasih. Cuma tambah sikit la. Terima kasih Yang Berhormat Tanjung Bunga cuma kalau boleh saya mintaklah. Kalau boleh kita selesaikan tahun ini.

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Zairil Khir Johari):**

Sekiranya EXCO bersetuju maka selesai akan tahun ini. Maka pembinaannya memerlukan beberapa bulan. Itu maksud saya. Maksud saya sebelum musim hujan tahun depan dah selesai dibina. Sebab pembinaan tak boleh. Kita nak harini tak boleh buat esok. *Pipe jacking* bukan boleh letak serta merta. Kita kena letak secara manual. Sebab kawasan tidak besar maka *pipe jacking* hendak buat secara manual dan tidak boleh dibuat dengan *machine*. Maksudnya mengambil masa yang lebih lama. Tapi ini saya rasa satu penyelesaian yang bukan sahaja *effective* dari segi *cost* tapi yang pentingnya tidak membabitkan ataupun memerlukan pemindahan penduduk. Saya rasa itu penting tu Yang Berhormat Yang kedua apa ni dari segi kebenaran daripada pemilik pun dia tidak begitu sukar. Terima kasih.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih. Seterusnya saya persilakan Batu Lanchang.

**Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong):**

Dato' Yang di-Pertua soalan saya nombor 27.

No.27. Kerajaan Negeri telah membentuk MMK Keterangkuman Gender baru-baru ini.

(a). Apakah yang ingin dicapai oleh MMK Keterangkuman Gender?

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Terima Kasih Tuan Speaker dan juga Ahli Kawasan Batu Lanchang kerana minat dalam keterangkuman gender. Soalannya ialah apakah yang ingin dicapai oleh keterangkuman gender? Ia ini keterangkuman gender adalah satu MMK yang baru ya. Yang diwujudkan oleh Kerajaan Negeri. Jadi Kerajaan Negeri dia telah digariskan tanggungjawab untuk MMK ini. Ya. Jawatankuasa ini bertanggungjawab merangka kerja dasar dan pelan tindakan untuk mencapai keterangkuman gender objektifnya. Jadi apakah objektif keterangkuman gender ini.

(A). Ialah untuk penggunaan *Gender Responsive and Participatory Budgeting* atau *in short (GRPB)* secara lebih menyeluruh di Pulau Pinang. MMK Keterangkuman Gender akan mendorong untuk penggunaan GRPB secara lebih menyeluruh di Pulau Pinang kerana GRPB ini merupakan pendekatan berorientasikan rakyat yang menghubungkan kerajaan dan rakyat untuk mendapatkan hasil yang efektif dan menyeluruh. GRPB merapatkan jurang antara penyedia perkhidmatan dan penggunaan perkhidmatan. Ia membantu memastikan penglibatan kumpulan-kumpulan berlainan dalam komuniti dengan latar belakang berbeza dari segi jantina, umur, etnik, orang kurang upaya dan lain-lain.

Pelaksanaan GRPB akan memastikan pengagihan sumber lebih bersifat sensitif gender dan umur untuk meningkatkan penglibatan komuniti dan mencapai kesaksamaan gender. Melalui proses MMK Keterangkuman Gender, penglibatan golongan wanita dan lelaki secara seimbang sebagai pembuat keputusan akan diberi keutamaan. Perwakilan yang seimbang membolehkan isu berkaitan gender diberi keutamaan. Perkara ini akan dapat dicapai melalui penyediaan dasar di mana semua syarikat Kerajaan Negeri melantik sekurang-kurangnya 30% wanita dalam Lembaga Pengarah Syarikat dan juga dalam JKKK atau sekarang dikenalkan MPKK dan juga akan dipanjangkan ke pelantikan Ahli Majlis seperti yang telah dijelaskan dalam Ucapan Bajet Ketua Menteri.

Dan (C), mengurangkan jurang gender dalam peluang pekerjaan antara lelaki dan wanita. Melalui MMK ini, agenda merapatkan jurang gender dalam sektor pekerjaan akan diberi perhatian. Jawatankuasa Keterangkuman Gender tidak semestinya membawa manfaat untuk golongan wanita sahaja, malah untuk golongan lelaki juga. Peluang untuk mengambil bahagian dalam industri yang didominasi oleh golongan wanita seperti kejururawatan dan pendidikan kanak-kanak. Kita nak galakkan dia dibuka untuk golongan lelaki juga. Dan sebaliknya, industri yang didominasi oleh golongan lelaki seperti pembinaan dan kejuruteraan, dan kita nak galakkan golongan wanita juga menceburi diri di dalam sektor ini dan kita juga mahu, tambahan sekarang kita mau memberi perhatian kepada pendidikan. Mengapa lebih ramai wanita di universiti sekarang? Bukan di universiti sahaja, dalam sekolah menengah juga. Sekolah Menengah Jit Sin, *the ratio for female and male is* 60:40. Dan pelajar-pelajar yang mendapat cemerlang keputusan cemerlang 70 wanita, mengapa? Dan juga kita nak memberi perhatian kepada isunya mengapa penyalahgunaan dadah itu lebihnya remaja lelaki dan juga mengapa yang sekarang ada di dalam penjara itu, saya rasa 80% sampai 70 % ialah lelaki. Jadi ini adalah objektifnya supaya kita kaji keseimbangan gender ini. Terima kasih.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih Padang Lalang. Sungai Pinang.

**Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):**

Soalan tambahan. Terima kasih kepada Ahli EXCO Padang Lalang. Kami menyambut baik terhadap pembentukan MMK Keterangkuman Gender yang membawa mesej kita perlu lebih, lebih bersensitif gender dan di sini saya ingin tanya, bagaimana objektif, inisiatif ini boleh

dan dapat dicapai dengan lebih cepat memandangkan ia boleh membawa begitu banyak kebaikan untuk masyarakat sejagat terutamanya untuk warga Pulau Pinang. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Terima kasih Yang Berhormat dari Sungai Pinang. Saya rasa dengan cara mengadakan MMK ini kita akan diberi sumber-sumber dan diberi perhatian dan sokongan dari bukan sahaja dari Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dan Ahli-Ahli EXCO tapi keseluruhan Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Jadi kita sekarang kita boleh, kita dalam peringkat mengwujudkan satu polisi, satu dasar, apabila dasar ini diluluskan jadi dia akan digunapakai di dalam semua pejabat dan juga agensi-agensi kerajaan untuk memberi keseimbangan gender ini dan kita akan menggalak juga golongan wanita tampil ke depan. Mereka yang layak dan mampu boleh tampil ke depan untuk mengambil jawatan, saya rasa ada ramai wanita yang berkelayakan tetapi segan untuk memikul tanggungjawab yang lebih berat.

Jadi PWDC dan pejabat saya akan bekerjasama untuk mengwujudkan satu *woman talent poll,* untuk memberi latihan dan apakah kapasiti *building* supaya menyediakan, mengambil apa-apa *offer* untuk jawatan umpamanya menjadi *board of directors on* agensi kerajaan ataupun *even private company*. Jadi sesiapa yang ada kawan-kawan wanita yang berminat untuk menyahut cabaran seperti ini boleh berikan nama dan latar belakang mereka kepada saya. Itu adalah kawan-kawan wanita ya, bukan *special girlfriend*. *Thank you.*

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Soalan tambahan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sungai Dua.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Saya amat tertarik dengan pengwujudan keterangkuman gender untuk mengseimbangkan di antara wanita dan juga lelaki dalam semua aspek, pekerjaan, pendidikan dan sebagainya. Cuma apa yang saya nak tanya di sini, soalan yang mudah sahaja. Kerajaan Pakatan Harapan saya nampak memberi perhatian juga kepada golongan transgender. Jadi apakah termasuk dalam keterangkuman gender dalam isu-isu yang berkaitan dengan golongan transgender.

Keduanya bagi keterangkuman gender ini kalau boleh saya minta pandangan daripada Padang Lalang, golongan wanita di kawasan luar bandar, di kawasan kampung masih lagi ketinggalan dalam pelbagai aspek termasuk dari segi ekonomi dan sebagainya. Jadi kalau boleh, pandangan Padang Lalang, kalau boleh diperjelaskan, diperluaskan lebih lagi kepada kawasan kampung. Diperturunkan ke kawasan kampung, kawasan luar bandar. Yang saya nampak ni, PWDC hanya fokus kepada kawasan bandar, kawasan pekan. Jadi kalau boleh diberi perhatian jugalah golongan wanita di kawasan luar bandar yang juga mempunyai kemahiran, kepakaran dan sebagainya tetapi kadang-kadang ketinggalan di peringkat masyarakat. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Terima kasih Yang Berhormat Sungai Dua. Ada jurangnya di bandar dan luar bandar. Jadi dalam bajet di Kebangsaan ataupun di sini, kita juga merupakan itu satu faktor dalam pertimbangan, pengagihan sumber-sumber. Kami ada satu rancangan untuk pergi ke semua KADUN kerana fokus rancangan Pulau Pinang untuk sampai 2030 itu ialah mengutamakan keluarga. Jadi keluarga itu adanya wanita, ada ibu, ada bapa, ada anak-anak dan ia di mana-mana sahaja. Jadi ada satu rancangan dalam *guidelines* sekarang supaya kita mengwujudkan satu Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga di setiap KADUN tetapi ini belum diluluskan oleh EXCO lagi. Sekiranya diluluskan dia akan sampai, sampai Sungai Dua juga. Jadi untuk golongan transgender, mereka juga manusia juga. Saya rasa Sungai Dua memang prihatin untuk hak asasi mereka. Mereka dicipta oleh tuhan dan mereka adalah manusia, jadi mereka akan…(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Mencelah.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Ya.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Maksud saya bukan menyokong transgender. Saya cuma nak pastikan. Satgi salah anggap kata saya sokong transgender pula, susah. Saya tarik diri, tarik diri daripada kumpulan. Saya memang tidak menyokong transgender sebab transgender ini kalau dia asalnya lelaki dia kena ikut lelaki tak boleh kita sediakan untuk kemudahan untuk dia. Jadi ini jadi masalah kepada masyarakat, kepada dari segi Islam memang tak boleh. Dari segi masyarakat akan jadi masalah. Jadi mungkin kena fikir satu pendekatan yang lain. Bagaimana nak tarik depa semula ataupun kita nak sediakan satu pendekatan yang sesuai dengan golongan ini yang tak mengganggu masyarakat lain. Yang tak beri kemudahan yang nampak lebih kepada kumpulan ini, ianya akan jadi masalah.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Okey saya faham kedudukan Yang Berhormat Sungai Pinang.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sungai Dua.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

*Sorry, sorry,* Sungai Dua. Semua sungai ini. Jadi…(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Anda telah *transgender*kan Sungai Dua.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Ya, jadi yang, saya rasa pada dalam masyarakat kita sekarang, susah nak, saya rasalah yang saya boleh faham pendirian Sungai Dua tetapi saya rasa Sungai Dua juga boleh setuju, mereka adalah manusia, jadi mereka tidak harus diganaskan. Mereka harus juga *to left alone, if they do their work and* mereka harus ada *opportunity* untuk mencari rezeki juga dan mendapat perkhidmatan kesihatan semua inilah. Jadi saya rasa kita boleh setujulah setakat itu dan itulah pendirian saya jugalah. Terima kasih.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih.

**Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong):**

Dato' Yang di-Pertua. Satu soalan yang terakhir yang saya tunggu.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Okey.

**Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong):**

Untuk YB. Padang Lalang, soalan tambahan saya ialah siapakah yang akan terlibat dalam implimentasikan dasar-dasar dan program-program keterangkuman gender ini?

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Satu soalan yang baik kerana selalunya kita ada dasar, kita ada wujudkan apa-apa konsep tetapi tak ada pelaksanaan yang baik. Keterangkuman gender ini dia ada akan dibawa, dia akan dilaksanakan di bawah PWDC dan dia ada satu MMK Keterangkuman Gender dan di bawah itu ada staf, ada pegawai-pegawai untuk mengwujudkan dasar dan cara-cara untuk melaksanakan tetapi yang akan dilaksanakan di peringkat umpamanya PDC, di peringkat PBA, di peringkat MBPP, MPSP dan juga agensi-agensi, semua agensi-agensi Kerajaan Negeri, dia akan adakan.

Kita akan wujudkan program dan kita akan menaikkan kapasiti *or we will build capacity for all the agency to be able to* laksanakan akan mereka akan pada akhirnya dia akan menjadi satu kebiasaan yang semua orang yang membuat keputusan akan tau akan fikir bahawa ini gender mesti diketerangkumi. Umpamanya di Dewan ini, kita juga *we have to have gender main streaming*. Umpamanya *toilet* ada cukupkah pada waktu sekarang? *Toilet* untuk lelaki atau wanita sama ada cukup? Macam mana kita nak *balance* kan dan mungkin pada waktu pada masa yang akan datang mungkin ada lebih ramai wanita muda menjadi YB-YB di Dewan ini dan mereka mungkin akan melahir anak pada waktu mereka di sini dan mereka memerlukan bilik untuk menyusu anak. Jadi inilah keterangkuman gender fasiliti-fasiliti yang akan menggalakkan. Jadi di semua agensi juga perlu fikir begitu. Dan juga sekarang kita kata kita akan *provide* taska. Taska untuk pegawai ataupun kakitangan kerajaan, jadi setiap agensi haruslah fikir macam mana nak mengadakan taska-taska di pejabat masing-masing. Ini sedikit sebanyaknya ialah dia akan sedikit *culture* di dalam pejabat itu sahaja. *Thank you*.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih Yang Berhormat Padang Lalang, dengan itu Ahli-ahli Yang Berhormat 1 jam 30 minit untuk soalan lisan pun telah tamat selaras dengan peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat DUN Pulau Pinang.

**Y.A.B Ketua Menteri:**

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan-soalan lisan yang telah dijawab sebentar tadi akan diletakkan ke atas meja Ahli yang bertanya dan akan dimasukkan dalam penyata rasmi dan di samping itu Dato' Yang di-Pertua selaras dengan peraturan 6a(1) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, saya mohon supaya masa persidangan hari ini 13 November dilanjutkan sehingga jam 7.00 petang.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri :**

Terima kasih, sokongan?

**Timbalan Ketua Menteri I:**

Dato' Yang di-Pertua Dewan, saya mohon menyokong.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri :**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri telah mengemukakan usul di bawah peraturan 6A(1) untuk melanjutkan tempoh masa persidangan hari ini 13 November 2018 hari Selasa sehingga jam 7.00 petang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang setuju katakan "Ya".

**Ahli-ahli Dewan:**

"Ya".

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju katakan "Tidak". usul dipersetujui semua. Ahli-ahli Yang Berhormat kita sambung dengan sesi perbahasan dan saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Bertam untuk sambungkan ucapan perbahasan beliau. Sila.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Khaliq Mehtab Bin Mohd Ishaq):**

Terima kasih Dato' Speaker dan terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada Bertam untuk berbahas dua (2) hari dan pada pagi ini Bertam ingin menyambung perbahasan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Tapi bukan burung.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Khaliq Mehtab Bin Mohd Ishaq):**

Bukan, ingin menyambung perbahasan yang tak sempat dihabiskan petang semalam mengenai isu pelancongan, di Padang Benggali seperti saya bahaskan semalam selain daripada jajaran pantai dan pokok api-api yang menjadi tempat persinggahan burung hijrah ini jeti pendaratan ikan sedia ada juga perlu dinaiktaraf supaya ianya menjadi tarikan pelancong asing

untuk datang dan melihat sendiri proses pendaratan ikan dan Bertam percaya sekiranya kawasan ini menjadi kawasan tarikan pelancong, limpahan pendapatan bukan hanya bukan sahaja untuk penduduk sekitar DUN Bertam tapi juga untuk DUN Telok Ayer Tawar. Sebab sungai itu di sebelah kanan DUN Bertam sebelah kiri DUN Telok Ayer Tawar dan satu lagi tempat yang ingin di *highlight*kan di sini…(dengan izin) Pekan Lama Kepala Batas, Dato' Speaker. Kepala Batas mempunyai sejarah yang tersendiri ianya tempat bermulanya sejarah politik tanah air dan mengikut catatan lama pertemuan pemimpin dan ulamak untuk penetapan tarikh pengistiharaan kemerdekaan juga berlaku di pekan Kepala Batas dan Kepala Batas merupakan bandar warisan yang mempunyai elemen sejarah. Bertam telah pun dimaklumkan oleh EXCO Pelancongan kita bahawa sebanyak 81 buah bangunan warisan akan dipelihara dan Bertam amat-amatlah berterima kasih dan menyambut baik usaha tersebut.

Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat dan tempat terakhir yang Bertam cadangkan untuk dijadikan tarikan pelancong adalah Kiosk Bertam dapat *highlight* semula…(dengan izin). Pulau Pinang memang terkenal dengan syurga makanan Malaysia setiap kali ada perayaan ataupun cuti memang orang ramai akan berpusu-pusu datang ke negeri tercinta kita. Tapi itu di sebelah Pulau di tanah besar pula (dengan izin) Bertam cadangkan Kiosk Bertam dijadikan Hub Makanan Pulau Pinang kerana hampir 70% aktiviti perniagaan di situ adalah tertumpu kepada restoran-restoran makanan selain daripada Restoran Makanan Segera, terdapat makanan-makanan Melayu, Thai, Cina, India, Arab dan makanan Barat semuanya ada di situ di Kiosk Bertam dan untuk menjadikan Kiosk Bertam lebih menarik Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan perlu membuat sesuatu untuk mengindahkan lagi kawasan tersebut. Bertam mencadangkan Bertam Boulevard, Bertam Boulevard terletak di tengah-tengah kawasan Kiosk diperindahkan lagi dengan lampu-lampu neon dan bangunan-bangunan juga boleh dilukiskan dengan mural yang menarik untuk menarik ramai pelancong ke kawasan tersebut. Mungkin boleh lukis mural "I Love Penang", ya sebagai tarikan.

Dan isu kesejahteraan dan kesihatan rakyat, Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat Bertam ingin merakamkan ucapan terima kasih di atas ucapan Belanjawan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri kita yang menyentuh soal kesejahteraan dan kesihatan rakyat dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang amat mengambil berat dalam soal kesejahteraan dan kesihatan rakyat Pulau Pinang, Program Mamo Penang amat membantu rakyat untuk membuat pemeriksaan melalui Mamogram dengan kerjasama LPPKN dengan peruntukan sebanyak RM900,000 setahun, ianya diharapkan dapat membantu lebih ramai wanita untuk menjalani pemeriksaan untuk pencegahan Kanser Payu Daya dan wanita yang sihat kita tahu melahirkan keluarga yang sihat.

Tuan Yang di-Pertua, Bertam ingin memohon kepada Kerajaan Negeri melalui EXCO Kesihatan untuk melihat dan mengkaji keperluan Doktor Pakar untuk ditempatkan di Hospital Kepala Batas. Hospital Kepala Batas yang besar dan agak maju tidak mempunyai tenaga Doktor Pakar yang mencukupi dan terdapat kes-kes seperti kecederaan patah tulang, pesakit kanak-kanak terpaksa dihantar ke Hospital Seberang Jaya yang kita sedia maklum sentiasa sesak dengan ramai orang dan begitu juga dengan kakitangan hospital terutama di Jabatan Kecemasan. Kekurangan kakitangan menyebabkan pesakit yang rata-ratanya rakyat yang berpendapatan rendah terpaksa menunggu kadang-kadang sehingga 4 hingga 5 jam di Jabatan Kecemasan untuk mendapatkan rawatan penuh *even* (dengan izin)…*out patients treatment* juga mengambil masa yang agak lama untuk diselesaikan.

Isu pendidikan, Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, bidang pendidikan merupakan satu bidang yang amat penting dalam pembangunan modal insan, dan tahniah tahniah dan syabas kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang kerana mengangkat sektor pendidikan sebagai sektor atau bidang penting demi kemajuan rakyat. Perpustakaan Awam Seberang Jaya dan Perpustakaan Awam di Kepala Batas agak suram sekarang ini dengan kemajuan dan kepesatan dunia digital dan langkah Kerajaan Negeri untuk mewujudkan Perpustakaan Digital di Butterworth memang amat dialu-alukan dan Bertam juga merakamkan jutaan terima kasih di atas usaha Kerajaan Negeri untuk memartabatkan bidang Sains Keislaman dan lain-lain bidang Islam secara elektronik dengan penubuhan Perpustakaan Islam Digital Pulau Pinang (PIDL) dan peruntukan RM5 juta melalui MAINPP amatlah dialu-alukan.

Sehubungan itu, Bertam mencadangkan agar Wisma Baitulmal Kepala Batas yang terletak di DUN Bertam dijadikan Perpustakaan Digital, Perpustakaan Digital Islam Pulau Pinang (PIDL) dan Bertam amat berharap Yang Berhormat Pinang Tunggal dapat bersetuju dengan cadangan ini. Cadangan ini dibuat kerana keperluan agak mendesak untuk mewujudkan satu pusat pentadbiran pendidikan dalam merancakkan pembangunan Pendidikan Islam di Pulau Pinang dan ini sikit sebanyak menangkis tohmahan setengah pihak bahawa Kerajaan Pakatan Harapan adalah sekular tidak Islamik dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, sistem Pendidikan Islam melalui Sekolah-Sekolah KAFA telah berjaya menyediakan Pendidikan Asas Islam kepada pelajar-pelajar Islam di negeri ini. Walau bagaimanapun dari data yang diperolehi hanya seramai 36,000 murid mengikuti kelas KAFA dari 70,000 murid yang sepatutnya mengikuti kelas tersebut dan Bertam mencadangkan agar satu rundingan meja bulat antara Jabatan Pendidikan Negeri dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang untuk mengatasi isu-isu ini. Guru-Guru KAFA pula merupakan tulang belakang pendidikan KAFA dan hasil dari tunjuk ajar melalui latihan dan pengalaman mereka, guru-guru ini telah mendidik murid-murid KAFA agar menjadi insan yang berguna kepada negara.

Namun begitu agak malang kerana peruntukan untuk guru-guru KAFA menghadiri kursus-kursus yang boleh meningkatkan prestasi mengajar tidak pernah diberikan. Bertam memohon Kerajaan Negeri melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang untuk meneliti dan mengkaji permintaan ini demi kemajuan pendidikan KAFA dan kursus seperti pedagogi untuk meningkatkan cara pengajaran amat penting untuk dilaksanakan pada guru-guru KAFA ini.

Tuan Yang di-Pertua, Bertam pernah mengangkat isu sekolah-sekolah di bawah PMC di Sidang DUN yang lepas, isu mengenai peruntukan untuk membaikpulih sekolah-sekolah di bawah projek PMC telah menghantui banyak pihak sehingga ke hari ini dan Bertam mencadangkan agar Kerajaan Negeri membantu untuk menyelesaikan kemelut dalam penyelenggaraan dan pembaikan sekolah-sekolah di bawah PMC dan Bertam juga mengharap satu keputusan yang tepat dan jitu dapat dibuat untuk memastikan kemelut ini dapat diselesaikan dan di sini saya ingin mencadangkan agar sekolah-sekolah di bawah PMC yang tidak mempunyai dewan tertutup dibina satu kawasan berbumbung untuk tujuan perhimpunan dan sememangnya di Bertam ini Sekolah Kebangsaan Kepala Batas dan juga Sekolah Menengah Kepala Batas akan dapat banyak manfaat daripada cadangan ini.

Jadi isu sistem perparitan dan tebatan banjir pula, Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sistem perparitan di DUN Bertam juga pernah dibangkitkan di dalam Dewan Yang Mulia ini di sidang yang lepas dan Yang Berhormat EXCO Kerja Raya dan Kemudahan Awam telah menyatakan projek pelebaran jalan dari 2 lorong ke 4 lorong hanya akan dilaksanakan setelah mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan walaupun terdapat tentangan dan bantahan dari penduduk setempat, Bertam bersetuju bahawa dengan pelaksanaan projek ini ianya akan dapat menyelesaikan masalah banjir kilat terutama sekali di Kampung Datuk, Kampung Setol dan juga kampung-kampung sepanjang Jalan Kedah.

Walau bagaimanapun Bertam memohon agar penelitian yang terperinci tentang kecekapan penyaluran air ke parit buang untuk memastikan kawasan-kawasan yang rendah di sepanjang kawasan projek tidak ditenggelami air ketika di waktu hujan lebat dan pihak JKR, JPS, Kontraktor serta ADUN sendiri ADUN kawasan terlibat dalam projek perlu duduk semeja secepat mungkin untuk mendapatkan kata sepakat. Masalah banjir kilat ini Dato' Speaker adalah satu masalah yang sering menghantui saya dan sekiranya masalah ini dapat ditangani dengan baik ia akan memanfaatkan ramai penduduk kampung di sekitar Bertam dan Bertam juga mencadangkan Pejabat Daerah dan Pusat Khidmat ADUN Bertam juga untuk duduk berbincang mencari jalan penyelesaian masalah perparitan yang tidak sistematik langsung di Kampung Permatang Bertam dan saya percaya peruntukan yang agak besar diperlukan untuk menjayakan projek ini dan projek untuk kesejahteraan rakyat ini amat penting kerana ianya dapat mengatasi masalah banjir kilat yang sering berlaku di Kampung Permatang Bertam akibat ataupun kesan dari tambahan pembinaan rumah di kampung tersebut.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, sebagai mengakhiri ucapan saya, Bertam juga memohon agar masalah pemilikan tanah lot 1999 Kampung Kovil dapat diselesaikan dengan segera dan Bertam ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Ketua Menteri II di atas komitmen dan kesungguhan beliau menjadi pemudah cara dalam isu pemilikan lot tanah 1999 antara penduduk Kampung Kovil dan Syarikat Bertam Consolidated.

Dan saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada perkhidmatan Bas CAT Bertam kena memberikan perkhidmatan bas percuma pada rata-rata penduduk di Bertam, ucapan ribuan terima kasih juga Bertam hulurkan kepada semua agensi-agensi Kerajaan Negeri yang telah bersama-sama dengan saya menjayakan dan menjaga, maaf dan menjaga dan menjayakan pelbagai program demi kesejahteraan rakyat di Bertam. Dan akhir sekali Bertam menyambut baik dan menyokong pembentangan Bajet Kerajaan Negeri Pulau Pinang 2019. Sekian, terima kasih.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih Bertam. Sila, Permatang Berangan.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman):**

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera. *Bacaan doa*. Yang dihormati, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Timbalan Yang di-Pertua, Ahli-ahli MMK, Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Ketua Pembangkang, ketua-ketua serta wakil-wakil jabatan dan agensi, para media, para pemerhati seterusnya hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.

*Alhamdullillah*. Marilah kita bersama-sama merafak rasa syukur ke hadrat Illahi kerana dengan izinNya jua sidang Mesyuarat Kali Kedua Penggal ini dapat diadakan bagi membincangkan keperluan dan kepentingan rakyat dari kawasan masing-masing. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk membahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan dan Usul Anggaran Pembangunan 2019. Ucapan sekalung tahniah diucapkan dan ditujukan kepada Yang Amat Berhormat Padang Kota, selaku Ketua Menteri yang telah berucap dengan lancarnya ketika membentangkan Bajet 2019 Negeri Pulau Pinang Jumaat lalu.

Walau bagaimanapun, Permatang Berangan ada sedikit teguran iaitu teguran membina untuk penambahbaikan yang positif kepada pihak pentadbiran Kerajaan Negeri ketika pembentangan bajet tempoh hari. Adalah amat dihargai sekiranya pihak pentadbiran dapat membuat sedikit perubahan dalam susun atur jadual persidangan bagi memberi laluan masa sebagai menghormati umat Islam tatkala menjelang masuknya waktu solat Jumaat. Sewajarnya pengurusan masa memperuntukkan dua (2) jam untuk pembentangan tersebut diawalkan dan ditamatkan lebih awal kerana hari Jumaat. Pembentangan bajet tempoh hari tamat kira-kira jam 1.05 petang dan usai pembentangan tersebut, saya dapati ramai Ahli Yang Berhormat dan semua pihak terlibat terutamanya lelaki beragama Islam berkejar keluar untuk ke masjid bagi menunaikan solat Jumaat sehinggakan tidak berkesempatan menjamah jamuan tengahari yang disediakan. Saya mengharapkan perkara sebegini tidak akan berulang di masa hadapan.

Dato' Yang di-Pertua, melihat kepada pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang pasca PRU 14, selepas enam (6) bulan memegang tampuk pemerintahan negeri bagi penggal ini, rakyat mengharapkan agar janji-janji dalam manifesto kerajaan dapat dilaksanakan dengan lebih efisyen. Justeru, apabila terdapat isu-isu yang dibangkitkan, Kerajaan Negeri wajar mengambil langkah agresif bagi memastikan isu-isu tersebut dapat diselesaikan ataupun paling tidak menanganinya dengan lebih berhemah dan efektif. Terbaru, isu pengedaran *Bible* secara terang-terangan kepada pelajar di sebuah sekolah di Bukit Mertajam dan penduduk di Kuala Bekah, Penaga menggemparkan dan menyentuh sensitiviti masyarakat Islam di Pulau Pinang. Keadaan ini membimbangkan umat Islam kerana gerakan Kristian semakin berani menyebarkan risalah agama itu secara terang-terangan seolah-oleh tidak ada rasa hormat kepada masyarakat Islam. Islam sebagai Agama Persekutuan sangat menghormati malah tidak menghalang amalan anutan agama-agama lain. Amalkanlah mengikut kefahaman dan kepercayaan masing-masing. Justeru dalam perkara yang melibatkan umat Islam, Permatang Berangan sependapat dengan Ketua Pembangkang berpendirian tegas dan mempertahankan prinsip supaya masyarakat bukan

Islam juga dapat menjaga sensitiviti Islam sepertimana kami menjaga dan menghormati amalan-amalan agama lain. Diharapkan, Kerajaan Negeri tidak menafikan kesepakatan kontrak sosial yang sudah lama dipersetujui antara kaum di negara ini sejak mencapai kemerdekaan pada tahun 1957.

Dato' Yang di-Pertua, satu lagi isu yang berlaku pada 19 Oktober 2018, negara selagi lagi dikejutkan dengan runtuhan tapak dan runtuhan tanah di tapak projek Lebuh Raya Besar Bukit Kukus, Relau, sehingga mengakibatkan kehilangan nyawa. Penjelasan tentang tindakan yang telah diambil telahpun kita bincang secara panjang lebar tadi setelah dijawab oleh Yang Berhormat Datok Keramat dalam soalan-soalan lisan yang ditanya oleh beberapa Ahli Yang Berhormat. Bagaimanapun…(gangguan).

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Mohon laluan.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman):**

Ya?

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Permatang Berangan.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman):**

Ya. Sila.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Tentang… bukan tentang runtuhan tanah tetapi tentang komen daripada Ahli Yang Berhormat Permatang Berangan tentang seolah-oleh pengedaran *Bible* itu dibuat oleh pihak yang kita belum tahu siapa lagi. Yang sedang disiasat polis. Tetapi komen, ayat terakhir daripada Permatang Berangan itu, "mengingatkan Kerajaan Negeri supaya menghormati Agama Islam" seolah-olah kita yang terlibat, dalam Kerajaan Negeri yang terlibat dalam pengedaran tersebut walhal Kerajaan Negeri tak tahu langsung tentang isu ini.

*So,* saya berharap Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menunjukkan kepimpinan di mana peruntukan untuk hal ehwal Agama Islam telah meningkat dalam 10 tahun ini, berganda-ganda daripada era Barisan Nasional lagi. Kita menghormati Agama Islam sebagai Agama Persekutuan dan telah memberikan peruntukan yang lebih. Boleh iktiraf benda-benda itu daripada mengeluarkan kenyataan yang boleh mendatangkan prasangka buruk terhadap Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Itu pandangan saya Yang Berhormat Permatang Berangan.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman):**

Terima kasih Yang Berhormat Bagan Dalam. Saya setuju cuma saya minta supaya Kerajaan Negeri dapat memantau aktiviti-aktiviti penyebaran tersebut. Terima kasih. Saya teruskan. Penjelasan tentang isu-isu runtuhan tanah tadi telahpun dijawab oleh Yang Berhormat Datok Keramat dengan panjang lebar. Bagaimanapun, saya rasa tidak salah jika kita saling ingat-mengingatkan supaya tragedi yang sama tidak berulang sebagai agenda ataupun acara tahunan. *Because it's all about safety.*

Dato' Yang di-Pertua, selain itu, usaha Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai Negeri Pintar, Hijau dan Berteraskan Keluarga Yang Menginspirasikan Negara menjelang tahun 2030 amat berkait dengan kehijauan alam sekitar, bersih, selesa, aman dan selamat pada rakyat seluruhnya. Kerajaan Negeri disarankan untuk meneruskan kempen penjagaan alam sekitar termasuk memelihara cerun bukit yang mengelilingi laluan lebuh raya yang sedang dibina dan mengelakkan hakisan tanah yang boleh menyebabkan tanah runtuh. Saya bersetuju juga dengan beberapa Ahli Yang Berhormat yang mencadangkan penambahbaikan eko-pelancongan termasuk Bagan Dalam juga yang begitu beriya-iya untuk *mangrove* dan juga *bird watching* dan rakyat mengharapkan agar Yang Amat Berhormat Padang Kota selaku Ketua Menteri ada penyelesaian yang baik dengan memperuntukkan bajet RM10 juta bagi pembaikan cerun.

Mudah-mudahan tindakan ini akan dapat mengurangkan kebimbingan dan kerisauan rakyat agar tiada lagi tragedi berulang.

Dato' Yang di-Pertua, Permatang Berangan menyambut baik seruan Kerajaan Negeri yang mengutarakan strategi Belanjawan 2019 berdasarkan 4 Teras Utama. Intipati kandungan ucapan Bajet 2019, telah dikupas dengan panjang lebar oleh Ketua Pembangkang. Tahniah kepada Kerajaan Negeri yang telah mencapai sasaran dalam menyediakan kemudahan perumahan kepada rakyat. Keprihatian terhadap kebajikan dan penjagaan rakyat amatlah diharapkan oleh semua pihak supaya rakyat Pulau Pinang dapat menikmati keselesaan dan memungkinkan produktiviti negeri ini ditambahbaik dengan lebih produktif.

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli Dewan Yang Mulia, berbalik kepada hasrat menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri hijau, selain memelihara keselamatan cerun dan juga sebarang runtuhan, siapsiaga menghadapi bencana hujan lebat dan banjir kilat juga amat penting. Rakyat menyambut baik usaha-usaha pembersihan dan penyelenggaraan parit, longkang, saliran dan juga kawasan-kawasan untuk pembersihan yang telah dilakukan oleh agensi-agensi kerajaan melalui PBT, Pejabat Tanah dan Daerah serta JPS secara berkala.

Bagi KADUN Permatang Berangan, wakil penduduk di sekitar pesisir Sungai Kecil Pokok Machang dan Sungai Kereh ada menyuarakan kerisauan apabila berlaku hujan lebat. Limpahan air sungai yang deras ketika hujan lebat, menyebabkan banjir memasuki rumah mereka sehingga paras pinggang. Soalan saya kepada Kerajaan Negeri, berapakah tempoh kekerapan untuk menyelenggara dan membersihkan perairan sungai dari sisa kotoran dan sampah yang terapung sehingga menyebabkan aliran air tersekat. Adalah amat dihargai sekiranya Kerajaan Negeri melalui JPS atau agensi yang berkenaan dapat mengkaji keperluan untuk mendalamkan sungai atau melebarkan atau meninggikan tebing sungai ataupun apa-apa sebarang cadangan pemulihan termasuk membina tebatan banjir di perairan Sungai Kecil Pokok Machang dan Sungai Kereh. Jika difikirkan sesuai manfaat untuk mengurangkan risiko limpahan air sungai.

Dato' yang di-Pertua, hidup bahagia biarpun di kediaman kecil amat diidamkan oleh semua orang. Kebersihan dan keselamatan persekitaran kediaman juga dapat menjamin keselesaan penduduk. Begitulah harapan semua penduduk termasuk 38,600 penduduk di KADUN Permatang Berangan. Ketika turun padang bertemu penduduk, saya mendengar luahan mengenai kerisauan penduduk kampung Pengkalan Batu dan Pokok Tampang tentang ancaman khinzir atau babi hutan dan juga penduduk dari Padang Cempedak tentang gangguan kera yang berkeliaran di kawasan semak dan belukar berdekatan kediaman mereka. Malah, baru-baru ini, ketika turun meninjau keadaan di kawasan tersebut, seekor khinzir atau babi hutan yang sekilas pandangan persis anak gajah melintasi kenderaan yang saya naiki bersama kakitangan pusat khidmat. Biarpun ada usaha untuk menjerat dan menangkap haiwan tersebut, masalah ini belum dapat diselesaikan kerana sarang haiwan tersebut gagal dikesan. Maka, adalah menjadi harapan penduduk di sekitar tersebut melalui Kerajaan Negeri, supaya pihak-pihak tertentu dapat membantu untuk menyelesaikan isu ancaman haiwan-haiwan tersebut.

Dato' yang di-Pertua, Kerajaan Negeri dalam usaha meningkatkan keselasaan dan kemudahan kepada rakyat, amat diharapkan oleh semua pihak. Pembangunan infrastruktur termasuk jaringan jalan raya dan kemudahan pengangkutan awam amat dialu-alukan. Naik taraf laluan utama serta jalan-jalan kampung termasuk mencahayakan kawasan gelap dan terpencil, amat perlu untuk keselesaan pengguna setiap hari. Saya memuji tindakan Kerajaan Negeri menyediakan lampu-lampu jalan dan juga CCTV untuk tujuan keselamatan. Oleh yang demikian, selain jalan yang baik dan lampu jalan yang terang, sistem lampu isyarat juga dapat membantu mengurangkan kesesakan malah mampu mengurangkan risiko kemalangan. Simpang Tiga Thai Thong di Permatang Berangan merupakan jalan utama yang dilalui oleh penduduk dari Daerah SPU dan sempadan Kedah termasuk Padang Serai dan Lunas. Melihat kepada kemalangan jalan raya yang kerap berlaku di persimpangan jalan tersebut, saya berpandangan terdapat keperluan bagi pemasangan lampu isyarat di Simpang Tiga Thai Thong. Masyarakat setempat amat menghargai sekiranya Kerajaan Negeri melalui MPSP mahupun JKR dapat mengkaji dan meluluskan pelaksanaan bagi pemasangan lampu isyarat di kawasan tersebut.

Dato’ Yang di-Pertua dan Ahli Dewan yang mulia, selain itu, sistem pengangkutan awam terutama kemudahan awam kepada pengguna dari golongan berpendapatan rendah dan pelajar sekolah, perlu diambil serius untuk menyediakan mereka dengan kemudahan bagi bergerak ke destinasi harian. Perkhidmatan bas percuma CAT amat baik dan perlu diteruskan. Bagaimana pun bagi KADUN Permatang Berangan, saya dapati masih belum terdapat perkhidmatan bas percuma CAT yang melalui jalan utama antara Tasek Gelugor ke kawasan pusat bandar di sekitar Seberang Perai Utara. Adalah diharapkan agar Kerajaan Negeri dapat mengkaji keperluan menyediakan perkhidmatan bas percuma CAT ini, untuk kemudahan penduduk di sekitar Tasek Gelugor seperti mana yang telah diperolehi oleh penduduk di daerah lain.

Dato’ Yang di-Pertua dan Sidang Dewan yang mulia. Saya juga amat berterima kasih sekiranya Kerajaan Negeri melalui MPSP, dapat meninjau keadaan perhentian bas di sekitar laluan utama, supaya kerja-kerja membaik pulih atau membina semula perhentian bas yang daif dapat dilakukan. Sebagai contoh, mungkin Yang Berhormat Datok Keramat boleh lihat dan lalu di jalan utama ke Tasek Gelugor iaitu Jalan Pokok Machang, tengoklah keadaan perhentian bas di kawasan Pokok Machang yang hampir roboh akibat dilanggar. Keadaannya amat daif dan membahayakan pengguna yang menunggu bas. Takut-takut tak mati kemalangan jalan raya, tapi mati ditimpa dinding perhentian bas ataupun bumbung yang roboh. Sekiranya tidak dibaiki, manalah tempat untuk penunggu bas berteduh dari hujan dan panas, sementara menunggu ketibaan bas untuk ke destinasi yang dituju.

Dato’ Yang di-Pertua, Tasek Gelugor amat bertuah kerana mempunyai kemudahan perkhidmatan kereta api yang menjadi penghubung kepada kawasan dan negeri sekitarnya. Selain kereta api biasa, kemudahan perkhidmatan Komuter dan ETS juga disediakan di KTM Tasek Gelugor. Namun ia mengalami masalah kesesakan, ekoran kekurangan tempat parkir kenderaan. Untuk kepentingan dan demi keperluan rakyat, adalah diharapkan agar Kerajaan Negeri dapat melihat keperluan membina parkir bertingkat bagi mengatasi kesesakan yang berlaku.

Selain itu Dato’ Yang di-Pertua, saya ada menerima permohonan daripada kumpulan penggiat sukan basikal, yang meminta supaya ada usaha membantu mereka untuk menyediakan perkhidmatan membawa basikal dalam gerabak kereta api, menuju ke destinasi utara semenanjung. Dalam perkara ini, adalah amat dihargai sekiranya Kerajaan Negeri dapat mengkaji mahu pun mengemukakan cadangan perkhidmatan membawa basikal dalam gerabak kereta api, sebagai tambahan perkhidmatan dalam jadual perjalanan yang disediakan oleh KTM ke destinasi utara semenanjung.

Dato' Yang di-Pertua dan Sidang Dewan yang dihormati, bagi pihak penduduk N04 DUN Permatang Berangan, saya menyambut baik usaha Kerajaan Negeri untuk memartabatkan Institusi Islam dan memperkemaskan urus tadbir hal ehwal Agama Islam melalui cadangan penubuhan Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Pulau Pinang. Bagi pihak masyarakat di Permatang Berangan, terima kasih diucapkan kepada kerajaan lama dan baru yang telah meluluskan pemindahan Masjid Jamek Kampung Banggol. Terima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional, yang telah membiayai 70% daripada kos pembinaannya dan tidak lupa diucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang membiayai bakinya. Saya mengharapkan agar ada lagi usaha-usaha untuk membantu sekolah-sekolah agama dan juga sekolah-sekolah yang bukan bantuan kerajaan untuk dibaik pulih.

Dato’ Yang di-Pertua, saya juga menyambut baik usaha dan janji Kerajaan Negeri untuk melaksanakan penyediaan kediaman yang mampu dimiliki, penjanaan ekonomi dengan adanya peluang pekerjaan yang baik, bantuan pembiayaan kepada industri kecil dan sederhana atau IKS termasuk bantuan peralatan dan skim pinjaman kepada golongan yang memerlukan. Sebagai contoh, IKS amat sinonim dengan sebahagian besar punca sara hidup penduduk di KADUN Permatang Berangan. Ramai golongan wanita terlibat dengan IKS seperti penyediaan santan, kerisik malah kerepek, kuih muih, makanan tradisional yang menjadi sebahagian punca rezeki mereka. Walau pun suami mereka bekerja, tetapi kaum wanita ini berada di rumah menjalankan aktiviti IKS sebagai sumber pendapatan tambahan.

Di samping itu, produk pertanian juga menjadi hasil jualan mereka sebagai pendapatan penduduk tempatan. Dalam perkara ini, saya juga bersetuju dengan pandangan YB. Penanti untuk membekalkan bantuan mesin mahupun peralatan yang dilengkapi teknologi robotik kepada pengusaha dan usahawan IKS, termasuk penyediaan tapak-tapak perniagaan berlesen dengan kadar sewa yang berpatutan dan skim pembiayaan modal yang dapat membantu mengembangkan perniagaan mereka.

Dato' Yang di-Pertua, rakyat Permatang Berangan juga menyambut baik penyediaan bajet kepada nelayan bagi meningkatkan hasil pendapatan mereka. Walau pun tidak terdapat bajet khusus untuk para petani, saya mengharapkan penambahbaikan untuk para petani dan peladang juga tidak diketepikan. Sebagaimana peruntukan kepada nelayan persisir pantai dan laut dalam, saya mengharapkan agar nelayan sungai di dalam KADUN Permatang Berangan tidak terkecuali.

Dato' Yang di-Petua dan Sidang Dewan yang mulia, di samping itu sumber pendapatan nelayan sungai di Sungai Labuh Banting di dalam KADUN Permatang Berangan amat kecil sekiranya hanya bergantung kepada hasil tangkapan ikan semata-mata. Selain menangkap ikan, aktiviti eko-pelancongan seperti *river cruise*, kampung *trail* dan juga yang berkaitan, mampu dilaksanakan bagi menjana pendapatan mereka. Mewakili kumpulan ini, adalah amat dihargai sekiranya Kerajaan Negeri, dapat melihat prospek pelancongan sungai di KADUN Permatang Berangan, yang mampu dibangunkan di perairan Sungai Labuh Banting menyelusuri Sungai Air Hitam Dalam dan Sungai Pengkalan Machang dalam KADUN Sungai Dua.

Dato' Yang di-Pertua, tambahan kepada itu pengenalan kepada sistem pembelajaran STEM dan pembinaan PDL, BDL dan juga PIDL dalam institusi pendidikan, amat baik dilakukan untuk membantu para pelajar tanpa mengira bangsa dan agama. Usaha-usaha meningkatkan pembangunan modal insan amat wajar diteruskan. Selain menumpukan kecemerlangan akademik dan juga agama, kemahiran juga penting bagi kumpulan pelajar tahap sederhana dan rendah. Dengan adanya kemahiran tertentu, mereka akan dapat menjana pendapatan selepas tamat persekolahan dan boleh memulakan kerjaya dengan mengembangkan bakat kemahiran masing-masing.

Walau pun sedikit sedih dan tumpang rasa bersimpati kepada graduan lepasan IPTA dan IPTS yang sebelum ini dijanjikan pemansuhan PTPTN dan sudahlah yang bujang tak dapat BRIM, yang bergaji RM1,000.00 pula kena bayar PTPTN. Namun itu bukanlah alasan kepada golongan muda, untuk tidak berusaha untuk mendapatkan pendapatan yang tinggi selepas tamat pengajian. Oleh yang demikian, adalah menjadi harapan Permatang Berangan supaya aspek pendidikan dan kemahiran ditekan kepada golongan muda untuk membantu mereka menjana pendapatan dan menyara hidup selepas habis pengajian.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Minta laluan Permatang Berangan.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman):**

Ya.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Kasi panas sikit. Okey, Yang Berhormat Permatang Berangan, tadi ada membuat komen tentang PTPTN. Tapi saya nak tau pandangan Yang Berhormat Permatang Berangan, tentang PTPTN ini apabila rejim sebelum ini kerajaan sebelum ini, mereka telah menggunakan PTPTN ini dan memberikan perkhidmatan ataupun pinjaman PTPTN ini diluluskan kepada pelbagai kolej-kolej swasta. Kadang-kala ada Diploma dan juga kursus-kursus yang tidak masuk akal.

Baru-baru ini saya dengar ada satu kursus dikatakan kursus *Enforcement Diploma. Enforcement Diploma* dia kata kolej swasta tersebut, dia mereka cuba menjual dengan menyatakan 'oh kalau tak lulus SPM pun tak pa. Dapat diploma ini, boleh dapat kerja Polis, kerja dalam *enforcement* katakan PBT, MPSP, MBPP. Walau pun kamu gagal dalam BM, SPM BM itu yang di sedang dipromosi oleh kolej-kolej swasta.

Dan kerajaan sebelum ini tidak *filter*….(dengan izin), kolej-kolej sebegini mereka memberikan kemudahan pinjaman ini sesuka hati mereka kepada semua kolej swasta-swasta ini. Akibatnya ada juga satu universiti yang ada di Pulau Pinang juga, universiti swasta yang setiap 3 tahun dia akan tukar nama. Tetapi nama bekas atau pun Mantan Perdana Menteri. Ada satu.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Bagan Dalam, PTPTN tak dak orang boleh jawab di sini.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Bukan, saya nak saya bagi komen. *So,* mereka menggunakan kursus-kursus *deceived*...(dengan izin) para pelajar dengan *offer the courses which is not a sellable in the market then* PTPTN telah memberikan kemudahan pinjaman kepada kolej-kolej swasta begini dan semakin banyak pemuda kita telah tertipu oleh kolej-kolej swasta begini. Dan terpaksa membayar hutang PTPTN, selepas mereka menamatkan pelajaran mereka, walau pun kita ada ILP ataupun instistusi pendidikan awam selain daripada universiti yang berkelas macam di ILP Kepala Batas, dekat dengan Permatang Berangan. Satu ILP yang bertaraf dunia, satu yang *you know* dalam teknologi *refrigerator* dan juga *air-conditioning*. Dia terbaik di seluruh asia, tetapi tidak dipromosi. Malah PTPTN digunakan untuk mempromosi kolej-kolej swasta yang menipu pelajar. *So,* apa pandangan Yang Berhormat Permatang Berangan tentang isu ini.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman):**

Terima kasih Yang Berhormat Bagan Dalam. Pada pandangan saya kes-kes sebegini adalah kes-kes yang terpencil. Mungkin hanya beberapa *percentage* sahaja. Tetapi, ia sebagai satu peringatanlah kepada pentadbiran Kerajaan Baru, sekiranya ada lagi kes yang berlaku sebegini, mungkin Jabatan Pendidikan perlu memantau dan mengambil tindakan, sekiranya ada unsur-unsur sebegini…(gangguan).

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Permatang Berangan.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman):**

Cuma....(gangguan).

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

*Just-just,* sedikit saja. Bukan.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman):**

Tak pa bagi saya jelaskan dulu.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Okey.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman):**

Nanti saya. Okey, rasanya yang saya maklumkan sebelum ini ada pembiayaan pendidikan daripada JPA, MARA dan PTPTN ni masih baru, cuma saya komen disini, mungkin dalam Manifesto Kerajaan Pakatan Harapan terdahulu, ada janji-janji itu. Mungkin itu bukan Manifesto Kerajaan Negeri, tetapi Manisfesto Kerajaan PH. Cuma, saya rasa terkilan kerana janji-janji itu tidak dilaksanakan kepada peminjam-peminjam PTPTN. Saya cuma komen itu saja, dan saya tidak spesifikkan perkara ini kepada Kerajaan Negeri.

Jadi sekiranya Bagan Dalam mendapati bahawa ada kes-kes terpencil sebegini, mungkin Kerajaan Negeri dan Kerajaan PH di peringkat Persekutuan, perlu memantau semula dan mengambil tindakan, sekiranya ada unsur-unsur sebegini. Dan saya rasa banyak lagi institusi-institusi kerajaan, IPTA-IPTA yang menawarkan banyak *course-course* yang amat baik, sepertimana juga Bagan Dalam mempersetujui ILP sebagai salah satu pusat pendidikan yang menawarkan kemahiran, saya rasa itu juga adalah hasil usaha Kerajaan Barisan Nasional, yang baik dan juga patut diteruskan. Jadi saya rasa, soalan Yang Berhormat Bagan Dalam tadi adalah

hanya untuk kes-kes yang terpencil sahaja. Jadi saya rasa, Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya boleh teruskan?

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman):**

Terima kasih jugalah Bagan Dalam sebab bagi komen-komen itu. Okey. Seterusnya dari sudut penjagaan kesihatan, saya menyambut baik usaha penjagaan kesihatan sepertimana yang telah disebut dalam peruntukan bajet dan juga penjagaan kesihatan seperti pemeriksaan mamogram kepada golongan wanita, amat baik dan wajar diteruskan. Selain daripada itu, saya juga boleh bersetuju dengan Yang Berhormat Bertam untuk menambah doktor pakar di Hospital Kepala Batas kerana di kawasan Tasek Gelugor tidak diperuntukkan hospital, kita tidak ada hospital di kawasan Parlimen dan juga KADUN Permatang Berangan jadi hospital yang terdekat adalah Hospital Kepala Batas. Rakyat Permatang Berangan perlu mendapatkan rawatan di Hospital Kepala Batas sebagai hospital yang terdekat jadi saya rasa sekiranya diperuntukkan doktor-doktor pakar akan lebih memudahkan penduduk di kawasan terdekat untuk mendapatkan rawatan.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Sedikit tambahan dan minta penjelasan, minta komen daripada Permatang Berangan juga tadi Yang Berhormat Bertam sebut Hospital Kepala Batas, Hospital Kepala Batas ini merupakan hospital yang menghadapi masalah dari segi pakar, dari segi perkhidmatan yang saya rasa juga perlu dipertingkatkan kerana ia akan menghadapi masalah dari segi kelewatan, kelewatan pesakit menerima rawatan. Saya semak sekali dulu ia berkaitan dengan kekurangan tenaga-tenaga pakar, tenaga-tenaga doktor di situ yang kadang-kadang doktor tu terlibat dengan kes dan terlibat dengan wad di sebelah malam selepas pukul 6.00 jadi ini menimbulkan masalah dan dia akan timbul masalah kepada pesakit yang memerlukan rawatan di *emergency*, kerana doktor tersebut terpaksa berulang ke wad untuk tengok kes-kes yang berlaku. Kekurangan yang semacam itu berlaku.

Saya pernah tanya peringkat Pejabat Kesihatan mengapa berlaku semacam itu dan mungkin ada doktor yang *on call* mungkin tidak berada ataupun mungkin agak lewat sampai dan sebagainya untuk ada di situ. Jadi ini saya minta komen dari pihak Permatang Berangan, apakah pandangan dan peranan tentang isu ini adakah perlu kita bangkitkan isu ini diperingkat Kerajaan Negeri ataupun diperingkat yang lebih tinggi supaya selesai masalah masyarakat sebab Kepala Batas ini melibatkan semua kawasan utara, kawasan Sungai Petani, kawasan Tikam Batu yang datang dari Kedah pun ada, Baling, Padang Serai pun akan sampai ke Kepala Batas. Dia tak sampai ke Seberang Jaya. Jadi ini kadang-kadang menimbulkan masalah kepada masyarakat di sekitar. Jadi minta komen.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman):**

Terima kasih Yang Berhormat Sungai Dua, saya bersetuju sekali sebab saya juga pernah menjadi Ahli Lembaga Pelawat Hospital Kepala Batas dan antara rungutan penduduk di kawasan sekitar adalah ketika mendapatkan rawatan kecemasan selain daripada tidak mendapat rawatan yang cepat dan waktu menunggu ambulans mengambil masa juga sebab kita kekurangan ambulans di Hospital Kepala Batas. Saya rasa saya bersetuju sekiranya ada usaha daripada Kerajaan Negeri mahupun peringkat Jabatan Kesihatan melalui Kementerian Kesihatan untuk melihat keperluan dan juga menambah, mengkaji apakah kaedah-kaedah ataupun penyelesaian yang perlu diambil untuk mengatasi masalah ini kerana masalah kecemasan ini berkait dengan nyawa jadi kalau tidak diberikan rawatan kecemasan yang cepat dan menghadapi masalah disebabkan kekangan ini saya rasa ini menyebabkan kehilangan nyawa kepada masyarakat. Terima kasih Yang Berhormat Sungai Dua.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen):**

Minta penjelasan Yang Berhormat Permatang Berangan. Terima kasih kepada Yang Berhormat Permatang Berangan telah yang tadi dalam ucapan beliau telah *point up* tentang dilema yang dihadapi khususnya hospital di kawasan Kepala Batas dan tadi Yang Berhormat Permatang Berangan juga telah membangkitkan bahawa beliau pernah menjadi salah seorang daripada panel pelawat hospital dan saya rasa perkara ini bukan perkara yang baru. Sememangnya kelemahan ini adalah satu kelemahan yang untuk sekian panjanglah yang dihadapi oleh Hospital Kepala Batas ini dan ingin saya dapatkan pendapat daripada Yang Berhormat Permatang Berangan sama ada kelemahan ini yang wujud ketika rejim pemerintahan Barisan Nasional yang lama tu kenapa tidak ada tindakan yang telah diambil untuk mengatasi kelemahan-kelemahan ini?

Mengapa sehinggakan perlunya selepas Mei 2018 ini baru Yang Berhormat Permatang Berangan membangkitkan isu ini kepada Kerajaan Pakatan Harapan yang baru dan sebelum ini Kerajaan Persekutuan, Kementerian Kesihatan ini yang diterajui oleh Barisan Nasional perkara dan kelemahan ini pula tidak diambil tindakan sehingga kelemahan ini berlarutan sehingga ke hari ini. Minta pandangan Yang Berhormat Permatang Berangan.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman):**

Terima kasih kepada Yang Berhormat Pengkalan Kota. Ini bukan isu rejim saya tidak berapa setuju dengan perkataan rejim tu, kalau boleh hormatlah sikit saya rasa Yang Berhormat umur berapa? 30an, saya rasa sejak lahir pun Yang Berhormat dah dapat menikmati hasil perjuangan Kerajaan Barisan Nasional dan lebih 60 tahun. Jadi tolonglah jangan menghina sangat, hormat sikit, jangan sebut rejim la. Saya kurang bersetuju dengan perkataan rejim. Walaupun ada kelemahan tetapi masih boleh...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen):**

Penjelasan sikit mengikut Dewan Bahasa Dan Pustaka definasi rejim adalah *system of government or administration*....(dengan izin) bukan rejim maksud rejim tu tidak membawa maksud yang jahat tetapi ia merujuk kepada sistem kerajaan ataupun *administration.* Terima kasih.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Tapi rejim ini kalau kita tengok orang bercakap orang faham itu dari segi definasi, okey. Kalau ikut cakap di peringkat-peringkat kampung-kampung dan sebagainya. Rejim ini sebagai contoh satu rejim *Khmer Rouge or* rejim yang cukup jahat.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen):**

Kita memartabatkan status Dewan Bahasa dan Pustaka. Kita ikut definasi yang tetapkan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sungai Dua dan Pengkalan Kota duduk. Bagi saya, saya ikut kamus. Okey.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman):**

Terima kasih Dato Yang di-Pertua. Okey, saya setuju jika itu adalah definisi yang disebut dalam kamus cuma cara intonasi Yang Berhormat Pengkalan Kota sebut tu seolah-olah ada negatif dia. Tak apa saya teruskan, Dato Yang Dipertua, okey, terima kasih.

Untuk menjawab pertanyaan Yang Berhormat Pengkalan Kota tu, saya nak maklumkan di sini perkara ini telahpun dipanjangkan dan dibincangkan beberapa kali dalam Mesyuarat Lembaga Pelawat sekalipun. Cuma jawapan yang kita terima daripada Pengarah Hospital pada ketika itu adalah kekangan doktor pakar dan ketika itu juga penjelasan yang telah disebutkan juga adalah Hospital Kepala Batas pada ketika itu adalah hospital yang diperuntukkan untuk kes-kes kecil dan juga untuk pesakit-pesakit luar yang banyak, cuma ia diwujudkan untuk menampung keperluan yang telah membanjiri Hospital Seberang Jaya jadi mungkin selepas ini pihak Kerajaan dapat memikirkan kaedah ataupun pembangunan yang lebih baik untuk menampung keperluan khidmat kesihatan oleh rakyat.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Permatang Berangan tentang kesihatan Seberang Perai Utara sebelum ini ada dua (2) hospital, satu di Kepala Batas dan juga satu di Butterworth. Secara amnya, keseluruhan sistem kesihatan negara semasa pentadbiran Parti Barisan Nasional tak guna rejim, Parti Barisan Nasional, peruntukan untuk kesihatan telah berkurangan walaupun bilangan rakyat ataupun populasi bertambah. Itu sesuatu yang tidak berpatutan di mana hospital-hospital utama negeri pun sampai sekarang ada yang tak ada peralatan untuk rawatan jantung. Misalnya di Perlis kalau orang di Perlis sakit jantung dia tak ada hospital di Perlis, dia kena datang ke Alor Setar ataupun di GH. Ini sesuatu yang tidak berpatutan setiap kawasan ataupun setiap negeri itu hospital besarnya perlu ada kemudahan-kemudahan pakar untuk rawatan-rawatan tersebut. Barisan Nasional tidak memberikan perhatian dalam perkara ini walaupun Perlis diperintah sehingga sekarang oleh Barisan Nasional tetapi di Pulau Pinang berbalik kepada isu yang kita bincang. Kepala Batas memang tak cukup pakar, tak cukup kewangan. Malah di Butterworth hospital sebelum ini yang ada pun sudah di turun tarafnya sebagai Klinik Kesihatan. Hospital Butterworth adalah salah satu hospital yang terawal di Malaysia tetapi telah diturun taraf. *So* kita minta saya pun bersenada dengan Permatang Berangan kita minta Kerajaan Negeri, Exco Kesihatan membawa perkara ini kepada Kementerian Kesihatan untuk menaiktaraf Hospital Kepala Batas untuk menambah bilangan dalam utara juga. Orang Butterworth boleh pergi dan juga mengembalikan status Hospital Butterworth itu sebagai hospital. Itu pandangan saya, Permatang Berangan.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman):**

Terima kasih Yang Berhormat Bagan Dalam. Saya rasa saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Bagan Dalam sebab dulu pun waktu kecil-kecil saya pernah menziarahi nenek saya di Hospital Butterworth. Sekarang ini hospital tu dah jadi klinik untuk rawatan pesakit luar. Jadi mungkin sebagai cadangan untuk menampung keperluan di Hospital Kepala Batas mungkin kita pun tak ada Exco Kesihatan di sini, kita boleh cadangkan kepada Kerajaan Negeri untuk melihat keperluan sama ada untuk menaiktaraf semula Hospital Butterworth sebagai salah satu lagi hospital untuk menampung keperluan pesakit dan ini menunjukkan bahawa rakyat Malaysia ini mungkin pada ketika pentadbiran Kerajaan Barisan Nasional ni cukup makan, makan lebih sampai sehingga menyebabkan sakit jadi berlebihan pulalah pesakit yang terpaksa mengunjungi hospital.

Jadi apa pun saya bersetuju dan menyahut saranan Kerajaan ke arah masyarakat sihat dan harmonis. Penjagaan kesihatan amat wajar dititikberatkan sendiri oleh tuan punya badan selain mempunyai Institusi Kesihatan yang memantau tahap kesihatan rakyat. Antara lain dengan adanya pusat aktiviti sukan dan rekreasi dapat membantu memupuk semangat penjagaan kesihatan dan membina kecergasan pada semua lapisan masyarakat. Mewakili penduduk KADUN Permatang Berangan amatlah dihargai sekiranya Kerajaan Negeri dapat memberikan penjelasan tentang status Projek Pembinaan Mini Stadium di Desa Puri, Projek Menaiktaraf Gelanggang Futsal di Pokok Tampang dan Penyelenggaraan Pusat Rekreasi Padang Cempedak atau lebih dikenali sebagai Sungai Tok Keramat di Tasek Gelugor sebagai pusat-pusat sukan dan rekreasi yang wajar dijaga untuk kemudahan dan kegunaan rakyat secara berterusan.

Akhir sekali adalah diharapkan agar segala permohonan saranan dan syor yang diutarakan oleh Permatang Berangan dapat diamati dan dipertimbangkan oleh pihak Kerajaan Negeri supaya dapat dimanfaatkan untuk penambahbaikan perkhidmatan tanpa isu anak tiri di kawasan pembangkang. Kami juga adalah rakyat Pulau Pinang yang akan menjadi *check and balance* kepada pentadbiran Kerajaan Negeri dan diucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Kerajaan PH yang telah merealisasikan manifesto Barisan Nasional dalam PRU 14 yang lalu apabila memansuhkan tol motosikal di Jambatan Pulau Pinang mulai tahun hadapan. Teruskanlah usaha murni untuk memenuhi janji-janji manifesto kerajaan Barisan Nasional dan juga Kerajaan PH kepada rakyat. Sekian, terima kasih. *Assalamualaikum wbt*.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sekali lagi Pembangkang dapat tepukan. Sila Kebun Bunga, tahniah.

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Jason Ong Khan Lee):**

Salam Sejahtera dan Salam Harapan. Terima kasih Dato' Yang Dipertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan pembentangan Rang Undang-Undang Pembekalan dan Usul Pembangunan Tahun 2018 Negeri Pulau Pinang untuk Mesyuarat Kedua Penggal Pertama Sidang Dewan Undangan Negeri yang ke 14. Dato' Yang di-Pertua, izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk memulakan ucapan saya dengan sekerat pantun.

Sirih berlipat sirih pinang,

Sirih dari Pulau Mutiara.

Ucapan aluan pembuka bicara,

Di Dewan gemilang kita bersuara.

Saya juga ingin melafazkan syukur kepada Tuhan Yang Maha Esa kerana hanya dengan limpah kurnia dan restunya saya dapat berdiri di sini untuk berbahas dalam Dewan yang mulia ini.

Pulau Pinang dulu kini dan masa hadapan Pulau Pinang, Pulau Mutiara pulau berseri pulau indah, masa hadapan kita amat cerah asalkan rakyat rajin dan berdaya.

Pulau Pinang sungguh bertuah kerana dalam tempoh pentadbiran di bawah Kerajaan Pakatan Harapan yang singkat, kita telah menjadi terkenal di wadah antarabangsa sebagai salah satu destinasi pelancongan yang diminati ramai.

Dato' Speaker, Pulau Pinang juga merupakan tempat yang popular bagi pesara-pesara Program MM2H disebabkan kos sara hidup yang sederhana dengan mempunyai pelbagai fasiliti dan insfrastruktur yang mengutamakan keselesaan dan kualiti kehidupan. Namun, masa hadapan kita terletak di tangan anak-anak muda yang bakal mengembalikan zaman kegemilangan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri yang dinamik dari pelbagai segi di Malaysia. Sebagai sebuah negeri yang pentadbirannya berpusat di Pulau, kita mempunyai banyak kelebihan berbanding dengan negeri-negeri lain. Dari segi ekonomi, demografi dan terutamanya geografi Pulau Pinang adalah sangat strategik dan mempunyai banyak potensi untuk memperkembangkan pelbagai industri seperti pelancongan, pembuatan, pertanian, kewangan, kesihatan dan lain-lain perkhidmatan. Cadangan Ketua Menteri mengenai pembangunan 3 buah pulau iaitu Pulau Aman, Pulau Rimau dan Pulau Jerejak sebagai produk eko pelancongan amat tepat pada saat-saat ini terutamanya Pulau Pinang kini terkenal di mata dunia dengan keindahan semula jadi dan juga makanan tempatan laut yang sedap.

Sebagai sebuah negeri pulau, kita perlu mengambil kesempatan untuk mempelbagai serta memperkenalkan produk-produk pelancongan mengikut kelebihan-kelebihan sedia ada kita. Kita boleh mengambil ikhtibar daripada Pulau Langkawi yang mempunyai akuarium tahap antarabangsa dan sering diberi keutamaan oleh Kerajaan Pusat untuk menganjurkan pelbagai program antarabangsa seperti LIMA, Le Tour de Langkawi dan lain-lain. Tambahan pula, Pulau Langkawi menikmati status *free port*. Walau bagaimanapun, Pulau Pinang akan mempunyai kedai-kedai *duty free* di Port Swettenham pada tahun depan sebagaimana yang telah diumumkan oleh Menteri Kewangan kita baru-baru ini. Inisiatif ini merupakan permulaan yang cerah untuk *reposition*...(dengan izin) dan menjenama semula (dengan izin)...*rebrand* Pulau Pinang ke arah menjadi satu *free port* atau *entreport* pada masa akan datang.

Dengan c*onnectivity* sedia ada melalui tiga (3) *link* utama dengan tanah besar iaitu Jambatan Pulau Pinang Pertama, Jambatan Pulau Pinang Kedua, Terminal Feri dan dua (2) lagi pautan kepada dunia luar iaitu Penang International Airport dan Penang Port. Dengan izin Dato' Speaker, kita boleh *synergize* semua kelebihan ini untuk memperkasakan negeri kita dengan penawaran pelbagai *service* dan galakan pelaburan daripada negara-negara asing untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai salah satu hub R&D serantau untuk produk-produk *high end*

yang selaras dengan perkembangan Revolusi Industri 4.0. Sebagai contoh, adakah perniagaan-perniagaan yang berdekatan ataupun di sepanjang lebuh raya dan kawasan sekitarnya terutamanya di sepanjang kawasan perindustrian Bayan Lepas mempunyai *high income yield?* Tiada gunanya kalau terdapat banyak gerai kopi haram di tepi jalan di merata-rata terutamanya di lokasi-lokasi strategik ataupun hotel-hotel bajet yang tidak standing dengan imej kita sebagai satu destinasi antarabangsa. Ini sangat membazirkan tanah dan peluang keemasan untuk menaikkan taraf kehidupan peniaga-peniaga kecil. Satu cadangan yang boleh dipertimbangkan adalah untuk mendirikan lebih banyak lot perniagaan yang bertaraf tinggi dan memberikan pinjaman mikro kredit dengan kadar faedah yang rendah kepada peniaga-peniaga untuk menjalankan bisnes mereka dengan konsep yang lebih sesuai.

Kedua, seperti yang telah digazet dalam Akta Zon Bebas 1990 ataupun Akta 438, Pulau Pinang mempunyai 5 Zon Bebas termasuk 2 Zon Perindustrian Bebas dan 3 Zon Perdagangan Bebas seperti berikut:-

(i) Kawasan Perindustrian Bayan Lepas (Free Industrial Zone);

(ii) Kawasan Perindustrian Prai (Free Industrial Zone);

(iii) Batu Maung Air Cargo Forwarding Agents Warehouse Complex di Penang International Airport (Free Commercial Zone);

(iv) Mukim 12, Daerah Barat Daya (Free Commersial Zone); dan

(v) *Deep Water Wharf*, Seberang Perai Utara (Free Commercial Zone).

Oleh tu, kita juga perlu membuat penilaian sama ada aktiviti-aktiviti perdagangan dan juga produk-produk yang dikeluarkan oleh kilang-kilang selaras dengan visi negeri kita untuk menjadi satu pusat perdagangan dan pengeluar produk-produk yang berteknologi tinggi.

Ketiga, dengan adanya modal insan (dengan izin)...*human capital* yang professional sepeti doktor, peguam, jurutera, akauntan dan lain-lain. Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk memperkasakan mereka, *in another words, to empower this people*. Beberapa minggu yang lalu, pada 22 Oktober, saya membaca di surat khabar mengenai seorang pakar bedah, (dengan izin)...*surgeon,* yang dilahirkan di Pulau Pinang yang diberikan Pingat McCormack di United Kingdom. Namanya Dr. Basheer Ahamed dan kini sedang berkhidmat di Hospital Besar Pulau Pinang. Dengan pakar-pakar sedemikian, terutamanya mereka yang lahir di Pulau Pinang, ternyata bahawa Pulau Pinang berkaliber untuk maju ke depan lagi dalam pelbagai bidang dan sektor.

Dato' Speaker, reputasi Pulau Pinang sebagai sebuah destinasi atau hub *Medical Tourism* telah lama dikenali ramai dan sangat popular di kalangan orang Indonesia. Apabila ahli keluarga mereka menjalani rawatan di Pulau Pinang, satu keluarga akan turut mengikut sama. *Spin off effect* daripada *medical tourism* merupakan penjanaan pendapatan daripada *rental income* yang mana permintaan penginapan di sekitar hospital juga meningkat dengan mendadak sama sekali. Sekiranya setiap keluarga menyewa rumah ataupun pangsapuri untuk tiga (3) hari setiap lawatan, maka sektor-sektor lain seperti F&B, teksi dan juga beli-belah turut merasai *spin off effect* tersebut.

Dengan izin Dato' Speaker, *Beach Street* merupakan pusat perbankan ataupun *financial centre* yang mantap sejak zaman penjajahan British. Kegiatan insurans pun sudah lama bertapak dengan kapal-kapal dagang yang bersinggahan di pelabuhan *free trade* kita pada seketika dahulu. Jadi, apakah yang boleh kita lakukan untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah pusat *fintech* yang terkemuka? Apakah kelebihan atau insentif yang kita boleh menawarkan kepada contohnya Google, Facebook, Microsoft ataupun Alibaba untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai salah satu ibu pejabat, *another word headquarters* mereka di Asia Tenggara?

Daripada perutusan Perdana Menteri kita dalam Industri 4WRD dan juga dengan pengumuman Bajet 2019 oleh Menteri Kewangan dua (2) minggu yang lepas lalu, saya yakin bahawa hala tuju negara kita adalah ke arah merealisasikan *Industrial Revolution 4.0* atau dikenali sebagai IR4.0. Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang cekap dan peka telah mengambil langkah-langkah yang aktif dalam menyambut dan menerima pakai IR4.0.

Konsep Bandar Pintar yang disambut oleh Kerajaan Negeri adalah tepat pada masa. Pengumuman Ketua Menteri mengenai komitmen kelajuan internet yang melebihi 100MB/saat, menyakinkan saya bahawa negeri kita akan berjaya dalam aspirasi kita untuk menjadi satu hub untuk perdagangan atas talian (e-dagang), *cloud computing, big data* dan *Internet of Things (IoT)*. Dengan adanya infrastruktur seperti kelengkapan liputan jalur lebar talian, modal insan, jaringan pengangkutan dan juga kelengkapan *intelligent buildings* di *Penang Cyber City*, Negeri Pulau Pinang kini hanya di belakang *Cyber City Putrajaya* dari segi kesediaan pelaksanaan IR4.0. Pengecualian hasil sebagai insentif kepada syarikat-syarikat yang mengguna-pakai automasi dan teknologi informasi atau dikenali sebagai *information technology* akan mendorong pertumbuhan dalam *digital transformation* di sektor perindustrian. Populasi Negeri Pulau Pinang adalah 1.77 juta buat masa ini dan dengan adanya jumlah penduduk sebegini, kita perlu focus kekuatan kita untuk *synergize…(*dengan izin) dan lalu meningkatkan produktiviti kita sebagai sebuah negeri yang maju, hijau dan pintar.

Tiga (3) aspek penting untuk sebuah masyarakat majmuk yang maju dan berwawasan memerlukan perhatian kerajaan adalah terdiri daripada satu: kebajikan, perumahan dan pendidikan.

Dato' Speaker, dengan adanya sistem pendidikan yang mantap dan ke hadapan, kita boleh menjana dan mencipta satu generasi modal insan yang mahir dan berbakat untuk terus menyumbang serta memenuhi keperluan-keperluan tren semasa yang asyik berubah seperti Revolusi Industri 4.0. Kesinambungan ini akan menjadi satu jaringan yang kompetitif untuk para majikan dan pekerja untuk terus menambah baik dan menyesuaikan diri dengan arus pembangunan semasa.

Mengikut satu laporan daripada Dell Technologies tahun lepas, 85% daripada pekerjaan untuk tahun 2030 belum lagi diwujudkan setakat ini. Ini merupakan satu peluang keemasan untuk kita mendidik serta menggalakkan anak-anak muda kita untuk mempelajari bidang teknologi, kejuruteraan dan sains untuk menyesuaikan diri dalam dunia IR. Selaras dengan perkembangan IR, kita mesti mempergiatkan lagi promosi STEM ataupun dikenali sebagai *Science, Technology, Engineering dan Mathematics*.

Dato' Speaker, memandangkan kebanyakan istilah-istilah yang digunakan untuk subjek STEM adalah berasaskan Bahasa Inggeris, kita sering menghadapi kesulitan apabila diterjemahkan kepada Bahasa Melayu. Dalam keadaan ini saya juga ingin mencadangkan supaya Kerajaan Negeri menyokong dan mengekalkan kegunaan istilah Bahasa Inggeris dalam pelajaran Sains, Teknologi, Kejuteraan dan Matematik. Ini tentu dapat menyelaraskan serta memudahkan dengan izin *simplify* proses pemikiran, pembelajaran dan komunikasi apabila istilah *lingua franca* digunakan.

Sekarang ini saya nak masuk dalam topik pembangunan mampan, *sustainable development* dan projek infrastruktur utama. Dengan izin, saya ingin menarik perhatian Dato' Speaker kepada isu pembangunan mampan ataupun *sustainable development* di Negeri Pulau Pinang. Pembangunan yang pesat di bahagian Pulau Negeri Pulau Pinang terutamanya di lereng-lereng bukit kebelakangan ini amat membimbangkan. Kejadian tanah runtuh di Bukit Kukus merupakan peristiwa yang terkini yang telah meragut 9 nyawa pekerja asing. Dalam pada itu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memperuntukkan RM10 juta untuk memperbaiki lereng-lereng di Bukit Kukus di mana langkah ini mencerminkan satu kerajaan yang prihatin dan bertanggungjawab. Namun demikian, saya percaya Kerajaan Negeri akan terus memantau projek tersebut dan lalu mengambil langkah susulan yang tegas ke atas pihak yang bertanggungjawab.

Di samping itu, saya juga berharap Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan satu bayaran *ex-gratia* kepada keluarga mangsa-mangsa peristiwa Bukit Kukus walaupun ada yang terdiri daripada pekerja-pekerja tanpa izin.

Dengan izin Dato' Speaker, pekerja-pekerja asing merupakan salah satu teras penyumbang kepada pembangunan negara kita. Kita perlu menerima realiti bahawa pekerja-pekerja tanpa izin adalah satu isu yang masih belum diselesaikan oleh Kerajaan Pusat. Walau

bagaimanapun, pekerja-pekerja tanpa izin tetap wujud dalam sistem kita dan telah menjadi sebahagian daripada kita.

Dato' Speaker, Pembangunan mampan ataupun *sustainable development* sebagaimana yang disenaraikan dalam blueprint *17 Sustainable Developments Goal*s (SDG) oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan sering dibangkitkan mesti diamalkan oleh semua pihak kerana *climate change*, perubahan iklim yang menjadi-jadi telah memberi kesan yang negative kepada persekitaran dan bumi kita, maka Dato' Speaker ia mesti ditangani dengan kadar segera. Dalam keadaan yang terdesak seperti sekarang, polisi-polisi dan rangka kerja yang sedia ada seperti Local Agenda 21 atau dikenali sebagai LA21 mesti dilaksanakan serta dimantapkan untuk mencapai aspirasi kita sebagai sebuah negeri yang hijau dan mampan.

Satu petikan dalam laman web Majis Perbandaran Manjung telah mengungkapkan "Pembangunan Mampan" adalah seperti berikut:-

"Secara ringkas, pembangunan mampan ialah pembangunan yang memenuhi keperluan semasa tanpa menjejas keperluan generasi-generasi masa hadapan. Di samping mengimbangkan pembangunan ekonomi dengan keperluan-keperluan sosial dan alam sekitar".

Dengan izin Dato' Speaker, The Global Development Research Centre juga telah memberi definasi LA21 seperti berikut:-

*"Local Agenda 21 (LA21) is a voluntary process of local community consultation with the aim to create local policies and programs that work towards achieving sustainable development. Local Agenda 21 encompasses awareness raising, capacity building, community participation and the formation of partnerships."*

Mantan Datuk Bandar Dato' Maimunah telah mencorakkan rangka kerja 4P iaitu "Public, Private and People Partnership" untuk memastikan kerjasama di antara pihak awam, pihak swasta dan juga orang awam. 4P menekankan mengumpul maklum balas daripada orang awam ataupun menjalankan *Public Consultation*....(dengan izin). Dato' Speaker, sebelum sebuah sesebuah projek dilaksanakan untuk memastikan bahawa projek yang dicadangkan akan diterima oleh orang ramai. Di antara *stakeholder's* yang dimaksudkan untuk *Public Consultation* adalah seperti Kerajaan Tempatan dan Kerajaan Pusat, peniaga-peniaga tempatan dan para pemain industri dan juga orang tempatan yang terdiri daripada orang awam, kumpulan minoriti, institusi penyelidikan, badan bukan kerajaan, kumpulan sivik dan sosial dan juga termasuk kumpulan alam sekitar. Saya juga sedia maklum bahawa walaupun *Public Consultation* pernah diadakan banyak kali mengenai *Paired Road*, PIL dan juga PMTP, laporan penuh masih belum disiarkan dengan sepenuhnya di laman web supaya mudah diakses oleh orang ramai.

Pelaksanaan *bottom-up approach*...(dengan izin) Dato' Speaker, ini amat sesuai untuk memahami permasalah tempatan dan juga potensi impak sosial dan kebudayaan yang kemungkinan besar yang diakibatkan oleh projek tersebut. Ini membolehkan sebuah visi tempatan dibentuk bersama-sama melalui dasar-dasar seperti pelan integrasi alam sekitar tempatan. Yang merangkumi program-program kesedaran awam dan lain-lain untuk sebuah pembangunan mampan.

Dato' Speaker di sini saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada jawapan Kerajaan Negeri bahawa Seksyen 20(B) dan juga Seksyen 21(A) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1975 terutamanya yang mengenai dengan analisa *Social Impact Assessment* akan diterima pakai untuk pembinaan infrastruktur utama termasuk *Penang Transport Master Plan*, PTMP.

Dato' Speaker, memandangkan peristiwa Bukit Kukus bukanlah insiden yang pertama, malah adalah kali kedua tragedi tanah runtuh selepas kejadian di projek Granito di Tanjung Bungah, saya ingin mencadangkan kepada Dewan yang mulia ini untuk mencadangkan kepada Kerajaan Pusat supaya menubuhkan sebuah Suruhanjaya Kejuruteraan Sivil Dan Geoteknikal ataupun dikenali sebagai *Civil And Geotechnical Engineering Commission* yang melapor kepada Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dan ataupun Dewan Rakyat.

Dato' Speaker, suruhanjaya ini bakal diketuai oleh seorang jurukur bangunan atau (dengan izin)....*building surveyor* dengan barisan jurutera awam dan profesional yang berkelayakan yang mempunyai bidang kuasa untuk mengeluarkan perintah berhenti kerja, mitigasi, rektifikasi dan sebagainya. Suruhanjaya ini juga bertanggungjawab mengeluarkan garis panduan, SOP dan juga kriteria-kriteria yang diperlukan untuk *Social Impact Assessment*, *Environment Impact Assessment*, *Traffic Impact Assessment* dan lain-lain yang dianggap perlu dan sesuai. Tidak kekurangan juga, suruhanjaya ini patut dilengkapi dengan *Geographical Information System* ataupun dikenali sebagai GIS untuk menyediakan *Landslide And Flood Hazard Mapping* untuk seluruh Pulau Pinang. Begitu juga untuk projek *Pan Island Link* ataupun PIL yang amat memerlukan pemantauan dan penguatkuasaan yang sewajarnya demi menjaminkan pelaksanaan projek dijalankan dengan sistematik, selamat dan mengikut undang-undang.

Dato' Speaker, saya juga ingin mencadangkan supaya syarikat-syarikat pengelola ketiga-tiga penghubung utama, *the main three (3), three (3) main link* ke Seberang Perai iaitu Jambatan Pulau Pinang Pertama, Jambatan Pulau Pinang Kedua dan juga perkhidmatan feri digabungkan di bawah satu (1) syarikat untuk memastikan pengurusan yang lebih cekap dan bersepadu di mana, di mana *profit and loss* juga boleh disamaratakan ataupun diselaraskan dengan lebih berkesan.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen):**

Minta laluan.

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Jason Ong Khan Lee):**

Ya boleh, silakan.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen):**

Terima kasih kepada rakan saya daripada Kebun Bunga. Sememangnya saya tertariklah kepada cadangan Yang Berhormat Kebun Bunga untuk penubuhan satu (1) Suruhanjaya Sivil dan khususnya berkenaan dengan isu kejadian kemalangan tapak runtuh seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kebun Bunga. Secara spesifik untuk tapak projek di Lengkuk Lembah Permai iaitu projek Granito ni, Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif untuk menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Negeri pada 6 Disember 2017 untuk mengenal pasti punca kejadian tersebut dan mengikut cadangan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kebun Bunga tentang satu (1) Suruhanjaya Sivil ini, adakah Yang Berhormat Kebun Bunga berpendapat bahawa Suruhanjaya Siasatan Negeri ini tidak mencukupi ataupun tidak memadai untuk mengenal pasti punca-punca berlakunya kejadian tersebut sehinggakan Yang Berhormat Kebun Bunga mencadangkan satu (1) lagi suruhanjaya ditubuhkan untuk mengenal pasti punca kepada kemalangan ini?

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Jason Ong Khan Lee):**

Terima kasih Yang Berhormat daripada Pengkalan Kota. Sebenarnya penubuhan Suruhanjaya Kejuruteraan Sivil dan Geoteknik ini dia punya peranan lebih besar, dia ni bukan setakat untuk siasatan, ia juga dari segi pemantauan dan sebagainya. *So* bagi kes Granito yang telah di mana siasatan telah dijalankan adalah berbeza. *This is for overall situation.* Okey. Boleh saya teruskan Dato' Speaker? Okey, terima kasih.

Tadi saya, okay, telah menyentuh tentang tiga *link*, tadi *just know I suggested in fact* tiga (3) *link*...(dengan izin) kita ada kalau boleh dikelolakan di bawah satu (1) payung, *one company that will manage the three (3) links, Penang Bridge, Second Bridge and also The Ferry Terminal. Okay. So now* sebagai langkah pengantara, perkhidmatan feri juga perlu mengenakan caj ke atas pengguna-pengguna feri yang menuju ke Seberang Perai iaitu dari George Town ke Butterworth. Pengguna-pengguna feri yang menuju ke George Town dari Butterworth juga mesti dikenakan dengan caj yang sama. Pada masa yang sama *Inter-change Penang Central* di Bagan Dalam yang merupakan pusat tumpuan semua mod pengangkutan merupakan satu (1) inisiatif yang baik dan harus dilaksanakan di sebelah pulau di mana bas, monorel dan juga teksi serta feri boleh bertempat di satu (1) lokasi *One Stop Centre*.

Dato' Speaker, pokoknya sekiranya Kerajaan Negeri Pulau Pinang ingin menggerakkan manusia, kita mesti mempertingkatkan infrastruktur pengangkutan awam dan mempunyai *political will* untuk menempat semula dan/atau menghentikan aktiviti penjaja haram jalanan serta parkir haram. Di sini, saya juga ingin mencadangkan bahawa satu (1) caj dikenakan ke atas semua kenderaan yang bukan berdaftar di Pulau Pinang. Ini akan menggalakkan orang ramai yang memasuki Pulau Pinang untuk menggunakan pengangkutan awam. Dalam masa yang sama, langkah ini akan dapat membantu menurunkan bilangan kenderaan yang memasuki Pulau Pinang. Berbanding dengan 10 tahun dahulu, Pulau Pinang hanya mempunyai lebih kurang 300,000 kenderaan di jalan raya, kini Pulau Pinang dibanjiri dengan 1 juta kenderaan. "*Let's move people, not cars*".

Dan sekarang ni Dato' Speaker, izinkan saya untuk menyentuh tentang Projek Perumahan Rakyat dan Perumahan Mampu Milik. Dato' Speaker, masalah perumahan yang berpanjangan dan tiada penyelesaian di PPR Padang Tembak amat merisaukan dan menjejaskan kualiti kehidupan penduduk-penduduk di situ. Kerosakan lif dan pam air adalah terlalu kerap dan setiap kali pam air rosak, bekalan air akan terganggu untuk sehari dua. Bekalan air yang terputus dan juga lif yang sering rosak bukan hanya untuk satu (1) blok sahaja tetapi ke semua ke sembilan blok akan rosak berganti-ganti, bergilir-gilir tanpa henti. Untuk menangani masalah ini, saya ingin mencadangkan seperti berikut:

Pelan jangkasa masa pendek, *Short-term plan*. Iaitu menggantikan ke semua lif dan pam air secara berperingkat dan pada masa yang sama membeli-balik unit-unit kepunyaan swasta. Saya berasa lega kerana Ketua Menteri telah pun mengumumkan bajet RM10 juta untuk tujuan pembaikkan kerosakan flat PPR. Di samping itu, unit-unit kepunyaan kerajaan boleh diubahsuaikan dan lalu disewa kepada golongan yang berpendapatan rendah. Cadangan bajet pengubahsuaian yang berpatutan adalah dalam lingkaran RM20,000 untuk setiap unit dan dana ini boleh disumbangkan oleh pemaju-pemaju ataupun syarikat-syarikat di bawah program CSR, *Corporate Social Responsibility* untuk membantu golongan kurang mampu.

Yang kedua, Pelan jangkamasa sederhana atau dikenali *Mid-term plan*. Kutipan daripada tabung Bumiputera boleh digunakan untuk membeli unit-unit Bumiputera yang tidak dapat dijual untuk disewa balik kepada golongan Bumiputera yang miskin. Tabung Bumiputera ini juga boleh digunakan untuk membeli balik daripada pemilik-pemilik individu supaya stok unit-unit PPR kepunyaan kerajaan di kesemua lima (5) daerah Pulau Pinang boleh ditambahkan dan lalu disewakan semula kepada golongan Bumiputera yang berkelayakan. Susulan daripada itu, Sistem Maklumat Perumahan Kerajaan Negeri ataupun dikenali sebagai SMP, menunjukkan seramai 90,408 pemohon Rumah Mampu Milik, RMM. Mengikut ucapan Ketua Menteri Pulau Pinang kini mempunyai 97,242 unit RMM yang siap, sedang dibina dan akan dibina. Tahniah saya ucapkan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang efektif dan prihatin. Walau bagaimanapun, kedudukan di PPR Padang Tembak berlainan kerana terdapat banyak unit kosong yang sering diambil oleh, diambil alih oleh penagih dadah tanpa izin. Oleh yang demikian, saya mencadangkan Kerajaan Negeri untuk membeli balik unit-unit ini supaya unit-unit ini boleh disewa semula dan pada masa yang sama dapat membantu membanteras kegiatan penagih dadah di kawasan ini.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):**

Minta celah Yang Berhormat Kebun Bunga. Saya, saya baru sahaja dengar yang apa Yang Berhormat Kebun Bunga menyatakan mengenai unit-unit yang kosong di kawasan flat Padang Tembak la. Oleh itu saya nak minta adakah Yang Berhormat Kebun Bunga bersetuju bahawa Kerajaan Negeri mungkin kena meningkatkan penguatkuasaan terhadap mereka yang (dengan izin)...*abuse* flat-flat yang sepatutnya adalah untuk rakyat yang memang tidak mampu membeli sebuah rumah dan langsung tidak ada kemampuan untuk membeli rumah pada masa yang akan datang. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Jason Ong Khan Lee):**

Saya sangat berterima kasih kepada Yang Berhormat Pulau Tikus dengan cadangan yang baik. Memang penyalahgunaan rumah PPR amat berleluasa bukan sahaja di PPR Padang Tembak dan saya percaya juga di lain-lain tempat dan bagi pihak saya, saya pun juga telah memberi

cadangan kepada JKKK dan juga *service team* saya untuk kalau boleh membuat pemantauan dan bagi kan satu (1) senarai yang mereka telah menyalahgunakan, yang telah mula-mula menyewa daripada kerajaan lepas itu *sublet* kepada orang lain dengan harga sewa yang lebih tinggi. *I think we have to be very strict and concerning on this.* Saya berharap kerajaan...(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Tambahan.

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Jason Ong Khan Lee):**

Ya. Nak tambah atau celah?

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Tentang PPR. Mencelah.

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Jason Ong Khan Lee):**

Okey. Silakan.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Kita amat mengalu-alukan pihak Kerajaan Negeri nak menambah pembinaan PPR ini untuk tujuan mengatasi masalah golongan miskin memiliki rumah dan sewa rumah. Cuma saya lihat di PPR ni saya harap Kerajaan Negeri dapat melihat dari segi sosial, masalah sosial yang berlaku di PPR di Ampang Jajar contohnya. Kawasan tu jadi kawasan yang cukup merbahaya kepada penduduk di situ dan ia menjejaskan pertumbuhan akhlak kanak-kanak yang ada di sekitar tu sebab berlaku macam-macam, kecurian, penagihan dadah dan sebagainya. Saya minta satu pandangan Kebun Bunga supaya kita harapkan Kerajaan Negeri dapat menguatkuasakan ataupun melihat dari segi masalah sosial. Bagaimana cara kita untuk menyelesaikan masalah sosial yang berlaku di semua PPR bukan kata di Ampang Jajar, tapi di semua PPR yang berlaku masalah yang sedemikian. Kalau tak atasi, kalau kita bina lagi banyak, dia akan timbul masalah yang sama. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Jason Ong Khan Lee):**

Terima kasih cadangan daripada Yang Berhormat Sungai Dua. Memang ni masalah atau gejala sosial ni berlaku di kebanyakkan yang orang cakap *ghetto in English word is ghetto*, tempat yang orang miskin ramai terutamanya di rumah PPR. Cuma ni kalau kita nak menyelesaikan masalah sosial ni, kita memerlukan penglibatan semua pihak bukan sahaja kerajaan tapi penduduk dan juga RT, JKKK dan sebagainya dan inisiatif Kerajaan Pakatan dalam memperkenalkan ini PPS, Pasukan Peronda Sukarela memang ada kesannya dalam membantu membanteras kegiatan sosial ini, tetapi malangnya telah diharamkan. *So* walau bagaimanapun kita akan maju ke depan Yang Berhormat Sungai Dua. Okey, di mana saya, saya akan teruskan dengan, okey, di mana saya.

Okey, tadi saya dengan dalam topik Ketua Menteri tadi ada kita ada memberitahu Dewan bahawa kini ada Pulau Pinang ada 97,242 unit RMM yang telah siap sedang dibina, saya telah mengucapkan tahniah kerana ini inisiatif Kerajaan Negeri. 97242 *units is not easy thing....*(dengan izin). *I think in a short period.* Dalam jangka masa 10 tahun. *I think this is a great achievement ...(*dengan izin).

Dato' Speaker, *so* di sini adalah juga dicadangkan bahawa Kerajaan Negeri mempertimbangkan keadaan golongan B40 yang bukan Bumiputera dan lalu mengambil langkah yang sama untuk membeli balik unit-unit untuk disewakan kepada golongan B40 yang bukan Bumiputera, dan tadi untuk juga menjawap kepada cadangan Sungai Dua, *that way I* cadangkan bukan sahaja kita nak Kerajaan Negeri bina terus bina rumah PPR tapi kita kalau boleh membeli unit-unit RMM *affordable housing which is better of better quality* ini cadangan saya.

Dato' Speaker, selain itu Kerajaan Negeri juga boleh membeli rumah mampu milik tersebut daripada pemaju-pemaju dengan harga diskaun premium iaitu pada harga kos ataupun dibawah harga pasaran. Sebahagian kos belian tersebut boleh ditolak atau kontra daripada sumbangan pihak pemaju untuk pembinaan rumah kos rendah.

Dato' Speaker, saya dimaklumkan bahawa buat masa ini banyak memang rumah mampu milik telah dibina tapi *the take up rate is quit low*, yang saya tahu paling banyak *take up rate* ialah lebih kurang 90% untuk satu projeklah dimana lokasinya cukup baik di Tanjong Tokong tapi di tempat lain dia punya *take up rate* adalah yang tak sampai 50%. Itu sebab saya nak cadangkan kalau boleh Kerajaan Negeri *buy over* membeli unit-unit dan disewa balik kepada rakyat yang miskin, dan untuk plan jangka masa panjang *long term plan,* saya mencadangkan Kerajaan Negeri mengambil alih tanah Pengkalan Sukarela, Persekutuan Unit Tiga untuk membina rumah PPR baru untuk menempatkan semula penduduk-penduduk Blok A sehingga J. Sementara tapak blok-blok lama dibangunkan semula dengan rumah pangsa baru. Memandangkan keadaan tempat kediaman PSP Unit 3 juga rosak usang dan perlu digantikan…(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Saya mintak celahan sedikit, untuk perumahan mampu milik, saya nak cadangkan kalau boleh. Terdapat banyak kuarters-kuarters kerajaan di belakang rumah saya di Taman Seri Serdang ada kuarters guru yang kosong 2, 3 blok kosong ada 20%, 30% saja yang tinggal termasuk kuarters-kuarters yang lain. Saya pernah cadangkan dalam mesyuarat yang peringkat jabatan dalam penggal yang lepas dan juga di peringkat pengurusan supaya kuarters ini dilihat semula, dilihat semula supaya tak terbiar tak tinggal mungkin pihak Kerajaan Negeri boleh bincang dengan pihak lain Kerajaan Pusat dan sebagainya jabatan terlibat, agensi terlibat, Kementerian terlibat untuk kita jadikan dia sebagai rumah sewa atau *rent to own,* mungkin boleh serahkan kepada sebab orang dah tak minat duduk kuarters dah ni, kuarters kosong kuarters terlampau banyak kosong dan dia merugikan.

Bila keperluan tu banyak kalau boleh kita jadikan kuarters ni kita senaraikan balik kuarters ni banyak mana yang ada di Pulau Pinang saya rasa banyak yang kosong dan kita berikan buka satu kaedah lain untuk kita sewakan dan sebagainya yang boleh memberi ruang kepada masyarakat yang nak rumah ni boleh dapatkan rumah itu tambahan kepada apa komen kepada Yang Berhormat, terima kasih.

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Jason Ong Khan Lee):**

Terima kasih Yang Berhormat Sungai Dua, yang saya tahu juga ada yang kuarters yang kosong kerana keadaan sudah membimbangkan dan porak perandalah tak boleh digunapakai lagi itu sebab terpaksa dikosongkan. Walau bagaimanapun saya percaya Kerajaan Pakatan Harapan baru ambil Kerajaan Persekutuan kerana ini kuarters ini melibatkan agensi Persekutuan. *So* saya berasa ini semua akan dilaksanakan pada penggal ini sebab masih baru lagi la kerajaan ini.

*So*, okey balik kepada *long term plan* yang saya cadangkan secara umumnya flat-flat di Padang Tembak telah siap dibina sejak tahun 1969 dan kini telah berusia hampir 50 tahun. Mengikut ketetapan negara-negara lain jangka hayat bangunan flat adalah di antara 60 sehingga 70 tahun.

Di UAE jangka hayat purata sebuah bangunan hanya adalah di antara 15 sehingga 30 tahun. Flat yang baru boleh dibangunkan dilokasi ini mengikut spesifikasi yang baru dicadangkan oleh Kerajaan Pusat yang iaitu 900 kaki persegi setiap unit. *This is a good suggestion 900 per square feet...*(dengan izin), *for every unit.* Pada halnya lokasi Padang Tembak adalah sangat strategik merupakan satu-satunya penempatan *urban poor* yang perlu menerima perhatian khas daripada Kerajaan Negeri. Daripada ke semua 9 blok ataupun 3675 unit kediaman dan 65 unit kedai yang dibina hanya dua (2) blok sahaja yang dimilik oleh kerajaan.

Walau bagagaimanapun, penyelenggaraan kesemua 9 blok masih di bawah kelolaan Kerajaan Negeri dan oleh itu tanggungjawab penyelenggaraan lif, pam air dan kebersihan persekitaraan atau pun dikenali sebagai *common area* adalah masih terletak pada Kerajaan Negeri. Mengikut rekod semasa saya berkhidmat sebagai wakil rakyat 2008-2013, Kerajaan

Negeri pernah memperuntukkan lebih kurang RM15 juta untuk empat (4) tahun iaitu dari 2008 sehingga 2012 bagi tujuan kerja-kerja pembaikan di Rumah Pangsa Padang Tembak.

Dato' Speaker, apabila sebuah kerajaan mengambil berat terhadap semua lapisan rakyat kita menjadi sebuah kerajaan yang berperihatin dan hasilnya ialah kita akan memupuk sebuah masyarakat yang penyayang. Susulan daripada itu sebuah masyarakat yang penyayang akan menzahirkan perasaan puas hati dan mesra dengan kebahagiaan. Tidak boleh dinafikan bahawa sebuah masyarakat yang bahagia mempunyai peratusan yang lebih tinggi untuk mencapai kejayaan dalam hal peribadi, urusan keluarga dan juga dalam kejayaan. Jadi marilah kita bersama-sama menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri yang bahaya, bahagia, bukan bahaya…(ketawa), mesti betul…gangguan). Bukan intonasi, *pronounsation. Alert*, . *Alert,* Yang Berhormat semua *alert*.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila sambung

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Jason Ong Khan Lee):**

Ya, terima kasih Dato Speaker dengan ulasan-ulasan seperti di atas. Saya berharap bahawa Kerajaan Negeri dapatlah memberi keutamaan di Kawasan Padang Tembak dengan kadar segera supaya penduduk di sana tidak lagi terasa terpinggir dan sini saya nak menyentuh tentang pengecualian premium untuk pemaju-pemaju rumah kos rendah dan rumah kos sederhana.

Dato' Speaker, walaupun Pulau Pinang pernah diiktirafkan sebagai sifar golongan miskin tegar tapi realitinya Pulau Pinang masih terdapat ramai lagi yang lebih dikenali sebagai *Urban Poor*. B40 dan juga M40 berasa tertekan dengan kos sara hidup yang tinggi terutamanya dengan cukai baru yang akan dikenakan pada tahun hadapan. Sepertimana yang diumumkan oleh Ketua Menteri semasa belanjawan 2019 Negeri Pulau Pinang. Kemaskini terkini untuk rumah mampu milik yang terdiri dari tiga (3) kategori iaitu RMM (A) dengan harga maksima RM42,000 RMM (B) harga maksima RM72,000 dan RMM (C) dengan harga maksima RM300,000.

Dato' Speaker, untuk menurunkan lagi harga jualan pemaju-pemaju saya ingin mencadangkan supaya premium ataupun *compliance cost* yang dikenakan ke atas pemaju-pemaju rumah mampu milik dikecualikan dengan sepenuhnya kalau boleh di bahagian Pulau. Saya juga ingin mencadangkan supaya Kerajaan Negeri mengintegasikan sistem maklumat perumahan dengan *big data* yang terdapat disfera awam (dengan izin)....*public sphere* untuk mengurangkan peratusan pembeli yang tidak layak tapi masih dapat membeli rumah kos sederhana ataupun rumah mampu milik. Kelemahan ini sering dieksploitasi oleh pembeli-pembeli yang mempunyai kekayaan untuk membeli rumah tersebut secara wang tunai.

Jadi dengan izin Dato’ Speaker untuk mengelakkan kejadian ini berterusan, Kerajaan Negeri juga patut melantik firma audit bebas untuk menjalankan audit ke atas proses permohonan dan kelulusan pembelian rumah PPR, rumah kos rendah dan rumah kos sederhana dan rumah mampu milik. Jadi dengan ini, saya memohon untuk menyokong. Sekian terima kasih.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih YB. Kebun Bunga. Sila KOMTAR.

**Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):**

Yang Berhormat Dato’ Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, salam sejahtera dan salam harapan. KOMTAR ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato’ Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada KOMTAR untuk mengambil bahagian dalam sesi perbahasan belanjawan 2019 Negeri Pulau Pinang di dalam Dewan Yang Mulia ini. Belanjawan 2019 Pulau Pinang merupakan bajet yang memberi perhatian dalam usaha untuk melaksanakan visi pembangunan negeri iaitu *Penang 2030*. Adalah penting untuk Kerajaan Negeri memperkukuhkan daya saing negeri ini dengan menentukan objektifnya terlebih dahulu dan sebagai seorang ADUN saya menyokong penuh visi *Penang 2030* di bawah pemerintahan Ketua Menteri Pulau Pinang demi masa depan Pulau Pinang.

Sepertimana yang kita semua sedia maklum, Pulau Pinang mempunyai hasil negeri yang terhad kebanyakannya berkait dengan urusan tanah. Maka Kerajaan Negeri Pulau Pinang memerlukan pendapatan alternatif agar program-program kebajikan, projek-projek menaik taraf infrastruktur dan projek mega dapat terus dilaksanakan. Saya berasa sangat gembira apabila mendapat tahu bahawa Pulau Pinang akan memperolehi sebanyak 50% daripada cukai pelancongan yang telah dikutip sepertimana yang telah diumumkan ketika pembentangan Belanjawan Persekutuan 2019. Pemulangan 50% cukai pelancongan itu bermakna Kerajaan Negeri dijangka memperolehi dana lebih daripada RM10 juta.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, dikesempatan ini juga saya ingin meminta agar Kerajaan Persekutuan dapat mempertimbangkan agar 10% daripada hasil cukai yang dikutip dapat dipulangkan kepada negeri-negeri tempat pembayar cukai bermastautin selaras dengan manifesto Pakatan Harapan. Memandangkan Pulau Pinang merupakan antara negeri yang membayar cukai yang paling tinggi kepada Kerajaan Persekutuan. Pembangunan negeri seperti pembinaan infrastruktur sememangnya memerlukan dana yang besar. Meski pun Kerajaan Negeri membentangkan belanjawan defisit namun segala kepentingan rakyat tidak boleh diabaikan. Saya percaya dengan pertambahannya pendapatan Kerajaan Negeri dapat menyalurkan dana ke dalan pasaran untuk merangsang ekonomi negeri apabila keadaan ekonomi tidak baik.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang topik federalisme yang semalam di *debate* panjang lebar fokus oleh Bukit Tengah. Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir dalam ucapan pembentangan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-11 telah menyatakan bahawa hubungan antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan akan ditambah baik dengan mengembalikan semula semangat federalisme. Kuasa Kerajaan Negeri akan diperkasa melalui proses pengagihan kuasa pusat bagi beberapa fungsi termasuk pengangkutan awam, perkhidmatan sosial dan perlindungan alam sekitar. Saya percaya pengumuman tersebut sangat dialu-alukan oleh Kerajaan Negeri. Seperti mana yang kita semua sedia maklum Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan adalah lebih dekat dengan masyarakat tempatan dan peka terhadap keperluan dan masalah yang mereka hadapi.

Saya berharap agar Kerajaan Persekutuan bukan sahaja hanya menurunkan kuasa tetapi perlu juga membantu dari segi penyediaan peruntukan bagi memastikan dana yang secukupnya disalurkan kepada negeri untuk menjayakan funfgsi-fungsi tertentu. Kerajaan Negeri mempunyai kuasa yang terhad dan ini boleh dilihat apabila kita menghadapi kesukaran semasa ingin mendapat kelulusan sesuatu projek dari Kerajaan Pusat sebagai contohnya C.A.T bas percuma yang telah dilancarkan di Negeri Pulau Pinang baru-baru ini. Kerajaan Negeri bukan sahaja terpaksa mengeluarkan dana yang banyak namun juga perlu mendapatkan kerjasama daripada Rapid Penang dan SPAD baru boleh melaksanakan program ini. Ini juga dihadapi semasa Kerajaan Negeri ingin melaksanakan Projek PTMP.

Kerajaan negeri sepatutnya perlu diberi lebih kuasa demi memudahkan kemajuan negeri. Saya juga berharap agar Kerajaan Negeri boleh memohon dengan Kerajaan Pusat supaya berkongsi cukai yang dibayar dengan rakyat Pulau Pinang. Sebagai contoh, setiap tahun rakyat dan syarikat di Pulau Pinang membayar cukai sebanyak RM5 bilion kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN). Sekiranya Kerajaan Negeri boleh mendapat balik bayaran 10% iaitu RM500 juta, maka Kerajaan Negeri akan mempunyai dana yang cukup untuk pembangunan negeri.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Program i-Sejahtera ucapan Belanjawan 2019 yang dibentangkan oleh Ketua Menteri Pulau Pinang telah menyatakan bahawa Kerajaan Negeri akan mengkaji semula program i-Sejahtera yang telah dilaksanakan selama 10 tahun ini selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.

Saya menyokong cadangan Ketua Menteri. Ketika Kerajaan Negeri menjadi salah satu negeri Pembangkang pada masa dahulu, banyak program kebajikan di peringkat Kerajaan Pusat tidak melibatkan rakyat Pulau Pinang. Maka Kerajaan Negeri pada masa ketika itu terpaksa melancarkan program-program kebajikan yang tersendiri bagi memastikan kebajikan rakyat negeri ini terus dipelihara.

Dan selepas peralihan kuasa pada PRU ke 14 yang lalu, kini Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat adalah dari pakatan yang sama. Oleh itu adalah wajar Kerajaan Negeri ingin mengkaji semula program-program kebajikan tersebut bagi mengelakkan berlakunya pertindihan sekali gus dapat menjimatkan dana bagi membolehkan program-program baru yang lain dirangka.

Tetapi saya berpendapat bahawa Program Penghargaan Warga Emas perlulah dikekalkan kerana program ini sangat signifikan kepada rakyat Pulau Pinang khususnya. Program Penghargaan Warga Emas ini merupakan program kebajikan pertama dibuat oleh Kerajaan Negeri Pakatan Harapan bagi menghargai golongan ini.

Ini adalah hasil daripada penjimatan Kerajaan Negeri yang berlandaskan pentadbiran CAT dan tidak makan rasuah. Walaupun bayaran RM100 (ketika mula-mula dijalankan) dan kini dinaikkan kepada RM130 setahun dilihat hanyalah jumlah wang yang kecil dan tidak membawa impak kewangan yang ketara kepada penerima program penghargaan warga emas tetapi ia akan sentiasa dinantikan oleh rakyat di negeri ini dan ia mengingatkan kita betapa pentingnya kerajaan yang bersih berbanding dengan kerajaan yang korupsi dan makan duit rakyat.

Menurut kajian oleh Institut Penyelidikan Khazanah, pada tahun 2016…(gangguan).

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman):**

Minta laluan… saya nak penjelasan daripada Yang Berhormat KOMTAR tentang korupsi kerajaan, beri penjelasan.

**Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):**

Terima kasih Permatang Berangan, korupsi yang saya tujukan yang membawa maksud di sini adalah kerajaan Barisan Nasional yang lepas. Tentang kes 1MDB. Apa yang ditinggalkan kepada rakyat selepas Barisan Nasional kalah di PRU ke 14 adalah hutang RM1 trilion. Inilah semua orang tahu…(gangguan).

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman):**

Saya mohon perkara ini tidak diputuskan atau pun prejudis atau subjudis. Sebab benda ini masih dalam siasatan dan dakwaan dan belum dijatuhkan hukuman oleh mahkamah. Jadi saya mengharapkan agar tiada isu untuk tuduhan korupsi terhadap kerajaan terdahulu.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sambung.

**Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):**

Dato' Yang di-Pertua saya sambung, menurut kajian oleh Institut Penyelidikan Khazanah, pada tahun 2016, perbelanjaan keperluan harian bagi isi rumah dengan pendapatan bulanan di bawah RM2,000 adalah 95% daripada jumlah pendapatan. Selepas mengambil kira inflasi, baki yang tertinggal cuma adalah RM76, jauh lebih rendah daripada RM124 pada tahun 2014. Selain makanan, perbelanjaan yang paling besar adalah perumahan dan pengangkutan.

Di sini, saya ingin mencadangkan agar Kerajaan Negeri dapat meningkatkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) dari RM790 sebulan kepada RM1,000 sebulan dan juga memastikan pendatapan per kapita isi rumah tidak kurang daripada RM300.

Mana-mana keluarga yang berpendapatan per kapita kurang daripada jumlah RM300, Kerajaan Negeri akan “tambah nilai” atau *top-up*…(dengan izin) kepada genap RM300. Contohnya, isi rumah yang mempunyai lima (5) orang ahli. Sekiranya pendapatan isi rumah kurang daripada RM1000 sebulan, Kerajaan Negeri akan “tambah nilai” sebanyak RM500 setiap bulan.

Tidak dapat dinafikan bahawa kos sara hidup agak tinggi di Pulau Pinang kini. Jika pendapatan sebulan untuk satu isi rumah adalah kurang dari RM1,000, sudah tentu kehidupan harian mereka akan terjejas.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Hasrat Kerajaan Negeri untuk memperluaskan liputan jalur lebar talian tetap dengan kelajuan internet melebihi 100 Mbps (*megabytes per second*) merupakan berita yang amat baik. Ramai wakil rakyat telah mengadu tentang kualiti internet sekarang, dan perkhidmatan internet di Pusat Khidmat saya juga tidak stabil.

Pusat khidmat saya sering menerima aduan dari orang ramai bahawa kawasan mereka tidak mempunyai perkhidmatan Unifi atau TIME, dan semasa memohon dengan telco berkenaan untuk mendapatkan perkhidmatan, mereka akan dikenakan bayaran penyambungan jalur lebar fiber optik yang tinggi. Saya berharap agar Kerajaan Negeri dapat mencari satu penyelesaian bagi mengatasi masalah ini.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang mempunyai 1,550 *hotspot* yang memberikan kemudahan internet percuma kepada semua rakyat, namun kelajuan untuk *Penang Free Wifi* hanyalah 1Mbps (*megabytes per second*) sahaja dan ia akan menjadi sangat perlahan sekiranya ramai orang berkongsi satu *hotspot*.

Saya telah menerima aduan daripada orang ramai tentang pengalaman yang tidak baik semasa menggunakan *Penang Free Wifi*. Menurut statistik yang diterima daripada *Redtone* iaitu pembekal *Penang Free Wifi* menunjukkan terdapat penurunan penggunaan bulanan aktif sejak awal tahun 2018 iaitu dari 525,301 pengguna pada bulan Januari kepada 350,208 pengguna pada bulan September iaitu pengurangan sebanyak kira-kira 30%.

Untuk makluman semua, dahulunya Kerajaan Negeri Pulau Pinang membayar RM129,200 untuk perkhidmatan *free wifi* ini. Apabila kelajuan jalur lebar ini dipertingkatkan pada tahun 2015, Kerajaan Negeri telah membayar kos tambahan RM25,000 setiap bulan kepada menjadikan jumlahnya sebanyak RM154,200 untuk perkhidmatan *Penang Free Wifi* ini.

Walau bagaimanapun, pengguna bulanan aktif semakin berkurangan yang mungkin disebabkan oleh saingan yang berlaku kini apabila telco-telco telah menawarkan perkhidmatan pelan wifi yang cepat dan murah. Soalan saya, adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk meningkatkan mutu perkhidmatan *Penag Free Wifi*, selain itu akan menambah bilangan *hotspot* di kawasan luar bandar?

Perkhidmatan *Smart* Selangor yang telah dilancarkan oleh Kerajaan Negeri Selangor menggunakan jalur lebar berkelajuan tinggi yang boleh mencecah 30 *megabytes per second* dengan kelajuan penggunaan individu tidak akan jatuh kurang daripada 1 *megabytes per second* dan diletakkan had masa dan kelajuan supaya perkhidmatan tersebut tidak terletak kepada sebilangan pengguna sahaja.

Selain itu, wifi percuma yang dibekalkan oleh negara jiran kita *Singapore* pun mencecah sehingga 5 *megabytes per second* dan juga mempunyai lebih daripada 20,000 *hotspot*.

Banyak negara sedang membuat persiapan untuk era 5G, saya ingin tahu apakah rancangan Kerajaan Negeri menjelang era 5G ini bagi mewujudkan teknologi automatik yang akan digunakan secara meluas demi menarik pelabur asing?

Yang berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan syabas kepada Kerajaan Negeri Kedah atas keputusan untuk mendengar suara rakyat dan permintaan Kerajaan Negeri agar menghentikan semua aktiviti pembalakan di hutan simpan... hutan Simpanan Ulu Muda.

Sesungguhnya tindakan ini sangat penting bagi memastikan kawasan tadahan air tersebut tidak dirosakkan dan memastikan sumber air kepada sungai minta maaf, memastikan sumber air kepada Negeri Kedah, Perlis dan Pulau Pinang terus dipelihara. Ulu Muda membekalkan 85% sumber air mentah kepada Negeri Pulau Pinang dan ianya merupakan sumber penting kepada kita.

Walau bagaimanapun, saya bersetuju dengan Ketua Menteri bahawa Pulau Pinang tidak patut diberi tanggungjawab untuk membayar pampasan kepada Kerajaan Negeri Kedah ataupun syarikat-syarikat pembalakan yang terjejas. Sebaliknya akan menyokong Kerajaan Kedah untuk menuntut peruntukkan khas dari Kerajaan Persekutuan sebagai ganti rugi hasil pembalakkan atau usaha mempertahankan kawasan tadahan air yang penting ini.

Menurut jawapan yang diberikan oleh CEO PBAPP Dato' Ir. Jaseni, dokumen yang dicatatkan pada tahun 1825 menetapkan Sungai Muda sebagai sebahagian daripada Negeri Pulau Pinang. Pada masa yang sama, mantan Ketua Menteri Pulau Pinang juga pernah menandatangani satu perjanjian dengan Kerajaan Kedah menetapkan sempadan negeri dengan jaminan memberi sumber air kepada Negeri Pulau Pinang.

Situasi Kedah dan Pulau Pinang adalah agak berbeza dengan Perjanjian Pahang dengan Selangor dan Johor dengan Melaka yang melibatkan *inter-basins*. Pulau Pinang hanya mengambil air mentah dari sungai Muda di bahagian sempadan Negeri Pulau Pinang. Kalau pun Pulau Pinang tidak mengambilnya. Air tersebut tetap akan mengalir ke laut.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya telah banyak kali mencadangkan pembinaan Rumah Transit Gelandangan pada Sidang Dewan Undangan Negeri yang lepas. Saya juga mencadangkan lokasi untuk membina pusat ini iaitu di lot. 19, Jalan C.Y. Choy yang merupakan bangunan rumah kedai milikan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).

Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Sungai Puyu dan Kerajaan Negeri yang telah meneliti cadangan saya ini dan akhirnya telah membuat keputusan untuk merealisasikan cadangan ini melalui Belanjawan 2019 Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Saya berharap agar projek ini dapat dilaksanakan secepat mungkin supaya dapat membantu golongan gelandangan yang semakin berleluasa di sekitar KOMTAR.

Saya berharap orang ramai dan NGO yang ingin memberi makanan dan bantuan kepada gelandangan ini boleh berdaftar dengan pusat ini supaya mengelakkan pembaziran makanan. Aktiviti-aktiviti pengedaran makanan dan bantuan di tepi jalan dan tempat-tempat awam perlu dielakkan, kerana pengedaran makanan dan bantuan hanya akan lebih menggalakkan masalah gelandangan ini.

Tujuan pusat ini adalah untuk mengurangkan bilangan gelandangan dan bukan menggalakkan lebih ramai gelandangan. Latihan kemahiran kepada gelandangan produktif dipercayai akan meningkatkan keyakinan diri gelandangan masyarakat apabila kembali ke pangkuan masyarakat.

Saya juga ingin mencadangkan Kerajaan Negeri supaya boleh menjemput dan bekerjasama Persatuan Tzu Chi untuk menjayakan rancangan ini.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Saya amat berterima kasih kepada Kerajaan Negeri atas keprihatinan terhadap cabaran yang dihadapi oleh rakyat dan bersetuju untuk terus memberi pengurangan cukai pintu pada kadar 50% bagi rumah kos rendah dan kos sederhana rendah dan pengurangan 3% bagi lain-lain kategori.

Walaupun pengurangan ini adalah lebih rendah daripada tahun 2018, saya berpendapat rakyat akan memahami yang kerajaan juga ada kekangannya. Kerajaan Pakatan Harapan berjanji kepada rakyat bahawa setiap sen cukai yang dibayar oleh rakyat akan digunakan secara berhemah.

Satu cadangan yang pernah saya bangkitkan pada sidang DUN yang lepas adalah mengenakan cukai pintu dan cukai tanah yang lebih tinggi bagi rumah usang dan tanah terbiar yang tidak diselenggara dengan baik.

Rumah usang dan tanah terbiar ini memang membawa banyak masalah kepada persekitaran. Contohnya adalah seperti risiko kebakaran, pembiakan nyamuk Aedes juga menjejaskan imej bandar dan pihak berkuasa perlu menghabiskan lebih masa dan tenaga untuk memastikan masalah-masalah ini dapat dihapuskan.

Oleh itu, mengenakan cukai yang lebih tinggi terhadap pemilik-pemilik ini adalah berasas dan saya berharap dengan cadangan ini, pemilik tidak akan lagi membiarkan rumah atau tanah itu terbengkalai dan usang sewenang-wenangnya.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, seringkali kita mendengar Kerajaan Pusat mengatakan bahawa Pulau Pinang adalah negeri yang lebih maju dan tidak perlu banyak bergantung kepada bantuan Kerajaan Pusat.

Saya amat tidak bersetuju dengan kenyataan ini. Saya ingin mengambil *Sister City of Penang,* Xiamen sebagai contoh. Pada tahun 1993, Delegasi Xiamen datang ke Pulau Pinang untuk belajar dan selepas 25 tahun, pembangunan Xiamen boleh dikatakan lebih maju dari kita sekarang. Apakah yang menyebabkan Xiamen membangun dengan begitu cepat?

Jawapannya adalah kerana Kerajaan China telah memilih Xiamen sebagai salah satu bandar yang diberi keutamaan untuk dimajukan. Banyak dana pembangunan telah dibekalkan oleh Kerajaan China kepada bandar Xiamen. Berbanding dengan Pulau Pinang, apa yang kami dapat dari Kerajaan Persekutuan sebelum ini?

Oleh itu, berharap agar Kerajaan Negeri Pulau Pinang boleh membuat lebih banyak permohonan kepada Kerajaan Pusat kerana Pulau Pinang telah dianaktirikan selama ini di bawah pemerintahan Barisan Nasional. Selepas perubahan dan peralihan kuasa pada 9 Mei, kini Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat adalah sehala, malah inilah masanya negeri Pulau Pinang diberi keutamaan dan didahulukan, adakah Yang Berhormat – Yang Berhormat dalam Dewan Yang Mulia ini semua setuju? (Ahli Dewan menepuk meja)

Negeri Pulau Pinang merupakan negeri pelaburan perindustrian elektrik dan elektronik yang termasyhur di Malaysia. Demi pembangunan Industri 4.0, Bajet 2019 Malaysia telah memperuntukkan RM210 juta untuk membantu SME bagi mentransformasikan kilang mereka ke arah platform Industri 4.0.

Saya berharap agar peruntukan ini boleh diutamakan kepada SME di Negeri Pulau Pinang untuk membantu SME terus berdaya saing dengan SME di negara lain. Kerajaan Pusat juga perlu memperuntukkan lebih dana untuk memberi latihan kepada pekerja supaya mereka sedia menghadapi cabaran Industri 4.0 di samping menambahkan kursus TVET kepada pelajar kita. Ini penting bagi mengekalkan potensi Pulau Pinang sebagai *Silicon Valley of Asia* dan pilihan utama pelabur asing di rantau Asia.

Saya mengalu-alukan cadangan Ketua Menteri untuk menjalankan kajian fisibiliti untuk membina satu lapangan terbang antarabangsa baru di Selatan Pulau Pinang melalui tebus guna tanah. Cadangan ini dilihat bagus demi pembangunan negeri bagi masa hadapan.

Lapangan Terbang yang sedia ada boleh ditukarkan sebagai Lapangan Terbang Khas Kargo. Ataupun boleh dijadikan zon perindustrian berteknologi tinggi. Hal ini kerana pada masa kini, tiada lagi tanah yang boleh diperuntukkan kepada pihak pelabur yang ingin membina kilang di kawasan ini, dan permintaan tanah di kawasan ini sangat tinggi. Rancangan untuk membina sebuah Lapangan Terbang mengambil tempoh yang agak panjang, merangkumi kajain, perancangan, kelulusan Kerajaan Pusat dan kerja-kerja pembinaan memakan masa sekurang-kurangnya 10 tahun, maka kajian perlu dimulakan sekarang.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Minta penjelasan, terima kasih KOMTAR kerana menyebutkan tentang lapangan terbang untuk Koridor Utara. Setujukah bukan adakah Ahli YB. KOMTAR juga maklum tentang ada satu cadangan untuk membina satu lapangan terbang yang bersifat kargo juga di bahagian selatan Kedah iaitu Kulim dan Kulim itu pun berdekatan dengan Seberang Perai dan adakah pembinaan cadangan tersebut sekiranya boleh dilaksanakan? Memandangkan sekarang kerajaan Negeri Kedah dan juga Negeri Pulau Pinang adalah daripada Pakatan Harapan dan juga Kerajaan Pusat juga terdiri daripada Pakatan Harapan. Adakah untuk membolehkan rancangan perancangan pembangunan untuk masa yang akan datang yang lebih besar yang merangkumi No*rthern Corridor* ini? Adakah ia lebih sesuai sekiranya ia dibina di Kulim. Untuk kita melepaskan *the interest self interest* tapi lebih besar Wilayah Utara ini? Adakah lebih baik kita buat di bahagian Kulim dan kita tak perlu membuat tambakan laut lagi untuk membina lapang terbang di Pulau Pinang ini?

**Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):**

Terima kasih Machang Bubuk, seperti apa yang dikatakan oleh Machang Bubuk. Kedah sekarang ingin membina lapangan terbang baru itu khasnya untuk kargo sahaja dan adakah lebih sesuai untuk bagi peluang ini atau tugas ini membina Lapangan Terbang Antarbangsa yang baru untuk Koridor Utara lebih sesuai di Kulim atau di Pulau Pinang? Saya ingat ini akan dijawab oleh

pakar lah saya bukan pakar tapi saya setuju dengan Ketua Menteri untuk mulakan kajian lah. Apa-apa projek yang ingin dilaksanakan perlu membuat kajian yang teliti lah.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

KOMTAR berapa lama agak, okey sila duduk. Terima kasih KOMTAR. Ahli-ahli Yang Berhormat saya perlu henti rehat dan saya nak tangguhkan Dewan dan kita bersidang semula pada jam 2.30 petang.

***Dewan ditangguhkan pada jam 1.10 tengah hari.***

***Dewan disambung semula pada jam 2.30 petang.***

**Setiausaha Dewan:**

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang berhormat Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, sesi perbahasan. Dipersilakan Yang Berhormat Ahli Kawasan KOMTAR.

**Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):**

Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua. Izinkan saya sambung perbahasan saya. Saya bersyukur bahawa Kerajaan Negeri memandang serius terhadap usaha-usaha bagi memupuk budaya sukan dan bersenam di kalangan rakyat dan pengumuman-pengumuman dalam belanjawan untuk membina fasiliti sukan di beberapa daerah ini adalah berita yang amat menggalakkan. Akan tetapi dalam masa yang sama, saya ingin menarik perhatian Kerajaan Negeri tentang rancangan pembangunan fasiliti sukan di Batu Kawan. Dalam rancangan ini, tanah seluas 150 ekar telah dizonkan sebagai Hub Kompleks Sukan Negeri Pulau Pinang. Tetapi sehingga hari ini hanya satu perempat daripada jumlah tanah digunakan untuk membina stadium dan juga tempat letak kereta. Lebih 70% dari kawasan tersebut masih tidak dibangunkan. Dalam lawatan yang dibuat bersama media pada 20 September ke Stadium Batu Kawan, Yang Berhormat Bukit Tambun menyatakan bahawa walau pun stadium tersebut kerap disewa oleh orang ramai dan sektor swasta untuk menjalani aktiviti dan sukan. Namun, ianya jarang digunakan untuk menjalani aktiviti berskala besar. Setahu saya tempat letak kereta stadium tersebut lebih kerap digunakan untuk menjalankan aktiviti berbanding dengan stadium tersebut. Kerajaan Negeri telah mengalami kerugian dari segi penyelenggaraan, menyelenggara stadium tersebut setiap tahun sehingga pemilikan stadium akhirnya diberi kepada PDC pada tahun 2014. Walau pun PDC telah memperuntukkan RM2.86 juta untuk menaik taraf stadium tersebut. Namun, stadium tersebut masih bukan pilihan pertama ketika menjalani aktiviti sukan di Pulau Pinang dengan kebanyakan pihak masih memilih Stadium Bandaraya Pulau Pinang.

Saya ingin mencadangkan pihak Kerajaan Negeri agar dapat memberi fokus kepada membangunkan fasiliti sukan seperti gelangang bola keranjang, badminton, kolam renang, arena untuk wu shu, taekwondo, karate, silat dan aktiviti sukan yang lain-lain di sini, dan mungkin sukan Majlis Sukan Negeri boleh mempertimbangkan untuk memindah pejabat dan pusat latihan sekarang di Batu Uban ke Batu Kawan.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Yang Berhormat KOMTAR telah menyatakan bahawa Stadium Batu Kawan kurang mendapat sambutan penganjur-penganjur sukan. Mereka lebih gemar datang ke Stadium Bandaraya. Adakah salah satu sebabnya kerana harga yang diletakkan oleh PDC untuk sewa fasiliti stadium itu mahal berbanding dengan Stadium Bandaraya, di mana saya diberitahu sebanyak RM12,000 setiap kali sesuatu pasukan itu nak guna. *In fact,* kalau Persatuan Bola Sepak Negeri Pulau Pinang. Pengerusinya presidennya mempengerusikan mesyuarat kita pun kena bayar RM12,000.

*So*, saya mencadangkan pihak PDC perlu menjalankan tanggungjawab sosial, *comporate social responsibility* dan saya cadangkan di sini supaya pihak PDC menaja stadium untuk Pasukan Bola Sepak Pulau Pinang bermain. *The homegrown,* sebagai *homegrown* di Stadium Batu Kawan dan di mana akan menarik lebih banyak peminat Bola Sepak Pulau Pinang datang ke stadium ini dan seterusnya akan melariskan lagi kegunaan stadium tersebut. Itu pandangan saya Yang Berhormat KOMTAR.

**Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):**

Terima kasih Bagan Dalam. Memang ini mungkin adalah satu punca dan satu cadangan yang bagus. *So*, mungkin barisan EXCO boleh buat pertimbangan. Batu Kawan sememangnya berpontensi untuk ditransformasikan sebagai *hub* sukan Pulau Pinang. Jikalau hanya ada stadium dan tidak ada fasiliti sukan yang lain, kadar penggunaan stadium tidak akan mencapai tahap yang memuaskan. Saya juga ingin mencadangkan kepada Kerajaan Negeri agar memohon dengan Kerajaan Pusat untuk mendirikan sebuah sekolah asrama yang berasaskan sukan untuk memberi latihan kepada atlit negeri.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan Kerajaan Negeri supaya mengkaji hukuman yang perlu dikenakan terhadap orang yang membuang sampah di merata-rata, yang melakukan *vandalisme* dan kesalahan kecil yang lain untuk menjalankan perintah khidmat masyarakat dan bukan sekadar membayar saman sahaja. Perintah khidmat masyarakat merupakan satu hukuman yang diperintahkan oleh mahkamah. Pesalah yang disabitkan hukuman akan menjalani kerja tanpa bayaran sehingga maksimum 240 jam yang boleh memberi faedah kepada masyarakat. Objektif perintah khidmat masyarakat adalah :

1. Melaksanakan hukuman dengan melucutkan masa lapang pesalah dan memberikan suatu tanggungjawab ke atas pesalah.
2. Melaksanakan pemulihan dengan memupuk sikap tanggungjawab sosial dan menjadikan khidmat masyarakat suatu pengalaman berfaedah kepada pesalah
3. Mewujudkan ruang penginsafan bagi pesalah untuk dipulihkan akhlaknya dan menawarkan faedah nyata kepada masyarakat.

Sebagai contoh, masalah iklan-iklan pinjaman Ah Long yang dilekatkan sesuka hati di stesen bas, tiang lampu jalan, kotak TNB, pondok telefon dan sebagainya telah menyebabkan timbulnya ketidakselesaan kepada orang ramai dan menjejaskan imej bandar. Buat masa ini, PBT hanya boleh menghubungi MC-MC supaya telefon, talian telefon yang tertera di iklan tersebut dihentikankan perkhidmatannya. Sekiranya seseorang ditahan semasa menampal iklan tersebut, dia mungkin hanya dikenakan saman tetapi sekiranya pesalah dikenakan perintah khidmat masyarakat maka pesalah diarah untuk menurunkan dan melupuskan semua pelekat haram di semua kawasan dan kemudahan awam yang ditampalkan oleh mereka. Pesalah akan tahu betapa susahnya untuk membersihkan semua pelekat ini. Dan semasa menjalankan perintah khidmat masyarakat, orang ramai akan tahu siapa yang mengotorkan bandar yang kita sayangi ini. Saya berharap dengan cara ini pesalah dan juga orang ramai tidak lagi mengulangi kesalahan mereka.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, satu peruntukan yang besar perlu disediakan oleh Kerajaan Negeri setiap tahun untuk kerja-kerja pembersihan dan juga kos pelupusan sisa pepejal. Dan dalam Belanjawan Negeri Pulau Pinang yang baru-baru ini, kita nampak Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM57.25 juta kepada MBPP dan RM35.26 juta kepada MPSP untuk kos pembersihan dan pelupusan sisa pepejal. Untuk makluman semua, kos purata pengangkutan dari pusat pengumpulan ke tapak pelupusan adalah RM34.38 sen untuk setiap tan sampah. Manakala, bayaran untuk melupuskan sampah tersebut ialah RM22.22 per tan. Isu pelupusan sampah yang efisyen perlu menjadi satu topik yang dikaji secara komprehensif untuk mencari cara penyelesaian yang terbaik dan memenuhi kriteria Negeri Pulau Pinang sebagai Negeri Hijau.

Sehingga kini, negara kita masih bergantung kepada cara tradisional atau cara lama iaitu sampah sarap ditanam di tapak pelupusan sampah. Namun, tapak pelupusan sampah adalah terhad. Di Pulau Pinang hanya terdapat dua (2) tapak pelupusan sampah iaitu satu di Jelutong

yang melupuskan sisa pembinaan dan sisa kebun atau pukal (dengan izin)...C&D *waste*. Dan satu lagi tapak untuk membuang sampah dapur, organik dan lain-lain yang terletak di Pulau Burung.

Menurut statistik yang diterima dari Unit Pengurusan Sisa Pepejal, Kerajaan Tempatan. Tapak Pulau Burung kini menerima 1800 tan sampah setiap hari. Tapak tersebut telah memasuki fasa tiga penggunaannya dan dijangka akan mencapai had penimbusan sampah dalam 37 tahun.

Dalam Dewan Yang Mulia ini, saya ingin bertanyakan kepada pihak Kerajaan Negeri, adakah loji *waste to energy* akan dipertimbangkan? Banyak negara maju telah memilih kaedah ini dengan menggunakan kaedah *waste to energy*, sampah yang diproses akan menjana kuasa elektrik dan hanya akan tinggal sisa abu kurang daripada 10% daripada saiz asal. Maka, boleh memanjangkan jangka hayat tapak pelupusan di Pulau Pinang. Saya tahu orang ramai masih mempunyai persepsi yang negatif terhadap kaedah ini kerana takut kaedah akan menyebabkan pencemaran udara kerana kita semua ambil maklum bahawa semasa proses pembakaran *dioxin* dan *furan* akan dilepaskan dan adakah ia akan membahayakan kesihatan kita?

*Dioxin* dan *furan* memang boleh menjejaskan kesihatan sekiranya seseorang itu terdedah bagi tempoh yang lama atas ketumpatan yang tinggi. *Dioxin* dan *furan* dilepaskan oleh pelbagai aktiviti seperti pembakaran terbuka, asap kenderaan dan lain-lain dan tidak semata-mata dari loji *waste to energy*. Bagaimanapun, loji *waste to energy* terkini mempunyai piawai yang begitu ketat di mana standart Pelepasan Selamat Antarabangsa dan terpakai di Malaysia adalah 0.1ng TEQ/Nm3. Ini *term* saya pun belajar. Sebagai contoh *Incinerator* Mini Pulau Pangkor sejak 2012 hanya melepaskan 0.011ng TEQ/Nm3 pada tahun 2012. Manakala 0.007ng TEQ/Nm3 pada tahun 2013.

Di negara Jepun pula, teknologi *incinerator* telah berkembang maju di mana berdasarkan laporan Kementerian Alam Sekitar Jepun. Kadar pelepasan *dioxin* telah menurun daripada lebih kurang 0.60pg TEQ/m3 pada tahun 1977 kepada hampir 0.05pg TEQ/m3 pada tahun 2007.

Satu lagi contoh melalui syarat yang ketat, Sweden tidak menghadapi masalah pencemaran langsung walau pun negara tersebut mempunyai 34 kilang *waste to energy* yang menjana elektrik untuk kegunaan negara mereka. Bagi isu pencemaran, sekiranya tapak pelupusan sampah tidak dikendalikan dengan teratur malah semasa hujan lebat akan mengakibat kerap berlakunya limpahan air *linchate* dan mengalir ke sungai lalu mencemarkan sungai dan laut. Tapak pelupusan Pulau Burung adalah berdekatan dengan sungai dan laut. Dan jika ia berlaku, maka penternakan ikan sangkar yang berdekatan akan terjejas. Tapak pelupusan sampah juga menghadapi masalah bau sampah dan penghasilan gas metana yang boleh menyumbang kepada pemanasan global. Oleh itu, saya ingin mencadangkan Kerajaan Negeri agar membuat kajian yang lebih komprehensif tenaga loji *waste to energy* dan adakah ia sesuai untuk dilaksanakan di Pulau Pinang.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya amat berterima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana belanjawan tahun yang lepas telah meluluskan peruntukan untuk menaik taraf dua (2) lagi pasar di KADUN saya iaitu pasar di Lebuh Campbell dan Pasar Jalan Anson. Akan tetapi kedua-dua projek tersebut masih tidak dimulakan sehingga kini terutamanya Pasar Campbell yang telah dinanti-nantikan oleh penjaja selama dua (2) hingga tiga (3) tahun. Saya berharap Majlis Bandaraya Pulau Pinang boleh buat keputusan tentang perancangan menaik taraf Pasar Lebuh Campbell ini secepat mungkin. Pasar ini amat usang dan kerja-kerja naik taraf perlu dimulakan segera supaya keadaan tidak bertambah buruk.

Bagi Pasar Jalan Anson sekarang, majlis perlu mendapatkan tapak alternatif untuk memindahkan penjaja supaya proses tender boleh dimulakan dan kerja naik taraf dapat dilaksanakan. Saya berharap pihak majlis dapat bekerjasama dengan agensi lain untuk menyelesaikan masalah ini dengan secepat mungkinnya. Secara kesimpulannya projek yang telah diluluskan, agensi pelaksanaan perlu menyelesaikan segala masalah dan melaksanakan projek ini secepat mungkin untuk manfaat rakyat.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan satu lagi isu tempatan iaitu cadangan membina tandas awam di Stesen Bas KOMTAR. Cadangan ini telah lama saya sampaikan kepada MBPP dan juga telah membuat lawatan tapak. Di sana hanya terdapat satu tandas yang terletak di tingkat satu KOMTAR dan ianya akan ditutup pada pukul 10.00 malam

manakala stesen bas tersebut beroperasi sehingga lewat tengah malam. Ini telah menimbulkan masalah kepada orang awam dan gelandanggan sehingga ada yang membuang air kecil di sudut-sudut stesen bas dan memerlukan bantuan pihak MBPP untuk membuat pembersihan setiap hari. Sekiranya tempat-tempat ini tidak dibersihkan maka bau "wangi" ini akan dinikmati oleh orang ramai yang menunggu bas. CEO PDC Setia Urus Dato' Ang juga sering mengadu masalah ini kepada saya dan sering menanyakan status pembinaan tandas tersebut. Ini boleh menimbulkan persepsi buruk kepada orang ramai dan pelancong. Saya berharap pihak MBPP akan mengambil tindakan secepat mungkin untuk membina tandas awam di Stesen Bas KOMTAR demi kepentingan orang ramai.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya percaya dengan adanya matlamat dan perancangan yang berkesan Belanjawan 2019 Negeri Pulau Pinang akan memastikan Pulau Pinang terus berkembang maju. Usaha-usaha Kerajaan Negeri yang berjiwa rakyat yang memberi tumpuan dan meningkatkan daya saing rakyat dan industri serta pembangunan infrastruktur semestinya akan menyediakan Pulau Pinang ke arah Bandar Pintar dan bersiap sedia dalam menghadapi cabaran industri 4.0. Sekali lagi saya ingin menyeru kepada Kerajaan Persekutuan supaya terus memberi sokongan kepada Pulau Pinang demi mencapai matlamat dan visi Penang 2030 dan membina masa depan Pulau Pinang yang lebih maju. Dengan ini saya memohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Dipersilakan Yang Berhormat Ahli Kawasan Seri Delima.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Syerleena Binti Abdul Rashid):**

Yang di-Pertua Timbalan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat izinkan saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana ya minta maaf izinkan saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada Seri Delima untuk *participate*…(dengan izin) dengan dalam perbahasan ini.

Bajet 2019 yang telah dibentangkan oleh Ketua Menteri kita pada 9 November yang lalu merupakan bajet negeri yang ke-11 di bawah Kerajaan Negeri iaitu Kerajaan Pakatan Harapan tetapi apa yang menjadikannya satu lagi detik yang penting dalam sejarah adalah yang merupakan bajet yang pertama selepas peralihan kuasa yang berlaku pada 9 Mei pada tahun 2018. Jadi akhirnya benteng yang memisahkan hal ehwal Kerajaan Negeri dengan hal ehwal Kerajaan Pusat telah dirobohkan. Jadi di sinilah bermulanya misi kita untuk membaik pulih negara, memperkukuhkan negeri dan juga membaik pulih talian persaudaraan kita.

Budaya anak menganaktirikan saudara saudari kita yang berlainan fahaman politik adalah perkara yang silam. Jadi dengan kerajaan yang baru ini kita tidak lagi ya mempraktik budaya-budaya yang macam itu. Jadi saya mengalu-alukan bajet tahun 2019 kerana bajet ini selaras dengan pelan tindakan Penang 2030 yang menitik beratkan pendekatan yang serba inklusif. Kerajaan Negeri secara rasminya telah melancarkan pelan tindakan satu dekad yang berslogankan Negeri Hijau dan Pintar Berasaskan Kekeluargaan untuk Mengilhami Negara. Ya memang agak panjang kalau disebut tetapi setiap istilah, setiap perkataan yang digunakan mencermin suatu perubahan paradigma dan juga tekad Kerajaan Negeri dalam perbuatan dasar yang tertumpu kepada pembangunan holistik yang berpaksikan masyarakat.

Jadi Pulau Pinang 2030 dapatlah ditafsirkan sebuah ilham dikongsi bersama oleh seluruh warga Pulau Pinang. Seperti yang ditegaskan oleh Ketua Menteri kita, Kerajaan Negeri memainkan peranan utama dalam menggalas dan juga menyampaikan aspirasi tersebut kepada setiap warga Pulau Pinang. Cita-cita yang dikongsi bersama membuahkan pencapaian-pencapaian yang lebih bermakna yang boleh kita kecapi bersama. Jadi gagasan satu dekad ini menandakan tekad Kerajaan Negeri yang menginjak selangkah ke hadapan dalam tadbir urus dan juga pembangunan negeri. Jadi kita harus bersedia untuk menyahut seruan ini dan juga memberi sepenuh komitmen untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai model pentadbiran kepada negeri-negeri lain di Malaysia. Jadi bertepatan dengan slogan tersebut, Penang 2030 meletakkan keluarga di teras pada pembuatan dasar yang berpaksikan masyarakat. Tradisi ketimuran kita khususnya di Malaysia mengiktirafkan peranan keluarga dalam masyarakat yang harmonis. Jadi dalam konteks perbuatan dasar pula, keluarga dilihat sebagai unit terkecil dan menjadi

*indicator* utama dalam proses pembuatan dasar. Jadi taraf hidup satu-satu isi rumah seharusnya dijadikan *indicator* asas untuk mengukur pencapaian ekonomi pendidikan dan kebahagiaan masyarakat. Pelaksanaan dasar yang diikuti dengan penjanaan stastitik dan juga pengetahuan yang meletakkan keluarga sebagai teras berupaya untuk melahirkan sistem sokongan yang mampan dan juga efektif. Jadi saya percaya bahawa asas ini adalah satu perkara yang boleh memimpin masyarakat dan memandu negeri kita selangkah lagi ke hadapan.

Pembangunan ekonomi dan infrastruktur perlu disulam dengan pembangunan modal insan melalui agenda pemberdayaan masyarakat serta penghapusan diskriminasi. Jadi kita bila kita lihat ya yang Penang 2030 tu ia memberi tumpuan kepada empat fokus. Fokus yang pertama adalah isu perumahan mampu milik. Yang kedua adalah dari segi meningkatkan keselamatan dan kebersihan awam. Yang ketiga meningkatkan sistem kebajikan penjagaan. Dan yang keempat mempelbagaikan kemudahan rekreasi, sukan, kesenian dan kebudayaan. Jadi disinilah kerangka bajet tahun 2019 mendapat ilhamnya. Dalam masa itu proses pembuatan dasar juga perlu memberi perhatian khusus pada isu-isu gender untuk makluman isu-isu gender bukan hanya isu wanita tapi isu lelaki juga. Jadi sertakan program-program sokongan terhadap golongan muda dan tua dengan mengambilkira aspirasi dan cabaran yang dihadapi oleh kelompok ini.

Oleh hal yang demikian, pembentukkan portfolio keterangkuman gender yang dipimpin oleh Yang Berhormat Padang Lalang mencerminkan komitmen Kerajaan Negeri yang menyediakan peluang yang saksama kepada semua warga Pulau Pinang tanpa sebarang diskriminasi. Jadi portfolio ini telah ditubuhkan pada Mei tahun 2018 oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang sejurus selepas Pilihanraya Umum yang ke-14. Jadi dengan ini saya ingin mengambil peluang mengucapkan syabas kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang kerana berjaya menubuhkan sebuah portfolio yang amat penting kerana ini membuktikan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang Kerajaan Pakatan Harapan komited dan mengambilkira perkara ini dengan serius. Jadi bukan setakat janji-janji manis sahajalah.

Jawatankuasa ini ditubuhkan untuk meningkatkan pemberdayaan wanita dan juga untuk mengurangkan jurang antara gender. Dasar yang diiktirafkan peranan penting yang dimainkan oleh wanita dalam memajukan pembangunan serta kemakmuran dan juga keselamatan global. Kesaksamaan gender kekal sebagai cabaran besar kepada pembangunan di seluruh dunia bukan sahaja di Malaysia bukan sahaja di Pulau Pinang.

Daripada pendidikan kepada keinklusifan ekonomi. Kita sudah berbincang secara panjang lebar tentang kepentingan keperluan-keperluan wanita, kanak-kanak dan juga termasuklah golongan Orang Kelainan Upaya, golongan yang berpendapatan rendah dan lain-lain. Penekanan terhadap isu ini tidak sahaja terhad setakat memenuhi keperluan-keperluan tersebut tetapi juga harus memastikan penyedian sokongan asas yang berupaya untuk membina daya tahan yang bermatlamatkan pembinaan masyarakat yang adil dan yang juga saksama. Di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri telah pun memulakan langkah awal perlaksanaan keterangkuman gender melalui program-program penyertaan rakyat dan resposif gender sejak tahun 2012 lagi. Jadi ini merupakan langkah-langkah yang diambil untuk memperkasakan rakyat dan juga untuk mengembalikan demokrasi tempatan. Sejak peralihan kuasa Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada tahun 2008, fokus untuk menjadikan negeri sebagai bandar raya antarabangsa, bandar raya pintar dan juga kerajaan yang berorientasi rakyat memang dipertengahkan diutamakan. Salah satu usaha nak saya ingin sebutkan yang sedang dilakukan adalah untuk melaksanakan bajet *responsive* dan penyertaan gender ataupun dalam singkatannya GRBP yang bermaksud *Gender Rensponsive Participatory Budgeting...(*dengan izin) di kedua-dua kerajaan tempatan iaitu di Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan juga Majlis Perbandaran Seberang Perai yang *Insya-Allah* akan mendapat status Bandaraya. Jadi projek ini diterajui oleh *Penang Woman Development Corporation* yang bermatlamatkan untuk mengarusperdanakan gender dan untuk menegakkan keadilan sosial di Pulau Pinang. Jadi contoh ya, contoh program bajet responsif dan penyertaan gender ini, kita lihat di PPR Jalan Sungai iaitu di kawasan Yang Berhormat Sungai Pinang dan juga PPR Ampangan di kawasan Yang Berhormat Permatang Pasir telah memperkenalkan Kontrak Komuniti Program Kebersihan yang merupakan satu konsep di mana penduduk tempatan dijadikan kontraktor untuk menguruskan kebersihan. Yang pentingnya perbezaan ketara dapat dilihat dan jelas ternyata bahawa pendekatan inilah dapat mewujudkan rasa sayang dan juga

menghargai tempat mereka. *In other word it is a step in approach to install a strong sense of ownership...(*dengan izin).

Seperti mana yang telah saya katakan ini merupakan satu langkah yang baik program-program pun baik. Jadi saya mengharapkan bahawa Yang Berhormat Datok Keramat dapat ya dapat orang kata *include* Taman Tun Sardon dalam senarai tersebut. Idea untuk mengetengahkan idea *community revival...(*dengan izin) sangat dialu-alukan kerana kita menghadapi cabaran untuk atasi masalah infrastruktur yang usang, yang rosak dan juga yang terbengkalai. Namun cabaran terbesar kita adalah mencari langkah penyelesaian yang efektif dan juga mereformasikan beberapa perkara penting supaya kita boleh mencapai matlamat bersama. Sudah lebih sedekad kita tanpa jemu bercakap tentang kepentingan kesaksamaan gender dan sekarang kita menyebut tentang keterangkuman gender. Dalam masa yang sama keadaan wanita, kanak-kanak, warga emas, golongan yang berpendapatan rendah dan juga orang kelainan upaya semakin merosot. Hakikat ini tidak kita boleh dinafikan walaupun kadang-kadang diskusi topik ini tidak diberi perhatian sepatutnya. Tetapi jelas bahawa wanita ya merupakan asas kepada komuniti merupakan lebih kurang 90% pendapatan mereka kepada keluarga. Pun begitu data sedia ada untuk menunjukkan kebergantungan terhadap bantuan kemanusiaan adalah lebih tinggi berbanding lelaki. Jadi hal ini kerana golongan wanita berhadapan halangan yang lebih tinggi dalam meng*access* peluang-peluang penjanaan pendapatan.

Jadi pentingnya kita mewujudkan sebuah struktur yang boleh menghapuskan halangan yang wujud di antara kita terutamanya dari perbezaan strategi, pemikiran, struktur pendanaan dan juga sekarang perbezaan fahaman politik jadi perancangan dan pendanaan kemanusiaan, pembinaan dan semuanya perlulah ditangani dengan secara yang holistik.

Yang di-Pertua Timbalan Speaker, saya sekarang ini ingin menarik perhatian Dewan kepada salah satu fokus tema yang disebut sebentar tadi iaitu mempelbagaikan kemudahan rekreasi, sukan, kesenian dan juga kebudayaan. Sejajar dengan aspirasi Pulau Pinang 2030 kita tidak sahaja mengimpikan kemajuan ekonomi dan infrastruktur tetapi juga masyarakat yang tinggi penghayatan budayanya. *Consider it as in approach to create Penang renaissance. Renaissance is define as a movement of vigorous artistic an intellectual activity…*(dengan izin). Masyarakat yang menghayati budayanya mempunyai pemahaman yang lebih mendalam dalam konteks sosialnya serta berupaya untuk menyumbang acuan pembangunan yang lebih bermakna dan juga merangkumi aspirasi dan keperluan masyarakat yang pelbagai.

Salah satu penyemaian penghayatan budaya adalah melalui permartaban, permartabatan, minta maaf budaya tempatan. Pada saya asas kebudayaan Pulau Pinang adalah nilai kosmopolitannya yang terbentuk hasil daripada interaksi antara pelbagai budaya sejak 200 tahun yang lalu kita hidup di dalam sebuah realiti masyarakat *polyglot* yang terdiri daripada komuniti yang datangnya pelbagai latar belakang dan juga ada tradisi tersendiri. Jadi keharmonian dalam kepelbagaian adalah menjadi kebanggaan kita selaku warga Pulau Pinang.

Justeru, Kerajaan Negeri tidak seharusnya mengabaikan aspek kebudayaan terutamanya kebudayaan tradisional tempatan yang merupakan ciri unik Pulau Pinang. Hal ini bertepatan dengan Aspirasi Penang 2030 untuk mencipta label *made in Penang…*(dengan izin).

Dan dengan cara identifikasi inilah kita dapat orang kata *brand* Pulau Pinang sebagai satu hub intelek, hub kebudayaan dan sebagainya. Jadi komuniti-komuniti daripada pelbagai latar belakang di Pulau Pinang masih lagi memelihara warisan budaya mereka dengan mempraktikkan dalam kehidupan seharian sehinggalah ke hari ini. Di George Town sahaja sedar atau tidak kita ada bertembung dengan lebih daripada 50 komuniti berbeza jika kita berjalan di sekitar kawasan Tapak Warisan Dunia dan setiap komuniti memiliki keunikan kebudayaan yang tersendiri. Mereka mengekalkan tradisi kebudayaan masing-masing melalui persatuan komuniti dan juga mengadakan program-program tahunan dan saya rasa Kerajaan Negeri boleh juga mencontohi rangka kerja yang diguna pakai oleh *George Town World Incorporation* - GTWHI iaitu pertautan komuniti melalui penyediaan platform untuk komuniti-komuniti yang mengetengahkan aspek kebudayaan mereka.

Sambutan yang diadakan oleh GTWHI tahun ini turut menyertakan komuniti-komuniti yang berada di luar George Town termasuklah komuniti dari Balik Pulau dan juga Seberang. Hal ini secara tidak langsung memperlihatkan betapa kayanya tradisi kebudayaan di Pulau Pinang. Jadi program-program berorientasikan komuniti yang bersifat *bottom-up*…(dengan izin) sebegini dapat membuahkan pertautan yang lebih bermakna antara Kerajaan Negeri dan juga masyarakat tempatan.

Tambahan lagi ia juga bersifat serampang dua mata di mana komuniti-komuniti terbabit dapat memelihara dan juga memperkenalkan tradisi kebudayaan masing-masing kepada masyarakat, yang pentingnya kita mempunyai kuasa untuk menghidupkan semula seni-seni tradisi warisan contohnya seperti boria yang hampir pupus dan juga karya warisan seperti bangsawan yang setengah orang sudah kata sudah pun pupus. Jadi janganlah kita biarkan warisan kita jadi mitos semata-mata buat anak-anak kita.

Baru-baru ini saya telah menganjurkan Festival Batik yang berlangsung di Kampung Sungai Gelugor. Festival ini merupakan festival sulung yang mempromosikan seni batik warisan kita. Dengan ini saya ingin juga mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada EXCO Pelancongan, Yang Berhormat Paya Terubong kerana memberi sokongan yang tak terhingga dan telah pun setuju untuk menjadikan Program Festival Batik sebagai satu upacara tahunan bagi Negeri Pulau Pinang.

Selain itu, penting untuk kita menghidupkan semula galeri-galeri dan juga Muzium Kraftangan serta kesenian contohnya seperti Batik Kraf di Telok Bahang serta galeri-galeri yang lain di sekitar pusat bandar.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen):**

Minta laluan, Seri Delima terima kasih kepada rakan saya daripada Seri Delima. Sememangnya saya pun bersetujulah tentang cadangan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Seri Delima khususnya berkenaan dengan kebudayaan dan sejarah kesenian ini yang uniknya kepada negeri kita khususnya di kawasan George Town pun sememangnya kita mempunyai sejarah yang lama dan sememangnya ini merupakan satu keunikan yang kita dapat tonjolkan khususnya buat pengunjung ke Negeri Pulau Pinang. Cuma sering kala kita menghadapi cabaran di mana masyarakat umum sekarang banyak yang sibuk mengejar kekayaan. Masa yang ada itu adalah untuk supaya memastikan keluarga mereka dalam keadaan baik dan sering kalanya masa untuk menghayati kesenian dan kebudayaan ini semakinlah berkurang.

Jadi mungkin saya dapatkan pendapat Yang Berhormat Seri Delima apakah kaedah ataupun apakah langkah-langkah yang boleh kita ambil untuk memupuk kembali semangat yang kita mencintai kebudayaan dan kesenian yang unik untuk negeri kita.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Syerleena Binti Abdul Rashid):**

Terima kasih, itu satu soalan yang agak menarik. Jadi bagi saya penjanaan ekonomi melalui cara untuk memartabatkan lagi seni industri kreatif ini. Sebenarnya banyak cara yang kita boleh lakukan dan di sinilah kita sebagai Kerajaan Negeri Pulau Pinang kita harus bergabung tenaga bergabung minda untuk mencari satu solusi yang boleh memberi manfaat kepada penduduk-penduduk Pulau Pinang. Jadi salah satu cara sebenarnya banyak tapi salah satu adalah sekiranya kita adakan program-program festival ataupun fiesta kita boleh menjemput ya usahawan-usahawan kecil, usahawan-usahawan yang berada di luar bandar untuk datang untuk menghadir dan menjual hasil-hasil mereka produk.

Dan pada masa yang sama mereka dapat mempromosikan jualan mereka, hasil mereka, *brand* mereka dan juga syarikat mereka dan sebagainya. Satu lagi langkah adalah untuk mengadakan satu *platform* ia, di mana saya rasa ini nanti saya akan sambungkanlah dalam perbahasan saya. Tapi ada satu *platform* ataupun *an umbrella organization*…(dengan izin) di mana semua *stakeholders*…(dengan izin) dapat berkongsi informasi, dapat berkongsi sekiranya ada *events* ada program di mana-mana pun mereka dapat bergabung sekali dan di situlah saya rasa satu cara memupuk orang kata *an idea bottom of approach* yang lebih inklusif.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Terima kasih Seri Delima, saya nampak Seri Delima cukup berminat tentang kesenian dan kebudayaan. Tahniah. Sebenarnya memang unik Pulau Pinang ni ada banyak kesenian dan kebudayaan. Cuma saya nak tekankan di sini kalau Seri Delima bersetuju kita bukan hanya fokus kepada kesenian yang berkait dengan boria dan sebagainya tetapi juga kraftangan. Kraftangan orang Melayu, kraftangan orang Cina, kraftangan orang India dan sebagainya yang perlu dikaitkan dengan pelancongan. Kadang-kadang di tempat saya ada orang buat sangkar sangkar burung. Dah hampir pupus sebab tidak ada jabatan agensi yang nak tengok kecuali kraftangan sahaja.

Kraftangan pun Kerajaan Pusat dululah sekarang kalau boleh kita gabungkan untuk kita buat kraftangan mungkin kita buat *keychain* dengan sangkar yang kecil macam-macamlah. Ada industri besi di kampung saya industri berasaskan besi metal buat pisau dan sebagainya. Ini boleh kita gabungkan dengan pelancongan supaya nampak keunikan di Pulau Pinang ini ada kraftangan-kraftangan tersendiri. Kita tak ambil kraftangan luar buat *keychain* dalam bentuk luar dan sebagainya dan pelancong-pelancong nak beli tradisional seni yang ada di Pulau Pinang ini sendiri. Jadi apa langkah yang boleh kita buat untuk satu padukan di antara kraftangan yang original ini kalau boleh kita dapatkan data, *data base* apa yang ada kraftangan *original* daripada Negeri Pulau Pinang yang ada di seluruh Pulau Pinang dan kita mungkin boleh bincangkan di peringkat lebih tinggi untuk kita laksanakan, hidupkan kembali kraftangan yang hampir pupus di Pulau Pinang, terima kasih.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Syerleena Binti Abdul Rashid):**

Terima kasih Yang Berhormat Sungai Dua. Sebenarnya saya amat setuju jadi di sini orang kata pihak dari Pakatan Harapan dan juga Barisan Nasional dapat bersetuju dengan cadangan yang baik. Cara untuk kita orang kata memartabatkan lagi dunia industri kraftangan kesenian tempatan, kita perlukan kajian. Itulah langkah yang pertama, sebab saya rasa kalau ada kajian pun ada *data base* pun tak menyeluruh mungkin dia lebih orang kata fokus kepada satu tempat tapi kita perlu satu kajian yang menyeluruh yang juga di mana kawasan Pulau dan juga kawasan Seberang supaya kita dapat tahu di manakah keperluan di manakah kelemahan dan bagaimana kita boleh mencarikan satu idea cadangan untuk memperkukuhkan lagi.

Saya sebenarnya tadi tak tersebut mengenai seni kraftangan dan sebagainya sebab kalau kita ikutkan memang banyak terlalu banyak bukan setakat boria dan bangsawan sahaja tapi saya berikan dua (2) contoh ini sebab ia merupakan contoh yang selalunya *synonymous* dengan warisan di Pulau Pinang. Jadi saya minta maaf sekiranya adalah siapa-siapa terasa tersinggung sebab saya tidak menyebut artisan-artisan yang lain.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Seri delima minta mencelah. Yang Berhormat Sungai Dua ada bercakap tentang kraftangan. Mungkin ramai di kalangan kita tidak tahu dari masa Barisan Nasional lagi semasa dia menjadi Kerajaan Persekutuan ada satu Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia ditubuhkan memang dipengerusi salah seorang yang dilantik oleh Menteri *Arts and Cultural* dulu tetapi apakah mereka telah membuat sehingga kini? Mungkin kita minta Yang Berhormat Paya Terubong minta menjawab. Adakah mereka pernah bekerjasama dengan negeri untuk mempromosikan kraftangan tempatan di Pulau Pinang sendiri dan cawangan PKKM adalah dekat dengan kawasan Sungai Dua, Bertam. *So*, kita tidak tahu apa mereka buat selama ini *so*, berharap akan ada penjelasanlah ini untuk membantu Seri Delima.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Syerleena Binti Abdul Rashid):**

Yang Berhormat Bagan Dalam, sebenarnya satu perkara yang saya, saya, saya perhatikan adalah semenjak dengan peralihan kuasa ini sebenarnya banyak jabatan-jabatan agensi yang wujud tetapi kebanyakan agensi dan jabatan ini semuanya dulunya lebih kepada pihak yang lain. Jadi selepas ya macam tadi saya katalah tadi benteng yang memisahkan kita dengan mereka telah dirobohkan maka barulah sekarang kita nampak dan barulah kita dapat orang kata *we can't fill the gaps and get more information....*(dengan izin).

Saya rasa semua mungkin ingat ya pada satu ketika dahulu adanya sebuah tempat ya pusat yang bernama *Penang Cultural Center*…(dengan izin) yang ditempatkan di Telok Bahang di sebelahan Hotel Mutiara yang sekarang ini sudah tutup. Jadi fungsi *Penang Cultural Center* itu adalah untuk memberi para pelancong *a taste of Penang and the glams of* Malaysia…(dengan izin). Tetapi malangnya dengan penutupan *Penang Cultural Center* tu Pulau Pinang seolah-olah tidak ada lagi satu pusat yang boleh mengadakan program-program yang berskala tinggi seperti itu dan saya harap bolehlah kita mencari satu lagi cara untuk menghidupkan semula pusat seperti itu.

Jadi galakan dalam bentuk penyediaan ruang dan dana juga perlu diberikan bagi memberikan pendedahan lebih luas terhadap aspek kebudayaan dan juga kesenian seterusnya untuk merancakkan lagi pertautan antara masyarakat awam dan juga komuniti. Jadi saya ingin mengambil kesempatan ini untuk juga berkongsi bahawa sebenarnya anak-anak kita bukan setakat di Pulau Pinang sahaja, tetapi di Malaysia anak-anak sekolah kita ini ramai yang berbakat. Jadi ada dua (2) sekolah yang saya ingin menyebut iaitu di dalam kawasan Seri Delima iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Haji Mohamed Nor Ahmad dan juga Sekolah Menengah Kebangsaaan Hamid Khan. Kedua-dua sekolah ini apabila saya telah berjaya untuk mengenali anak-anak murid sana dan juga cikgu. Sekolah-sekolah ini sebenarnya mempunyai program kesenian yang saya rasa *it's astounding*…(dengan izin). Dari segi seni kraf, seni persembahan, dan juga seni muzik, anak-anak ini memang cukup berbakat. Jadi, saya rasa ini juga merupakan tanggungjawab kita sebagai Kerajaan Negeri untuk memberi peluang. *Give the kids the recognition that they deserve*…(dengan izin).

Pembangunan budaya dan modal insan tidak lengkap tanpa penyertaan generasi muda sebagai pelapis kepimpinan masa hadapan. Setakat tahun 2012 sahaja, golongan berusia 30 tahun merangkumi 63% daripada keseluruhan populasi di Malaysia. Jadi kita tidak dapat nafikan bahawa golongan muda sudah sedia memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi landskap politik semasa. Ianya terserlah dalam PRU ke 13 dan juga PRU yang ke 14 tahun ini dan jelas menunjukkan aspirasi perubahan yang kuat. Justeru, pembuatan dasar haruslah mesra anak muda serta mengambil kira pembangunan dan juga pendayaan golongan muda secara bermakna.

Saya ingin menarik perhatian Dewan kepada aspek pemberdayaan golongan muda melalui industri kreatif, industri sukan dan juga industri rekreasi. Ketiga-tiga merupakan aktiviti popular dalam kalangan anak muda terutamanya industri kreatif yang khusus tertumpu kepada *indie scene (indie* dalam istilah ini adalah singkatan perkataan dalam *independant* dan seringkali digunakan oleh industri yang alternatif atau tidak mengikut aliran utama).

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):**

Minta laluan Yang Berhormat Seri Delima. Saya amat tertarik dengan yang dikatakan *indie scene*...(dengan izin). Oleh itu saya *just* nak menanya adakah anda rasa kita tidak memberi perhatian yang secukupnya kepada industri kreatif ini terutamanya industri *independant*...(dengan izin). *So,* jadi saya rasa kita perlukan pertolongan dan juga (dengan izin)….*awareness* daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang boleh memberi publisiti yang lebih kepada industri kreatif ini sebab mereka dipanggil *creative independant*...(dengan izin) kerana mereka memang *independant* dan tidak ada pertolongan daripada kumpulan-kumpulan yang profesional. Oleh itu, adakah saya rasa kalau Yang Berhormat Seri Delima adakah anda setuju bahawa kita boleh membuat lagi banyak dengan pertolongan Kerajaan Negeri Pulau Pinang? Terima kasih.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Syerleena Binti Abdul Rashid):**

Jawapannya memang saya setuju Yang Berhormat Pulau Tikus dan saya rasa apa yang sekarang berlaku adalah maklumat yang disampaikan tidak sempurna. Jadi banyak antara mereka yang mengeluh dan menyatakan bahawa promosi kurang dan ada masalah dari segi mendapatkan dana.

Sepanjang 20 tahun ini, kita dapat melihat bagaimana industri kreatif menjadi salah satu pemangkin kepada kesedaran serta penyertaan politik dalam kalangan anak muda khususnya dalam bentuk kolektif-kolektif kecil. Model pertama kolektif sebegini ialah Universiti Bangsar

Utama, yang ditubuhkan pada tahun 1998 hinggalah ke tahun 2005, untuk makluman ini bukan universiti yang betul lah ya. Sekarang dikenali sebagai Kelab Bangsar Utama ataupun KBU di Bangsar. Kolektif ini bergerak dalam kerangka seni dalam politik dan menyebar kesedaran politik melalui aktiviti kesenian dan juga penulisan.

Jadi, anak-anak muda yang awalnya bermula di KBU kemudiannya berpecah dan menubuhkan kolektif masing-masing seperti Komuniti Jalan Telawi dan *Food Not Bombs KL* yang aktif dalam pertautan awam *(public engagement)* melalui program kesenian, penulisan dan kebajikan. Dalam hal ini, Kerajaan Negeri boleh menyediakan sebuah platform yang menggalakkan interaksi dan kolaborasi antara kolektif-kolektif anak muda. Platform sebegini tidak memerlukan Kerajaan Negeri campur tangan secara langsung ataupun menjadi penganjur utama, tetapi cukup sekadar mengambil peranan sokongan dan juga penasihat. Jadi di sini saya amat berharap bahawa *Penang Arts District*, *Insya-Allah* bila sudah dapat disiap, ia dapat menjadi sepertimana saya sebut tadi, *the umbrella organisation...*(dengan izin) perlukan untuk menggabungkan semua bakat-bakat yang ada di Pulau Pinang.

Model yang paling dekat untuk dicontohi ialah inisiatif Pekan Frinjan di Selangor yang bermula pada tahun 2009. Serba sedikit, Pekan Frinjan merupakan acara bulanan yang mengangkat aktiviti kesenian dan juga kesusasteraan seperti persembahan muzik, bacaan puisi, aktiviti kesenian, serta penerbitan dan juga penjualan buku. Program ini merupakan satu inisiatif Kerajaan Negeri Selangor pada ketika itu untuk mengadakan program Mesra Anak Muda pada ketika itu melalui penyaluran dana dan penyediaan ruang. Pekan Frinjan berjaya menghubungkan kolektif-kolektif anak muda dalam berkolaborasi dalam projek-projek kesenian dan kebudayaan serta program pemberdayaan masyarakat.

Tidak keterlaluan untuk saya katakan bahawa program ini merupakan pencetus kepada budaya penerbitan dan kesenian *indie* yang kita lihat sekarang. Sebahagian besar daripada kolektif dan penerbit kecil yang bermula di Pekan Frinjan sekarang menjadi penerbit besar seperti Fixi dan juga Dubook Press, penulis, serta seniman yang berkarier. Mereka ini juga kebanyakannya cakna dengan isu-isu semasa dan mempunyai kesedaran politik yang tinggi jadi selalu juga bekerjasama dengan program-program anak muda yang dianjurkan oleh parti-parti politik.

Apa yang kita perlu pelajari daripada Pekan Frinjan adalah pentingnya untuk menyediakan ruang dan juga sokongan dana kepada program-program yang boleh memupukkan sebuah ekosistem industri kreatif yang mampan di sini. Seperti juga hanya di Selangor, Kerajaan Negeri hanya perlu menjadi penasihat dan juga perantara melalui penyediaan ruang, dana serta menghubungkan kolektif-kolektif ini dengan agensi-agensi berkenaan seperti PYDC, Penang Youth Development Corporation, Penang Women Development Corporation (PWDC), Penang Arts District dan kedua-dua PBT masing-masing Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan juga Majlis Perbandaran Seberang Perai. Di Pulau Pinang sendiri kita sebenarnya sudah mempunyai projek kolektif anak muda iaitu *Roots Fest* yang sudah berlangsung selama tiga (3) tahun. Program ini juga mirip seperti Pekan Frinjan yang menawarkan pelbagai aktiviti seperti persembahan muzik, penerbitan dan juga penjualan buku. Sukan *extreme* seperti BMX dan juga *skate boarding* dan sebagainya. Antara inisiatif yang dapat dilakukan untuk menyokong program seperti ini adalah dengan menyediakan ruang tetap contohnya seperti di Padang Kota. Sokongan kemudahan dan juga penyaluran dana secara tidak langsung program ini juga dapat dijadikan sebagai salah satu acara bulanan anak muda disamping menjadi tarikan kepada kawasan tersebut.

Kolektif-kolektif yang lain seperti *local house* juga wujud untuk menawarkan perkhidmatan yang agak sama iaitu menyediakan platform untuk generasi *indie*. Setakat ini *local house* telah berjaya menganjurkan program-program seperti Fiesta Raya yang diadakan di Bagan Ajam. *Roots Fest Penang* tahun 2016 yang telah diadakan di Padang MPSP, *Roots Fest Street Art* yang diadakan sempena *Butterworth Fringe Festival*, *Seniloka Art Festival*, dan sebagainya. Dan baru-baru ini projek Padang Kota Lama yang diadakan di Dewan Sri Pinang. Tapi apa yang amat membanggakan adalah program-program ini telah pun berjaya dianjurkan di luar Pulau Pinang. Jadi ini membuktikan bahawa Pulau Pinang bukan sahaja boleh menghasilkan produk dan juga artisan yang berbakat, tapi kita mampu untuk mengeksportkan golongan artisan yang sedia ada. Jadi sudah sampai masanya untuk kita mengangkat semula

tradisi Pulau Pinang sebagai hub kebudayaan kesenian dan juga kesusasteraan. Jadi kita juga mempunyai kuasa untuk memartabatkan dan juga mengukuhkan lagi keadaan, kedudukan Pulau Pinang sebagai destinasi yang terunggul di Asia Tenggara.

Mengambil aspirasi gagasan Pulau Pinang 2030, pembangunan yang holistik harus mengambilkira pemupukan modal insan dan juga melibatkan, jangan lupa ya, golongan-golongan yang terpinggir. Pada akhirnya matlamat kita adalah untuk memberi kemakmuran dan juga kebahagiaan kepada semua warga Pulau Pinang. Jadi memetik kata-kata Ketua Menteri, kita berhasrat untuk mengetahui tahap kebahagiaan warga Pulau Pinang yang dapat diukur melalui indeks kebahagiaan. Setidak-tidaknya ini dapat memberi maklumat yang setiap Badan Kerajaan dalam melaksanakan dasar yang lebih bermanfaat dan lebih bermakna.

Jadi, apa yang ingin saya mengetengahkan adalah apabila kita sebagai Kerajaan yang berada dalam Kerajaan Negeri Pulau Pinang sekarang ini kita sebagai wakil kita mempunyai orang kata tanggungjawab untuk melakukan yang terbaik kepada semua warga Pulau Pinang tanpa mengira perbezaan apa-apa sahaja lah. Perbezaan politik pun. Jadi selanjutnya kita berharap agar gagasan ini dapat mencetuskan rasa kepunyaan ataupun *a sense of ownership*....(dengan izin) serta mengukuhkan pertalian kita sebagai orang Pulau Pinang. Terakhir, kita harus sedar bahawa pelaburan ke atas pembangunan kebudayaan tidak semestinya membawa pulangan keuntungan dalam jangka pendek yang merupakan satu pelaburan jangka panjang ke arah pemupukan aspirasi budaya yang tinggi dalam kalangan masyarakat. Dengan ini izinknan saya menyampaikan satu pantun, sebagai penutup perbahasan saya. Sang penyair melantukan kata-kata indah nan puitis, sang pujangga pun mengukirkan puisi yang tak kalah romantis, Mural dan Graffiti bertebaran di sepanjang dinding kota, Dunia tanpa seni muram, sepi dan tidak bermakna.

Dengan itu, saya mengakhiri perbahasan saya yang diadakan pada 13 November 2018, tepat pada jam 3.30 petang. Dengan kata-kata, ya, saya sokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Terima kasih. Dipersilakan Yang Berhormat Ahli Kawasan Berapit.

**Ahli Kawasan Berapit (YB. Heng Lee Lee):**

Terima kasih. Salam sejahtera, Salam harapan, Salam Malaysia Baharu saya ucapkan kepada Timbalan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan yang bersama kami di dalam Dewan ini. Saya ucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-Undang Pembekalan dan Usul Anggaran Pembangunan 2019 yang telah berjaya dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri yang telah mengambil langkah terhadap pencegahan tanah runtuh dan menyediakan peruntukan sejumlah RM10 juta pada tahun 2019 bagi kerja-kerja pembaikan cerun. Perkara ini merupakan satu cabaran harapan yang sukar terutamanya cuaca kini yang sentiasa berubah dan hujan hebat pada masa singkat yang boleh mengakibatkan risiko bahaya di kawasan bukit cerun. Garis panduan untuk peruntukan ini harus dipercepatkan supaya kawasan-kawasan yang menghadapai masalah atau berisiko tanah runtuh juga boleh menggunakan peruntukan ini dengan cepat.

Saya mengalu-alukan pembentangan Belanjawan Pulau Pinang, Penang 2030 yang berpotensi untuk memberi penekanan terhadap pembangunan keluarga dalam negeri yang hijau dan pintar terutamanya empat teras utama Visi Penang 2030 adalah berdasarkan *People Centric*. Sekarang Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan adalah di bawah payung Pakatan Harapan dan saya yakin dengan kerjasama kedua-dua kerajaan ini, pembangunan ekonomi Pulau Pinang akan lebih cemerlang dan pendapatan rakyat pada umumnya akan dipertingkatkan.

Timbalan Yang di-Pertua, Visi 2030 yang memberi penekanan kepada pembangunan keluarga dan perasaan selamat oleh rakyat adalah penting. Saya ingin menyentuh tentang isu keselamatan yang diutamakan oleh semua penduduk. Usaha Kerajaan dalam mempertingkatkan bilangan kamera litar tertutup (CCTV) di seluruh negeri dengan memperuntukkan RM7.4 juta untuk memasang 150 unit CCTV di bahagian Pulau menjadikan jumlah keseluruhan CCTV yang telah dipasang di bahagian Pulau adalah sebanyak 917 unit. Selain itu, RM2.5 juta juga akan

diperuntukkan untuk memasang 30 CCTV di kawasan Seberang Perai menjadikan jumlah keseluruhannya sebanyak 160 unit. Manifesto Pakatan Harapan semasa PRU 14 adalah mencapai bilangan CCTV sebanyak 1,000 unit di seluruh Pulau Pinang. Dengan penambahan CCTV pada tahun 2019 akan menjadikan jumlah keseluruhan CCTV di Pulau Pinang sebanyak 1,077 unit iaitu memenuhi manifesto Pakatan Harapan dalam PRU ke 14. Ini membuktikan Kerajaan Pakatan Harapan yang menepati janji dan bukan janji kosong sahaja. Walau bagaimanapun, pengetahuan saya buat masa sekarang, Seberang Perai Tengah hanya terdapat 47 unit CCTV dan Bukit Mertajam hanya ada 12 unit C CTV. Dengan penambahan CCTV pada tahun hadapan, masih tidak dapat meliputi kebanyakan kawasan di Seberang Perai dan kawasan titik panas jenayah iaitu *hot spot*. Dengan sumber kewangan kerajaan yang terhad, saya berpendapat kerajaan boleh bekerjasama dengan rakyat untuk mempertingkatkan bilangan CCTV. Saya bercadang kepada Kerajaan Negeri untuk memberikan insentif kepada rakyat Pulau Pinang yang memasang CCTV menjadi rakan keselamatan kerajaan. Pemberian insentif kepada mereka yang memasang CCTV dan memenuhi kriteria yang ditentukan. Kita semua faham dengan pemasangan CCTV dapat mempertingkatkan keselamatan tetapi kos membeli dan memasang CCTV memerlukan kos yang tinggi. Ia memerlukan beberapa ribu ringgit Malaysia yang merupakan kos kehidupan sebulan bagi sesebuah keluarga. Untuk menjaga keseluruhan sudut sebuah bangunan kadang-kadang memerlukan sekurang-kurangnya 8 hingga 10 unit CCTV.

Saya mencadangkan kepada Kerajaan Negeri untuk memberi insentif potongan cukai pintu kepada penduduk dan pemilik kedai yang memasang CCTV yang memenuhi kriteria seperti kualiti dan kuantiti CCTV, sudut yang dipasang dan juga keinginan membekal rakaman video kepada PDRM atas keperluan. Potongan cukai pintu atas pemasangan CCTV hanya mungkin boleh dinikmati sekali dalam tempoh tertentu misalnya sekali sahaja dalam lima (5) tahun.

Dalam ucapan bajet Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, Kerajaan Negeri melalui MBPP dan MPSP bersetuju untuk meneruskan dasar pengurangan cukai pintu untuk tahun depan kepada penghuni-penghuni rumah kos rendah dan kos sederhana rendah di mana mereka akan menikmati pengurangan cukai pintu kepada kadar 50% dan 3% akan diberikan untuk pelbagai kategori. Kerajaan Negeri memang amat prihatin untuk meringankan beban rakyat. Cadangan potongan cukai pintu tidak bercanggah dengan pengurangan dasar cukai pintu yang baru diumumkan malah dapat memberi kesan yang ketara untuk membentuk sebuah negeri yang selamat dengan kerjasama bersama rakyat Negeri Pulau Pinang. Untuk menjayakan kempen ini, saya bercadang kerajaan boleh bekerjasama dengan PDRM dengan memaparkan bukti yang telah dirakam oleh CCTV setelah tangkapan berjaya dibuat. Dengan kejayaan bukti CCTV dalam penyiasatan kes jenayah, dapat menggalakkan orang ramai lebih mendorong untuk memasang CCTV dan ini juga dapat menakutkan penjenayah. Syabas kepada MBPP yang akan memasang 150 unit CCTV yang dilengkapi dengan sistem pengecaman wajah atau CCTV *facial recognition* yang berdefinasi tinggi dengan kerjasama bersama PDRM. Pemasangan CCTV yang berteknologi tinggi selaras dengan Visi 2030 iaitu mengikut perkembangan revolusi digital yang sedang mengubah cara hidup kita. Dari segi undang-undang, walau pun bukti rakaman CCTV tidak dapat menjadi bukti sepenuhnya untuk mendakwa seseorang penjenayah ke mahkamah tetapi dengan rakaman wajah suspek yang diambil pihak PDRM dapat mengecilkan skop siasatan dan juga mengecam pihak tertentu melalui rakaman CCTV. Ini dapat membantu PDRM dalam proses siasatan.

Timbalan Yang di-Pertua, isu yang akan disentuh lagi adalah jalan raya mengutamakan pejalan kaki. Peningkatan infrastruktur jalan raya bagi keselesaan dan kemudahan rakyat telah diberi penekanan dalam Belanjawan 2019. Ke semua pembangunan dan reka bentuk jalan raya haruslah mengutamakan pejalan kaki iaitu memenuhi Visi 2030 yang berorientasikan orang. Menurut Jabatan Keselamatan Jalan Raya Malaysia, pejalan kaki mencatat golongan ketiga teratas dalam statistik maut akibat kemalangan jalan raya di Malaysia pada tahun 2017. Purata pejalan kaki yang maut akibat kemalangan jalan raya setiap tahun adalah 562 kes. Pejalan kaki yang maut berada di kedudukan tertinggi teratas sebab mereka terdedah kepada bahaya kerana tidak mempunyai sebarang alat perlindungan bagi melindungi mereka sekiranya terlibat dalam kemalangan. Sesetengah pihak berpendapat bahawa jalan raya adalah untuk kenderaan. Kita harus ingat semula diri kita semasa zaman pelajar, pelajar yang belum mendapat lesen

memandu atau tidak memiliki sebarang kenderaan, mereka hanya boleh membuat pilihan untuk menggunakan bas awam atau berjalan kaki.

Reka bentuk jalan raya haruslah memastikan pelajar dan anak muda dan golongan yang tidak memiliki apa-apa kenderaan, untuk menggunakan jalan raya dengan selamat, sekurang-kurangnya ada jalan yang selamat untuk memastikan pelajar sekolah boleh berjalan dari sekolah ke pusat perniagaan atau rumah kediaman yang terdekat. Sebagai contoh, *flyover* di depan Sekolah Menengah Kebangsaan Berapit yang terletak di kawasan Berapit merupakan satu halangan bagi pelajar-pelajar di sekolah itu semasa mereka hendak melintasi jalan dari sekolah balik ke rumah mereka. Walaupun rumah mereka yang terletak di Perkampungan Berapit hanya jarak 500 meter.

Mereka terpaksa melintasi jalan raya yang telah dilebarkan untuk kegunaan kenderaan dan reka bentuk sebegini telah mengabaikan keperluan pejalan kaki terutama golongan seperti pelajar. Ada kajian menunjukkan bahawa penduduk di Malaysia malas untuk berjalan kaki, semua orang hendak berhenti kereta di depan destinasi mereka. Memang keadaan cuaca sekarang yang panas dan lembab sering menjadi alasan seseorang untuk malas berjalan kaki tetapi salah satu faktor utama yang menyebabkan masyarakat tempatan tidak memilih untuk berjalan kaki adalah ramai pemandu yang tidak mematuhi peraturan jalan raya dan telah mengabaikan hak pejalan kaki di lalu lintas. Pemandu kereta yang suka berhenti kereta di tepi jalan untuk kebaikan jalan diri sendiri menjadi satu halangan kepada pejalan kaki.

Sebagai contoh, para Yang Berhormat, cuba bayangkan jika anda berjalan di atas jalan Pengkalan Weld dan dari Pengkalan Weld hendak ke arah Padang Kota Lama dengan jarak hanya 1.5 kilometer. Saya memberi contoh di sini sebab ada ramai yang lebih memahami keadaan di bahagian Pulau terutama yang dekat dengan Dewan yang mulia ini. Semasa hendak jalan dari Pengkalan Weld sampai ke Padang Kota Lama, sepanjang jalan itu, menghadapi halangan-halangan kereta yang bukan terletak dalam petak letak kereta tetapi di tepi jalan raya, pejalan kaki terpaksa berjalan di luar kenderaan yang letak di jalan itu dan terdedah kepada bahaya sebab ada kenderaan yang bergerak di luar. Saya sendiri pernah berlari atau *jogging* beberapa kali melalui kawasan itu, dan saya sendiri memahami betapa bahaya kawasan itu.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen):**

Terima kasih YB. Berapit kerana menyentuh Pengkalan Weld, jadi Pengkalan Kota kena bagi komen sedikit. Sebenarnya sememangnya saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Berapit yang memperjuangkan hak pejalan kaki. Sememangnya di negeri kita, kita nampak ianya merupakan satu ancaman khususnya kepada pejalan kaki di jalan raya kita. Sebagai contoh, Pengkalan Weld, kawasan itu unik sedikit sebab persekitaran terbina ataupun (dengan izin)....*built environment* yang sedia ada itu, sebab banyak bangunan yang sedia ada, bangunan lama, kebetulan juga ia berdekatan dengan kawasan Clan Jetties, kawasan yang merupakan sebahagian dari tapak warisan dunia. Sememangnya ia merupakan satu cabaran di mana kita pada masa yang sama, hendak mempertahankan hak pejalan kaki di sepanjang jalan tersebut dan pada masa yang sama cabarannya adalah juga untuk menyediakan tempat letak kereta yang mencukupi.

Di kawasan Clan Jetties khususnya dengan kunjungan pelancong di mana kita perlu juga menyediakan tempat letak kereta untuk bas persiaran yang membawa pengunjung ke kawasan tersebut. Atas dasar untuk memperjuangkan hak pejalan kaki itu saya bersetuju. Cumanya kadangkala kita menghadapi kekangan khususnya persekitaran terbina itu yang sudah sekian lama sudah ada, mungkin dari situ kita perlu mencari satu keseimbangan di antara persekitaran terbina dan juga mempertahankan hak-hak pejalan kaki. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Berapit (YB. Heng Lee Lee):**

Terima kasih Pengkalan Kota. Saya memperjuangkan bukan sahaja hak pejalan kaki tetapi satu reka bentuk yang mengutamakan pejalan kaki berorientasikan manusia. Disebabkan halangan di atas jalan raya kadang-kadang saya rasa hak-hak pejalan kaki telah dirampas. Saya berharap pihak berkuasa tempatan supaya membuat satu kajian semula laluan pejalan kaki yang mengutamakan pejalan kaki dan bukan sahaja membangunkan jalan raya yang mengutamakan kenderaan. Pejalan kaki yang dibina seharusnya boleh disambung ke tempat kediaman utama

ataupun pusat perniagaan yang terdekat supaya memudahkan pejalan kaki ke tempat tuju. Laluan pejalan kaki haruslah disambung dengan tegak dan tanpa halangan. Laluan pejalan kaki juga harus memenuhi *standard* yang boleh memuatkan sekurang-kurangnya dua orang pejalan kaki pada masa yang sama. Pelan jalan raya yang mengutamakan pejalan kaki harus meneliti pertambahan lampu isyarat dengan menentukan waktu sebagai kemudahan pejalan kaki untuk melintasi jalan.

Pihak berkuasa tempatan harus mengambil tindakan ke atas kenderaan yang meletak kenderaan di merata-rata tempat dan menjadi halangan. Dengan membina suasana yang mesra pejalan kaki barulah masyarakat boleh memupuk sikap saling hormat-menghormati pejalan kaki dengan pemandu jalan raya dan menggalakkan lebih ramai orang menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam yang menyumbang kepada populasi pejalan kaki.

Timbalan Yang di-Pertua, kemudahan rekreasi adalah penting untuk mempertingkatkan tahap kesihatan dan kesejahteraan hidup rakyat sebagai platform integrasi sosial. Kemudahan rekreasi yang saya ingin tekan di sini bukan bangunan atau dewan serba guna untuk senaman tetapi tempat awam atau tempat terbuka kepada seluruh lapisan masyarakat yang kita kata *open space*. Manifesto Pakatan Harapan Pulau Pinang dalam PRU 14 adalah menambah taman malam atau *night park*. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menyiapkan *night park* di Taman Bukit Dumbar dan Taman Tunku di Seberang Jaya dengan lampu LED yang lebih menjimatkan tenaga dan lebih cerah. *Respons* masyarakat terhadap taman malam yang lampu cerah amat menggalakkan sama ada warga emas atau golongan bekerja juga dapat menikmati kemudahan tersebut selepas kerja atau selepas makan malam.

Memandangkan permintaan yang ada, saya mencadangkan taman malam atau taman rekreasi yang sesuai menjalankan aktiviti di tambah dengan menaik taraf atau menambahkan kemudahan atas taman yang sedia ada. Tetapi *maintenance* iaitu pengurusan itu mesti dijaga. Contohnya taman rekreasi di Taman Bukit Indah, Bukit Mertajam merupakan satu taman rekreasi yang pernah popular dahulunya telah lama tidak diurus oleh MPSP sehingga laluan jalan, batu-bata dan longkang pun sudah hilang atas sebab hakisan tanah. Pokok dan rumput yang tumbuh sehingga jalan dan tangga di taman tersebut sudah tidak boleh dipakai lagi.

Selain itu soal hak milik atas sesuatu tempat rekreasi yang juga di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri juga mengakibatkan masalah penyelenggaraan. Taman Rimba atau Cheruk Tok Kun, Bukit Cheruk Tok Kun yang digemari oleh penduduk tempatan dan pengunjung luar dari Negeri Kedah atau Perak juga menghadapi masalah jalan rosak yang teruk. Jalan Bukit Cheruk Tok Kun mengalami kerosakan yang serius selepas hujan lebat tahun lepas dan pernah ditutup dua kali disebabkan tanah runtuh. Jalan tar dari kaki bukit ke puncak bukit memang rosak teruk dan mengancam keselamatan pengunjung. Saya difahamkan sepanjang 3.6 kilometer jalan tar Cheruk Tok Kun tersebut dimiliki oleh Syarikat Telekom Malaysia Sdn.Bhd. namun Taman Rimba itu adalah sangat popular dan permintaan yang sungguh tinggi.

Saya mencadangkan supaya Kerajaan Negeri ini menyediakan satu dana untuk memperbaiki atau menyelenggarakan tempat rekreasi awam yang bukan dimiliki oleh Kerajaan Negeri seperti Taman Rimba Cheruk Tok Kun atas keselamatan orang awam. Sebagai cadangan jangka panjang, bolehkah Kerajaan Negeri mendapatkan kebenaran supaya hak milik tanah sebegitu diserah kepada Kerajaan Negeri atau Perhutanan Negeri?

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Minta penjelasan. Terima kasih YB. Berapit yang telah membangkitkan isu Taman Eco Rimba Bukit Mertajam yang saya juga ada bertanya dalam soalan bertulis saya. Saya amat terkejut dengan kos untuk membaik pulih jalan-jalan dan cerun-cerun di Taman Eco Rimba Bukit Mertajam ini. Kerana kosnya lebih daripada peruntukan yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri untuk membaiki cerun-cerun di seluruh negeri pada tahun depan 2019 iaitu RM10 juta. Anggaran kos untuk kerja-kerja pembaikan tanah runtuh di cerun jalan tar dari kaki bukit sehingga puncak Bukit Mertajam ia telah merangkumi kerja penyiasatan tanah dan kosnya adalah RM600,000.00 dan kerja ukur RM250,000.00, kos perunding RM762,000.00. Anggaran kos pembaikan cerun RM15juta dan juga anggaran kos pembaikan jalan RM1.29 juta. Kesemua ini

telah merangkumi RM17.9 juta yang telah melebihi peruntukan yang telah diperuntukkan untuk bajet tahun hadapan.

Maka saya rasa ini adalah satu kos penyelenggaraan dan juga pembaikan cerun-cerun yang mengambil kos yang begitu tinggi. Saya memang harap dan perkara ini juga telah dibangkitkan kepada Ahli Parlimen Kawasan iaitu YB. Steven Sim kerana memang kawasan sana adalah sangat popular. Kita memang berharap supaya Kerajaan Negeri boleh melalui kerjasama dengan Syarikat Telekom Malaysia boleh mempercepatkan proses pembaikan cerun-cerun bukit tersebut dan juga jalan untuk mendaki bukit ke atas puncak. Saya memang setuju dengan cadangan daripada YB. Berapit yang telah meminta supaya kerajaan boleh memberi satu peruntukan khas kepada projek pembaikan untuk membaiki cerun bukit dan juga jalan-jalan di Taman Eco Rimba Bukit Mertajam. Itu sahaja.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Terima kasih. Seperti yang selalu saya telah bagi penjelasan, tapak itu pada mulanya bukan untuk menjadi taman rimba, itu adalah untuk satu stesyen komunikasi untuk STM di mana mereka menggunakan tapak itu untuk berkordinasi dengan di Sama Gagah Dalam dan juga di Kuala Muda untuk *shipping industry* dan juga lain-lain. Bila telah dapat rayuan daripada orang ramai kami bagi izin pada orang ramai untuk menggunakan jalan dan digunakan oleh syarikat-syarikat telekomunikasi untuk naik ke atas. Pembangunan di sana pada masa itu tidak mengambil kira, semua kemudahan untuk orang ramai di sana. Selepas Kerajaan Pakatan Harapan menjadi kerajaan atau pentadbir, kami cuba membuat tambahan. Malangnya kerana pada masa mulanya tidak ada seperti orang kata *solid foundation*, oleh demikian masalah sudah timbul dan apabila mereka menghadapi banjir khasnya pada 15 September 2016 dan juga 4hb dan 5hb. Sepatutnya mengikut keselamatan saya tidak hendak bagi izin untuk orang ramai mendaki menggunakan jalan itu dari segi keselamatan kerana semua belum siap. Akan tetapi atas rayuan orang ramai dan termasuk ADUN kawasan, apa yang boleh buat kami buat dahulu. Kami akan memohon *stage by stage* di mana jalan itu akan ditanggungjawabkan, jalan untuk mendaki itu diberi TOL kepada Telekom Malaysia dan di sana ada lagi lain-lain syarikat yang berkongsi jalan itu, mereka akan bermesyuarat dan akan memberi peruntukan untuk membaiki jalan itu. Oleh yang demikian, saya sudah letak satu tanda di sana, *hike at your own risk*. Kita akan cuba memohon dari Kerajaan Pusat untuk membaiki dengan segera.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Boleh bagi laluan YB. Berapit? Saya berterima kasih kepada YB. Sungai Puyu yang telah memberi penjelasan. Saya di sini juga ingin merakam terima kasih kepada pihak YB. Sungai Puyu yang mengambil perihatin terhadap isu yang berlaku di Taman Eco Rimba Bukit Mertajam. Cuma saya rasa kita memang perlu mendesak supaya pihak TM dan juga syarikat-syarikat telekomunikasi yang sepatutnya membaiki jalan itu, memang kita perlu memberi tekanan atau bagaimana boleh mempercepatkan. Sekiranya mereka tidak membaiki atau memberi alasan bahawa tiada peruntukan maka keadaan di kawasan sana seperti apa yang disebut tadi oleh YB. Berapit memang bermasalah. Bila orang naik, kenapa boleh jadi macam ini, ada ramai yang tidak tahu tentang perkara mengapa boleh ia jadi sedemikian, mereka *don't know the context*. *So* kita perlu mempercepatkan kerana ini mengambil peruntukan yang begitu tinggi. Saya pun faham Kerajaan Negeri pun tidak mempunyai peruntukan yang begitu tinggi, maka kita kena cari jalan supaya siapa yang bertanggungjawab perlu membaiki jalan tersebut dengan secepat mungkin. Itu harapan saya.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Memang kita sedang mengurus sebelum Mei 9, memang semua pintu-pintu telah ditutup dan pada masa ini sudah dibuka semula. Saya ada keyakinan bahawa boleh dipercepatkan kerana pada masa kini kita telah berbincang dengan mereka dan mereka *is more open towards* apa-apa yang telah dicadangkan oleh Kerajaan Negeri. Saya berharap bahawa perkara ini boleh diselesaikan dengan secepat mungkin.

**Ahli Kawasan Berapit (YB. Heng Lee Lee):**

Terima kasih kepada Sungai Puyu dan Machang Bubuk. Saya rasa perkara atau topik Bukit Cheruk Tok Kun ini memang topik yang panas sampai kedua-dua Yang Berhormat mengambil giliran untuk berucap di Dewan yang mulia ini. Seperti apa yang tadi dikatakan oleh kedua-dua Yang Berhormat, walau pun tujuan dahulu iaitu satu taman rimba atau satu taman ia bukan dibuka *purposely…(*dengan izinnya) untuk senaman orang awam tetapi atas permintaan yang tinggi disebabkan kita kekurangan taman hijau atau dikatakan g*reen lung* seperti yang ada di Bukit Mertajam. Jadi Bukit Cheruk Tok Kun ini menjadi satu tempat menjalankan aktiviti dan satu tempat untuk aktiviti keluarga yang sangat popular.

Boleh saya katakan bolehkah kita menggunakan kemudahan yang sedia ada untuk membangunkan dan memajukan satu taman yang sedia ada supaya menjadi satu taman yang dapat digemari oleh orang ramai. Contohnya baru-baru ini, baru saya perasan di kawasan Berapit, di kawasan Jalan Kulim, Loji Pembersihan Air Bukit Mertajam. Tempat itu tertutup dan di bawah jagaan PBA dan kawasan itu sebenarnya sangat cantik. Saya masuk dalam dan nampak, bukan sahaja jalan itu cerun tetapi penuh dengan pokok-pokok hijau, ada pokok durian juga ada di dalam tetapi tempat itu sudah terbiar lama. saya harap pada masa hadapan tempat itu boleh kita kerjasama, tempat itu boleh dibuka kepada orang awam supaya taman yang kita boleh menikmati, bilangannya boleh ditambah.

Timbalan Yang di-Pertua, saya menyokong dengan pelbagai usaha pembangunan wanita dalam Bajet 2019 oleh YB. Padang Lalang terutama dasar minimum 30% perwakilan wanita dalam Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) dan akan menjadi sekurang-kurangnya 5 orang wanita dilantik dalam MPKK menjelang tahun 2021. Dasar ini juga akan dipanjangkan kepada pelantikan Ahli-ahli Majlis di kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan. Pemimpin wanita pada peringkat membuat keputusan adalah penting untuk memastikan polisi mesra kepada kaum wanita. Fenomena ini juga dinyatakan dalam sebuah buku bertajuk *Lean In: Women Work and the Will to Lead*, penulisnya Sheryl Sandberg adalah *Chief Operating Officer* (COO) kepada *Facebook* buat masa sekarang. Buku Lean In ini mendapat sambutan yang besar di dunia dan menjadi satu *movement*. Penulis menceritakan dalam bukunya semasa memegang jawatan sebagai, (dengan izin)...*Vice President of Global Online Sales and Operation* di Google pada tahun 2004. Semasa itu beliau mengandung. Berat badannya naik hampir 30 kilogram dan mempunyai *symptom* mabuk hamil. Satu hari beliau mencari tempat meletak kereta di *Google* dan hampir penuh dan akhirnya berjaya mendapat satu tempat letak kereta. Selepas kereta diletak, beliau berlari ke bilik mesyuarat untuk memulakan satu mesyuarat dan dalam buku itu beliau mengatakan dalam mesyuarat itu dia hanya mendoa supaya dirinya tidak muntah. Penulis mengatakan masa itu barulah dia mendapati, merasa keperluan ada tempat letak kereta khas untuk ibu mengandung. Beliau rasa malu sendirinya sebagai pemimpin wanita tertinggi di *Google* tetapi tidak pernah fikir keperluan kaum wanita hamil sehingga dirinya perlu kemudahan ini. Adakah perkara seperti tempat letak kereta kepada ibu hamil adalah satu perkara yang kecil? Perkara ini telah mencerminkan hak minoriti tidak diambil berat oleh majoriti. Walau pun negara Amerika Syarikat yang menegaskan hak asasi manusia tetapi keperluan itu juga diabaikan. Sebelum kita mencapai matlamat 30% penglibatan wanita dalam semua peringkat membuat keputusan, saya minta Kerajaan Negeri menetapkan polisi mesra untuk pemandu wanita yang mengandung di semua tempat letak kereta di bawah Kerajaan Negeri.

MPSP telah memulakan inisiatif ini dengan menyediakan 12 kotak tempat letak kereta ibu mengandung yang bermula pada Mei tahun 2017 pada bangunan MPSP Bandar Perda. Tempat letak kereta ibu mengandung diletakkan dekat dengan kaunter. Mantan YDP MPSP iaitu Dato' Maimunah mengatakan pada masa itu, pihak MPSP mengkaji supaya pemaju juga menyediakan tempat letak kereta ibu mengandung untuk mendapatkan kelulusan projek pembangunan yang baru. Ini satu usaha mengangkat martabat wanita melalui pendidikan kepada masyarakat terhadap kepentingan keadilan sosial terhadap golongan wanita. Di negara-negara di luar negara seperti di negara Taiwan, negara itu menyediakan 2% daripada jumlah kotak letak kereta untuk ibu yang hamil dan itu merupakan satu polisi negara. Di tempat awam seperti *shopping mall,* hospital, lapangan kapal terbang dan juga semua jabatan kerajaan. Untuk menjayakan

polisi ini, saman mesti dikeluarkan oleh pihak berkuasa tempatan kepada pihak yang menyalahgunakan tempat letak kereta wanita hamil.

Timbalan Yang di-Pertua, perkara yang seterusnya saya ingin menutup adalah mengenai dengan e-Sukan iaitu *e-Sports*. e-Sukan sangat popular dalam kalangan anak muda. e-Sukan telah muncul sebagai sukan antarabangsa dengan pasukan professional dan pemain dari setiap pelusuk dunia. Warga Pulau Pinang selalu bangga dengan *Penang lead*. Juga boleh dikatakan dalam e-Sukan sebab Kerajaan Negeri pada Belanjawan 2018 iaitu tahun yang lepas telah memperuntukkan RM1.0 juta untuk membangunkan kesihatan e-Sukan pada tahun ini. e-Sukan di Pulau Pinang juga akan diberi fokus dengan menganjurkan *Penang e-Sports Festival* pada tahun depan. e-Sukan mempunyai pasaran pemain global yang besar seperti Sukan Asia 2022 di Hongzhou, China di China telah masukkan e-Sukan sebagai acara sukan. Terdapat pandangan yang berlainan terhadap e-Sukan. Ada yang menyuarakan, ada yang tanya, adakah bermain komputer boleh dianggap sebagai sukan? Pada hakikatnya berbanding dengan sukan tradisional yang menekan latihan otot kebanyakan ujian e-Sukan adalah kecerdasan dan kelajuan tindak balas. Dari sudut pandangan tertentu, pemain e-Sukan juga sangat konsisten dengan definisi atlet umum iaitu keadaan fizikal yang lebih baik, ketahanan dan *endurance* dari orang biasa. Perkembangan e-Sukan secara umumnya di masyarakat kita masih mencabar sebab pandangan menganggap bermain *games computer* tidak sihat dan boleh menjadi satu ketagihan. Untuk membangunkan e-Sukan yang sihat, masalah kesihatan pemain e-Sukan mesti dipertimbangkan kerana mereka menggunakan, (dengan izin)....*mouse* dengan *keyboard* untuk masa yang panjang, boleh menyebabkan ketegangan dan menderita sakit. Buat masa sekarang pasukan e-Sukan tidak mempunyai sekumpulan doktor seperti doktor untuk atlet dan juga perlindungan insurans kesihatan.

Sekiranya lebih ramai orang terlibat dalam e-Sukan, industri juga perlu mempertimbangkan kesihatan para pemain. Kini terdapat kolej-kolej di Kuala Lumpur dan juga universiti di luar negara seperti *Far East University* di Taiwan telah menubuhkan akademi e-Sukan yang meliputi jadual sihat dan nutrisi sihat untuk pelajar e-Sukan yang seolah-seolah latihan ahli sukan. Saya mencadangkan Kerajaan Negeri selain daripada menganjurkan acara atau program e-Sukan, juga mendapat konsultan atau kerjasama dengan akademi e-Sukan supaya mendapatkan satu perkembangan seimbang e-Sukan di negeri ini.

Timbalan Yang di-Pertua. Selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri yang komited untuk mempertingkatkan infrastruktur bagi keselesaan dan kemudahan rakyat, jaringan jalan raya sentiasa dinaik taraf di seluruh negeri sama ada di bandar atau luar bandar. Saya minta projek pelebaran Jalan Kulim dan Jalan Kampung Besar, Bukit Mertajam boleh dapat dimulakan pada tahun depan. Sepengetahuan saya, reka bentuk kedua jalan tersebut telah dijalankan. Cadangan pelebaran Jalan Kulim daripada sempadan Kulim sehingga ke di depan SRJK (C) Kim Sen dan daripada sehala kepada dua hala. Daripada Kulim ke BM bernilai RM31 juta dan cadangan pelebaran Jalan Kampung Besar, yang bernilai RM8 juta. Kedua-dua jalan ini merupakan jalan yang sibuk terutamanya Jalan Kulim adalah satu jalan utama yang sangat sibuk dan mempunyai aktiviti perniagaan pesat di persekitarannya dan telah menyumbang kepada kesesakan jalan raya yang sangat teruk daripada masa ke masa. Manakala Jalan Kampung Besar, sekarang telah menjadi satu jalan alternatif kepada pengguna jalan raya daripada Jalan Kulim ke Berapit dan Penanti. Mungkin Penanti akan sokong saya tapi sekarang Yang Berhormat Penanti tak ada dalam Dewan ini.

Jalan Kampung Besar adalah dimiliki oleh Perbadanan Aset Keretapi iaitu RAC yang selama ini tidak dapat peruntukan MARRIS iaitu jalan itu tidak dapat peruntukan MARRIS dan selalu menghadapi masalah berlubang-lubang dan terpaksalah ADUN menggunakan peruntukan yang terhad untuk memperbaiki jalan tersebut. Dengan penukaran Kerajaan Persekutuan pada 9 Mei dan selepas itu berkali-kali saya bangkitkan masalah Jalan Kampung Besar dalam Mesyuarat Tindakan SPT dan juga sendiri berjumpa dengan Pengurus RAC. Akhirnya RAC memberi kebenaran kepada JKR melakukan kerja memulakan kerja-kerja penyelenggaraan atau *resurfacing* tetapi kebenaran untuk mendapat hak milik jalan itu masih tidak dapat. Dan saya minta Jabatan Kerja Raya mendapat kelulusan daripada RAC supaya kerja pelebaran boleh dimulakan dengan cepat…(gangguan).

**Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik):**

Saya minta pencerahan. Tentang Jalan Kampung Besar ini, saya memang setuju sebab saya salah seorang pengguna dan saya minta masukkan dalam Rancangan Struktur Pulau Pinang 2030 sebab kini dalam peringkat publisiti dan penyertaan awam dan hari terakhir ialah 19hb November. Kita masih sempat masukkan dalam Deraf Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang Tahun 2030.

**Ahli Kawasan Berapit (YB. Heng Lee Lee):**

Terima kasih atas sokongan daripada Bukit Tambun yang begitu jauh juga menggunakan jalan itu. Ini menunjukkan jalan itu memang popular. Timbalan Speaker, masalah kesesakan, masih atas masalah jalan. Masalah kesesakan di depan SMK Convent Bukit Mertajam dan jirannya Hospital Bukit Mertajam telah menghantui penduduk-penduduk Bukit Mertajam bertahun-tahun. Kedua-duanya terletak di Jalan Kulim yang jalan itu sempit dan tidak mempunyai tempat letak kereta yang cukup. Bagi SMK Convent Bukit Mertajam, kesesakan akibat daripada ibu bapa yang membawa anak ke sekolah dan selepas sekolah telah menjadikan jalan itu daripada satu lorong sampai *double* atau *triple parked*. Dan jiran iaitu di tepi sekolah itu adalah Hospital Bukit Mertajam. Telah lama mengalami ketidakcukupan tempat letak kereta. Walau pun terdapat tempat letak kereta swasta di belakang hospital tetapi setiap hari dari pagi sampai malam terdapat kereta yang letak di luar hospital, di tepi jalan. Ini menjadi satu penghalang kepada pengguna jalan raya Jalan Kulim. Masalah kesesakan tersebut sehingga kini tak ada jalan penyelesaian lagi. Saya mencadangkan Rumah Rehat BM iaitu *BM Rest House* dan juga gelanggang tenis Bukit Mertajam yang terletak di depan Sekolah Menengah Kebangsaan Convent Bukit Mertajam itu diambil alih dan dimajukan sebagai tempat letak kereta bertingkat. Rumah Rehat Bukit Mertajam dan gelanggang tenis Bukit Mertajam telah terbiar lama, bertahun tahun, menjadi satu tempat membuang sampah dan terpaksalah gotong royong dijalankan oleh agensi-agensi kerajaan untuk memastikan tempat tersebut tidak menjadi pembiakan nyamuk denggi.

Menurut jawapan yang saya terima dari sidang Dewan yang lepas, Kerajaan Negeri bercadang untuk memajukan kawasan Rumah Rehat Bukit Mertajam dan gelanggang tenis Bukit Mertajam sebagai Jabatan Pesakit Luar bagi Hospital Bukit Mertajam. Tapi setakat kini tidak ada sebarang maklum balas yang diterima daripada Jabatan Kesihatan Pulau Pinang. Jadi saya minta Kerajaan Negeri membangunkan tempat tersebut untuk kebaikan warga setempat. Rumah Rehat Bukit Mertajam terletak di lokasi yang strategik. Selain membina tempat letak kereta bertingkat, tempat tersebut boleh dibangunkan sebagai perpustakaan dan juga pusat perniagaan. Perpustakaan Bukit Mertajam yang sekarang terletak di Jalan Pegawai. Mungkin boleh mempertimbang untuk memindah ke kawasan tersebut sebab dalam lingkungan satu kilometer. *BM Rest House* itu terletak empat buah sekolah iaitu SMK Convent, SRJK (C) Kim Sen, Sekolah Menengah Cina Jit Sin Persendirian dan juga sebuah sekolah swasta iaitu Institut Bukit Mertajam. Ini menjadikan tempat itu adalah tempat yang sesuai membina sebuah perpustakaan.

Timbalan Yang di-Pertua, saya ingin mengalu-alukan usaha Kerajaan Negeri mewujudkan masyarakat berkebajikan dan penyayang dengan membangunkan sebuah pusat transit gelandangan bersama swasta dan pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO). Ini adalah hasrat Kerajaan Pakatan Harapan iaitu tidak ada sesiapa pun diketepikan, *no one left behind*. Pusat transit ini bukan sahaja menyediakan keperluan asas seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal yang selesa tetapi juga beri latihan kemahiran kepada golongan yang produktif. Konsep memberi pancing adalah lebih baik daripada memberi ikannya. Sangat bermakna. Untuk membantu golongan tersebut dan juga membantu kepada masyarakat umum. Dengan ini, saya juga mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua kakitangan tak kira Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan, Pejabat Daerah dan juga agensi-agensi kerajaan yang telah memberi sokongan dan juga bekerja tungkus lumus bantuan kepada Berapit supaya kita semua dapat memberi perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat. Dengan ini, sekian terima kasih, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Dipersilakan Yang Berhormat Ahli Kawasan Jawi.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye):**

Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dewan yang mulia ini kerana memberi peluang kepada saya untuk menyertai dalam sesi perbahasan ke atas Ucapan Belanjawan 2019 Negeri Pulau Pinang oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri. Ia untuk menunaikan janji dan tanggungjawab yang diberi oleh rakyat yang telah memilih Pakatan Harapan dalam Pilihanraya Umum Ke-14 yang lalu. Izinkan Jawi mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat kerana memberi pandangan yang bernas sama ada daripada pihak kerajaan mahupun pihak pembangkang untuk membantu Pulau Pinang mengorak langkah menuju ke arah Negeri Pintar, Hijau dan Berteraskan Keluarga Yang Menginspirasikan Negara. Sudah tujuh (7) bulan kita menerajui tampuk pemerintahan. Bukan sahaja dari segi pemerintahan negeri di bawah pimpinan Ketua Menteri yang baru malah di peringkat Kerajaan Persekutuan juga kita telah membentuk Malaysia Baru di bawah pimpinan Pakatan Harapan buat kali pertamanya dalam sejarah Malaysia. Kita juga tidak boleh lupa bahawa kita semua diberi mandat oleh rakyat Malaysia untuk mewakili mereka bagi menyuarakan masalah mereka di Dewan yang mulia ini.

Timbalan Yang di-Pertua, belanjawan negeri bagi tahun 2019 yang dibentangkan oleh Ketua Menteri Pulau Pinang, Yang Amat Berhormat Padang Kota pada 9 November yang lalu telah mengumumkan banyak rancangan yang menguntungkan rakyat Pulau Pinang yang akan memacu pembangunan yang lebih berkualiti serta memberi manfaat yang menyeluruh kepada rakyat sepertimana harapan dan impian Penang 2030 Negeri Pintar, Hijau dan Berteraskan Keluarga Yang Menginspirasikan Negara. Teras pertama dalam ucapan Ketua Menteri adalah meningkatkan daya huni untuk meningkatkan kualiti kehidupan. Belanjawan 2019 yang menyediakan sebanyak RM39.3 juta untuk projek menaiktaraf dan pembinaan jalan raya baru. Terdapat juga peruntukan sejumlah RM2 juta untuk meningkatkan akses dan menaiktaraf jalan-jalan kampung. Saya mengalu-alukan pengumuman ini kerana ini sememangnya berita yang memberansangkan bagi kawasan yang sedang membangun seperti di KADUN Jawi, KADUN Sungai Bakap di mana kebanyakan kawasan merupakan kawasan luar bandar.

Peruntukan bagi seseorang ADUN memang tidak mencukupi untuk melaksanakan projek meningkatkan dan menaiktaraf di jalan-jalan kampung tanpa bantuan daripada Kerajaan Negeri. Jawi ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Ketua Menteri, Yang Amat Berhormat Padang Kota dan juga EXCO Perumahan, Yang Berhormat Datok Keramat dan barisan pimpinan Ahli Majlis Kerajaan Negeri Pulau Pinang, EXCO kerana atas usaha mereka, janji dalam Manifesto Pilihanraya Umum Ke-14 dapat ditepati. Hampir 100,000 unit jenis rumah kos rendah, kos sederhana rendah dan rumah mampu milik untuk rakyat Pulau Pinang disediakan. Syabas dan tahniah kepada semua anggota dalam barisan anggota pimpinan Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Hal ini membuktikan keperihatinan Kerajaan Negeri di bawah Pakatan Harapan yang mengambil berat tentang kebajikan penduduk di Pulau Pinang. Akan tetapi kita juga tidak boleh melupakan bahawa golongan B40 dan M40 yang mengalami kesulitan apabila untuk membayar deposit untuk memiliki rumah mampu milik. Jadi saya menyeru agar Kerajaan Negeri untuk menyemak kadar bayaran deposit untuk memiliki rumah mampu milik khususnya untuk golongan B40 ataupun Kerajaan Negeri harus terus menggunakan kaedah sewa beli ke atas semua rumah mampu milik bagi golongan B40.

Pada 9 November yang lalu, surat khabar Bahasa Inggeris iaitu *The Star* telah melaporkan satu berita di muka surat depan mengenai keadaan teruk di salah satu projek perumahan kos rumah rendah di kawasan Jawi. Saya merasa terkejut dengan layanan oleh akhbar nasional ini bagi menolong membawa isu ke peringkat nasional untuk perhatian yang berkesan. Oleh itu, di sini saya ingin mengucapkan terima kasih kepada *The Star* kerana menolong membawa isu semasa kepada semua melalui liputan dalam muka surat yang menonjol sekali. Akan tetapi dalam laporan tersebut terdapat sedikit kesilapan dalam penerangan daripada kenyataan tersebut yang diterbitkan di mana saya ingin membuat pembetulan melalui Dewan yang mulia

ini. Sebenarnya fakta yang saya ucapkan adalah memang kita faham rakyat di Pulau Pinang memerlukan rumah kos rendah dan Kerajaan Negeri sedang berusaha membina lebih banyak lagi rumah kos rendah untuk keperluan dan manfaat rakyat jelata. Akan tetapi dalam kenyataan yang disiarkan dalam akhbar *The Star* tersebut pula melaporkan bahawa saya mengatakan tidak perlu lagi membina rumah kos rendah. Ini adalah tidak benar sekali. Apa yang saya cadangkan kepada Kerajaan Negeri adalah seperti berikut: "Pada masa yang sama apabila kita membina rumah kos rendah Kerajaan Negeri haruslah mengkaji semula polisi rumah kos rendah berstrata yang sedia ada kerana skim perumahan menghadapi masalah khasnya yang lebih, skim perumahan yang lebih daripada 15 tahun terutamanya di kawasan Daerah Seberang Perai Selatan".

Pada masa yang sama saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Datok Keramat, merangkap EXCO Perumahan Negeri yang bukan sahaja tidak marah tentang masalah perumahan kos rendah yang disiarkan secara meluas di muka depan *The Star*, malah Yang Berhormat Datok Keramat berterima kasih kerana saya telah mengatakan masalah tersebut dan beliau berjanji akan cuba sedaya upaya untuk membantu dalam menyelesaikan masalah tersebut.

Masalah yang utama pengurusan di perumahan kos rumah rendah berstrata sudahpun saya maklum pada sidang Dewan yang lepas. Perkara ini menjadi igauan dan tidak kesudahan dan biasanya pemimpin tempatan akan menjadi sasaran sekiranya rumah kos rendah berstrata menghadapi masalah. Semua yang berlaku ini mempunyai hubungan langsung dengan sikap penghuni, masalah pengurusan dan kurangnya penguatkuasaan oleh pihak berwajib. Sekiranya ketiga-tiga masalah ini dapat diselesaikan, kehidupan di kediaman berstrata yang berkos rendah akan menjadi lebih sempurna. Masalah yang pertama iaitu berkaitan dengan sikap penghuni terutama dalam aspek harta berkongsi bersama iaitu *common property…* (dengan izin) yang tidak difahami oleh kebanyakan penghuni dan juga masalah pembayaran yuran penyelenggaraan bulanan. Kebanyakan masalah ini kediaman berstrata rumah kos rendah adalah disebabkan oleh kekurangan dana penyelenggaraan. Isu ini timbul bukan kerana penghuni tidak berkemampuan untuk membayar tetapi disebabkan sikap yang merasakan mereka tidak perlu membayar kerana jika timbul masalah mereka mengharapkan pemimpin masyarakat akan membantu mereka. Hal ini amat jelas apabila berlaku sesuatu yang serius, pemimpim masyarakat ataupun ahli politik akan tampil ke depan untuk membantu. Kalau tidak ada sesiapa yang membantu maka mereka akan mengadakan sidang media dan memberi tekanan kepada pemimpin terutamanya pemimpin politik. Akhirnya pemimpin politik terpaksa mencampur tangan demi kemanusian dan kebajikan masyarakat. Situasi ini menyebabkan mereka menanam sikap tidak apa, manja dan tidak bertanggungjawab dan sentiasa memerlukan tongkat untuk bergerak. Sudah sampai masanya kita harus membuang tongkat tersebut dan mereka harus belajar untuk berdikari dan bersikap positif. Kalau ditinjau dengan teliti, mereka bukanlah tidak berkemampuan untuk membayar disebabkan kebanyakan unit kita dapat lihat mereka mempunyai langganan tv yang berbayar maka persoalannya mengapa mereka mampu membayar yuran langganan tv tetapi tidak mampu untuk membayar yuran penyelenggaraan. Semua ini adalah berkaitan dengan sikap dan kurangnya penguatkuasaan. Walaupun dalam peruntukan undang-undang, dalam Akta 757 Strata Management Act iaitu Akta Pengurusan Strata 2013, membolehkan tindakan diambil terhadap mereka yang ingkar tetapi tiada sesiapa yang mengambil tindakan kerana kediaman berstrata rumah kos rendah biasanya tiada pihak yang menguruskan bangunan tersebut dan kalau ada pun mereka tidak faham tentang akta tersebut dan sesetengah juga takut akan keselamatan mereka terancam jika mengambil tindakan terhadap orang lain. Oleh itu tiada penghuni yang sanggup tampil ke depan bagi memikul tanggungjawab sebagai JMB apatah lagi sebagai MC, *Management Committee….*(dengan izin).

Masalah yang kedua adalah masalah pengurusan. Oleh kerana tiada penghuni yang sanggup tampil ke depan untuk memikul tanggungjawab sebagai Lembaga Pengurusan maka kebanyakan bangunan berstrata rumah kos rendah dibiarkan tanpa sebarang pengurusan. Keadaan ini menyebabkan kawasan tersebut dipenuhi dengan sampah yang tidak diurus. Kalau di kawasan perumahan biasa, Pihak Berkuasa Tempatan iaitu MPSP atau MBPP akan menguruskan masalah pembersihan sampah tetapi di kawasan bangunan berstrata, ia adalah di luar skop pembersihan Kerajaan Tempatan kerana secara teorinya bangunan berstrata

mempunyai Lembaga Pengurusan sendiri yang bertanggungjawab atas semua urusan penyelenggaraan di bangunan tersebut. Bagi bangunan yang mempunyai Lembaga Pengurusan pula kebanyakan mereka menjadi ahli *committee*…(dengan izin), hanya sekadar tangkap muat sahaja, bagi untuk mencapai korum AJK. Mereka tidak faham peraturan dan undang-undang seperti yang tertera dalam akta. Saya bagi contoh di pangsapuri kos rendah di Bukit Panchor, kita telah beberapa kali meminta bantuan daripada COB daripada MPSP untuk mengadakan mesyuarat AGM supaya dapat ditubuhkan satu badan pengurusan. Tapi setelah beberapa bulan badan pengurusan itu akan berpecah-pecah. Tidak ada orang yang berani untuk memikul tanggungjawab atas badan pengurusan tersebut. Oleh itu tindakan yang diambil oleh Lembaga tersebut tidak memenuhi keperluan peruntukan undang-undang seperti yang ditetapkan. Hal ini kerana mereka sendiri pun tidak faham tentang undang-undang dan istilah undang-undang yang digunakan dalam Akta 757, *Strata Management Act*.

Masalah ketiga berkenaan dengan penguatkuasaan. Situasi ini menjadi lebih teruk kerana kurangnya penguatkuasaan. Tidak ada tindakan yang jelas diambil terhadap pemaju yang tidak menubuhkan JMB seperti yang telah ditetapkan dalam akta selepas pemaju menyerahkan VP, iaitu *vacant procession*. Bahagian Perumahan atau Kementerian Perumahan tidak mempunyai pegawai penguatkuasaan yang mencukupi untuk memantau dan terpaksa bergantung kepada Pihak Berkuasa Tempatan di mana Pihak Berkuasa Tempatan sendiri pun menghadapi masalah kekurangan kakitangan. Dan tiada tindakan diambil terhadap penghuni yang enggan membayar yuran penyelenggaraan sehingga ia menjadi tunggakan yang sukar dibayar. Tiada usaha untuk mengambil tindakan terhadap mereka yang melanggar peraturan seperti membuang sampah di merata-rata tempat. Membuat struktur tambahan haram pada bahagian rumah dan juga menyalahgunakan kawasan hak milik bersama. Oleh itu adalah penting masalah ini harus diatasi kerana kediaman bertingkat yang berstrata akan menjadi *trend* biasa di Pulau Pinang pada masa hadapan kerana Negeri Pulau Pinang memang menghadapi kekurangan tanah untuk pembangunan.

Cadangan saya pada Dewan yang mulia ini untuk mengatasi masalah ini adalah seperti yang berikut.

(i) Kediaman bertingkat rumah kos rendah tidak harus mempunyai pemilik strata. Ia tidak boleh dijual terus kepada pembeli sebaliknya semua bangunan kediaman bertingkat seharusnya di bawah hak milik kerajaan. Kerajaan boleh membuat perjanjian sewa beli dengan mereka yang berminat.

(ii) Melalui perjanjian sewa beli, penyewa haruslah mematuhi semua perjanjian yang telah diaturkan dan Kerajaan mempunyai hak untuk menarik balik sewaan terhadap mereka yang ingkar setelah jumlah notis tertentu dikeluarkan.

(iii) Satu buku panduan *do and don't* dikeluarkan oleh Bahagian Perumahan Kerajaan Negeri dan dia diberikan kepada setiap penyewa yang menyewa unit dengan cara ini penyewa dapat memahami dengan jelas tanggungjawab mereka.

(iv) Satu Lembaga Pengurusan ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri supaya menguruskan semua kediaman bertingkat kos rendah di Negeri Pulau Pinang. Lembaga Pengurusan ini harus mempunyai kuasa mendakwa, mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan berdasarkan peruntukan dan undang-undang yang telah ditetapkan dengan cara ini membebaskan penghuni atau penyewa dari tanggungjawab menguruskan bangunan tersebut.

(v) Kuasa Lembaga Pengurusan ini boleh dilanjutkan kepada semua bangunan kediaman bertingkat kos rendah yang sedia ada tetapi dari aspek pengurusannya mungkin berbeza kerana bangunan yang sedia ada mempunyai hak milik strata. Dengan pengwujudan lembaga ini Kerajaan boleh mempertimbangkan untuk mengambil alih unit-unit yang sedia ada tetapi terbiar dan membaikpulihnya dan kemudiannya boleh disewa kepada mereka yang berkelayakan dan berminat.

(vi) Kerajaan Negeri perlu menubuhkan satu *task force* supaya dapat mengkaji semula dasar rumah kos rendah berstrata khasnya untuk skim bermasalah yang telah dibina daripada lebih daripada 10 tahun ke atas. *Task force* ini boleh

membuat banci ke atas semua skim rumah kos rendah yang bermasalah, saya berasa ia adalah lebih murah dan mudah untuk Kerajaan Negeri untuk membeli atau mengambil balik semua unit terbengkalai atau unit kosong yang mempunyai sijil pendudukan OC. Selepas itu, selepas membaik pulih skim tersebut kita boleh menyewa kepada pihak-pihak yang berkelayakan seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Kebun Bunga tadi, sekiranya cadangan semua ini dapat direalisasikan saya percaya kediaman di rumah kos rendah akan menjadi lebih selesa jika negara jiran kita seperti *Singapore* dapat menguruskan dengan baik bangunan kediaman bertingkat yang di bawah penguasaan mereka maka adalah tidak mustahil kita juga mampu melakukannya.

Timbalan Yang di-Pertua, berkenaan dengan isu yang pembangunan dan infrastuktur terutamanya isu berkaitan dengan tebatan banjir di RTB Sungai Kerian dalam DUN Jawi terdapat 6 kawasan yang terlibat dengan kerja-kerja RTB Sungai Kerian di mana kampung-kampung ini telah didiami antaranya Kampung Che Aminah, Kampung Sanglang, Jalan Pengkalan Rawa, Teluk Ipir, Kampung Che Isa dan Kampung Victoria.

Saya berterima kasih kepada Kerajaan Negeri yang telah memanjangkan kepada Kerajaan Persekutuan untuk menyelesaikan masalah banjir di kawasan pinggir Sungai Kerian, walau pun pada masa ketika itu kita masih merupakan Kerajaan Negeri pembangkang di bawah pemerintahan Barisan Nasional. Projek RTB Sungai Kerian ini dijangka siap pada 11hb November 2015 tetapi dia telah dilanjutkan sehingga 28hb Ogos 2018 atas masalah kerosakan yang telah condong, dalam Mesyuarat Tindakan Daerah Seberang Perai Selatan Bil.7/2018 mesyuarat telah memberitahu bahawa kerja-kerja lebaran Sungai Kerian iaitu RTB Sungai Kerian akan dilanjutkan ke pertengahan tahun 2019 nanti, saya berasa tempoh lanjutan masa yang diberikan amat adalah amat panjang saya memohon dengan EXCO Tebatan Banjir supaya kerja-kerja ini dapat dijalankan segera memandangkan hubungan antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan sudah di bawah satu bumbung iaitu Kerajaan Pakatan Harapan. Kelewatan kerja-kerja ini telah menyebabkan Jambatan Kekasih yang terletak di Jalan Pengkalan Rawa yang terletak di sepanjang Jalan Pengkalan Rawa Nibong Tebal tidak boleh dibaiki walau pun peruntukan sebanyak RM500,000 sudah diluluskan sebelum ini, disebabkan projek membaiki Jambatan Kekasih itu perlu ditangguh sehingga tamat tempoh jaminan kontraktor atas projek RTB Sungai Kerian, saya difahamkan bahawa ia akan ambil masa lebih kurang dua (2) tahun selepas projek baikpulih oleh kontraktor RTB Sungai Kerian, dengan ini saya memohon pihak JPS supaya dapat mengkaji semula sama ada kedua-dua projek ini dapat dijalankan serentak.

Merujuk kepada soalan bertulis nombor dua yang saya kemukakan iaitu kos perbelanjaan untuk penyelenggaraan Sungai Jejawi, JPS memberitahu bahawa anggaran sejumlah RM1.0 juta untuk menjalankan kerja-kerja mendalamkan Sungai Jejawi termasuk di bahagian hilir sungai iaitu berdekatan Sungai Tengah untuk setahun.

Saya ingin memberi cadangan saya kepada JPS supaya kita boleh mencari kaedah yang lain seperti untuk membenarkan pihak swasta untuk mengambil pasir di Sungai Jejawi dan Sungai Tengah ia bukan sahaja dapat membantu untuk menyelesaikan masalah banjir di banyak kawasan malah ia dapat membantu Kerajaan Negeri meringankan beban perbelanjaan sebanyak RM1.0 juta untuk satu (1) tahun, di samping itu dapat meningkatkan hasil pendapatan untuk Kerajaan Negeri.

Selain daripada pengambilan pasir, jarak sepanjang Sungai Jejawi lebih kurang 8km yang jenis melengkung semula jadi ia mengambil air sungai dari bahagian *upstream*...(dengan izin) di Relau, Negeri Kedah dan terus keluar ke laut melalui Sungai Tengah. Saya bercadang kepada JPS untuk mengkaji sama ada kita boleh membuka satu laluan Sungai untuk menyambung dua lingkungan Sungai Jejawi di mana dia berdekatan dengan kawasan Kampung Bagan Buaya supaya dapat membantu pengaliran air dari *upstream*...(dengan izin) ke *downstream* dengan lebih cepat dan mengurangkan masalah banjir di kawasan seperti di Perkampungan Jawi, Desa Jawi, Kampung Bagan Buaya dan tidak lupa juga di kawasan Sungai Duri dan Kampung Sethu di bawah kawasan Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua iaitu ADUN Sungai Bakap.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, seterusnya berkaitan dengan isu pelantikan kontraktor. Tujuan asal cadangan pembinaan jambatan baru yang melintasi Sungai Kerian di atas laluan P169 Kampung Tanjung Berembang Daerah Seberang Perai Selatan adalah bagi memendekkan perjalanan yang menghubungkan Sungai Acheh dan Pekan Nibong Tebal iaitu akan mengeratkan hubungan ADUN Sungai Acheh dan ADUN Jawi. Di samping itu juga boleh meningkatkan pertumbuhan ekonomi bagi kedua-dua kawasan ini selepas Majlis Pecah Tanah oleh Menteri Kewangan Lim Guan Eng sebagai Mantan Ketua Menteri Pulau Pinang pada awal tahun 2016, saya mendapati kontraktor yang menjalankan projek ini tidak mengikut jadual semasa, difahamkan kontraktor ini juga dapat satu projek pembinaan jambatan di Batu Kawan, Bukit Tambun tetapi masalah yang sama juga timbul…(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Zulkifli Bin Ibrahim):**

YB. Jawi mohon laluan, okey terima kasih Jawi, untuk pengetahuan Jawi juga saya rasa dia bukan setakat jadual saja kalau kita tengok dekat sini isu berkaitan dengan kontraktor ini faktor-faktor keselamatan juga tak dititik berat sebab langkah-langkah keselamatan saya rasa dalam Mesyuarat JKTD juga telah dibangkitkan. Cuma saya nampak macam dia tak serius untuk menyegerakan projek tersebut dan juga langkah-langkah keselamatan yang perlu dia ambil untuk mengelakkan sebarang kecelakaan di kawasan tersebut. Cuma apakah sebenarnya cadangan daripada Jawi sebab saya pernah syorkan supaya diambil tindakan kepada kontraktor ini. Saya tak taulah ada pandangan sebab nak berhubung jambatan tersebut antara Jawi dan Sungai Acheh ini.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye):**

Terima kasih YB. Sungai Acheh, memang saya bersetuju dengan Sungai Acheh bahawa kita haruslah mengambil tindakan kepada semua Kontraktor-kontraktor yang tidak mengikut syarat-syarat semasa mendapatkan projek tersebut dan berdasarkan pengalaman di sini, saya berharap Kerajaan Negeri atau daripada anak syarikat Kerajaan Negeri seperti PDC haruslah mengambil perhatian tentang isu-isu yang telah berlaku di Jawi, di Bukit Tambun supaya semasa melantik kontraktor haruslah dengan lebih teliti supaya kita dapat menjaga imej Kerajaan Negeri dan juga kemungkinan kelewatan untuk melakukan sesuatu projek akan bertambah kos dan ianya juga akan menjejaskan perbelanjaan Kerajaan Negeri.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, berdasarkan Belanjawan 2019 dalam bidang membudayakan sukan dan riadah, Kerajaan Negeri akan membina sebuah Dewan Serbaguna serta 9 gelanggang badminton yang dinamakan Nibong Tebal Arena di Jalan Bukit Panchor, Nibong Tebal atas usaha EXCO Belia dan Sukan Yang Berhormat Bagan Jermal sebelum ini, Mantan ADUN Jawi telah membuat permohonan ini. Saya mewakili rakyat di KADUN Jawi mahu pun penduduk di Seberang Perai Selatan mengucapkan ribuan terima kasih kepada beliau dan kepada Kerajaan Negeri yang telah meluluskan peruntukan yang baru untuk pembinaan Dewan Nibong Tebal Arena dalam Belanjawan 2019 iaitu RM7 juta.

Seterusnya saya akan membawa berkenaan dengan isu meningkatkan potensi Akuakultur Negeri. Di kawasan DUN Jawi terdapat satu Jeti yang dinamakan Jeti Nelayan Changkat. Pada 11hb November 2018 satu gotong-royong perdana dan sembang santai telah diadakan bersama nelayan-nelayan di situ. Saya mewakili semua nelayan-nelayan di Jeti Nelayan Changkat mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Negeri atas terus menyediakan peruntukan sejumlah RM1.2 juta dalam Belanjawan 2019 yang baru disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri akan tetapi dalam sesi perbincangan bersama dengan nelayan-nelayan di Jeti Nelayan Changkat kebanyakan nelayan-nelayan merayu kepada saya supaya Kerajaan Negeri boleh menambahkan lagi satu kaedah penukaran baucer bukan sahaja untuk membeli pukat tetapi dapat menukar baucer tersebut untuk membeli diesel disebabkan kebanyakan pukat yang mereka beli adalah lebih tinggi terlampau tinggi daripada harga pasaran dan saya juga ingin mencadangkan bahawa Kerajaan Negeri supaya dapat membantu nelayan-nelayan tersebut untuk memohon lesen bagi mereka bawa penumpang keluar ke laut untuk memancing. Nelayan-nelayan tersebut memang khuatir semasa membawa penumpang-penumpang ke laut untuk memancing apabila menemui *Marine,* atas perbincangan dengan nelayan-nelayan pada 11hb yang lalu memang nelayan-nelayan tersebut memohon supaya Kerajaan Negeri mendapat satu kaedah untuk membantu mereka.

Seterusnya berkenaan isu pelancongan, saya mengucapkan ribuan terima kasih atas usaha EXCO Pelancongan, Yang Berhormat Paya Terubong yang telah mengadakan mesyuarat di Daerah Seberang Perai Selatan. Di kawasan Jawi terdapat segolongan orang tempatan tengah menyediakan satu pelan pelancongan tempatan khasnya untuk kawasan Nibong Tebal. Walaupun surat saya belum maklum balas kepada YB. Paya Terubong tapi saya akan cuba menyediakan satu pelan pelancongan tempatan kawasan Nibong Tebal dalam masa terdekat dan saya akan kemukakan kepada YB. Paya Terubong. Di sini saya juga ingin mengenal pasti status bangunan Jeti Kelip-Kelip walau pun dalam semasa lawatan kita pada bulan yang lalu memang kami diberitahu oleh *Ministry Tourism Of Arts And Culture* (MOTAC) bahawa bangunan tersebut di bina di atas peruntukan MOTAC dan saya amat berharap satu surat atau pun satu kenalpasti bahawa hak milik bangunan tersebut supaya saya boleh meminta JKKK Tempatan untuk memohon hak milik bangunan tersebut dan difahamkan buat masa kini hak milik bangunan tersebut dimiliki oleh satu persatuan NGO dan persatuan NGO itu telah menyewa keluar kepada satu kafé dan setiap bulan mereka ada mengutip sewaan.

Dengan ini sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Padang Kota kerana telah membentangkan Belanjawan Negeri bagi tahun 2019 yang menguntungkan rakyat Pulau Pinang. Dengan ini saya memohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Terima kasih Jawi. Dipersilakan Yang Berhormat Ahli Kawasan Pengkalan Kota.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen):**

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu, ingin saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua atas peluang untuk menyertai sesi perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan dan Usul Anggaran Pembangunan 2019 bagi Negeri Pulau Pinang.

Di sini juga ingin saya merakamkan jutaan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Padang Kota yang telah membentangkan Belanjawan buat julung kalinya bagi beliau yang bertemakan aspirasi Pulau Pinang untuk mencapai sebagai sebuah negeri pintar, hijau, yang berteraskan ke atas semangat kekeluargaan yang dapat menjana inspirasi kepada negara menjelang tahun 2030. Di sini juga, syabas dan tahniah ingin saya diucapkan kepada Yang Berhormat Ahli Kawasan Air Putih yang telah membentangkan Belanjawan Kebangsaan 2019 di Dewan Rakyat pada 2 November 2018 yang saya percaya, kebanyakan inti pati daripada Belanjawan Kebangsaan ini datangnya pengalaman daripada Negeri Pulau Pinang ini.

Seperti mana prestasi Kerajaan Negeri Pakatan Harapan pada 10 tahun yang lepas ini, saya yakin prestasi ini sememangnya dapat dicontohi oleh Kerajaan Persekutuan yang kini diterajui oleh Pakatan Harapan. Pada Belanjawan Kebangsaan 2019 yang dibentangkan tersebut, di antara manfaat yang akan diterima oleh Rakyat Pulau Pinang adalah pemansuhan tol motosikal di kedua-dua Jambatan Pulau Pinang dan juga zon bebas cukai di Pelabuhan Swettenham. Saya juga percaya sekiranya negara kita tidak dibelenggu oleh kleptokrat yang menggadaikan kekayaan negara ini, banyak lagi manfaat dapat disediakan demi kesejahteraan Rakyat Malaysia dan khususnya Rakyat Pulau Pinang.

Pada penggal ini, Rakyat Pulau Pinang sememangnya bertuah untuk menyaksikan gandingan mantap di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan yang kini sehaluan, selepas mengalami mimpi ngeri sepanjang 10 tahun yang lepas apabila Negeri Pulau Pinang dianak-tirikan di bawah regim UMNO-Barisan Nasional. Mengikut jawapan kepada soalan bertulis yang saya kemukakan, setakat kini sejak Mei 2018, sebanyak lapan (8) projek yang berjumlah RM643 juta…(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Penjelasan.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen):**

Silakan Ketua Pembangkang.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff bin Mohd. Noor):**

Saya dah sebut tadi tentang regim, mesti disebut oleh Pengkalan Kota. Cuma saya nak sebutkan tentang anak tiri. Saya rasa perkataan anak tiri ini saya dah bangkitkan banyak kali dah dalam Dewan. Kerajaan Persekutuan pada masa itu telah selama lapan (8) tahun ka 10 tahun telah menyediakan RM8 billion peruntukan untuk Kerajaan Negeri bagi peruntukan kesihatan, pelajaran, banjir dan sebagainya. Jumlah RM8 *million* telah disediakan untuk Rakyat Pulau Pinang, untuk Negeri Pulau Pinang walaupun lain perbezaan politiknya. Jadi ini yang disebut anak tiri, saya tak begitu setujulah bahawa kata anak tiri. Kalau anak tiri ini, selalu anak tiri tak bagi apa langsung. Mak tiri akan pukul anak dia. Zaman dululah, zaman dahulu kala. Dan saya rasa Pulau Pinang, Kerajaan Persekutuan pada masa itu tidak pernah menganaktirikan Negeri Pulau Pinang walaupun banyak kali dibangkitkan tentang cukai dan sebagainya tapi ini saya ingin tegaskan, saya minta difahamkanlah perkataan anak tiri itu kalau boleh tak diperkatakan kerana Kerajaan Persekutuan pada masa itu tidak pernah tidak menyalurkan peruntukan kepada Kerajaan Negeri. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen):**

Kalau tidak dianaktirikan takkan lah kalah sehingga dua kerusi saja huh? Okey, biar saya teruskan. Semenjak Mei 2018 ini, sebanyak lapan (8) projek yang berjumlah RM643 juta telah pun diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan di Negeri Pulau Pinang. Antaranya projek dengan kos yang terbesar adalah kerja-kerja menaik taraf Bangunan Wanita dan Kanak-kanak Hospital Pulau Pinang yang bernilai RM329 juta dan yang penting sekali, Rancangan Tebatan Banjir Sungai Pinang yang bernilai RM150 juta. Saya percaya ramai di kalangan Rakyat Pulau Pinang, terutamanya rakan saya daripada Datok Keramat telah menanti-nantikan pelaksanaan Rancangan Tebatan Banjir Sungai Pinang ini. Kita terpaksa mengharungi banyak insiden banjir akibat daripada sikap tidak apa oleh Kerajaan UMNO-Barisan terdahulu, di mana usaha untuk menyelesaikan Rancangan Tebatan Banjir tersebut telah terbantut apabila fasa pertama RTB tersebut siap pada tahun 1999. Dan ini salah satu contohlah kita dianaktirikan untuk Rancangan Tebatan Banjir ini sejak tahun 1999, tiada peruntukan yang disalurkan dan dalam pentadbiran Kerajaan Pakatan Harapan ini kita telah menyelesaikan masalah tanah yang berhubungan dengan Rancangan Tebatan Banjir ini tetapi peruntukan tu tak sampai-sampai pun dan selepas Mei tahun ini kita boleh nampak Menteri sendiri turun ke tepi Sungai Pinang dan mengumumkan peruntukan sebanyak RM150 juta ini demi melaksanakan Rancangan Tebatan Banjir…(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Penjelasan Pengkalan Kota, mencelah sedikit. Peruntukan RM150 juta selepas banjir besar telah diluluskan oleh kerajaan dulu. Diberikan oleh kerajaan dulu, sebelum, sebelum inilah dan pelaksanaannya sekarang. Yang saya fahamlah, yang saya faham. (gangguan).

**Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):**

Dia lulus saja tapi duit tak turun.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff bin Mohd. Noor):**

Tak apa dia dalam proses. Sampai sekarang pun tak buat lagi…(gangguan).

**Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):**

Sepatutnya janji lulus, duit kena datanglah, duit tak datang tak guna, projek itu takkan jalan.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff bin Mohd. Noor):**

Untuk tahun 2018, *so* dia turunlah tapi pelaksanaannya mungkin lambat. Kajian dan sebagainya. Saya rasa diumumkan lulus oleh pihak kementerian.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen):**

Lulus tu, lulus tu tahun 1999 pun sudah lulus sampai sekarang tak turun-turun pulak akhirnya terpaksa kita menghumbankan Kerajaan Barisan Nasional, akhirnya peruntukan Rancangan Tebatan Banjir Sungai Pinang dapat disalurkan kepada Negeri Pulau Pinang dan sememangnya saya percaya…(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Kalau dah lulus, buat cepatlah.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen):**

Dan saya percaya sekiranya perubahan tidak berlaku pada Mei 2018 ini, Rancangan Tebatan Banjir tersebut masih tidak dapat dijalankan dan isu banjir ini sememangnya akan digunakan sebagai agenda politik yang jahat oleh sesetengah pihak yang tidak bertanggungjawab.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, di bawah pentadbiran Pakatan Harapan, sememangnya kita membawa satu nafas baru dan harapan kepada rakyat khususnya Rakyat Negeri Pulau Pinang. Ini dapat dilihat dengan prestasi pentadbiran Pakatan Harapan di Negeri Pulau Pinang yang mencatat keputusan yang memberangsangkan. Dalam usaha reformasi institusi, salah satu keputusan yang diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah untuk menyalurkan peruntukan kepada Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri daripada Pembangkang serta mengiktirafkan jawatan Ketua Pembangkang. Saya masih ingat pada zaman pemerintahan Barisan Nasional di Negeri Pulau Pinang, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri pembangkang pada ketika itu, seperti Yang Amat Berhormat Padang Kota, Yang Berhormat Sungai Puyu, Yang Berhormat Padang Lalang, baru masuk je, Yang Berhormat Padang Lalang, tidak mendapat pengiktirafan status sebagai Ketua Pembangkang dan tidak menerima sebarang peruntukan untuk kawasan yang mereka wakili. Selaras dengan reformasi institusi ini, saya difahamkan bahawa Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan sebanyak RM60,000 dalam bentuk projek pembangunan P16 (02) kepada rakan-rakan saya dari Sungai Dua, dari Permatang Berangan dan dan juga kekanda saya daripada Penaga. Saya ingin mengucapkan syabas kepada…(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Boleh minta laluan.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen):**

Silakan.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Saya adalah mangsa Barisan Nasional apabila saya jadi Pembangkang, langsung apa peruntukan tak dapat. Apa cadangan pun tidak diterima. Itulah Barisan Nasional, dianaktirikan.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen):**

Ya, sepertimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sungai Puyu, kita Kerajaan Pakatan Harapan, kita tidak sama dengan Kerajaan Barisan Nasional. Pembangkang pun kita jaga dengan memberikan peruntukan sebanyak RM60,000 untuk rakan-rakan saya daripada Sungai Dua, Permatang Berangan dan Penaga. Dan di sini saya ingin mengambil kesempatan di sini mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat Penaga yang telah hampir habis menggunakan peruntukan tersebut dengan baki RM92.00 dan seperti mana semangat Kerajaan Persekutuan Pakatan Harapan untuk membantu Kerajaan Negeri Kelantan yang mengalami masalah kewangan sehinggakan bayaran gaji kepada penjawat awam pula mengalami masalah.

Di Pulau Pinang kita memberikan bantuan kepada Yang Berhormat Penaga untuk menjalankan projek pembangunan di kawasan Penaga tanpa mengira parti politik yang diwakili oleh beliau. Dan menurut jawapan yang saya terima ini, Yang Berhormat Sungai Dua dan Yang Berhormat Permatang Berangan juga telah mengemukakan permohonan tetapi penyediaan

anggaran kos kerja masih dijalankan. Dan dengan tindakan mengemukakan permohonan ini, ini bermakna rakan-rakan kita daripada Pembangkang pun mengiktiraf reformasi institusi yang diusahakan oleh Kerajaan Negeri Pakatan Harapan ini. Syabas diucapkan kepada Kerajaan Negeri.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, bagi pihak warga Pengkalan Kota, ingin saya merakamkan ribuan terima kasih atas keprihatinan Kerajaan Negeri terhadap kawasan Pengkalan Kota susulan daripada pengumuman Belanjawan 2019 Negeri Pulau Pinang. Selain daripada sebuah Pusat Transit Gelandangan yang akan dibangunkan di Lot 19, Jalan CY Choy di bawah program, (dengan izin)…*Empowering The Street Citizen*, Kerajaan Negeri juga memperuntukkan sebidang tanah seluas 9.2 ekar bersebelahan Gat Lebuh Macallum dan Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu untuk pembangunan *Penang Art District*, yang berasaskan konsep bandar kontena. Sememangnya, usaha-usaha sebegini adalah amat dialu-alukan tetapi selain daripada pelaksanaan projek tersebut secara fizikal, pengurusan bagi projek-projek tersebut memerlukan perancangan yang teratur bagi memastikan projek-projek ini membawa faedah dan manfaat kepada golongan sasaran.

Sehubungan dengan itu, ingin saya mendapatkan penjelasan berhubung dengan kaedah pengurusan secara terperinci dan mekanisma yang akan digunapakai di dalam pengurusan projek Pusat Transit Gelandangan tersebut. Ini adalah memandangkan kumpulan sasaran adalah golongan gelandangan yang berasal daripada berbilang kaum, budaya dan dari latar belakang yang berlainan, dan jenis latihan kemahiran yang akan bakal diadakan untuk kumpulan sasaran ini. Manakala untuk *Penang Art District*, adalah diharapkan bahawa Kerajaan Negeri dapat meneliti kaedah pelaksanaan dan pengurusan projek tersebut agar ia benar-benar memanfaatkan masyarakat umum dan secara khususnya di kawasan Pengkalan Kota.

Selain daripada Pusat Transit Gelandangan dan juga *Penang Art District*, Pengkalan Kota juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Negeri dalam usaha menyediakan perumahan mampu milik khususnya di kawasan Pengkalan Kota, di mana projek pembangunan perumahan mampu milik di *Sandilands Foreshore* dan Pintasan Cecil ini dijangka mampu menyediakan perumahan yang benar-benar mampu dimiliki untuk penduduk khususnya di kawasan Bandar George Town. Selain daripada pembangunan perumahan mampu milik ini, di dalam jawapan kepada soalan lisan saya, Yang Berhormat Ahli daripada Datok Keramat juga telah membangkitkan tentang pembangunan *Micro-Housing* di kawasan George Town sebagai salah satu usaha untuk menarik penduduk untuk kembali ke Bandar George Town menerusi dasar *Repopulating George Town*…(dengan izin). Sememangnya konsep *Micro-Housing* ini kian mendapat sambutan yang baik, dan memandangkan konsep ini bertujuan untuk mengurangkan kebergantungan kepada sistem pengangkutan dan menggalakkan ketersampaian ataupun, (dengan izin)…*accessibility* di dalam kawasan bandar. Akan tetapi bagi menjayakan konsep *Micro-Housing* ini, saya berpendapat bahawa sistem pengangkutan yang cekap perlu dilaksanakan pada masa yang sama, iaitu Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang seperti mana yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri bagi mengelakkan tambahan kesesakan lalu lintas akibat pelaksanaan konsep *Micro-Housing* ini. Dan di antara cabaran dalam pelaksanaan konsep *Micro-Housing* ini adalah konsep perumahan yang berkeluasan kecil, kebiasaannya tidak melebihi 400 kaki persegi dan di mana konsep ini juga mencadangkan perkongsian ruang-ruang komunal, misalnya dapur, ruang dobi ataupun (dengan izin)…*laundry*, ruang makan, ruang hiburan dan sebagainya. Jadi di dalam pelaksanaan konsep tersebut, kita juga perlu menyebarkan konsep perkongsian ruang komunal ini agar ia dapat diterima oleh masyarakat umum, supaya konsep ini tidak dijadikan sebagai satu isu oleh pihak Pembangkang yang mungkin memberi kritikan bahawasanya yang mungkin memberi kritikan bahawasanya Kerajaan Negeri membina rumah-rumah yang kecil untuk rakyatnya.

Selain daripada itu, saya juga berharap agar Kerajaan Negeri dapat memperincikan pemilikan perumahan sebegini, seperti kaedah sewa beli yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, supaya bukan sahaja jumlah unit perumahan yang mencukupi dapat disediakan, malah kita dapat membantu rakyat untuk memiliki rumah kediaman mereka melalui kaedah-kaedah yang tertentu. Dan ini dengan tambahan pula, kaedah pemilikan perumahan dengan cara pinjaman terbuka, antara rakan setara ataupun *(dengan izin)....peer to peer lending* yang dikawal selia oleh Suruhanjaya Sekuriti sepertimana yang dibentangkan pada

Belanjawan Kebangsaan oleh Yang Berhormat Air Putih, yang juga merupakan Menteri Kewangan Malaysia. Dan saya berharap agar, Kerajaan Negeri dapat meneliti kaedah-kaedah yang baru untuk menyenangkan pemilikan perumahan oleh warga Pulau Pinang.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, di dalam pembangunan sistem pengangkutan Negeri Pulau Pinang, kita turut berasa gembira dengan pengumuman bahawa Penang Sentral, sebuah hub pengangkutan yang merangkumi mod pengangkutan keretapi, feri, bas dan teksi, akan bermula operasi pada bulan Disember ini. Dan pembangunan berlandaskan pengangkutan ataupun *(dengan izin)....transport oriented development* yang bernilai RM2.7 bilion tersebut, telah membuka satu lembaran baru bagi Negeri Pulau Pinang, di mana Penang Sentral ini bakal membawa kesenangan kepada para pengguna dengan kemudahan yang telah dinaik taraf tersebut.

Namun, bertentangan dengan Penang Sentral, Pengkalan Raja Tun Uda sememangnya memerlukan perhatian, selaras dengan perkembangan pembangunan Penang Sentral. Selepas Rapid Ferry Sdn. Bhd. iaitu sebuah anak syarikat Kumpulan Prasarana Malaysia Bhd. mengambil alih perkhidmatan feri Pulau Pinang pada 1 haribulan Mei 2018. Kadar kepenggunaan sepanjang hari, secara purata untuk penumpang pejalan kaki adalah pada 23.7%, ataupun 70 orang berdasarkan kapasiti penuh 300 orang penumpang. Dan 77.3% bagi motosikal, kereta dan lori berdasarkan 50 petak yang disediakan di dalam sesebuah feri. Dan data ini adalah setakat September tahun 2018. Dan sebagai mod pengangkutan utama, ataupun untuk tujuan pelancongan, perkhidmatan feri sememangnya merupakan satu aspek utama dan perlulah kita melihat kepada penambahbaikan Pengkalan Raja Tun Uda. Dan Pengkalan Raja Tun Uda juga merupakan satu laluan masuk utama ataupun *(dengan izin)....entry point* ke kawasan pulau. Dan selaras dengan pembangunan Penang Sentral, sememangnya ia akan menarik lebih ramai pengunjung ke Pulau Pinang, dan kita berharap juga Pengkalan Raja Tun Uda dapat dinaik taraf untuk memberikan satu tanggapan pertama ataupun (dengan izin*)....first impression* yang baik kepada para pengunjung.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, untuk kawasan George Town juga salah satu projek pembangunan yang menarik adalah Pelan Induk Persisir Utara George Town, yang merupakan inisiatif *George Town Conservation And Development Corporation* (GTCDC), iaitu sebuah anak syarikat Kerajaan Negeri dengan kerjasama Perbadanan Ketua Menteri, Think City Sdn. Bhd. dan Aga Khan Cultural Services. Saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas, kepada Kerajaan Negeri atas inisiatif ini yang bertujuan untuk menaik taraf persekitaran terbina ataupun (dengan izin)....*built environment* di persisir bandar George Town.

Walau bagaimanapun, projek naik taraf persekitaran terbina ini perlu dilaksanakan dengan mengambil kira Warisan dan Sejarah Bandar George Town dan sebagai Ibu Negeri Pulau Pinang, Bandar George Town membawa makna yang istimewa khasnya buat semua rakyat negeri Pulau Pinang dan ketika kita berusaha untuk meningkatkan persekitaran terbina ini, keprihatinan kepada warisan ini perlu dijaga demi menjaminkan kelestarian dan kemampanan Bandar George Town. Sehubungan dengan itu, saya berharap sesi keterlibatan ataupun (dengan izin)....*engagement session* dapat diadakan oleh GTCDC bersama dengan pihak-pihak berkepentingan, untuk memastikan hasil projek tersebut dapat memenuhi keperluan semua pihak yang terlibat.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, ingin saya juga mengambil kesempatan di sini untuk membangkitkan tentang kemampanan ataupun (dengan izin)….*sustainability* di kawasan *Clan Jetty*. Sebagai sebahagian daripada Tapak Warisan Dunia George Town adalah merupakan usaha semua pihak untuk memastikan kawasan *Clan Je Jetty* ini mencapai kemampanan untuk jangka masa yang panjang. Antara masalah yang dihadapi *Clan Jetty* ini adalah berhubung dengan aktiviti-aktiviti perniagaan yang dijalankan di kawasan tersebut.

Umum mengambil maklum bahawa, selaras dengan pengiktirafan Bandar George Town sebagai Tapak Warisan Dunia (UNESCO) pada tahun 2008, kunjungan pelancong yang kian meningkat ini, bukan sahaja mendatangkan faedah, misalnya pendapatan dari segi ekonomi. Tetapi, ia merupakan satu tekanan kepada Tapak Warisan Dunia kita. Jadi di kawasan *Clan Jetty*, unit-unit rumah yang sepatutnya digunakan sebagai kediaman selaras

dengan pengiktirafan kawasan *Clan Jetty* sebagai kawasan kediaman yang unik iaitu di atas laut, dan telah ditukarkan kepada premis perniagaan yang menjual cenderamata.

Setakat kini, kelulusan Lesen Pendudukan Sementara (LPS) yang dikeluarkan oleh Pejabat Daerah adalah untuk kegunaan kediaman. Namun kita faham, hasil pendapatan daripada ekonomi pelancongan ini, yang dijana selaras dengan kunjungan pelancong, perlulah dikongsikan khususnya dengan komuniti setempat. Dan tetapi, sekiranya kelulusan Lesen Pendudukan Sementara untuk kegunaan komersial dikeluarkan, ia akan bercanggah dengan pengiktirafan Tapak Warisan Dunia George Town.

Sehubungan dengan itu, selaras dengan usaha baru-baru ini untuk mengemaskini Rancangan Kawasan Khas Tapak Warisan Dunia George Town, ingin saya cadangkan supaya satu mekanisma untuk menetapkan jenis aktiviti perniagaan yang dibenarkan di kawasan *Clan Jetty*. Sebagai contoh, bagi memastikan aspek kediaman kawasan tersebut dapat dikekalkan, Pihak Berkuasa Negeri boleh menetapkan peratusan unsur komersial yang tidak melebihi 50%, daripada saiz lantai bangunan untuk membenarkan aktiviti komersial dijalankan. Dan pada masa yang sama, ia akan membantu untuk mengekalkan unsur kediaman yang ini adalah selaras dengan pengiktirafan Tapak Warisan Dunia George Town. Dan cadangan ini, apabila saya melakukan lawatan baru-baru ini ke kawasan *Chew Jetty* dan cadangan ini menerima maklum balas yang positif, di mana penghuni jeti pun menginginkan warisan kediaman mereka dilindungi. Dan pada masa yang sama, membenarkan mereka untuk menerima manfaat ekonomi seakibat daripada kunjungan pelancong ini. Dan sehubungan dengan itu, saya berharap agar Kerajaan Negeri dapat meneliti cadangan yang dikemukakan ini, untuk memastikan kelestarian dan kemampanan *Clan Jetties* dapat dicapai. Silakan.

**Ahli Kawasan Berapit (YB. Heng Lee Lee):**

Mohon celah. Saya setuju dengan Pengkalan Kota, bahawa untuk membangunkan sesebuah tempat pelancongan yang baru, atau mungkin yang sedia ada seperti *Clan Jetty*, kehidupan penduduk setempat sepatutnya tidak boleh diganggu. Kalau satu tempat dibangunkan sebagai tempat pelancongan yang baru atau yang hangat, popular sebenarnya tanpa satu perancangan yang teliti, orang tempatan akan menghadapi kesusahan dalam kehidupan harian mereka. Dan ini juga sehubung dengan, saya juga rasa risau dengan kalau katakan hasrat EXCO Pelancongan ingin membangunkan, memajukan satu *Master Plan* di Seberang Perai, ini saya rasa *Master Plan* itu bagus, sebab dapat tarik akan menambahkan tarikan pelancongan dan juga menambahkan pendapatan orang tempatan, iaitu saya sokong.

Tetapi, tanpa satu pelan yang teliti bahawa bagaimana jalinan jalan raya boleh dibangunkan, sehubung dengan kalau pelancong dapat bilangan pelancong yang banyak dan juga macam mana dengan bilangan pelancong yang akan menyebabkan inflasi orang tempatan, iaitu makanan naik harga dan juga tempat tinggal juga mungkin naik harga, dan sampai menjadi mungkin terjadi juga seperti *Clan Jetty*. Rumah penduduk setempat menjadi satu tempat yang pelancong nak pergi tengok. Ia sudah menjadi satu gangguan, jadi saya juga sokonglah apa yang Pengkalan Kota yang kata. Perlulah satu pelan yang teliti, dan juga menentukan aktiviti tertentu saja boleh dijalankan di tempat yang ada penduduk setempat itu. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen):**

Terima kasih kepada sokongan yang diberikan oleh Yang Berhormat Berapit. Sememangnya dalam konteks kemampanan, dalam konteks pelancongan, aspek ini adalah penting. Saya bagi contoh, saya rasa semua pun tau Taj Mahal, merupakan salah satu Tapak Warisan yang terkemuka di dunia ini. Tetapi, tahukah Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian di tepi Taj Mahal tu sebenarnya ada satu kawasan *slum*, yang penduduk di sana tidak menerima sebarang manfaat hasil daripada kunjungan pelancong ke Taj Mahal. Jadi, kita seharusnya, dapat perlulah mengingatkan perkara ini dan mengelakkan situasi ini berlaku kepada tapak-tapak warisan yang kita ada di sini, di Negeri Pulau Pinang.

Selain daripada aspek aktiviti komersial ini, ingin juga saya mengambil kesempatan di sini untuk membangkitkan tentang sistem saliran kumbahan di kawasan *Clan Jetty*. Dan menurut jawapan bertulis yang saya terima, sememangnya terdapat satu cadangan kaedah sistem rawatan kumbahan. Namun ia perlu masih perlu dikemaskini, dan diperhalusi. Dan saya

berharap perkara ini dapat dipercepatkan bagi memastikan sistem rawatan kumbahan, yang sesuai dapat dilaksanakan di kawasan *Clan Jetty*.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, insiden kemalangan tapak pembinaan di Bukit Kukus yang berlaku pada 19 Oktober 2018, sememangnya merupakan kemalangan yang tidak diingini. Susulan daripada insiden kemalangan tersebut, Kerajaan Negeri telah mengambil tindakan proaktif dengan penubuhan Jawatankuasa Siasatan Khas yang diterajui oleh Yang Berhormat Pinang Tunggal, selaku Timbalan Ketua Menteri I. Untuk mengenal pasti punca berlakunya insiden kemalangan tersebut. Akan tetapi isu yang ingin saya bangkitkan adalah berhubung dengan isu kediaman pekerja, khususnya pekerja asing yang bekerja di negeri kita. Pada tapak insiden kemalangan tersebut, 4 kontena yang dipercayai merupakan kediaman pekerja di tapak tu, telah dimusnahkan oleh tanah runtuh. Dan saya yakin sekiranya, isu kediaman pekerja ini dapat ditangani dengan cekap. Malapetaka yang melibatkan nyawa manusia ini, sememangnya dapat dielakkan. Kerajaan Negeri pada tahun 2015, telah meluluskan dan melaksanakan Garis Panduan Pembangunan Asrama Pekerja. Dan saya turut difahamkan setakat kini, lima (5) cadangan pembangunan asrama pekerja telahpun diluluskan iaitu empat (4) di kawasan Seberang Perai dan satu (1) di kawasan Pulau, Pulau Pinang.

Dan sehubungan dengan itu, ingin saya mencadangkan supaya Kerajaan Negeri merancakkan lagi pembangunan asrama pekerja ini, yang sekali gus dapat menjaminkan keselamatan pekerja-pekerja khususnya pekerja asing yang bekerja di negeri ini, untuk menyelesaikan masalah-masalah sosial yang timbul seakibat pekerja-pekerja asing ini menetap di kawasan perumahan, khususnya di kawasan perumahan kos rendah.

Dan sekiranya unit asrama pekerja ini, mencapai satu angka yang memuaskan, ingin juga saya mencadangkan supaya Kerajaan Negeri dengan kerjasama bersama dengan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) atau bersama juga dengan Kementerian Sumber Manusia untuk menetapkan peraturan, agar semua pekerja asing yang menceburi bidang yang berisiko tinggi khususnya pembinaan ataupun pembuatan, perlu menetap di asrama pekerja secara wajib. Dan untuk memastikan rakyat kita bebas daripada impak sosial seakibat masalah kediaman pekerja, khususnya pekerja asing yang mencari rezeki di negeri kita.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, dalam proses merangka masa depan Negeri Pulau Pinang, antara faktor penting yang perlu kita ambil maklum adalah golongan belia kita. Semua usaha dan rangka kerja yang diambil hari ini, adalah untuk manfaat dan kebaikan masa depan dan pada hal ini, kita perlu mengambil kira cabaran-cabaran yang dihadapi oleh golongan belia. Saya percaya semua Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini, pun pernah menjadi belia, ataupun masih belialah. Dan sememangnya adalah diharapkan agar segala perancangan dan keputusan polisi ataupun (dengan izin)…*policy decision,* Kerajaan Negeri dapat mengambil kira kepentingan golongan belia. Dan berdasarkan Buku Data Asas Negeri Pulau Pinang, golongan belia yang berumur 34 tahun dan ke bawah di negeri Pulau Pinang, adalah hampir sejuta orang, ataupun 56.5% daripada anggaran popilasi 1.6 juta penduduk di Negeri Pulau Pinang pada tahun 2014. Dan saya percaya baru-baru ini, ada angka yang baru daripada Jabatan Perangkaan Malaysia yang kini menganggarkan popilasi penduduk negeri Pulau Pinang mencecah 1.8 juta dan ini telah menunjukkan bahawasanya golongan belia merupakan satu kumpulan demografi yang penting untuk Negeri Pulau Pinang.

Susulan daripada keputusan Kabinet pada 19 September 2018, yang bersetuju untuk menurunkan umur kelayakan mengundi dari 21 tahun hingga 18 tahun. Perspektif kita di dalam Penggubalan Dasar, sememangnya perlu merangkumi mereka di dalam kumpulan umur ini dan golongan belia pada masa kini, sememangnya menghadapi kehidupan yang mencabarkan dengan datangnya Revolusi Industri 4.0, masa depan belia kita akan mengalami transformasi dan sememangnya berlainan dengan apa yang pernah kita lalui. Bagi golongan belia, kehidupan mereka adalah berbeza dengan adanya pengaruh media sosial, *trend* kehidupan belia seakibat daripada pengaruh media sosial ini, kadang kala sukar untuk kita memahami. Tetapi, inilah masa depan yang bakal kita hadapi.

Dan syabas dan tahniah diucapkan kepada Kerajaan Negeri yang mengambil tindakan proaktif bagi menyediakan anak muda kita untuk menghadapi Revolusi Industri 4.0, dengan penyediaan infrastruktur dan kemudahan, misalnya pembelajaran STEM dan juga Biasiswa *Penang Future Foundation* yang saya difahamkan setakat kini, Kerajaan Negeri telah meluluskan 300 orang pemegang Biasiswa *Penang Future Foundation,* untuk meneruskan pelajaran di dalam bidang Kejuruteraan, Sains, Perakaunan atau Kewangan, Teknologi dan Matematik di Institusi Pengajian Tinggi Awam atau Swasta. Dan selain daripada itu, konsep Perpustakaan Digital yang pertama iaitu *Penang Digital Library* di kawasan Datok Keramat juga, menerima sambutan yang hangat dan pembangunan konsep Perpustakaan Digital ini bakal diteruskan oleh Kerajaan Negeri sepertimana yang dibentangkan dalam Belanjawan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, selaras dengan *trend* ekonomi baru iaitu ekonomi digital, ramai dikalangan belia memilih untuk menyertai *trend* ekonomi yang baru ini. Biarkan daripada menjual barangan melalui laman web sosial Facebook, ataupun dengan menubuhkan perusahaan digital bagi menawarkan produk ataupun perkhidmatan yang selaras dengan *trend* kehidupan zaman media sosial ini.

Daripada jawapan yang saya terima daripada Yang Berhormat Pinang Tunggal, setakat kini terdapat 10 pusat *co-working space* yang telah dibangunkan di Negeri Pulau Pinang termasuk @CAT yang diwujudkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang di kawasan Pengkalan Kota. Aspek ini adalah penting, khususnya sistem ekonomi yang baru ini selaras dengan peralihan zaman usahawan-usahawan khususnya *techno* usahawan ataupun (dengan izin*)….techno pruner,* sememangnya memerlukan sokongan sebegini seperti pusat *co-working* dan juga perkhidmatan seperti Perakaunan, Kewangan, Perundangan, Perkhidmatan Kiriman dan lain-lain perkhidmatan perniagaan, yang penting sebagai pendorong kepada sistem ekonomi baru sebegini.

Dan di dalam Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, satu program Petani Pelapis juga akan diperkenalkan bagi menggalakkan penyertaan belia di dalam sektor pertanian. Adalah menjadi harapan besar golongan belia di negeri ini, dapat mengambil kesempatan kepada program-program yang dianjurkan sebegini. Jangan ingatkanlah sektor pertanian ini, satu sektor yang rendah dan tidak mampu menjanakan pendapatan yangt tinggi. Sektor ini sememangnya penting sama seperti dengan sektor-sektor ekonomi yang lain di negeri ini, dan tibanya zaman digital ini dengan teknologi khususnya Teknologi Maklumat, ia akan membantu untuk meningkatkan lagi pendapatan rakyat khususnya golongan belia yang celik dalam teknologi maklumat ini.

Dan ini juga adalah selaras dengan aspirasi Pulau Pinang 2030 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Padang Kota, di bawah Teras Kedua iaitu "Menaik taraf ekonomi dengan meningkatkan pendapatan isi rumah''.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, ingin saya mengungkapkan satu perkataan yang terkenal oleh Presiden *Republic of Indonesia* yang pertama, Sukarno "Beri aku 10 pemuda, maka akan ku goncangkan dunia". Aspirasi belia sememangnya aspirasi kepada negara kita. Apa yang dirancangkan hari ini, adalah dengan harapan untuk memanfaatkan generasi yang akan datang. Namun, golongan belia kita juga perlu meningkatkan kesedaran diri sendiri dan memperbaiki kelemahan yang ada, supaya kita dapat bersiap sedia untuk mengambil alih tanggungjawab pembangunan negeri dan negara.

Kita boleh lihat belia-belia kita pada hari ini, dilindungi rapi oleh ibu bapa mereka. Semuanya telah siap disediakan, dan tunggu untuk disuapkan sahaja. Dan belia pada masa kini tidak boleh lagi menunggu rezeki jatuh dari langit, dan mencari langkah yang mudah di dalam menghadapi cabaran kehidupan. Dan sehubungan dengan itu, ingin saya mencadangkan kepada Kerajaan Negeri supaya lebih banyak program dapat diadakan, berdasarkan mensasarkan golongan belia yang menyediakan mereka menghadapi cabaran dunia.

Dan pada masa yang kini, program yang diadakan juga perlu mempertimbangkan *trend* terkini, agar ia dapat menarik perhatian, minat dan penyertaan golongan belia. Sepertimana cadangan di dalam Pembangunan *e-Sports* iaitu satu jenis sukan yang baru. Program jati diri

yang bersesuian dengan zaman kini, juga perlu dikaji dan dilaksanakan demi kesejahteraan belia negeri kita.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, secara keseluruhan Belanjawan 2019 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Padang Kota, meneruskan legasi pentadbiran baik Pakatan Harapan yang berasaskan "Cekap, Akauntabiliti dan Telus". Belanjawan yang dibentangkan tersebut sememangnya menyediakan negeri kita ke landasan sebagai sebuah negeri maju, antarabangsa dan pintar. Diharapkan program-program yang dirancangkan ini, dapat dilaksanakan secara berkesan agar hasil perancangan ini, dapat dinikmati oleh warga Pulau Pinang dari seluruh pelosok masyarakat. Daripada Belanjawan yang dibentangkan, adalah menjadi harapan di mana langkah-langkah selanjut yang proaktif, dapat diambil untuk meninjau dan mengkaji semula Belanjawan yang telah dibentangkan tersebut, dari masa ke semasa agar objektif dan pencapaian susulan daripada Belanjawan ini, yang dibentangkan ini dapat diperbaiki dan dikemaskinikan bagi mencapaikan mencapai tujuan pelaksanaannya.

Dan di sini saya ingin mengakhiri dengan satu pantun juga, memandangkan *trend* kini adalah berpantun-pantun.

Perahu Mendarat Di Bayan Lepas,

Singgah Sebentar di Tanjung Tokong,

Belanjawan 2019 Belanjawan Bernas,

Pengkalan Kota Memohon Menyokong"

Sekian terima kasih. *(Ahli Dewan menepuk meja)*

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Terima kasih Pengkalan Kota. Dipersilakan Yang Berhormat Ahli Kawasan Batu Lancang.

**Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong):**

Terima kasih, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri, Ketua-Ketua Jabatan Kerajaan. Salam Sejahtera dan Salam Harapan.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, saya dengan sukacitanya ingin merakamkan setinggi-setinggi penghargaan kepada Dewan Yang Mulia ini, kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Ucapan Belanjawan 2019, yang terjulung kalinya oleh Ketua Menteri pada jumaat yang lalu.

Saya ingin mengambil kesempatan ini, untuk menyahut cabaran Ketua Menteri, dan ingin menyatakan sokongan saya keatas Visi dan Misi Penang 2030. Saya yakin, Pulau Pinang akan menjadi sebuah negeri "Pintar, Hijau dan Berteraskan Keluarga Yang Menginspirasi Negara".

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, izinkanlah saya menbangkitkan beberapa isu penting pada sesi perbahasan kali ini. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, industri e-Sukan ataupun *e-Sport* atau permainan video di atas talian adalah satu *trend* dalam industri yang semakin popular di Malaysia, dan juga di arena antarabangsa. Di dalam ucapan Bajet yang lalu juga, Ketua Menteri ingin membangunkan Pulau Pinang sebagai hub *e-Sport* di Malaysia, dan acara *Penang e-Sport Festival* akan diadakan pada tahun depan. Tambahan pula *e-Sport* telah pun mendapat pengiktirafan daripada Majlis Olimpik Asia, dan akan dipertandingkan buat kali pertama di dalam Sukan Asia pada tahun 2022 nanti di Hong Zou, China.

Negara Malaysia juga mempunyai ramai pemain handal dan antarabangsa di dalam permainan Dota. *League or Legends....(dengan izin)* dan banyak lagi dan menjadi satu industri yang semakin relevan di zaman moden ini. Bagi saya industri ini membuka peluang pekerjaan kepada ramai anak muda bukan sahaja sebagai pemain utama tetapi, juga dari segi *software* dan teknikal.

Walau bagaimanapun, saya tidak membantah penganjuran dan pembangunan industri *e-Sport*. Akan tetapi, pada pendapat dan pandangan saya, permainan begini tidak sesuai dikategorikan sebagai 'sukan'. Saya masih memilih sukan tradisional seperti bola sepak, bola

keranjang, marathon dan lain-lain yang boleh menjadikan tubuh badan kita cergas dari kesihatan dan jasmani.

Di zaman ini, permainan video adalah sangat biasa dan mudah didapati di mana-mana sahaja seperti *laptop*, *tablet*, telefon bimbit dan kanak-kanak semuda umur 1 tahun, sudah pandai bermain permainan video menggunakan *tablet*. Ibu bapa pula sibuk bekerja, dan tidak mempunyai masa lapang untuk menemani anak-anak mereka bermain di luar. Tidak seperti zaman dahulu, mengikut kajian saintifik permainan video *game* yang berpanjangan boleh menyebabkan kelalaian, ketagihan, kelakuan antisosial dan juga kemurungan. Ada juga anak muda yang begitu khusyuk bermain permainan video sehingga tidak mandi dan makan. Saya khuatir di masa hadapan, anak muda menjadi semakin lemah, dan tidak berminat untuk keluar dari rumah.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen):**

Minta penjelasan sikit. Yang Berhormat Batu Lancang, minta penjelasan sikit. Terima kasih kepada rakan saya daripada Batu Lancang, sememangnya *e-Sport* ini di golongan belia ni, semakin hangatlah aktiviti ini selaras dengan pengumuman Belanjawan Kebangsaan yang telah mencadangkan untuk memperuntukkan RM10 juta untuk pembangunan *e-Sport* ini. Walaupun *e-Sport* ini bukan merupakan seperti sukan tradisi, seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batu Lancang, saya rasa *e-Sport* keseluruhannya dibangunkan oleh keseluruhan industri khususnya perkakasan computer, di mana penajaan-penjajaan yang lumayan telah ditawarkan oleh syarikat-syarikat komputer besar seperti Asus dan syarikat yang mengeluarkan *laptop* permainan ini, dan ini telah mengakibatkan pertandingan-pertandingan *e-Sport* ini menawarkan hadiah yang lumayan. Tapi, walaupun sebagai belia saya setujulah dengan cadangan Yang Berhormat Batu Lancang, kena kawal sikitlah, jangan asyik-asyik main sampai mandi pun lupa. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong):**

Terima kasih Pengkalan Kota. Dalam ucapan saya ini adalah untuk pandangan peribadi saya, dan saya tidak katakan yang saya tidak sokong, tapi daripada pandangan peribadi dan cadangan-cadangan yang berasas. Oleh itu, bagi pandangan dan pendapat saya industri *e-Sport* perlu dibangunkan secara lestari di mana nilai-nilai sosial dan kekeluargaan tidak dilupakan. Sukan tradisional bersifat fizikal juga perlu dimartabatkan lagi dengan mempromosikan dan memperkasakan program sukan bersama-sama dengan *e-Sport*.

Pertandingan e-Sukan atau *e-Sport* patutnya dianjurkan oleh pihak swasta seperti Asus, Dell, Toshiba, Innova dan lain-lain yang menjual barang-barang *hardware* ataupun *game developer*...(dengan izin) iaitu yang membuat *software game* itu seperti Dota, pemiliknya *Valve Gaming* di USA, *Riot Gaming and League*...(dengan izin), pemiliknya adalah *Tencent Group from China* dan lain-lain kerana merekalah yang mendapat keuntungan besar daripada industri ini. Oleh itu saya berpendapat bahawa Kerajaan Negeri boleh menganjur bersama ataupun (dengan izin)....*co-organized* dengan *company-company* seperti ini supaya Bajet 2019, boleh memberikan fokus dan penekanan kepada sukan tradisional yang membabitkan pergerakan fizikal dan memupuk sifat setia kawan dan berpasukan, kerja berpasukan.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua....(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Batu Lancang. Saya tertarik dengan *e-Sports,* sebab zaman saya tak dak *e-Sports*. Saya tak pandai, dan saya pergi ke *e-Sports,* saya diminta main *e-Sports,* futsal, bola sepak saya tak pandai main. Sebab saya tak terdedah zaman saya tak terdedah dengan komputer dan juga *e-Sports*. Cuma saya nak celah sedikit, nak minta pihak kita yang terlibat dalam *e-Sports,* saya bukan membangkang *e-Sports*, anak-anak saya pun terlibat dengan *e-Sports* ni dok main *game* sampai tak makan.

Jadi ini kadang-kadang kita kena tengok dari segi negatifnya, dari segi masalah yang berlaku bila *e-Sports*. Yang penting kita nak membina anak muda yang yang ada jati diri, yang ada *social obligation* kemasyarakat. Bila terlibat dengan *e-Sports,* dia duk dalam rumah main

*game,* tangannya 24 jam ada *game,* ada *laptop*. Jadi kadang-kadang dia komunikasi antara keluarga tu pun dah terputus. Kita nak bina masyarakat, kena bina depa dekat keluarga. Jadi kadang-kadang di rumah dia tak bercampur, tak bersembang dengan mak ayah pun asyik sangat dengan *e-Sports*. Jadi, kita kena tengok juga isu-isu ini, kalau nak buat nak *promote e-Sport* ini kena tengok masalah ini. Kita nak bina keluarga yang baik, kita kena bercakap dengan anak, sembang dengan dia, makan sekali. Ini tengah makan pun dia main *game*. Sambil makan sambil dok main *game*. Jadi masalah kepada hubungan keluarga dan membina 10 orang tadi macam..bagi 10 anak muda yang tidak ada kualiti dan dari segi pembinaan jati diri dan masyarakat. Ini yang kita risaukan. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong):**

Terima kasih Yang Berhormat Sungai Dua. Seperti ucapan saya, adalah keseimbangan *e-sport* bersama dengan sukan tradisional, itu yang saya bangkitkan isu ini dan juga saya bangkitkan tentang penganjurannya, boleh dianjurkan oleh *company-company* yang buat *hardware* dan *software* yang dibahaskan tadi.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, jenayah ke atas kanak-kanak lebih-lebih lagi jenayah seksual dan penderaan adalah satu isu yang amat berat. Kanak-kanak yang didera akan hidup dan membesar dengan trauma. Ini memberikan kesan negatif kepada kehidupan mereka. Pada bulan lepas terdapat 2 kes jenayah yang melibatkan kanak-kanak. Satu, iaitu pengasuh yang mendera bayi yang berumur 2 tahun di bawah asuhannya dengan menyumbat cili ke dalam mulut bayi sehingga bayi tersebut tercekik dan mati.

Kes kedua pula adalah pengendali rumah kebajikan yang mengaku bersalah menonton dan merakam video seorang kanak-kanak 10 tahun ketika mandi. Bagi kes pertama, pengasuh tersebut telah disabit hukuman penjara 18 bulan mana kala bagi kes kedua pula, lelaki tersebut dihukum penjara selama 15 bulan sahaja. Saya berasa amat terkejut dan kecewa dengan keputusan majistret ke atas kedua-dua kes ini kerana memberikan hukuman yang ringan ke atas dua (2) jenayah yang amat berat. Mahkamah perlu bertanggungjawab untuk memberikan hukuman yang setimpal dengan jenayah lebih-lebih yang membabitkan kanak-kanak. Saya berharap pihak Peguam Negara dapat mengkaji semula prosedur mahkamah dalam mengadili penjenayah, penderaan dan penderaan seksual kanak-kanak. Baru-baru ini pula negara kita digegarkan dengan satu lagi kes jenayah seksual yang amat mengejutkan. Seorang bayi berumur 9 bulan dirogol, diliwat dan didera sehingga mati oleh suami pengasuh di Bandar Baru Bangi.

Saya amat berharap EXCO Wanita dan Keluarga, ADUN Padang Lalang dapat membantu dan merangka satu strategi atau modul untuk mengiktiraf pengasuh lebih-lebih lagi yang memberikan perkhidmatan ini di rumah. Kerajaan Negeri pula perlu memantau pusat-pusat asuhan kanak-kanak atau *nursery* untuk memastikan kakitangan mereka diiktiraf. Walau bagaimana pun, saya faham akan realiti sosial ekonomi keluarga yang tidak mampu untuk menghantar anak-anak ke pusat asuhan dan inilah punca kejadian seperti ini berlaku. Perlindungan kanak-kanak daripada penderaan dan jenayah seksual adalah isu yang amat berat dan memerlukan kerjasama semua pihak. Kerajaan Negeri perlu mengambil serius akan isu ini dengan meneliti dan mengkaji isu perlindungan kanak-kanak secara holistik untuk memastikan kejadian seperti ini tidak berlaku lagi. Pihak majikan dan swasta juga perlu menyedari kepentingan tenaga kerja wanita dan perlu mengambil inisiatif untuk menyediakan pusat asuhan kanak-kanak di tempat kerja atau elaun bagi pekerja wanita lebih-lebih pekerja yang melibatkan syif lebih 12 jam.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, saya ingin juga memberikan fokus kepada kes-kes kemalangan jalan raya yang membabitkan pejalan kaki di Pulau Pinang yang terjadi kerana kenderaan tidak mematuhi lampu isyarat. Mengikut maklumat yang diberikan kepada saya daripada Jabatan Keselamatan Jalan Raya dari tahun 2007 hingga 2017 iaitu 10 tahun, sebanyak 414,226 kes kemalangan atas jalan raya telah berlaku di Pulau Pinang sahaja di mana terdapat 4,218 kes kematian. Mengikut statistik kemalangan jalan raya yang sama, kes yang membabitkan kematian pada tahun 2016 ialah sebanyak 411 kes dan tahun 2017 pula sebanyak 401 kes.

Ini membuktikan bahawa kes kemalangan jalan raya amat serius dan membimbangkan di masyarakat Pulau Pinang. Selain itu, saya rasa semua ahli dewan juga masih ingat kes melanggar lampu isyarat di depan Sekolah JK(C) Kwang Hwa Sungai Nibong yang melibatkan 2 orang cedera pada 26hb September 2017 dan 4hb September 2018, termasuk seorang murid sekolah yang hanya berumur 7 tahun. Pada 6hb September 2017 pula, di Jalan Song Ban Kheng, Bukit Mertajam, dua buah kereta melanggar ambulans kerana ambulans tersebut tidak mematuhi lampu isyarat, dan seorang penunggang motosikal juga terlibat dalam kemalangan, telah mengalami kecederaan. Selain daripada kes ini, pada 6hb April 2017 di hadapan lampu isyarat Pasar Pulau Tikus, seorang pemandu motosikal telah melanggar lampu isyarat dan menyebabkan kematian seorang pejalan kaki wanita. Ini adalah satu isu yang amat membimbangkan dan yang perlu diambil berat.

Kerajaan Negeri perlu menganalisa punca dan cara-cara untuk mendidik pengguna kenderan untuk mematuhi lampu isyarat. Saya juga membuat pemerhatian dan mendapati pemandu motosikal pada masa kini langsung tidak mempedulikan undang-undang sedia ada. Jika kita imbas kembali pada masa silam, pemandu motosikal tidak berani untuk melanggar lampu isyarat kerana mereka tahu ada Polis menunggu mereka di sebalik jalan. Tetapi masa hari ini, kita jarang melihat Polis bertugas di lampu isyarat dan jalan-jalan kecil seperti Jalan P. Ramlee, Jalan Perak, Jalan Datok Keramat dan George Town. Oleh itu, pemandu motosikal hanya berhenti seketika sahaja dan terus melanggar lampu isyarat jika tiada yang melintas. Perkara ini juga berlaku di persimpangan KOMTAR/Prangin Mall yang selalu sesak dengan pegawai kerajaan dan para pelancong.

Pada pandangan saya, pihak Polis juga perlu mengambil inisiatif untuk bertugas di *hotspot* atau lampu-lampu isyarat yang sering dilanggar dan pihak Polis juga boleh menggunakan ataupun meminjam CCTV daripada MBPP yang sedia ada lebih kurang 767 unit dengan peruntukan bajet tahun depan RM7.4 juta dengan tambahan sebanyak 150 unit. Pihak Polis menggunakan CCTV ini untuk menangkap atau mengkompaun pesalah-pesalah tersebut. Bagi saya dan semua wakil rakyat di Dewan ini, keselamatan awam dan nyawa manusia adalah amat penting dan kena diberi keutamaan.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, isu yang telah saya bangkitkan pada Dewan yang mulia ini pada penggal pertama, tentang isu lapangan terbang Pulau Pinang. Saya berasa amat bimbang akan keadaan semasa di Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas Pulau Pinang, satu-satu lapangan terbang antarabangsa di negeri kita, baru-baru ini sahaja kita dikejutkan dengan kejadian banjir kilat di Lapangan Terbang sehingga para penumpang perlu membuka kasut dan meranduk air banjir untuk menaiki pesawat. Sebagai rakyat Pulau Pinang, saya berasa amat malu dengan kejadian ini, lebih-lebih lagi apabila saya membaca komen-komen pedas di media sosial yang menyalahkan Kerajaan Negeri. Tambahan pula, ini bukan lah kali pertama kejadian banjir berlaku di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang. Saya difahamkan bahawa kejadian banjir sering berlaku kerana tiada cukup kolam penahanan air hujan di Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas Pulau Pinang selepas kerja-kerja pengubahsuaian, ini adalah salah satu daripada banyak lagi masalah dan aduan yang melibatkan lapangan terbang kita.

Di setiap destinasi pelancongan antarabangsa, lapangan terbang memberikan tanggapan pertama kepada para pelancong ke atas kualiti destinasi tersebut. Apakah tanggapan para pelancong jika lapangan terbang dinaiki air banjir? Lebih-lebih di negeri yang maju seperti Pulau Pinang? Pada sidang yang lepas saya telah membangkitkan isu bumbung di kawasan ketibaan lapangan terbang untuk melindungi para pelancong daripada hujan lebat. Sehingga kini para pelancong masih perlu meredah hujan untuk menaiki bas.

Saya juga menerima aduan daripada beberapa pihak bahawa keadaan lapangan terbang amat sesak seperti pasar malam sehingga penumpang antarabangsa yang baru tiba ke Pulau Pinang perlu berbaris panjang di Imigresen. Saya difahamkan pihak MAHB perlu menutup suis tangga *escalator* kerana tidak ada tempat untuk beratur. Selepas melalui Imigresen, penumpang perlu beratur sekali lagi untuk melalui Kastam. G*reen lane* untuk penumpang tanpa barang untuk diisyitiharkan juga telah ditutup. *Self-check in counter* di ruang berlepas juga sesak dan penumpang perlu beratur lama untuk menggunakan kurang 10 buah mesin *check-in*. Walaupun

Kerajaan Pusat dan MAHB mempunyai pelan untuk membina dan menaiktaraf lapangan terbang yang baru dan sedia ada, Kerajaan Negeri masih perlu membangunkan pelan sementara untuk menghadapi dan menyelesaikan masalah-masalah di Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas Pulau Pinang, termasuklah masalah banjir, kelebihan kapasiti, kesesakan, parkir, kebersihan tandas, tidak ada bumbung untuk penumpang bas dan banyak lagi. Kebanyakan masalah yang dihadapi pada masa sekarang ialah berpunca daripada reka bentuk lapangan terbang ini.

Saya rasa Ahli Dewan semua boleh bersetuju bahawa arkitek yang diupah untuk mengubahsuai lapangan terbang ini tidak berfikir panjang. *Architect design failure*...(dengan izin). Saya tidak pasti apakah prosedur yang telah diambil untuk memilih arkitek-arkitek sebelum ini tetapi memandangkan kita mempunyai kerajaan yang baru, saya berharap pihak MAHB dan Kerajaan Negeri dapat bekerjasama untuk mencari kontraktor dan arkitek yang berkualiti dan berkaliber.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Jalan Sultan Azlan Shah merupakan antara laluan utama yang menghubungkan Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas, Pulau Pinang ke bahagian utara pulau dan berakhir di Bulatan Gelugor yang panjangnya kira-kira 13 km. Para pengunjung yang mendarat di lapangan terbang akan menggunakan jalan ini untuk menuju ke arah George Town, Tanjung Bunga, Batu Feringghi dan lain-lain tempat. Pengalaman para pengunjung melalui jalan tersebut boleh ditambah baik dengan menyusun semula reka bentuk landskap sepanjang jalan tersebut. Ketika ini, susunan landskap yang tidak teratur sepanjang jalan ini mengurangkan pengalaman setiap pengguna yang melalui jalan ini. Selain itu, keadaan ini akan menyebabkan tanggapan awal para pengunjung terhadap negeri ini adalah kurang memuaskan. Pokok-pokok yang tumbuh meliar melebihi jalan akan membahayakan pengguna terutamanya kepada penunggang motosikal. Sebagaimana di Singapura, di kiri kanan bahu jalan dan juga tengah Lebuhraya ECP yang berhubung dengan Airport Boulevard, Lapangan Terbang Changi, dipenuhi dengan pokok-pokok utama yang meneduhi jalan-jalan dan juga terdapat pokok-pokok renek berbunga untuk menambah nilai estetika. Pengalaman setiap pengunjung yang melalui jalan ini apabila keluar dari lapangan terbang memberikan tanggapan awal yang positif terhadap Singapura. Pengalaman yang sama patut dialami oleh para pengunjung apabila mereka keluar dari kawasan Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas. Saya berharap pihak yang bertanggungjawab iaitu JKR dapat menambah baik landskap di jalan tersebut. Kita ini adalah kerajaan baru, bukan lagi kerajaan rejim UMNO yang dulu. Rejim adalah ayat yang dibenarkan tadi oleh Dato' Speaker. Reka bentuk landskap yang menarik dan terancang adalah sejajar dengan inisiatif Kerajaan Negeri Pulau Pinang iaitu *Cleaner, Greener Penang.*

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, saya nak bawakan satu isu lagi iaitu depot minyak di Penang Sentral. Seperti yang kita sedia maklum, Penang Sentral dibuka kepada orang ramai pada penghujung tahun ini. Rangkaian jalan, jalan keretapi, kapal dan feri dan kemungkinan kereta kabel akan berakhir di terminal Penang Sentral. Penang Sentral dijadikan sebagai pemangkin untuk transformasi Butterworth. Ia akan dijadikan sebagai hub pengangkutan yang utama di dalam Pulau Pinang dan juga utara semenanjung Malaysia. Pembangunan bercampur kos sederhana dan tinggi seperti projek kompleks membeli-belah, hotel, komersial, lot perniagaan, pejabat dan juga perumahan telah dikenal pasti sebagai pembangunan yang berpotensi untuk dibangunkan disebabkan oleh kewujudan Penang Sentral. Walau bagaimanapun, kedudukan depot minyak yang terletak bersebelahan dengan Penang Sentral amat berisiko tinggi dan membahayakan keselamatan. Lebih-lebih lagi jika berlakunya kebocoran atau kebakaran dan akan mengancam hub pengangkutan, komersial dan perumahan yang padat. Kebakaran di depot minyak dan gas bakal menyebabkan letupan besar. Beberapa contoh kes kebakaran yang disusuli dengan letupan di seluruh dunia yang dipercayai berpunca daripada paip yang pecah dan bocor patut dipandang serius terutamanya buat mereka yang tinggal berdekatan dengan depot gas.

30 Julai 2004 di Ghislenghien, Belgium, letupan gas 24 maut, 122 cedera. Kes yang kedua, 22 November 2013 di Shandong, China, Pipeline pecah dan bocor, 62 maut. Kes ketiga, 27 Jun 2014 di Andhra Pradesh, India, gas bocor, 22 maut, 37 cedera. Kes keempat, 31 Julai 2014 di Kaohsiung Taiwan, gas bocor, 32 maut dan 321 cedera. Kes seterusnya pada 13 September 2018 di Massachusetts USA, tekanan terlebih, *over pressure* di paip gas, 1 maut dan

70 rumah musnah. Sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna. Lebih baik mengutamakan keselamatan berbanding menyesal kemudian hari. Adalah lebih baik mengutamakan keselamatan berbanding menyesal kemudian hari. Adalah sangat penting untuk kita mengambil langkah berjaga-jaga untuk memindahkan depot ke kawasan yang lebih jauh daripada kepadatan penduduk yang berada di sepanjang pesisir utara dan selatan kawasan ini.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satess A/L Muniandy):**

Minta laluan. Terima kasih Tuan Timbalan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Batu Lancang, dia jiran saya di Dewan Undangan Negeri ini dan amat prihatin terhadap satu (1) isu di kawasan saya iaitu isu tentang minyak, depot minyak di kawasan saya iaitu di sepanjang jalan ke Penang Sentral. Memang berada di sana berpuluh tahun sejak saya kecil lagi saya memang lihat sana masa dulu ada *bus stop, bus station* lama Butterworth dan apabila berlaku kebakaran pada suatu ketika di *station bus* lama Butterworth, satu (1) perkara yang amat membimbangkan keseluruhan penduduk pekan Butterworth itu adalah tentang kewujudan depot minyak tersebut. Dan sekarang dengan adanya Penang Sentral dan akan ada satu (1) pusat membeli belah yang begitu besar dan juga kawasan itu akan menjadi satu (1) kawasan densiti tinggi dengan beberapa kemajuan termasuk kemajuan *straight stranding* dan juga lain-lain termasuk MRCB. *So* saya pun bimbang kalau berlaku katakan satu (1) kes letupan ataupun kebakaran melibatkan depot-depot minyak ini akan membahayakan nyawa. Memang kita faham kerana kedudukannya berdekatan dengan Penang Port menjadikan tempat itu sebagai tempat yang sesuai untuk depot minyak pada suatu ketika dahulu. Tetapi pada masa kini berdasarkan kemajuan terkini di mana dan juga densiti terkini, saya pun berharap Kerajaan Negeri akan membuat sesuatu tentang perkara ini untuk menukar depot-depot minyak di kawasan tersebut jauh daripada kawasan Butterworth. Mungkin boleh pergi ke di tepi, di sungai, di Perai dan jangan dekat dengan Butterworth lah. Itu harapan saya. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Ya, saya bagi sedikit penjelasan. Ya pada 90'an kami di Dewan Yang Mulia ini telah difahamkan bahawanya pengambil tanah di Batu Kawan adalah satu tujuan adalah untuk PCC iaitu Petrol Chemical Complex di sana, 90'an. Tetapi dia tidak jadi. Pada tahun 2004, di Dewan ini, kami difahamkan bahawa satu (1) daripada tebus guna 650 hektar di Pantai Bersih. Dia separuhnya adalah juga untuk, untuk PCC Petrol Chemical Complex. Oleh yang demikian, saya persetujui dengan Ahli-Ahli Yang Berhormat bahawanya atas keselamatan dan atas keselamatan orang ramai dan tempat tidak sesuai, PCC, Petrol Chemical Complex ni hendak dipindah keluar dan kena tunaikan janji kalau Barisan tak boleh buat, kami buat, itu kata tebus guna 660 hektar di Pantai Bersih adalah satu tempat adalah untuk PCC ini. Cakap saja tapi *place up* tak nampaklah.

**Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong):**

Terima kasih. Saya ingat tak perlu sambung ya. Dah dapat *answer* dah. Okey. Walaupun depot minyak ini sudah pun berada di situ sebelum pembinaan Penang Sentral lagi, tetapi ini tidak boleh dijadikan sebagai alasan. Nyawa manusia dan kepadatan pembangunan di sini dijadikan taruhan. Untuk menjenamakan semula Butterworth menjadi hab yang penting seperti hub Kuala Lumpur Sentral, depot minyak ini mesti dipindahkan. Soalan saya ialah siapakah yang akan bertanggungjawab untuk perancangan di kawasan ini dan bilakah kita boleh jangkakan untuk pemindahan depot?

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, saya ingin sekali lagi membangkitkan isu peruntukan bagi sekolah kebangsaan. Seperti yang kita sedia maklum, peruntukan diberikan kepada semua aliran termasuk Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil, Sekolah Misi, Sekolah Bebas Cina, Sekolah Misi dan lain-lain.

Walau bagaimanapun, kita mengabaikan Sekolah Kebangsaan kerana kita menganggap Sekolah Kebangsaan menerima bantuan daripada Kerajaan Barisan rejim yang dulu adalah memuaskan tetapi sebaliknya mereka ditinggalkan begitu sahaja. Contohnya Sekolah Rendah Kebangsaan Jelutong Barat di kawasan saya kini di dalam keadaan yang uzur. Dewan dan bumbung sudah rosak dan tidak dapat dibaiki selama dua (2) tahun. Kolej Tinggi Tingkatan Enam Sekolah Zainal Abidin, namanya canggih ya, Kolej Tinggi Tingkatan Enam, juga memohon

bantuan daripada saya kerana Kerajaan Pusat tidak memberikan sebarang bantuan. Walaupun nama "Kolej Tinggi Tingkatan Enam" tetapi keadaan sebenar mereka adalah seperti sebagai sebuah sekolah menengah ataupun sekolah rendah sahaja, bukannya kolej. Mereka tidak mempunyai apa-apa fasiliti termasuk pejabat guru di dalam bilik sekolah, bilik guru adalah sebagai *classroom* yang hanya menggunakan kipas angin bukan *aircond.* Dan juga dewan mereka adalah berkongsi dengan dewan kantin. Beginakah dipanggil Kolej Tinggi Tingkatan Enam. Saya tidak tahu pendidikan negeri menggunakan SOP apa untuk memilih sekolah itu menjadi Kolej Tingkatan Enam.

Saya difahamkan bajet 2019 bagi Kementerian Pendidikan adalah sebanyak RM60.2 billion. Walaupun jika dibandingkan dengan tahun lepas, bajet tahun ini adalah kurang RM1.4 billion. Kita perlu memastikan peruntukan ini diedarkan dengan adil kepada semua pihak berkepentingan, termasuklah sekolah kebangsaan. Saya berharap dengan bajet ini, Kerajaan Negeri dengan kerjasama Kerajaan Pusat dapat memberikan sedikit bantuan kewangan dan peruntukan kepada sekolah-sekolah ini kerana mereka telah lama merana di bawah kerajaan rejim UMNO yang dulu.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Medan Selera di Batu Lancang telah pun wujud sejak 30 tahun yang lalu dan amat popular dikalangan rakyat Pulau Pinang dan juga pelancong asing. Walau bagaimanapun, tempat letak kereta tidak lagi mencukupi untuk penduduk setempat. Saya rasa telah tiba masanya Kerajaan Negeri meluluskan peruntukan dan mengeluarkan tender terbuka untuk membina sebuah bangunan tempat letak kereta *multi-storey car park*….(dengan izin) di atas kawasan letak kereta yang sedia ada. Dengan adanya bangunan yang baru, masalah tempat letak kereta dapat diselesaikan. Tambahan pula, medan selera yang baru boleh ditempat di tingkat bawah dan satu taman rekreasi atau landskap boleh ditempatkan di kawasan bumbung bangunan tersebut.

Saya juga difahamkan bahawa lebih 150 buah CCTV akan ditambah ke 767 buah CCTV yang sedia ada. CCTV ini akan dilengkapi dengan HD *resolution* dan teknologi pengesan muka ataupun *facial recognition*….(dengan izin). Saya ingin tahu adakah CCTV baru ini dipasang di kawasan Batu Lancang? Saya menyokong langkah ini dan berharap dengan adanya CCTV ini, jenayah akan lebih berkurangan dan penduduk di kawasan Batu Lancang lebih selamat, aman dan tenteram.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan perbahasan saya, sekali lagi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat di dalam sesi perbahasan pada kali ini. Saya juga berharap pada penggal ini, kita dapat sekali lagi bekerjasama tanpa mengira perbezaan pendapat dan politik demi kepentingan rakyat dan pembangunan Negeri Pulau Pinang. Sekian, terima kasih dan saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Terima kasih Batu Lancang. Dipersilakan Yang Amat Berhormat Ahli Kawasan…(gangguan). Dipersilakan Yang Berhormat Ahli Kawasan?

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Joseph Ng Soon Siang):**

Terima kasih….(gangguan).

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Air Itam.

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Joseph Ng Soon Siang):**

Yang di-Pertua Timbalan Speaker. Terkejut saya pula…(gangguan). Terima kasih Timbalan Yang di-Pertua Speaker kerana memberi ruang untuk saya berbahas Rang Undang-Undang Perbekalan dan Usul Anggaran Pembangunan 2019 di dalam Dewan Yang Mulia ini.

Pertamanya saya ingin mengucapkan tahniah kepada Padang Kota, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri yang berjaya membentangkan Belanjawan Tahun 2019 dengan penuh yakin dan padat dengan ulasan-ulasan berkaitan dengan ekonomi negeri. Tahniah juga kepada agensi-

agensi kerajaan yang begitu komited menjalankan tugas dengan amanah sehingga berjaya memperolehi pelbagai pengiktirafan di peringkat nasional dan antarabangsa.

Timbalan Yang di-Pertua, umum mengetahui ketika ini prestasi ekonomi negara tidak begitu memberangsangkan ekoran ketidakstabilan ekonomi dunia yang menyaksikan bukan hanya Malaysia sahaja terkesan dengan keadaan ini tetapi negara-negara Asean yang lain juga. Bagi memastikan kewangan negara kembali kukuh, perlunya lonjakan idea dan perlaksanaan yang mampan di peringkat negeri-negeri di dalam Persekutuan Malaysia dalam menjana ekonomi negara.

Pulau Pinang adalah antara negeri yang menyumbang kepada perkembangan ekonomi negara sebanyak 6.6% bersamaan dengan RM77.6 billion kepada KDNK Nasional daripada 71.2% seperti mana yang dibentangkan oleh Padang Kota dalam Ucapan Belanjawan 2019 baru-baru ini. Walaupun jangkaan belanjawan defisit sebanyak RM395.69 juta Kerajaan Negeri bagi tahun 2019, saya percaya mampu dikurangkan dengan peningkatan hasil tunggakan, tertunggak dan tunggakan-tunggakan lain yang dikategorikan sebagai “hutang lapuk” di kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan iaitu MBPP dan MPSP.

Begitu juga dengan pengurusan lebih dinamik kutipan cukai dan yang berkaitan sumber hasil perlu diberi perhatian khususnya selain mencari pelaburan dalam dan di luar negeri. Perancangan pembangunan fizikal yang strategik juga mampu memberi pulangan hasil kepada negeri.

Penetapan *target* terhadap sektor-sektor yang mampu menyumbang kepada peningkatan hasil negeri perlu diperhalusi oleh Penang Invest, dan agensi sebagainya. Hanya dengan perancangan rapi, kerjasama semua agensi pelaksanaan dan kawal selia yang baik daripada pihak pengurusan tertinggi negeri, setiap perancangan dan pelaksanaan adalah kaedah terbaik untuk berjaya. Diharapkan di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pasca Pilihanraya ini mampu membawa Pulau Pinang jauh lebih hebat dengan dipandu oleh Ketua Menteri dan barisan EXCO yang baru ini.

Setiap kejayaan itu perlukan pengorbanan, setiap pengorbanan yang dibuat itu janganlah disia-siakan. Harapan menggunung kami sebagai rakyat, wakil rakyat yang membawa mandat rakyat untuk melihat negeri ini ditadbir dengan aman, makmur dan sejahtera. Rakyat telah berkorban dan rakyat dahagakan pembaharuan yang menguntungkan serta bermanfaat kepada mereka dan generasi seterusnya.

Timbalan Yang di-Pertua, bagi memastikan lonjakan ekonomi negeri terus berkembang bagi tahun 2019, beberapa langkah dan teras yang perlu diadaptasikan oleh semua agensi pelaksana Kerajaan Negeri telah dicadangkan, persoalannya adakah mampu dilaksanakan?

Ini yang perlu diberi perhatian oleh Kerajaan Negeri terhadap sikap dan mentaliti agensi-agensi kerajaan dalam kerjasama di antara agensi. Kurangkan birokrasi dan juga kurangkan *taici*...(dengan izin) dalam melaksanakan tugas sebagai penjawat awam kerajaan yang memerintah. Perlunya kesepakatan dalam memudahkan urusan-urusan berkaitan kepentingan bersama, perlunya memikul tanggungjawab serta menjalankan amanah negara, bersama-sama Kerajaan Pakatan Harapan “membina semula negara” Malaysia Baharu kita.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, sekarang ini Kerajaan Negeri Pulau Pinang selari dengan Kerajaan Persekutuan dalam memastikan kestabilan ekonomi, sosial dan antarabangsa berada dalam tahap terbaik. Adalah perlu agensi-agensi negeri mendapat kerjasama daripada agensi-agensi persekutuan, perlunya regu yang baik di antara Negeri dan Persekutuan.

Baru-baru ini Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad di Kota Bharu berkata, “Kakitangan awam ditegur supaya berpegang kepada prinsip demokrasi dengan mengiktiraf kepimpinan kerajaan yang menjadi pilihan rakyat. Walaupun kakitangan awam ini menyokong parti lain, namun tugas sebagai penjawat awam perlu mengikut segala dasar yang ditetapkan oleh kepimpinan sekarang bagi menjamin kelangsungan setiap perancangan Kerajaan Persekutuan dalam membangunkan negara. Penjawat awam perlu mengutamakan

tuntutan kerja sebagai anggota kerajaan yang berkhidmat pada negara tanpa mengira parti mana yang memerintah sekarang ini”.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, banyak rungutan diperingkat Pihak Berkuasa Tempatan yang mana kurang mendapat kerjasama baik untuk menyelesaikan masalah setempat. Contohnya berkaitan “cukai tunggakan” yang begitu tinggi mendapat kerjasama, maaf, contohnya berkaitan “cukai tertunggak” yang begitu tinggi kurang mendapat kerjasama pihak-pihak berautoriti bagi menyelesaikan masalah ini. Tunggakan cukai ini jika berjaya dikutip, ia mampu menyuntik dana untuk meningkatkan tahap pengurusan dan pembangunan kepada pembayar cukai. Perlu diingat Pihak Berkuasa Tempatan adalah pintu kepada Perbendaharaan Negeri, justeru perlunya perhatian khusus diberikan terhadap peranan Pihak Berkuasa Tempatan dan saya percaya yang berada di dalam Dewan yang mulia ini ada banyak yang pernah menjadi Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan dan pernah berdepan dengan kepayahan dalam menjalankan tugas dan peranan.

Yang Berbahagia Timbalan Yang di-Pertua, di dalam ucapan belanjawan 2019 ini banyak kali disebut tentang ‘Revolusi Industri 4.0’. saya sememangnya telah menjangkakan bahawa Pulau Pinang sememangnya bersedia menghadapinya berikutan *trend* ekonomi dan sosial Pulau Pinang adalah antara yang berkehadapan. Sebab itu, Pelan Perancangan Pulau Pinang 2030 dilancarkan baru-baru ini. Belanjawan 2019 ini adalah kesinambungan daripada Penang 2030 yang mana berdasarkan beberapa teras yang dikemukakan oleh Padang Kota, iaitu Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dalam Ucapan Belanjawan 2019.

Perlu juga diambil perhatian, orang-orang tua selalu berpesan agar budaya sediakan payung perlu senantiasa diamati, lebih-lebih lagi apabila membincangkan tentang revolusi teknologi. Semua pihak perlu memastikan pembangunan inklusif dalam rentak revolusi perindustrian 4.0.

Di samping manfaatnya yang banyak, impak teknologi dan globalisasi bakal menggandakan persaingan dan meluaskan capaian tanpa sempadan. Malaysia dalam proses pemulihan ekonomi dan menangani isu pengangguran terutamanya di kalangan B40 dan M40. Lambakan graduan tanpa pekerjaan yang sesuai dalam bidang yang mereka ceburi bakal dikejutkan dengan kehilangan beberapa jenis pekerjaan tradisi dalam bidang-bidang tertentu kerana digantikan dengan peranti, teknologi dan aplikasi pintar.

Premis perniagaan juga tidak diperlukan kerana urusan dilakukan secara atas talian tanpa halangan masa dan tempat. Premis pejabat, kaunter pelanggan dan perkhidmatan lepas jualan umpamanya akan dilakukan secara maya. Berkemungkinan akan berlakunya lambakan premis-premis perniagaan yang kosong, *shopping mall* yang suram yang akan memberi impak kepda kutipan cukai taksiran dan perniagaan kepada pihak kerajaan, pasar awam yang semakin kurang mendapat tempat ekoran wujudnya aplikasi dan perkhidmatan penghantaran terus yang disediakan oleh pengusaha-pengusaha pasaraya besar.

Oleh yang demikian, perlu disediakan payung sebelum hujan oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan kemajuan yang dikejarkan ini tidak membebankan kewangan negeri dan rakyat terutamanya golongan pekerja di sektor perkhidmatan, pertanian dan perladangan. Jabatan kerajaan juga perlu memastikan tahap perkhidmatan berada sejajar dengan kemajuan yang bakal dikejarkan ini. Pepatah ada mengatakan ‘Jika dunia dikejar, nescaya dia akan terus berlari dan engkau akan kepenatan’ maka bersedialah.

Yang Berbahagia Timbalan Yang di-Pertua, pengurusan lalu lintas yang efisyen adalah antara teras untuk kita mendepani Revolusi Industri 4.0, tanpa cita-cita dan harapan untuk meningkatkan tahap perkhidmatan awam dan lalu lintas di Pulau Pinang mampu membantutkan proses pertumbuhan ekonomi negeri. Cadangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk meningkatkan perkhidmatan Rapid Penang, Rapid Feri, pembangunan semula Terminal Feri Pengkalan Raja Tun Uda, Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP) merangkumi sistem Transit Aliran Ringan (LRT) adalah tidak lain untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas. Antara penyebabnya berlaku kesesakan lalu lintas ialah lambakan kenderaan beroda empat ke atas. Kempen menggunakan basikal ke tempat kerja telah lama dijalankan dan diusahakan. Banyak kemudahan telah disediakan dan juga banyak wang yang telah dibelanjakan.

Adakah kerajaan sedar bahawa golongan B40 banyak menggunakan motosikal untuk urusan harian? Adakah kerajaan bersedia untuk memberi keutamaan kepada pengguna motosikal terutamanya menyediakan parkir motosikal yang mencukupi di kawasan bandar? Di dalam jawapan soalan bertulis saya, terdapat 7,182 petak di sebelah Pulau dan 7,050 petak di sebelah Seberang Perai. Mahu tidak mahu siapa pun tidak mampu menafikan antara alternatif untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas di kawasan pusat bandar adalah dengan menggunakan selain basikal adalah motosikal.

Adakah pengguna motosikal mendapat pembelaan yang sewajarnya? Apakah peranan kerajaan bagi menggalakkan penggunaan motosikal di kawasan pusat bandar? Adakah jumlah ini mencukupi? Adakah kajian dibuat berkaitan keperluan kemudahan petak letak motosikal berdasarkan keadaan semasa? Yang kita dapat tahu bahawa di dalam pusat memang susah untuk mencarikan satu tempat letak motosikal dan kebanyakannya diletakkan di atas kaki lima yang menjadikan satu halangan yang kerap berlaku selama ini.

Selain lambakan kenderaan beroda empat (4) ke atas di dalam bandar, kawasan tempat letak kenderaan (kereta dan bas persiaran) juga adalah masalah yang perlu ditangani sementara menunggu siap projek sistem Transit Aliran Ringan (LRT) di Pulau Pinang.

Sejajar dengan Revolusi Industri 4.0 perlunya disediakan parkir bertingkat mekanikal di Pulau Pinang yang mana bersifat sementara.

Pemerkasaan perkhidmatan Rapid Penang terutamanya di kawasan Air Itam yang sedia maklum antara yang paling tinggi penggunaannya di seluruh negeri Pulau Pinang melalui CAT Bas iaitu seramai 8,000 penumpang setiap hari. Harapan saya amat tinggi agar masalah ini dapat diatasi dalam kadar segera.

Yang Berbahagia Timbalan Yang di-Pertua, sejak dahulu lagi iaitu dari 2008 sehingga sekarang, Agenda Negeri Berkebajikan adalah keutamaan Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Pelbagai insentif telah diberikan kepada rakyat Pulau Pinang. Tiada siapa berani menafikannya waima peruntukan kepada Ketua Pembangkang dan Ahli Dewan Undangan Negeri Pembangkang juga disediakan.

Dalam Belanjawan 2019 ini adalah dicadangkan bantuan bersasar akan diperkenalkan ataupun Kerajaan Negeri meneruskan dengan perbelanjaan RM45 juta pada tahun 2019. Saya berpandangan perlu diteruskan dengan peningkatan lagi mutu perkhidmatan dan penyampaian agar ia lebih memberi kemudahan kepada rakyat.

Cadangan untuk melaksanakan kad pintar 'I Love Penang' perlu dilaksanakan dan dimanfaatkan program-program kebajikan Kerajaan Negeri Pulau Pinang melaluinya.

Tahap capaian sistem jalur lebar ialah internet yang kita ada iaitu Penang Free WiFi adalah antara skim kebajikan Kerajaan Negeri bagi memudahkan rakyat mendapat akses internet di setiap pelusuk negeri. Tujuan asal pelaksanaan program ini adalah untuk memberi ruang kepada rakyat Pulau Pinang mendapat maklumat terkini berkaitan isu semasa terutamanya capaian media Kerajaan Negeri ketika itu dalam menyalurkan maklumat tepat.

Selain itu, peranan Penang Free WiFi juga memberi pelaung kepada golongan pelajar, peniaga dan kelas pertengahan ke bawah menikmati arus teknologi terkini. Persoalannya adakah program ini akan diteruskan dan tahap perkhidmatan ini akan dinaikkan sejajar dengan perkembangan kehendak semasa? Apakah perancangan Kerajaan Negeri dalam perkara ini.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, berkaitan isu keselamatan dan perumahan, di kawasan saya sejak enam (6) bulan kebelakangan ini telah berlaku empat (4) kes kebakaran yang melibatkan kemusnahan harta benda. Apa yang ingin saya ketengahkan adalah berkaitan kemudahan pili bomba yang mungkin tidak diselenggara dengan baik dan perlukan penambahan pili bomba di kawasan-kawasan yang tidak pernah ada. Adakah pihak Bomba mempunyai perancangan untuk menambah pili-pili Bomba terutamanya di kawasan-kawasan kampung bukan hanya di Air Itam sahaja.

Keperluan dalam membantu mangsa-mangsa kebakaran dalam aspek perumahan juga perlu diberi perhatian oleh pihak kerajaan. Adakah kerajaan mempunyai perancangan yang lebih realistik dalam perkara ini. Saya dimaklumkan sebelum ini, mana-mana mangsa kebakaran dibenarkan tinggal di rumah PPR atau rumah sewaan kerajaan dalam tempoh tertentu sahaja.

Dengan cadangan kerajaan untuk membina rumah PPR di Jelutong amatlah dialu-alukan tetapi, peranan dalam pengagihan unit rumah juga perlu diteliti antaranya setinggan yang terpaksa di pindah untuk memberi laluan projek-projek perumahan atau apa-apa juga pembangunan. Dengan peningkatan kadar sewa yang agak tinggi sekarang ini pastinya tidak mampu oleh golongan ini. Kouta khas juga perlu disediakan untuk kes-kes kecemasan seperti bencana/kebakaran.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, tahniah kepada Kerajaan Negeri atas keprihatinan terhadap golongan miskin/gelandangan dengan menyediakan kemudahan asas seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal selesa kepada mereka di dalam Belanjawan 2019.

Kerjasama pihak swasta dan NGO yang sememangnya sejak dahulu prihatin terhadap golongan ini boleh dilihat dngan begitu banyak program bantuan makanan dan pakaian diberikan. Tidak sunyi setiap malam di kawasan bandar dengan kehadiran aktivis ini menyantuni gelandangan. Adakah dengan ini mampu menyelesaikan masalah mereka?

Bagaimana dengan nasib anak-anak mereka, pendidikan dan kesihatan? Adakah cukup dengan kita memberi ikan? Walhal pancing yang perlu diberikan. Peranan agensi kerajaan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat, Majlis Agama Islam, Zakat Pulau Pinang, Pertubuhan Agama Bukan Islam di bawah Kerajaan Negeri, Pejabat Pelajaran Negeri, Jabatan Pendaftaran Negeri, Jabatan Kesihatan Negeri perlu bergerak seiringan membantu golongan ini. Jangan biarkan anak-anak ini mewarisi kemiskinan ibu bapa mereka. Berilah mereka peluang untuk bersaing bersama-sama anak-anak lain.

Yang Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, bagi memantapkan lagi sektor pertanian dan asas tani, Industri Kecil dan Sederhana, adalah dicadangkan PDC dapat menjalinkan hubungan dua hala dengan agensi Persekutuan seperti TEKUN, FAMA, LKIM, LPP, RISDA, FELCRA, SIRIM, MARDI dan sebagainya dalam membuka peluang kepada pemain-pemain industri ini mengembangkan perniagaan, bantuan modal, bimbingan pengetahuan, keluaran hasil dan pemasaran, gagasan ‘pertanian suatu perniagaan’ memang tepat dilaksanakan ketika ini di Pulau Pinang.

Pulau Pinang beruntung kerana ramai pimpinan dari negeri ini menjawat jawatan Persekutuan seperti Menteri, Timbalan Menteri tidak lupa juga Pengerusi LKIM yang merupakan salah seorang daripada Ahli Dewan ini, Yang Berhormat Permatang Pasir. Tidak lupa juga Ahli Parlimen Permatang Pauh, YB. Nurul Izzah Anwar yang kini menjawat Pengerusi Jawatankuasa Pemerkasaan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional Malaysia (TVET). Berperanan untuk menyediakan laporan untuk memperkasakan dan menaikkan TVET. Kita berharap Pulau Pinang akan menjadi negeri pengeluar lulusan teknikal dan vokasional sekaligus melahirkan tenaga mahir yang secukupnya dalam sektor industri khususnya kepada anak Negeri Pulau Pinang. Adalah diharapkan Pengerusi Jawatankuasa Pemerkasaan TVET dapat menjadikan Pulau Pinang sebagai destinasi *pilot project*....(dengan izin) dalam melaksanakan agenda tersebut.

Kita berharap lebih ramai lagi yang akan dilantik menjawat jawatan penting dalam Persekutuan di kalangan Ahli Dewan ini dan mampu membantu meningkatkan tahap ekonomi, pendidikan dan daya huni rakyat di negeri yang tercinta ini.

Dengan tema Belanjawan Tahun 2019, Penang 2030 “Negeri Pintar, Hijau dan Berteraskan Keluarga Yang Menginspirasikan Negara”. Saya dengan ini menyokong Rang Undang-Undang Perbekalan dan Usul Anggaran Pembangunan 2019 yang dibentangkan oleh Padang Kota, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang pada 9 November 2018. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Terima kasih Yang Berhormat Air Itam. Dipersilakan Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Pinang.

**Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):**

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Salam Harapan dan Salam Malaysia Baru Sungai Pinang ucapkan kepada semua yang masih berada di Dewan yang mulia ini.

Terlebih dahulu, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk menyertai sesi perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan dan usul Anggaran Pembangunan 2019 yang dibentang oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri di Dewan Undangan Negeri pada 9 haribulan November yang lalu.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, tahniah dan tahniah sekali lagi saya mengucapkan kerana Negeri Pulau Pinang telah mengekalkan rekod sebagai negeri yang mempunyai hutang yang terendah di Malaysia sepanjang tempoh 10 tahun di bawah urus tadbir prinsip Cekap, Akauntabiliti dan Telus. Selain daripada itu, juga mencapai beberapa, *first,* pertama (diizinkan), negeri pertama melaksanakan "Setiap Hari Tanpa Beg Plastik Percuma", yang ini kita kena berterima kasih kepada Yang Berhormat Sungai Puyu yang menjadi pendorong *driver* kepada kempen *no to plastic bag* dan pertama di Asia berjaya menganjurkan kejohanan Asia Pacific Masters Games (APMG 2018).

Di samping itu, APMG 2018 turut tercatat dalam Malaysia Book Of Records sebagai kejohanan sukan diadakan di Malaysia dengan bilangan negara dan peserta terbanyak yang menyertai kejohanan ini. Syabas! Diucapkan, terima kasih juga kepada Yang Behormat EXCO Padang Lalang dan juga bersama-sama dengan pasukan dari MBPP Dato' Bandar dan semua pasukan yang telah berjaya menjadikan ia satu (1) realiti bahawa Pulau Pinang memang bertaraf antarabangsa.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Negeri Pulau Pinang juga pertama di Malaysia bekerjasama dengan *Food Aid Foundation* melalui program Mutiara *Food Bank* dengan suatu idea *out of the box* iaitu mengumpulkan makanan daripada pasaraya-pasaraya besar untuk diedarkan kepada rakyat semasa keperluan. Program Mutiara *Food Bank* bukan sahaja dapat mengurangkan pambaziran dan tidak perlu *stockpiling* makanan, ia juga membantu mengurangkan beban kumpulan rakyat yang kurang berkemampuan.

Harapan dan impian Penang 2030 iaitu negeri pintar, sebab kita ada ramai yang begitu pintar yang masih duduk di sini dan juga rakyat Pulau Pinang memang semua yang sangat *smart* dan pintar dan kita berimpian bahawa Negeri Pulau Pinang adalah negeri yang hijau dan berteraskan keluarga yang menginspirasikan negara merupakan salah satu inisiatif Kerajaan Negeri untuk melaksanakan program-program bagi memacu pembangunan yang lebih berkualiti di samping memberi manfaat kepada rakyat.

Syabas diucapkan! Sebagai seorang wanita, saya juga berasa penekanan yang lebih kepada pembangunan keluarga dalam suasana yang hijau dan pintar adalah amat penting. Tanpa mengulangi ke semua 4 Teras utama Penang 2030 yang berdasarkan *People Centric,* saya bersyukur impian ini akan tercapai dalam masa terdekat.

Timbalan Yang di-Pertua, Kepentingan kaum wanita tidak dapat dinafikan sama ada di peti undi ataupun di tempat kerja. Pada 30 Ogos 2018, cadangan menubuhkan 'Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga' (JPWK) telah dikemukakan di Mesyuarat Majlis Kerajaan Pembangunan Wanita dan Keluarga. Semua Ahli MMK Pembangunan Wanita dan Keluarga bersetuju dengan sebulat suara menubuhkan jawatankuasa JPWK ini. Selaras dengan visi Ketua Menteri iaitu "*Penang 2030: A Family-Focused Green and Smart State that Inspires the Nation*"....(dengan izin) yang menegaskan betapa pentingnya keluarga dalam pembangunan Negeri Pulau Pinang. Saya rasa bukan sahaja Negeri Pulau Pinang sahaja di seluruh negara juga. Jawatan JPWK ini yang ditubuhkan akan menjadi satu teras strategik dalam menjayakan misi Ketua Menteri demi kesejahteraan penduduk Pulau Pinang.

Antara matlamat jawatankuasa "Oleh Wanita Demi Wanita & Keluarga" iaitu menjalankan program berteraskan wanita dan keluarga, memperkasakan wanita setempat dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam hal-hal mengenai hak, menjana pendapatan, penjagaan dan perlindungan diri sendiri dan kepimpinan, yang ini sangat penting meningkatkan

kesedaran dan kemahiran kedua-dua ibu bapa supaya dapat membentuk keluarga yang lebih harmoni dan seimbang di zaman digital ini. Sebuah keluarga yang harmoni semua adalah hasil usaha daripada ibu bapa.

Dengan ini, saya memberi sokongan sepenuhnya kepada penubuhan jawantankuasa ini, di mana saya mempunyai kepercayaan bahawa ia akan membawa Negeri Pulau Pinang ke arah harapan dan impian Penang 2030.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, sebagai Ketua Wanita Pakatan Harapan Pulau Pinang, saya berterima kasih kepada Ketua Menteri kerana mengiktiraf peranan wanita dalam memajukan masyarakat dan negara melalui dasar 30% perwakilan wanita dalam Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) yang sebelum itu digelar JKKK. Dasar ini juga akan dipanjangkan kepada pelantikan Ahli-ahli Majlis di kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan. Syabas dan sekali lagi Sungai Pinang mengucapkan terima kasih kepada Ketua Menteri dan pasukan Kerajaan Negeri.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, kes dera seksual dah ramai rakan-rakan telah bangkitkan kes dera seksual terhadap kanak-kanak yang sering berlaku. Sangat menyedihkan hati saya berkenaan kes bayi perempuan 11 bulan maut didera secara fizikal dan seksual oleh suami pengasuh di Bandar Bangi, Kajang baru-baru ini. Dan ada satu lagi yang cukup menakutkan iaitu kes dera dan cabul 29 orang anak yatim di sebuah rumah kebajikan di Temerloh, Pahang. Sebagai masyarakat yang prihatin dan mempunyai sifat berperikemanusiaan, kita mengutuk sekeras-kerasnya perbuatan jenayah kejam ini. Saya percaya tiada seorang pun yang boleh menerima hakikat bahawa perbuatan kejam ini berlaku di masyarakat kita ini.

Menurut Timbalan Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat YB. Hannah Yeoh, semasa menjawab soalan di Dewan Negara pada Ogos lepas, sebanyak 199 kes penderaan, pangabaian dan kecuaian melibatkan kanak-kanak dalam jagaan pengasuh dilaporkan di seluruh negara sepanjang Januari hingga Mei tahun ini. Ini adalah yang dilaporkan sahaja kalau yang tidak dilaporkan berapakah angkanya. Ini memberi isyarat kepada kita bahawa langkah pencegahan harus dititikberatkan

Saya rasa sebagai permulaan saya juga cadangkan kerajaan perlu menggalakkan penyelidikan dan pembangunan mengenai perlindungan kanak-kanak serta menyebar luas hasil penyelidikan untuk tindakan penambahbaikan. Misalnya, memberi pendidikan secara berterusan melalui media sosial atau siaran tentang kes seksual, langkah pencegahan dan pengesanan. Kanak-kanak merupakan modal insan penting kepada negara dan penyediaan persekitaran yang selamat dan kondusif dapat membangunkan modal insan ini. Perlindungan terhadap kanak-kanak perlu diberi keutamaan. Setiap agensi, organisasi dan anggota masyarakat perlu memberi keutamaan kepada perlindungan kanak-kanak sebagai tanggungjawab bersama.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, tadi adalah kes seksual sekarang adalah gangguan seksual. Gangguan seksual biasanya terhadap wanita. Ia berlaku di tempat kerja, situasi profesional ataupun sosial yang lain, yang melibatkan gangguan seksual yang tidak diingini atau kata-kata lucah semakin berleluasa. Dari tahun 2015 hingga 2017, sebanyak 47 kes dilaporkan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam dan 64 kes dilaporkan kepada jabatan… Kementerian Sumber Manusia. Mengapakah kes gangguan seksual semakin berleluasa? Difahamkan hampir 70% hingga 90% mangsa tidak membuat laporan. Kenapa? Siapa yang boleh bantu mereka kerana mereka rasa malu atau kenapa? Kita kena fikirkan. Adakah sama ada semua boleh bantu mereka? Gangguan seksual berleluasa kerana kekurangan kesedaran orang awam tentang apakah jenis perbuatan yang membentuk gangguan seksual.

Di sini saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada EXCO Pembangunan Wanita dan Keluarga dan juga PWDC yang begitu proaktif menganjurkan kempen *Penang Goes Orange* peringkat negeri sejak tahun 2014. Mesej kempen *Penang Goes Orange* bertemakan “Hentikan Gangguan Seksual”. Matlamat kempen ini bertujuan menghantar mesej “Hentikan Gangguan Seksual” kepada orang awam supaya menyedari isu ini, mengambil langkah untuk mengesan dan mencegah gangguan seksual…(gangguan).

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Sungai Pinang mohon laluan. Okey bercakap mengenai kesedaran tentang gangguan seksual untuk masyarakat ada tak PWDC ataupun Kementerian Wanita Pembangunan Wanita dan Keluarga ada rancangan untuk perkembangkan program-program kesedaran ini kepada pihak berkuasa sendiri. Sebab baru-baru ini, *I think* dalam dua (2) bulan lepas saya telah terima satu panggilan telefon dari seorang pemuda di Balai Polis Tanjung Bunga dan di mana dia telah beritahu saya bahawa adiknya perempuannya telah diganggu seksual oleh seorang pekerja yang rakan kerja yang bekerja di hospital.

Cukup sudah ada bukti dia hantar mesej-mesej lucah *you know,* yang gangguan seksual yang teramat sekali lah sampai budak perempuan itu tidak boleh tahan dan telah pergi membuat laporan Polis di Balai Polis Tanjung Bungah. Apa berlaku selepas itu mengejutkan saya kerana pihak polis seorang Inspektor ataupun *IO* yang menyiasat kes itu telah memberitahu pengadu itu supaya jangan kita hukum orang ini yang membuat gangguan seksual kerana dia ada anak dan keluarga dan anak.

Selepas itu anggota Polis tersebut telah memberitahu pengadu mungkin salah awak juga sebab awak terlalu rapat dengan dia, awak berkawan rapat dengan dia. Ini yang diberitahu oleh seorang Pegawai Polis, Selepas itu budak itu telah memanggil saya dan saya yang paling mengejutkan saya adalah budak itu telah merujuk kes itu kepada WCC dan WCC pegawai berkenaan telah menyatakan kalau awak nak meneruskan kes ini terpaksa naik turun mahkamah. Ini semua meruntuh, meruntuhkan moral seorang yang membuat ingin membuat laporan tentang kes-kes gangguan seksual sebegini. Sampai budak itu sudah membuat keputusan untuk tarik balik *report* yang dibuatnya. Pelaku tersebut telah ditangkap telah di masuk dalam lokap tetapi pegawai yang menyiasat sedang memberikan tekanan kepada pengadu untuk menarik balik laporan Polis.

Selepas itu saya telah mebuat panggilan kepada Ketua Bahagian Siasatan Jenayah Daerah Timur Laut namanya saya ingat lagi ASP Najib. Saya bercakap dan saya telah memberitahunya kalau kes ini ditarik balik, kalau *IO* tersebut telah memaksa pengadu untuk tarik balik saya akan buat sidang media dan selepas itu baru *IO* tersebut telah menukar cerita dan keesokan harinya pelaku tersebut telah di dakwa di mahkamah dan telah diikat jamin dengan RM6,000.

Soalan saya adalah kalau kita terus bercakap *Penang Goes Orange* PWDC kita bagi kesedaran kepada masyarakat tetapi pihak berkuasa dan WCC sendiri meruntuhkan moral mereka yang dah tampil membuat laporan mana kita akan pergi sampai budak itu apabila saya bercakap dengan dia. Saya kata, hari ini insiden ini berlaku ke atas awak. Kalau awak tak buat laporan hari ini, esok lusa mungkin kawan-kawan awak mungkin yang akan menjadi mangsa. Dia menyatakan *'wow you're the first one to say such a good thing sir, to me. The rest was disgraching me….*(dengan izin). So ini mengejutkan saya WCC. Bayangkan, dan kenapa ada SOP. Nampaknya pihak polis tak ada SOP, tentang kes-kes gangguan seksual ini. Kenapa seorang anggota, ataupun Pegawai Polis lelaki yang dibenarkan untuk siasat kes ini. Ini ada banyak isu yang perlu kita bincang, kita perlu ubah polisi. Jangan kita bercakap tentang kesedaran sahaja. Saya berharap kita akan *move to the next step* dan kita akan membuat perubahan dasar perlu dibuat dalam semua di peringkat kalau kita betul-betul nak banteras gejala gangguan seksual ini. Itu pandangan saya Sungai Pinang. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Saya beri sedikit mungkin *information.* Sekarang memang kita ada satu, ada satu *code of conduct* untuk semua jabatan kerajaan. Dia di *introduc*e pada 1999. Iaitu di semua jabatan dia ini hospital, dia boleh lapor pada pihak hospital. Dan dia seharusnya lah, seharusnya dia menubuhkan satu jawatankuasa mensiasat. Tapi ini akan mengambil masa yang amat panjang. Seperti yang berlaku di hospital atau satu hospital, satu professor yang menggangu seksual beberapa orang *intern, houseman.* Di mana *houseman* itu. Ya, dia akan makan masa yang sangat panjang. Dan tetapi sekiranya di kilang-kilang yang *multinational* mereka sangat serius. Sekiranya mereka, mereka akan siasat secara tidak secara terbuka mereka akan siasat dan sekiranya didapati benar orang itu yang, yang *people traitor* itu akan dipecat serta-merta. Ini ada bezanyalah.

Jadi ini selalu berlaku, apa yang diceritakan oleh YB. Bagan Dalam selalu berlaku. Dan itulah, WCC mereka pun mengalami banyak kes seperti ini. Dan sekiranya bangsa ini dia tak boleh tahan dalam proses siasatan dan pergi ke mahkamah nanti dia akan lebih dia akan *second time, second time injury*. Jadi yang WCC ialah untuk mensediakan dia. Adakah dia boleh melalui proses ini? Proses ini bukan senang. Dia, *She have to be supported*.

Tapi saya, saya nak ucapkan tahniah kepada Bagan Dalam, kerana dapat memberi *support* kepada dia. Saya harap semua YB.-YB. yang boleh buat begini kerana ada YB. juga kalau ada kes seperti ini, mereka akan kata, "pergi jumpa YB Lim Siew Khim ataupun YB. Chong Eng" Jadi sangat beranilah. Atau sangat saya mahu katakan sangat baiklah, *your respon are very positive and you give her support,we will give her the support but, that's why we said it's must her law*. Hari ini kita ada satu visi dan kita meminta supaya adakan satu Undang-Undang yang spesifik untuk mensiasat *anti-sexual harrasment, sexual harassment*. Supaya dia ada prosedur yang sedia ada. Sekarang dia tak ada prosedur dia hanya mengikut *Employment Acta* ataupun *criminal intimination*. Dan dia tak ada *specific act*.

*So* kita kan buat. Dan saya diberitahu oleh Timbalan Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, YB. Hannah Yeoh bahawa sekarang ialah buat sekarang dalam kajian *impact* undang-undang ini. Sekiranya semua beres dia akan di*table in next session in parliament*. Jadi, saya harap semua YB.-YB. boleh sokong akta ini kerana adalah perlunya kita ada akta-akta ini. *Thank you*, terima kasih.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Sungai Pinang lagi satu sahaja sebab saya telah menimbulkan perkara ini di Dewan ini saya berharap pihak Polis kalau dapat maklumat ini, saya tak ingat pegawai nama pegawai penyiasat, tetapi saya ingat nama yang saya rujuk kes tersebut ASP Najib. Dia telah memanggil dan bercakap dengan pegawai penyiasat di Balai Polis Tanjung Bunga. Saya berharap pihak polis akan mengambil *administrative action against the officer* yang…(dengan izin) yang telah cuba menutup kes yang serius begini. Itu harapan saya kepada pihak Polis lah. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):**

Terima kasih kepada Bagan Dalam dan kepada Padang Lalang. Saya juga ingin mengucapkan *actually* saya begitu kagum dengan apakah dengan reaksi daripada Yang Berhormat Bagan Dalam. Memang saya juga ingin berkongsi bahawa selalunya seperti apa yang dikatakan oleh Padang Lalang bila berlakunya kes-kes sedemikian, mangsa selalunya diarahkan utuk cari wanita supaya wanita itu boleh bantu dia. Kenapa lelaki tak boleh bantukah? Kalau kamu menerima aduan sedemikian, adakah kamu sanggup bantu dia? Sebab wanita ini dia, dia tak tahu nak pergi mana. Kalau dia dah berani tampil ke depan kamu untuk memberitahu apakah yang dialaminya maksudnya dia berani untuk menghadapinya dan dia perlukan sokongan padu daripada kita. Tetapi memang ada agensi-agensi yang selalunya akan tolak ke sini ke sana iaitu adalah juga pengalaman saya bila saya mengaturkan satu bengkel, satu *workshop* untuk menangani, bagaimana untuk menangani *domestic violence,* keganasan rumah tangga. Pada minggu yang lalu sahaja, dan kami difahamkan *even* saya perlu berterus terang bahawa daripada pengalaman *speaker counselor's* yang datang mereka katakan mangsa akan putus asa. *They was feel very up set...*(dengan izin) bahawa mereka pergi ke Balai Polis, Balai Polis akan kata adakah kamu pergi buat *medical report*. Ada *medical report* ka? Kalau pergi ke hospital, hospital kata adakah kamu telah buat laporan polis? Tetapi tahu tak kamu semua. Sebenarnya, kita ada satu *centre* di hospital iaitu, One Stop.. OSCC, OSCC di mana di kecemasan tu. Di kecemasan di hospital. Di mana ada Polis, ada pakar, ada pegawai perubatan dan pihak seperti WCC lah dan mereka yang pakar dalam menangani kes-kes yang sedemikian yang akan beri bantuan. Jadi saya berharaplah, jikalau kamu menghadapi kamu ada, ada mangsa yang datang minta bantuan. Kita, beri bantuan dan kita pergi beri sokongan yang positif. Sebab mereka memang mengalami trauma. Bagaimana emosi mereka. Sokongan padu daripada kita semua adalah sangat penting. Dan saya ucapkan tahniah, sebab saya begitu kagum Bagan Bagan Dalam telah memberi satu contoh yang begitu baik. Tahniah. Syabas.

Jadi, sekali lagi lah kita berharaplah rakan-rakan seperjuangan di dewan ini memberi sokongan padu. Untuk menjayakan bukan sahaja kempen ini. Bukan sahaja kempen ini bukan kita kata sahaja. Kita perlu memupuk kesedaran di kalangan rakyat jelata. *So* dan Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, yang penting di sini saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kerajaan Negeri kerana menubuhkan sebuah kumpulan kerja iaitu *working group* dengan tujuan supaya Akta Gangguan Seksual dikuatkuasakan dan mangsa dapat menuntut keadilan dan juga yang menjadi pelaku, pesalah pelaku tu dihadapkan ke mahkamah dan menerima hukuman yang sewajarnya.

Pembangunan Bandar Pintar *Smart City* oleh Kerajaan Negeri yang selaras dengan Transformasi Digital dan Revolusi Industri 4.0 di peringkat global, perlu disahut oleh semua jabatan dan agensi dalam memastikan Negeri Pulau Pinang berdiri sama tinggi dengan Bandar Pintar dunia yang lain. Persediaan infrastruktur dan kemudahan memang antara yang dirancangkan. Sungai Pinang ingin menambahkan bahawa model manusia yang berkualiti, (dengan izin)...*Quality Human Capital* juga sangat penting. Kita boleh mendapat manfaat daripada pengantarabangsaan pasaran pendidikan dengan menarik pelajar antarabangsa ke Pulau Pinang.

Sebenarnya, Institusi antarabangsa dan kampus universiti-universiti antarabangsa perlu digalakkan untuk mendirikan cawangan di negeri Pulau Pinang memandangkan kos untuk belajar di Pulau Pinang adalah lebih rendah berbanding Kuala Lumpur, Johor ataupun Singapura. Tetapi di sini saya ingin berasakan kesalnya, Universiti Xiamen, Xiamen didirikan di Kuala Lumpur walau pun kita semua tahu bahawa Pulau Pinang dan Xiamen merupakan *sister city's*. Tahukah rakan-rakan semua mengapa ia boleh berlaku? Ini kerana dulu Pulau Pinang adalah Kerajaan Negeri pembangkang dan kita memang dipinggir oleh Kerajaan Pusat yang dahulu.

Ini adalah satu yang begitu menyakitkan hati. Negeri Pulau Pinang boleh menjadi hak pakar bakat dengan menarik pakar bakat antarabangsa termasuk penyelidik, ahli akademik ataupun pelajar antarabangsa ke Negeri Pulau Pinang. Dalam bajet tahun 2019 sebanyak RM34 juta akan diperuntukkan bagi mempromosi dan merancakkan lagi sektor pelancongan negeri Pulau Pinang. *I would like to add a little bit, how about Edu-tourism….(dengan izin).* Pelajar-pelajar di setengah-setengah negara mengadakan *study tour*. Dan sepanjang pengetahuan saya beratus-ratus ribu pelajar dari universiti-universiti Negeri China mengadakan lawatan sambil belajar iaitu *study tour* di seluruh, ke seluruh dunia. Apakah kalau jikalau pelajar-pelajar ini melawat Malaysia khasnya ke Negeri Pulau Pinang? Kita nampak satu pasaran yang begitu besar. Adakah Pulau Pinang masih mempunyai banyak peluang pembangunan modal manusia yang belum diterokai. Saya berharap Kerajaan Negeri Pulau Pinang boleh memimpin dalam arah ini. *Edu-tourism* misalnya *Study Penang* boleh memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan ekonomi Pulau Pinang dan memberi peluang kepada pembekal pendidikan tempatan

*Local Education Provider*....(dengan izin) Selain itu *study tour* juga boleh mempromosikan keindahan tempat pelancongan dan makanan tempatan yang enak kepada pelajar-pelajar dari luar negara. Untuk pengetahuan di pelajar-pelajar di negeri China, dari negara China mereka selalu akan mengadakan rombongan *study tour* ke seluruh negara. Tetapi mereka selalu telah dirampas pergi ke Korea, Singapura, ke negara yang lain. Tetapi, tidak ada tumpuan ke Pulau Pinang. Ini adalah satu pasaran yang begitu besar. Dan saya berharaplah, saya berharaplah....(gangguan).

**Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):**

Berikan laluan.

**Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):**

Ya.

**Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):**

Menyebut mengenai e*du-tour* yang terlibat dengan pasaran Negara China. Saya nak ini pun satu bukti yang menunjukkan Pulau Pinang merupakan satu bangsa di bawah rejim pentadbiran Barisan National juga (ganguan) ia betul juga. Sebelum ini untuk kolej-kolej atau

di Pulau Pinang khusus yang ditawarkan oleh kolej di Negeri Pulau Pinang tidak disenaraikan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi. Senarai yang dihantar ke Kerajaan Negeri China. Mereka cuma menyenaraikan kolej-kolej yang di negeri-negeri pentadbiran Barisan National sahaja, tidak menyenaraikan kolej di Negeri Pulau Pinang.

**Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):**

Terima kasih kepada Yang Berhormat….(gangguan).

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman):**

Mohon untuk mencelah. Sungai Pinang, saya mohon laluan sebentar.

**Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):**

Okey lah.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman):**

Seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Paya Terubong tadi saya rasa sekiranya ada kelemahan untuk pentadbiran terdahulu, kerajaan sekarang perlu mengambil inisiatif untuk penambahbaikan dan tidak hanya sekadar cakap- cakap sahaja. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):**

Terima kasih. Paya Terubong.

**Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):**

Memang itu satu fakta yang tidak dapat dinafikan tetapi sekarang kita sudah melalui Timbalan Ketua Menteri ke 2 untuk membangkitkan isu ini kepada Kementerian Pendidikan dan harap ini akan diperbaiklah *sorry* betulkan (Ahli Dewan menepuk meja)

**Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):**

Terima kasih Paya Terubong dan juga Permatang Berangan, memang kawan saya yang giat dalam bidang sedemikian dia mengeluh. Dia kata Pulau Pinang *such a nice place*…(dengan izin) tetapi kita tidak ada dorongan tetapi saya bagi tahu daripada jawapan soalan bertulis saya juga yang tanya tentang *study* Penang tentang *Penang Tourism Education* ada perancangan masa hadapan. Kita yang akan perbetulkan sebab jawapannya ialah mengadakan kerjasama dengan Kerajaan Negeri dan Kementerian Pendidikan Malaysia supaya membantu mendapatkan pengiktirafan dari Kementerian Pendidikan Negara China untuk mengiktiraf kolej-kolej di Pulau Pinang.

Sebelum itu kolej-kolej di Pulau Pinang tidak diiktirafkan, dianaktirikan. Jadi Universiti Xiamen tidak didirikan di *Sister City* di Pulau Pinang. KDU di Pulau Pinang tidak diiktirafkan tetapi KDU di Damansara diiktirafkan. Inilah fakta, inilah yang betul. Ini betul ini yang berlaku tetapi syabaslah sekarang kita adalah di bawah Pakatan Harapan, Kerajaan Pakatan Harapan dan saya berkeyakinan impian yang saya katakan tadi akan direalisasikan (Ahli Dewan menepuk meja), sebab ia sangat penting ia bukan sahaja boleh mempromosikan pelancongan di Pulau Pinang ia juga akan meningkatkan pertumbuhan ekonomi Pulau Pinang. Ia juga akan memberi peluang, platform kepada pembekal Pendidikan Tempatan. Jika rombongan ini datang mereka boleh membuat *maybe* satu program ke atau apa-apa untuk pelajar dari Negeri China ini. Di sini saya juga nak katakan, bukan dari Negara China sahaja kita mahu kalau boleh dari seluruh negara yang mereka yang berminat datang ke Pulau Pinang.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, tenaga kerja Kerajaan Negeri dan pada keseluruhan Kerajaan Persekutuan tahniah kepada semua pejawat awam Negeri Pulau Pinang yang menjalankan tugas yang *professional* dan berintegriti. Semua penjawat awam juga menunjukkan prestasi yang cukup membanggakan dalam masa 10 tahun ini. Prestasi semua warga kerja cukup baik dimana masalah rakyat diberi keutamaan. Jabatan JPP dan JPS perlu diberi penghormatan kerana menjalankan tugas yang begitu baik semasa bencana alam seperti banjir kilat yang berlaku dari semasa ke semasa.

Saya selalu katakan, pegawai-pegawai seperti di JPP itu mereka yang bersihkan kawasan kita. Mereka yang turun ke longkang, masuk ke dalam parit untuk keluarkan sampah sarap. Merekalah *The Unsung Heroes*. Selalu penghormatan diberikan kepada mereka yang mengindahkan kawasan Pulau Pinang kita. Bagaimanapun saya masih sedikit bimbang terhadap *attitude* dan komitmen kakitangan kakitangan pejabat Kerajaan Negeri ataupun pejabat Kerajaan Persekutuan. Kalau dibandingkan dengan keadaan 10 tahun yang lalu memang ada banyak perubahan semasa dibawah Kerajaan Pakatan Harapan. Padahal, masa sekarang masih ada banyak ruang untuk meningkatkan tahap perkhidmatan kepada pelangan-pelangan. Saya berharap semua Jabatan Kerajaan Negeri akan mengambil inisiatif untuk meningkatkan lagi prestasi program perkembangan staff iaitu *staff development*.

Saya bercadang dua (2) bidang perlu dititikberatkan lagi iaitu perkhidmatan kaunter dan pengetahuan pekerja berkaitan jabatannya. Selalunya aduan daripada orang awam adalah mereka dirujuk dari satu jabatan ke jabatan yang lain dan akhirnya balik ke jabatan yang asal. Pekara yang sensitif yang saya rasa sangat penting adalah kenaikan pangkat pegawai. Sejak dahulu iaitu semasa pentadbiran Barisan Nasional, kenaikkan pangkat adalah mengikut kronisme Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mendahului dengan mengadakan panel kenaikan pangkat. Dan Sungai Pinang berharap jabatan jabatan lain akan mengikut mengunakan sistem merit sebagai jangka ukur misalnya Jabatan Pendidikan dan di sekolah sekolah.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, saya ingin sentuh sedikit tentang isu pelarian Rohingya. Sehingga Februari 2018 terdapat kira-kira 13,278 orang pelarian Rohingya yang berada di Pulau Pinang. Mengikut dasar sedia ada pelarian tidak dibenarkan bekerja secara formal. Adakah UNCHCR bertanggungjawab atas kehidupan harian dan kebajikan mereka? Jika mereka tidak dibenarkan bekerja. Saya bimbang akan peningkatan pelarian Rohingya yang tidak terkawal akan menimbulkan masalah kepada komuniti setempat sebab di kawasan Jelutong, di kawasan KADUN Sungai Pinang memang ada ramai Rohingya di mana mereka datang cuma dua (2) orang. Suami dan isteri sekarang ia sudah kembang banyak anak ada yang lima, enam satu keluarga sepuluh orang. Tidak terkawal, jadi masalah ini telah timbul saya tidak tahu siapa yang bertanggungjawab ke atas kehidupan mereka dan kebajikan mereka. Saya juga khuatir sama ada sebab peningkatan bilangan pelarian Rohingya yang tidak terkawal akan menimbulkan masalah ke komuniti setempat.

Di satu tempat di kawasan KADUN saya, kampung itu sebelum itu adalah diduduki oleh penduduk tempatan sebab ada sedang ada satu perancangan pemajuan diadakan. Jadi, penduduk telah ramai telah pindah keluar dan kampung ini dibanjiri oleh pelarian Rohingya dan yang masih tinggal di dalam itu penduduk tempatan yang masih tinggal di dalam kampung itu selalu membuat aduan dan saya rasa isu ini bukan sahaja mengancam keselamatan dan juga kehidupan harian penduduk setempat. Ia *involve* banyak, banyak masalah ia melibatkan isu-isu sosial masyarakat dan saya khuatir sama ada satu sistem *check and balance* disediakan untuk memastikan mereka mendapat bantuan UNHCR jika ada…(gangguan).

**Ahli kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Sungai Pinang. Sedikit sahaja. Berkenaan dengan Rohingya masalah ini bukan di Pulau Pinang sahaja, Badan Dalam pun banyak. Ada satu flat Seri Bagan penuh dengan mereka Rohingya. Yang saya menarik perhatian disini adalah bukan pelarian yang sebenarnya menghadapi keganasan di Myanmar itu. Tetapi, ada yang salah gunakan takrifan pelarian itu sendiri. Ada mereka yang bukan pelarian pun datang sini tetapi UNCHR seperti yang saya bangkitkan dalam sidang lepas, UNCHR terus mengeluarkan kad UNCHR tanpa satu proses ataupun mekanisma untuk memeriksa. Mereka *just* bagi dan paling mengejutkan saya apabila, dua (2) tahun lepas saya membawa seorang *intern* Al-Jazeera untuk temu ramah beberapa orang Rohingya di Perai.

Saya mendapati mereka juga terlibat dalam permerdagangan manusia di mana ada wanita-wanita daripada Myanmar yang muda 18 tahun, 19 tahun dibawa dan di simpan di *border* di sempadan Thailand dan lelaki Rohingya yang bekerja yang sudah berada duit pergi membeli wanita-wanita tersebut dan berkahwin dengan mereka. Isteri kedua, ketiga kerana mereka tidak ada, ada yang isteri lima (5), enam (6) pun ada sebab mereka tidak ada *marriage registration in* Malaysia.

*So*, ini memang berlaku lah dan kita tidak tahu apa sudah menjadi dengan sisatan dulu digempurkan tentang siasatan di Wang Kelian. Kem pemerdagangan manusia di Wang Kelian. Kita tidak tahu. Kerajaan lepas nampaknya sudah tutup kes tersebut, kita berharap dengan Malaysia Baharu ini, Kerajaan Malaysia Baru ini kita berharap kes tersebut akan dibongkarkan dan kita akan dapat tahu siapa lagi yang terlibat dalam pemerdagangan manusia yang begitu teruk sekali. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

YB. Sungai Pinang, *you* ada dua (2) minit sahaja. Tolong habiskan waktu sampai pukul 7.00 petang.

**Ahli kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):**

Ya, okey, okey. Terima kasih memang ini isu isu di komuniti…(ganguan), sambung esok. Sebab bila Bagan Dalam sentuh tentang pemerdagangan manusia dan perkahwinan. Saya dapat jawapan iaitu sebarang ke anak kelahiran Rohingya hasil perkahwinan sesama Rohingya atau dengan warga tempatan atau warga asing seperti Indonesia ianya perlu didaftarkan dengan Jabatan Pendaftaran Negara Pulau Pinang tetapi saya, angka yang saya dapat cuma sehingga Februari.

Soalan yang saya tanya ialah yang *latest* saya yang dapat angka adalah cuma sampai setakat Februari sahaja ialah seramai 13,278 orang pelarian Rohingya sebab ia ada kes-kes. Mereka ganggu kacau perempuan tempatan wanita tempatan, ada pergaduhan semua ini berlaku. Jadi ini adalah sebagai satu wakil rakyat kita perlu meluahkan masalah isu-isu yang telah bangkit di kawasan kita.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, saya kerap kali ditegur tapi ditegur oleh penduduk mengenai maksudnya lorong basikal kalau jika ini adalah satu lorong basikal tetapi ia selalu diguna pakai oleh pemandu motosikal seperti apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat yang lain bahawa laluan pejalan kaki dan juga digunapakai oleh pemandu motosikal yang berlumba-lumba di atas seperti di Persiaran Karpal Singh, Promenade Persiaran Karpal Singh di jambatan basikal di Persiaran Karpal Singh dan jadi saya berharap penguatkuasaan perlu diadakan bukan sahaja di lorang basikal ataupun Promenade Persiaran Karpal Singh sebab saya berpendapat bahawa Kerajaan Negeri perlu bekerjasama dengan pihak polis mengadakan lebih banyak program penguatkuasaan melalui pendidikan secara am untuk seluruh Negeri Pulau Pinang.

Saya ingin sentuh tentang kemudahan sukan di KADUN Sungai Pinang. Terima kasih, terima kasih kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang atas program “1 KADUN 1 Futsal”. Gelangang futsal telah dibina dan akan ditambah bumbung sedang di tambah bumbung dan gelangang keranjang berbumbung, bola keranjang yang berbumbung, gelangang bola keranjang berbumbung juga sedang dibina di Bandar Sri Pinang juga dan berita yang baru dalam ucapan bajet Ketua Menteri kita iaitu satu kompleks sukan bertaraf antarabangsa yang terdiri daripada 12 gelangang badminton dengan kos RM30 juta akan dibina di Bandar Sri Pinang lagi.

Jadi Sungai Pinang mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana menyediakan kemudahan sukan untuk rakyat jelata terutama anak-anak muda dan belia belia di Sungai Pinang tetapi saya juga mengalu-alukan kalau rakyat dari kawasan lain datang sekali semua kita bersukan dan saya mengalu-alukan RM4.10 juta yang akan disediakan oleh MBPP pada tahun 2019 untuk menaiktaraf Taman Rekreasi penanam pokok dan landskap bagi memberi kemudahan serta keselesaan kepada penduduk setempat untuk beriadah.

Jadi, selaras dengan Visi Penang 2030 bagi menjamin persekitaran hijau yang sihat dan mampan dan pembangunan yang mampan. Kita diberitahu bahawa sejumlah 618,980 pokok, batang pokok telah ditanam. Siapa kata tak ada pokok? Banyak pokok di Pulau Pinang. Dan kita akan tanam lagi, Kerajaan Negeri akan tanam lagi 100,000 pokok dalam tempoh 5 tahun yang akan datang (Ahli Dewan menepuk meja), syabas….(gangguan).

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Okey YB. Sungai Pinang. *You* boleh, YB. boleh sambung besok. Dan saya menangguhkan sidang hari ini dan Dewan akan bersidang besok pukul 9.30 pagi.

**Dewan ditangguhkan pada jam 7.05 malam.**